

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : PENDAPATAN PASIR KUMPULAN SEMESTA

63. Kerajaan Negeri menuahkan Kumpulan Semesta Sdn.Bhd. (KSSB) untuk menguruskan perniagaan pasir.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sehingga pertengahan tahun 2009, berapa jumlah pendapatan syarikat negeri iaitu Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) yang menjalankan aktiviti perniagaan pasir?

JAWAPAN :

- a) Mulai September 2008 [tarikh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd (KSSB) mula beroperasi] sehingga 31 Mei 2009, jumlah pendapatan KSSB adalah RM18.7 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PENGANIAYAAN ANJING DI PULAU KETAM

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah penjelasan dan langkah penyelesaian daripada Kerajaan Negeri berkenaan kes anjing yang telah ditangkap dan dihantar ke pulau terpencil berdekatan dengan Pulau Ketam beberapa bulan yang lalu?
 - Apakah status pelaksanaan cadangan yang dikemukakan dan diterima di sesi Dewan yang lalu mengenai pemberian kebajikan haiwan di semua PBT?

JAWAPAN :

- Anjing-anjing yang telah ditangkap oleh penduduk Pulau Ketam dan dihantar ke Pulau Selat Tengah dan sebahagian darinya telah pun dapat diselamatkan. NGO (Badan Bukan Kerajaan) seperti SPCA, FFF dan SAS telah memberikan bantuan dalam operasi menyelamat anjing-anjing ini. Anjing-anjing ini telah ditangkap dan dibawa balik oleh NGO untuk program 'rehome'.

Pihak kerajaan juga telah mengadakan kempen program kembiri atau pemandulan secara percuma kepada anjing-anjing liar di pulau ketam dan juga pada anjing yang mempunyai tuan. Program ini akan diteruskan pada masa akan datang. Walau bagaimanapun masih banyak lagi anjing-anjing liar yang terdapat di Pulau Ketam ini. Pihak kerajaan dengan kerjasama penduduk kampung akan meneruskan program kawalan anjing liar di Pulau Ketam.

JAWAPAN DARIPADA MPK

- Langkah-langkah yang telah di jalankan oleh pihak majlis bagi mengatasi masalah yang dihadapi itu ialah :
 - Pihak Majlis dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta tiga (3) Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu Society For The Prevention Of Cruelty To Animals (SPCA) , Furry Friends Farm dan Save A Stray (SAS) telah pergi ke pulau tersebut dan mendapati pulau terpencil yang terbabit ialah Pulau Selat Kering untuk membuat kerja-kerja menyelamat anjing-anjing yang telah dipindahkan itu.
 - Pihak NGO telah menyediakan makanan dan di hantar dan diletakan di beberapa lokasi di Pulau Selat Kering agar anjing-anjing yang telah dipindahkan itu mendapat makanan
 - Tindakan seterusnya yang telah dijalankan ialah operasi mencari dan menyelamat.

- iv) Anjing-anjing yang telah dipindahkan ke Pulau Selat Kering telah ditangkap semula dan diselamatkan
 - v) Anjing-anjing tersebut telah diberikan rawatan di Klinik Haiwan
 - vi) Setelah menerima rawatan anjing-anjing tersebut telah di bawa oleh pihak NGO terbabit di untuk diserahkan kepada individu yang berminat untuk mengambil anjing tersebut sebagai anjing peliharaan
- b) Bagi tujuan pemberian kebaikan haiwan, pihak Majlis telah mengambil langkah-langkah seperti berikut :
- i) Memperbaiki cara dan teknik menangkap anjing liar dengan menggunakan tali (LOOP)
 - ii) Anjing Liar yang ditangkap disimpan di Pusat Kurungan Haiwan Sementara di Bandar Sultan Sulaiman, Pelabuhan Klang.
 - iii) Anjing liar yang bermasalah seperti sakit dan tidak bersih akan disuntik oleh seorang Pegawai Veterinar
 - iv) Anjing yang telah disuntik kemudian nya di bawa untuk dilupuskan di Pusat Pelupusan Jeram
 - v) Cara melupuskan anjing tersebut ialah dengan cara di tanam

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : SEKOLAH MENENGAH AGAMA VOKASIONAL

65. Semasa mengumumkan kenaikan guru agama KAFA Selangor pada awal November 2008, YAB Dato' Menteri Besar Selangor mencadangkan agar didirikan Sekolah Menengah Agama vokasional di negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar

- Sejauh manakah tindakan bagi mendirikan Sekolah Menengah Agama Vokasional ini telah diambil?
- Berapa buah sekolah sedemikian dijangka didirikan pada peringkat permulaan?
- Adakah sebarang kerjasama diharapkan dari Kementerian Pelajaran Persekutuan?

JAWAPAN :

a) Pada masa kini JAIS telah menyiapkan kertas konsep penubuhan SMAT/V. Ringkasan kertas konsep tersebut adalah seperti berikut:

1. KURSUS- KURSUS YANG AKAN DITAWARKAN

- Kejuruteraan Elektrik
- Kejuruteraan Mekanikal
- Kejuruteraan Awam
- Perdagangan
 - (a) Pengajian Keusahawan
 - (b) Prinsip Akaun
- Ekonomi Rumah Tangga
 - (a) Komponen Pengurusan Makanan
 - (b) Komponen Pengajian Pakaian
- Sains Pertanian
 - (a) Pengajian Agroteknologi
 - (b) Sains Pertanian

2. TARIKH PENUBUHAN SEKOLAH SMAT/V

Dicadangkan penubuhannya pada tahun 2011

3. CADANGAN LOKASI

| Bil | Daerah | Tempat | Keluasan Tanah sedia ada |
|-----|----------------|-------------|--------------------------|
| 1 | Kuala Selangor | Puncak Alam | 9 ekar |

4. IMPLIKASI KEWANGAN

Kos asas untuk membina dan menubuhkan SMAT/V dianggarkan berjumlah RM35,250,000.00 (TIGA PULUH LIMA JUTA DUA RATUS LIMA PULUH RIBU)

| Bil | Perkara | Jumlah | Kos (RM) |
|---------------------|---|--|----------------------|
| 1 | Cadangan membina bangunan sekolah (bangunan akademik dan pentadbiran) | 2 blok 24 bilik darjah | 7,000,000.00 |
| 2 | Cadangan membina bangunan bengkel teknik | 6 buah bengkel | 5,000,000.00 |
| 3 | Cadangan membina bangunan asrama | 4 blok Putera dan puteri (400 P/ 400L) | 5,000,000.00 |
| 4 | Cadangan membina bangunan dewan makan | 2 blok Putera dan puteri | 3,000,000.00 |
| 5 | Cadangan membina bangunan surau | 1 blok | 1,500,000.00 |
| 6 | Cadangan membina pusat kegiatan kokurikulum | Gelanggang i. bola sepak ii. sepak takraw iii. bola tampar iv. tenis v. bola keranjang vi. bola jaring | 1,000,000.00 |
| 7 | Cadangan membina bangunan kantin | 1 blok | 750,000.00 |
| 8 | Cadangan membina dewan perhimpunan | 1 blok | 1,500,000.00 |
| 9 | Cadangan membina kuarters kaki tangan | Mengikut gred | 2,500,000.00 |
| 10 | Cadangan membekal perabot sekolah | secukupnya | 1,000,000.00 |
| 11 | Cadangan membekal peralatan teknik | secukupnya | 7,000,000.00 |
| JUMLAH BAJET | | | 35,250,000.00 |

5. KURIKULUM

SMAT/V akan melaksanakan integrasi kurikulum berikut :

- 5.1 Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dan Teknik sebanyak 70% dalam pengajaran dan pembelajaran.
 - 5.2 Kurikulum Pendidikan Islam JAIS sebanyak 30% dalam pengajaran dan pembelajaran.
 - 5.3 Kurikulum Al-Quran. Pelajar-pelajar diwajibkan menguasai dan menghafal Juzuk Amma.
- b) Dicadangkan sebuah sekolah SMAT/V sahaja pada peringkat permulaan.
- c) Kerjasama semua pihak adalah amat diperlukan termasuk khususnya dari KPM dalam perkara berikut :
- i. Khidmat Nasihat
 - ii. Bantuan Kurikulum
 - iii. Bantuan Tenaga Guru

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : MASALAH BANJIR DAN PENCEMARAN SUNGAI

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah usaha yang dilakukan Kerajaan Negeri setakat ini dalam menangani masalah banjir dan pencemaran sungai di Lembah Klang yang dilihat perlu diberi perhatian yang serius terutamanya Sungai Klang.

JAWAPAN :

- a) Pihak kerajaan telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menangani masalah banjir dan pencemaran sungai dengan melaksanakan pelbagai kajian semenjak tahun 1988. Antara kajian yang telah dilaksanakan adalah "Study on Flood Mitigation of the Klang River Basin" bersama Japan Internasional Cooperation Agency pada tahun 1988, Program 10 tahun pembersihan Sungai Klang oleh Urusetia Lembah Klang, Jabatan Perdana Menteri dan Program 4 tahun pembersihan Sungai Klang .Pemantauan yang dilaksanakan secara berperingkat telah dapat mengurangkan pencemaran sungai. Program pembersihan sungai sememangnya memerlukan tempoh masa yang agak lama. Sebagai contoh, negara maju seperti Singapura pun memerlukan tempoh kira-kira lebih 10 tahun untuk memulih dan memelihara air Sungai Kallang di negara tersebut.

Hasil daripada kajian yang dilaksanakan pelbagai langkah - langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memelihara Sungai Klang seperti berikut:

- i. Unit bergerak untuk mengutip, mengumpul kelodak dan membuang sampah sarap.
- ii. Mengenal pasti tempat membina perangkap sampah sarap, sistem saliran utama dan anak - anak sungai sepanjang Sungai Klang.
- iii. Membina lain - lain infrastruktur perangkap sampah

Program pemulihan dan pemeliharaan Sungai Klang memerlukan penglibatan bersepada pelbagai pihak dan memerlukan perbelanjaan yang tinggi serta mengikut tempoh masa untuk dirancang. Usaha tersebut masih dijalankan sejak tahun 1988 sehingga kini dengan anggaran kos yang sangat terhad. Secara perbandingan, program pemuliharaan Sungai Kallang di Singapura yang melibatkan perbelanjaan berjumlah SGD 200 juta (RM 568 juta). Sehingga kini usaha pemulihan dan pemeliharaan Sungai Klang masih lagi dijalankan secara bersepada dengan semua *stakeholder*.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN
(DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : FENOMENA JEREBU DAN WABAK H1N1

67. Fenomena jerebu dan wabak H1N1 sedang melanda Negeri Selangor. Yang membimbangkan ialah kesan khasnya kepada industri pelancongan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menangani kesan buruknya kepada industri pelancongan ?

JAWAPAN :

- a) Bagi menangani kesan fenomena jerebu ke atas industri pelancongan, pihak Kerajaan sentiasa berusaha mengambil tindakan bagi memastikan aktiviti pembakaran terbuka dilakukan di dalam negara terkawal dengan mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan terutama semasa cuaca panas dan kering. Pihak yang didapati sengaja melakukan aktiviti pembakaran terbuka akan diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Jabatan Alam Sekitar juga menjalankan pengawasan kualiti udara bagi mengesan sebarang perubahan kepada kualiti udara untuk membolehkan tindakan susulan yang bersesuaian dapat diambil.

Dari aspek Kementerian Kesihatan, semua aktiviti pencegahan dan kawalan A H1N1 telah dan sedang dilaksanakan di seluruh negara bagi mengurangkan kadar jangkitan serta penularan tempatan secara langsung. Secara tidak langsung ini juga dapat mengurangkan implikasi terhadap sektor pelancongan.

Jabatan Kesihatan Negeri juga memantau impak jerebu terhadap kesihatan orang ramai di Negeri Selangor.

- 1) Mengadakan pemantauan penyakit-penyakit yang berhubung kait dengan jerebu iaitu :
 - i. Asma
 - ii. Sakit mata/ konjunktivitis
 - iii. Jangkitan salur pernafasan (upper respiratory tract infection) di klinik-klinik di Negeri Selangor.
- 2) Memberi pendidikan kesihatan kepada orang ramai yang datang ke klinik mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bagi mencegah impak kesihatan akibat jerebu melalui ceramah dan bahan cetak yang disediakan oleh KKM.
- 3) Memastikan bekalan ubat-ubatan yang perlu mencukupi semasa jerebu.
- 4) Membekalkan 'mask' kepada pesakit yang berisiko tinggi jika perlu.

JAWAPAN DARIPADA JABATAN KESIHATAN

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kesihatan Negeri telah melaksanakan semua aktiviti pencegahan dan kawalan seperti yang telah digariskan dalam Pelan Kesiapsiagaan Kebangsaan Pandemik Influenza (National Influenza Pandemic Preparedness Plan). Sementara itu, Jabatan Kesihatan Negeri juga memantau penyakit-penyakit yang dikaitkan dengan jerebu seperti asma, konjungtivitis, dan jangkitan salur pernafasan di semua klinik kesihatan, pendidikan kesihatan, memastikan bekalan ubat mencukupi dan membekalkan topeng muka kepada pesakit berisiko jika diperlukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : URUSTADBIR BERWIBAWA

68. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah rasional YAB Menteri Besar terus mengekalkan YB Tuan Ronnie Liew dan YB Cik Elizabeth Wong sebagai Ahli Exco sedangkan kedua-dua mereka sedang menghadapi pertuduhan di mahkamah dan perlakuan lucu secara sukarela?
- b) Nyatakan status kes rasuah YAB Menteri besar yang di lapor kepada SPRM berhubung perbelanjaan pembelian lembu korban dan penyelenggaraan kereta Lexus milik YAB Menteri Besar?
- c) Apakah pengisytiharan harta yang dibuat ahli-ahli mesyuarat kerajaan Negeri Selangor mengambil kira semua bentuk harta yang dimiliki termasuk bersama rakan kongsi yang mereka miliki?
- d) Senaraikan jumlah peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri untuk setiap Ahli Parlimen Pakatan Rakyat di Negeri Selangor bagi tahun 2008 dan 2009?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melihat YB Elizabeth menjadi mangsa tindakan yang menceroboh hak peribadinya. Kekesalan ini juga diluahkan DYMM Tuanku. Pada masa yang sama kita juga prihatin isu moral dan sekiranya sebarang bukti yang kukuh, Kerajaan Negeri tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadapnya.
- b) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Jun 2009 telah menolak soalan ini.**
- c) Sepertimana yang telah dimaklumkan pengisytiharan harta oleh ahli MMKN yang sedia digunakan melibatkan semua aset yang diperoleh mereka dalam bentuk kewangan (seperti pendapatan bulanan, dividen, saham) atau harta (seperti rumah, kereta dan lain-lain) dari 8 Mac 2008 – iaitu tarikh pelantikan jawatan MMKN. Ini adalah kerana tujuan pengisytiharan harta adalah untuk memastikan ahli MMKN tidak menggunakan kuasa mereka untuk memperoleh aset.

Walau bagaimanapun, sebagai kerajaan yang mengutamakan ketelusan dan bertanggung jawaban, Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk memperbaiki kaedah pengisytiharan harta dan sedang meneliti semua pelbagai kaedah yang diguna pakai oleh negara-negara maju. Apabila kaedah yang baharu telah dikenal pasti, satu pengumuman akan dibuat dengan kadar segera.

Pengisytiharan harta senaraikan harta milik ahli MMKN sendiri, bersama keluarga terdekat (immediate family) iaitu suami/isteri dan anak sampai umur 18 tahun dan tidak mengambil kira harta yang dimiliki oleh rakan kongsi.

- d) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Jun 2009 telah menolak soalan ini.**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPDA
Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : ALAM SEKITAR

69. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap syarikat pengeluaran pasir di Jalan Sungai Tekali, Hulu Langat yang melepaskan air kelodak tanah merah berlumpur ke Sungai Tekali dan seterusnya masuk ke Sungai Langat. Air sungai ini telah tercemar dan ekosistemnya telah rosak akibat kelodak lumpur tersebut?
- b) Adakah syarikat pengeluar pasir ini mempunyai permit mengeluarkan pasir?

JAWAPAN :

- a) Mekanisme yang dijalankan oleh LUAS.

Pihak LUAS sebagai agensi setempat dalam pengurusan sumber air, lembangan sungai dan perairan pantai Negeri Selangor menjalankan pemantauan punca pencemaran melalui Pasukan Petugas Mengawal Pencemaran Sungai Langat yang dipengerusikan oleh Pengarah LUAS dan Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B Dato' Dr. Hasan Bin Mohamed Ali. Pendekatan yang digunakan ialah secara holistik dan bersepada antara pihak LUAS dan semua jabatan/agensi yang berkaitan dalam penyelesaian sesuatu isu pencemaran.

Dalam isu ini, Unit Penguatkuasaan LUAS telah mengeluarkan Notis Pemberitahuan Kesalahan di bawah Seksyen 43, Enakmen LUAS 1999 iaitu melakukan aktiviti pengubahan sumber tanpa kebenaran daripada Pengarah LUAS (No. Siri:000415) dan di bawah Seksyen 79, Enakmen LUAS 1999 iaitu melakukan pencemaran ke atas Sungai Tekali (No. Siri: 000416).

Di atas kesalahan tersebut tetuan Autocell Machinery dikehendaki melakukan kerja-kerja penyelenggaraan kolam perangkap kelodak dan seterusnya menghentikan aktiviti pengambilan serta pengeluaran pasir yang telah mencemarkan Sungai Tekali.

Pihak LUAS akan memantau lokasi ini dari masa ke semasa bagi memastikan pengusaha mematuhi Notis yang telah diberikan.

- b) Sehingga kini, PTD Hulu Langat tidak mengeluarkan sebarang permit kepada mana-mana pihak untuk mengeluarkan pasir ke atas tanah hak milik di kawasan berkenaan selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri yang telah menamatkan pengeluaran permit pasir mulai 30 Jun 2008.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK : GRANT PERUNTUKAN KEMAHIRAN

70. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor :

- a) Kerajaan Negeri pernah menyatakan peruntukan *grant* kemahiran belia. Ke manakah peruntukan ini akan disalurkan?

JAWAPAN :

- a) Belia merupakan aset yang paling berharga di dalam memaju dan membangunkan negeri Selangor. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah memberi peruntukan geran kepada program-program kemahiran belia untuk meningkatkan tahap kemahiran para belia Negeri Selangor. Tujuan program kemahiran ini diadakan adalah bagi memenuhi kehendak pasaran untuk mendapatkan tenaga kerja separuh atau penuh mahir seterusnya dapat menangani masalah pengangguran khususnya.

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM 2 juta kepada INPENS bagi melaksanakan Program Pembangunan Insan Kemahiran Teknikal kepada para belia yang berminat. Selain daripada itu, Yayasan Selangor juga dipilih sebagai pelaksana bagi program Pembangunan Belia bagi tujuan membangunkan belia di negeri Selangor. Pada tahun ini, Yayasan Selangor telah membangunkan lebih daripada 900 belia dengan memfokuskan tiga kategori iaitu akademik serta kemahiran, keusahawanan dan kerjaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : PENGAWALAN PEMBAKARAN SECARA TERBUKA

71. Usaha kerajaan dalam mengawal pembakaran secara terbuka di Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam mengawal pembakaran secara terbuka sejak tahun 2008?
- b) Sila maklumkan jumlah kes-kes pembakaran secara terbuka mengikut daerah mulai Jan 2008 hingga Jun 2009.
- c) Sila nyatakan sebab-sebab pembakaran secara terbuka tidak dapat dikawal.

JAWAPAN :

- a) Pihak Kerajaan sentiasa berusaha untuk menangani isu pembakaran terbuka dengan melaksanakan berbagai cara seperti berikut:
 - i. Mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Bomba;
 - ii. Menjalankan program pemantauan dan rondaan darat oleh Jabatan Alam Sekitar ke atas kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlaku pembakaran seperti tapak-tapak projek pembinaan, kawasan pertanian, tapak pelupusan sampah dan kawasan gambut. Program pemantauan ini turut dilaksanakan melalui penerbangan udara dengan kerjasama Unit Udara Polis dan penerbangan pihak swasta untuk membuat pengesahan awal bagi mengelakkan kebakaran dari merebak;
 - iii. Melaksanakan langkah pencegahan pembakaran terbuka terutama di kawasan tanah gambut dengan melaksanakan "water management system" melalui pembinaan "check dam" dan pembinaan pintu air di kawasan tersebut supaya kebakaran dapat dikawal dan dikurangkan; dan
 - iv. Mempertingkatkan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar terutama kepada sektor industri, pemaju projek pembinaan, para tani dan orang awam bagi memastikan semua pihak terlibat memberi kerjasama dalam usaha-usaha penjagaan alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka.

b)

**JUMLAH KES - KES PEMBAKARAN TERBUKA MENGIKUT
DAERAH MULAI JANUARI - JUN 2009**

| | JAN | FEB | MAC | APRIL | MEI | JUN | JUMLAH |
|----------------|-----|-----|-----|-------|-----|-----|--------|
| Gombak | 15 | 22 | 14 | 13 | 9 | 8 | 81 |
| Hulu Langat | 21 | 14 | 9 | 11 | 29 | 17 | 101 |
| Hulu Selangor | 3 | 1 | 0 | 3 | 2 | 2 | 11 |
| Klang | 8 | 15 | 10 | 16 | 36 | 5 | 90 |
| Kuala Langat | 6 | 3 | 1 | 0 | 5 | 4 | 19 |
| Kuala Selangor | 1 | 0 | 1 | 0 | 5 | 4 | 11 |
| Petaling | 26 | 26 | 28 | 41 | 22 | 13 | 156 |
| Sabak Bernam | 1 | 0 | 0 | 1 | 2 | 1 | 5 |
| Sepang | 2 | 2 | 0 | 1 | 8 | 9 | 22 |
| JUMLAH | 83 | 83 | 63 | 86 | 118 | 63 | 496 |

JUMLAH KES - KES PEMBAKARAN TERBUKA MENGIKUT DAERAH TAHUN 2008

| | JAN | FEB | MAC | APRIL | MEI | JUN | JULAI | OGOS | SEPT | OKT | NOV | DIS | JUMLAH |
|----------------|-----|-----|-----|-------|-----|-----|-------|------|------|-----|-----|-----|--------|
| Gombak | 0 | 0 | 1 | 3 | 5 | 5 | 8 | 5 | 5 | 0 | 5 | 16 | 53 |
| Hulu Langat | 2 | 10 | 2 | 3 | 17 | 14 | 12 | 22 | 8 | 8 | 16 | 4 | 118 |
| Hulu Selangor | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 2 | 1 | 5 | 0 | 1 | 0 | 0 | 12 |
| Klang | 8 | 20 | 3 | 12 | 49 | 8 | 17 | 17 | 8 | 9 | 15 | 7 | 173 |
| Kuala Langat | 1 | 6 | 1 | 0 | 0 | 0 | 2 | 1 | 1 | 1 | 4 | 0 | 17 |
| Kuala Selangor | 0 | 3 | 2 | 1 | 3 | 3 | 1 | 3 | 1 | 1 | 1 | 1 | 20 |
| Petaling | 11 | 27 | 13 | 13 | 25 | 13 | 49 | 34 | 16 | 8 | 18 | 29 | 256 |
| Sabak Bernam | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 |
| Sepang | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 2 | 3 | 3 | 1 | 2 | 1 | 0 | 14 |
| Luar Selangor | 1 | 2 | 3 | 0 | 0 | 0 | 1 | 2 | 0 | 0 | 1 | 3 | 13 |
| JUMLAH | 23 | 71 | 25 | 33 | 101 | 47 | 95 | 92 | 40 | 30 | 61 | 60 | 678 |

- c) Antara sebab pembakaran terbuka sukar dikawal adalah seperti berikut:
- i. cuaca panas dan kering;
 - ii. melibatkan pembakaran di kawasan tanah gambut yang melibatkan keluasan yang besar dan api mudah merebak;
 - iii. merupakan amalan pertanian sejak turun temurun dan mengambil masa yang lama untuk diubah;
 - iv. kaedah yang murah dan cepat bagi pengurusan pelupusan buangan sisa pepejal dan biomas; dan
 - v. kesukaran mendapatkan sumber air dan akses jalan masuk bagi kerja-kerja pemadaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : SUKAN

72. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam melahirkan bakat-bakat baru dan memperkasakan sukan negeri.
 - Siapakah yang dipertanggungjawabkan dalam pengurusan badminton di negeri Selangor dan apakah perancangan dalam melahirkan bakat-bakat baru sukan badminton.

JAWAPAN :

- Dalam memperkasakan sukan di negeri Selangor, kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor sentiasa peka atas perkara tersebut dan telah merangka langkah-langkah perancangan pembangunan sukan strategik yang dibahagikan kepada dua segmen, iaitu perancangan strategik jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Perancangan jangka masa pendek yang dimaksudkan adalah untuk menyediakan satu kontinjen yang mantap ke SUKMA 2010. Ini adalah hasil daripada persediaan dari perancangan jangka masa panjang yang lalu manakala perancangan strategik jangka masa panjang, objektif utama adalah untuk melahirkan lebih banyak atlet dan bakat baru agar isu ketandusan atlit tidak berlaku. Ini akan dilaksanakan melalui pendekatan-pendekatan seperti berikut :

- Mengenal pasti dan agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan sukan di negeri ini dan seterusnya menyelaras dan mengkoordinasi program-program sedia ada agar segala "resources" dapat digunakan dengan lebih efisien.
- Melaksanakan model pembangunan sukan di negeri ini agar semua agensi terlibat dan atlet-atlet dapat mengenal pasti hala tuju mereka dalam sukan.
- Merancang dan melaksanakan program "Majlis Sukan Daerah-daerah" yang lebih mantap dan efisien agar pembangunan sukan di akar-umbi dapat diaplikasikan dengan lebih menyeluruh dan kompetitif.
- Pembangunan Persatuan-persatuan Sukan di peringkat negeri juga adalah satu aspek yang penting dan pihak MSNS sentiasa memberi bantuan dari segi kewangan dan teknikal untuk mereka melahirkan lebih banyak atlit-atlit baru.

- b) Pengurusan sukan badminton di peringkat negeri adalah di bawah tanggungjawab Persatuan Badminton Selangor (SBA) yang merupakan ahli gabungan Majlis Sukan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, pada ketika ini SBA sedang mengalami pergolakan dalaman berkaitan isu kesihihan jawatankuasanya. Perkara ini sedang diteliti oleh pihak Pesuruhjaya Sukan Negara dan tiada sebarang kata putus atau keputusan rasmi buat masa kini. Memandangkan proses ini akan mengambil masa yang lama, pihak Majlis Sukan Negeri Selangor masih program pembangunan sukan badminton sejak awal tahun ini melalui program PELAPIS, iaitu bersama Majlis Sukan Negara dan dipantau terus oleh pihak Majlis Sukan Negeri Selangor.

Atlet-atlet yang telah dikenal pasti bakat dan kebolehan mereka akan dilatih oleh jurulatih yang berkelayakan. Di samping itu, atlet yang telah menunjukkan pencapaian yang menggalakkan akan diserapkan ke Sekolah Sukan sama ada Sekolah Sukan Bukit Jalil / Sekolah Sukan Bandar Penawar / Sekolah Sukan Negeri Selangor untuk mengikuti program yang lebih saintifik dan sistematik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : SISTEM KOMUNIKASI JALUR LEBAR DAN PERANCANGA PEMBANGUNAN
SEIMBANG PELABUHAN KLANG**

73. Selain industri perkapalan dan pelabuhan sebagai pintu masuk utama negara, Pelabuhan Klang juga sesuai dimajukan sebagai kawasan di mana sistem komunikasi jalur lebar diperluaskan untuk tarikan kepada peniaga dan usahawan yang terlibat dalam aktiviti import dan ekspor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- Adakah Kerajaan Negeri membuat pelaburan ke atas sistem ICT dan komunikasi untuk jaringan hubungan yang lebih maju, hebat dan pesat?
- Apakah usaha dan pembangunan mapan yang seimbang di dalam perancangan Kerajaan untuk menjadikan Pelabuhan Klang kawasan yang maju serta berdaya saing kerana kawasan ini terkenal dengan industri perkapalan serta pelabuhan utama negara?

JAWAPAN :

- Ya Kerajaan Negeri akan menganjurkan penyediaan infrastruktur HyWIN di mana seluruh kawasan di Negeri Selangor termasuk di Pelabuhan Klang akan menerima manfaat capaian internet jalur lebar tanpa wayar (*wireless*).
- Kajian RKK (Rancangan Kawasan Khas) Bandar Pelabuhan Klang telah disediakan pada tahun 2006 dengan kerjasama daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor dan Majlis Perbandaran Klang untuk memandu perlaksanaan pembangunan sehingga tahun 2020.
 - Isu/masalah dan juga potensi (rujuk draf Ringkasan Eksekutif yang dilampirkan) telah dikenal pasti. Anggaran kos perlaksanaan juga telah di buat.
 - Kerjasama pemilik tanah dan bangunan juga diperlukan untuk pemberian menyeluruh.

Empat kriteria utama yang perlu diberi tumpuan :

- Struktur Bandar (guna tanah)
- Sistem pengangkutan
- Sistem saliran (isu banjir)
- Imej Bandar dan kualiti persekitaran

KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN

struktur bandar

Konsep

Pembangunan guna tanah yang teratur, tidak menimbulkan konflik dan masalah kacau ganggu yang serius.

Strategi

- Guna tanah dan intensiti pembangunan yang sistematis, bersesuaian dan efisien.
- Aktiviti perdagangan dan perkhidmatan bertumpu di pertengahan kawasan bandar.
- Kawasan industri diletakkan berdekatan kawasan pelabuhan untuk menyokong aktiviti pelabuhan.

sistem pengangkutan

Konsep

Sistem pengangkutan yang bersesuaian dengan kategori guna tanah serta mempunyai kebolehsampaian yang baik.

Strategi

- Sistem rangkaian dan hierarki jalan yang sistematis dan jelas.
- Kawasan lalulintas trafik yang efisien dengan mengalihkan laluan kendaraan berat.
- Sistem pengangkutan awam yang berintegrasi, cekap dan selesa.

matlamat

Merancang dan memajukan pembangunan Bandar Pelabuhan Klang berdasarkan prinsip-prinsip yang berterusan, hidup dan mampan serta berorientasi pada masa depan.


sistem saliran

Konsep

Sistem saliran yang efisien untuk meningkatkan kualiti persekitaran dan kualiti hidup bandar.

Strategi

- Sistem saliran yang berupaya menangani masalah banjir.
- Bersesuaian dengan topografi dan keadaan semulajadi kawasan.
- Bersesuaian dengan keadaan pembangunan semasa serta cadangan pembangunan masa depan.



imej bandar dan kualiti persekitaran

Konsep

Mengeksplorasi keunikan kawasan pelabuhan, pesisiran laut dan bandar pelabuhan lama sebagai kawasan tarikan yang mesra pengunjung.

Strategi


- Rupabentuk bandar dan skala pembangunan disesuaikan dengan elemen fungsi, aktiviti, kualiti visual, keseragaman dan keseimbangan.
- Meningkatkan kualiti kawasan yang mempunyai ciri-ciri unik / istimewa serta 'sense of place' dengan memelihara ciri-ciri asal dan semulajadi.
- Mesra pengunjung dengan menyediakan ruang awam dan rakaian pejalan kaki yang bersambung, selamat dan selesa.

ISU PERANCANGAN

Masalah Penyediaan Kemudahan Awam

- Kurang kemudahan awam seperti kawasan lapang dan rekreasi.
 - Kurang kemudahsampaian ke kemudahan awam sediada.
 - Kemudahan awam sediada kurang memuaskan.
- 


Kualiti Persekutaran di Kawasan Pinggir Laut

- Kualiti persekitaran yang buruk akibat pembuangan sampah dan mendekati Sungai Klang.
 - Tahap kemudahsampaian dan aktiviti yang terhad di kawasan pinggir laut disebabkan aktiviti pelabuhan.
- 

Tanah Terbuka dan Bangunan Usang

- Jumlah tanah terbuka yang luas di sekitar kawasan pelabuhan mendemaskan kualiti visual pemandangan persekitaran Bandar.
- 

Pembangunan Gunabank

- Pembangunan yang tidak teratur akibat dari percampuran dunia industri, pemukiman dan perniagaan. Keadaan ini menyebabkan kesesakan lalulintas, tank, pergerakan kendaraan berat di kawasan perumahan, pencemaran alam sekitar dan kerosakan kualiti hidup penduduk.
- 

Gangguan di Kawasan Perumahan

- Aktiviti perindustrian dan perfetakan kendaraan berat di kawasan menjejaskan keselesaan, keselamatan dan kesihatan rumahan.

Kekurangan Kemudahan di Stesen Komuter

- Kurang kemudahan tempat letak kereta serta laluan keluar masuk yang kurang memuaskan di stesen komuter Jalan Kastam.

Kemerosotan Kualiti Pusat Bandar

- Kemerosotan kualiti persekitaran khususnya kebersihan dan kekemasan;
- Kurang elemen lanskap serta perabot yang tidak teratur;
- Kurang tempat letak kendaraan termasuk kenderaan sokongan lain; dan
- Perniagaan keluar aktiviti perniagaan dalam ke kawasan pembangunan baru.

Bangunan Usang dan Terbiar

- Kedudukan lebuhraya bertingkat yang terlalu banyak dengan rumah kedai sediada menyebabkan perniagaan di bangunan tersebut merosot dan menjadi usang.
 - Bangunan yang usang dan terbiar menyebabkan kualiti persekitaran menjadi semakin merosot.
- 

Pengurusan Lalulintas Yang Kurang Berkesan

- Hierarki jalan kurang jelas menyebabkan kendaraan memasuki ke laluan yang mempunyai kapasiti yang terhad.
 - Kesesakan lalulintas disebabkan kendaraan berat melalui pusat bandar dan ini membahayakan keselamatan pengguna jalan.
 - Bentuk persimpangan jalan kurang teratur dan terdapat simpang jalan yang tidak sejajar.
- 

Masalah Banjir

- Banjir kilat disebabkan oleh air pasang besar, hujan lebat serta sistem perparitan yang usang dan kurang berkesan. Perbezaan maksima di antara had air pasang dan surut ialah 6.1 meter (20 kaki).

Kualiti Persekutaran di Sungai Aur

- Pencemaran sungai serta bau busuk kerana sisa/aktiviti perindustrian, aktiviti pembangunan serta pembuangan sampah ke Sungai Aur.
- 

POTENSI KAWASAN

Pusat Komuniti dan Rekreasi

- Kawasan lapang dan dewan sukan sediada berpotensi dibangunkan sebagai pusat komuniti dan rekreasi.
- Mempunyai kawasan yang luas dan berpotensi diintegrasikan dengan kawasan perumahan sediada.

Jalan Intra-Bandar Baru

- Laluan jalan baru ini berpotensi untuk meningkatkan sistem lalulintas dan tahap kemudahsampaian ke kawasan Waterfront.

Terminal Pengangkutan Awam

- Mengintegrasikan stesen komuter dan jeti sediada untuk pembangunan sebuah terminal pengangkutan awam bersepadu dengan kemudahan terminal bas, teksi dan tempat letak kereta awam.



Kawasan Pembangunan Waterfront

- Berpotensi dibangunkan sebagai pusat pelancongan dengan promenade pinggir laut, zon bebas cukai, restoran, muzeum, aktiviti rekreasi maritim dan sebagainya bagi meningkatkan imej 'Bandar Pelabuhan'.




Kawasan Pelabuhan (South Point)

- Berpotensi untuk pembangunan ekonomi dan menjanjikan peluang pekerjaan dengan menaiktaraf kemudahan pelabuhan yang sediada serta menambah aktiviti yang berkaitan.



Kawasan Pembangunan Riverfront

- Berpotensi dibangunkan sebagai pembangunan bercampur kerana terletak di tepi Sungai Aur yang mempunyai pemandangan indah iaitu hutan paya bakau serta jambatan keretapi dengan rekabentuk yang unik.



Kemudahan Stesen Komuter

- Berpotensi dibangunkan sebagai stesen bersama dengan kemudahan park & ride yang diintegrasi dengan cadangan stesen transit aliran ringan yang baru.

Laluan Pejalan Kaki

- Rangkaian jalan yang sediada berpotensi digunakan sebagai laluan pejalan kaki yang dilengkapi dengan kemudahan perabot jalan dan lanskap menghubungkan kawasan perumahan dengan kawasan perdagangan, perkhidmatan serta kemudahan awam.

Imej Pusat Bandar

- Deretan rumah kedai tradisional di Persiaran Raja Muda Musa berpotensi diperbaharui sebagai zon warisan dengan imej bandar pelabuhan yang asal, serta koridor membeli-belah.
- Lebih tumpuan kepada imej waterfront / riverfront daripada pemeliharaan



Pembangunan Semula Jalan Kem

- Dibangunkan semula sebagai kawasan perniagaan yang dilengkapi dengan kemudahan untuk menyokong aktiviti perniagaan di pusat Bandar.



Pembangunan Baru di Kawasan Tanah Kosong

- Berpotensi dimajukan secara terancang sebagai usaha pembaharuan semula bandar secara bersepadu.



Jalan Agihon Utama Yang Baru

Penyediaan jalan utama yang baru dari Persiaran Raja Muda Musa ke lebuhraya bertingkat untuk:

- Mengurangkan pergerakan lalulintas dari mela pos pusat bandar;
- Mengurangkan kesesakan lalulintas trafik di dalam bandar; dan
- Mengalihkan laluan/pergerakan kendaraan berat di masuk ke pusat Bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN SHUHAIMI HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PEMBAKARAN TERBUKA

74. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang telah, sedang dan bakal diambil pada mereka yang membakar tanah mereka dan tanah orang lain bagi tujuan pertanian yang menyumbang kesan jerebu hampir setiap bulan
- b) Bagaimanakah perancangan kerajaan untuk mengatasi masalah pembakaran tanah pertanian oleh pendatang asing yang didalangi oleh rakyat tempatan seperti berlaku di Kampung Johan Setia, Klang?
- c) Bilakah pengambilan balik tanah oleh Kerajaan Negeri akan dimulakan dari pemilik tanah yang ingkar melakukan salah guna tanah ini dan berapa luas anggaran kawasan yang terlibat?

JAWAPAN :

- a) Pihak Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Daerah sedang mendapatkan ceraian rasmi untuk mengenal pasti pemilik tanah yang terlibat bagi mengambil tindakan undang-undang ke atas pemilik tanah tersebut mengikut peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Di samping pendekatan undang-undang Jabatan Alam Sekitar juga melaksanakan program kesedaran untuk mengubah amalan pertanian secara pembakaran terbuka.
- b) Pihak Majlis Perbandaran Klang telah mengambil tindakan dengan menjalankan pemantauan dan rondaan setiap hari terutama di tanah pertanian Kg. Johan Setia termasuk pada hari Sabtu dan Ahad. Pihak Majlis Perbandaran Klang juga melalui Pasukan Pemantauan Pembakaran Terbuka Kg. Johan Setia sentiasa bekerjasama dan segera melaporkan kepada agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat sekiranya berlaku kebakaran di kawasan tersebut. Selain itu, nasihat dan teguran diberikan kepada pemilik tanah, pengusaha dan pekerja agar tidak melakukan pembakaran secara terbuka dan boleh memudaratkan orang ramai serta berlakunya pencemaran udara.

Maklumat Tambahan

1. Pihak Majlis Perbandaran Klang tidak mempunyai kuasa untuk menangkap mana-mana orang yang melakukan pembakaran terbuka dan kuasa untuk memasuki mana-mana tanah persendirian.
2. Perancangan Majlis Perbandaran Klang bagi mengatasi masalah pembakaran terbuka tanah pertanian oleh pendatang asing, iaitu:
 - 2.1. Mengadakan pemantauan dan rondaan oleh Pasukan Pemantauan Pembakaran Terbuka Kg. Johan Setia dengan lebih kerap terutama di kawasan-kawasan yang dikenal pasti sering berlakunya pembakaran secara terbuka di Kg. Johan Setia.
 - 2.2. Mengadakan Ops Bersepadu melibatkan lain-lain agensi kerajaan seperti Polis, Imigresen, Rela, JAS dan Pejabat Tanah dan Daerah Klang menangkap pendatang-pendatang tanpa izin yang bekerja/menjadi petani di kawasan tersebut.
 - 2.3. Meruntuhkan struktur pondok/bangsal yang didirikan oleh pendatang sebagai kediaman serta melakukan pemantauan susulan untuk mengelak dari pembinaan semula struktur haram.
 - 2.4. Menyampaikan butir-butir maklumat kepada JAS Negeri Selangor dan Pejabat Tanah dan Daerah Klang sekiranya pihak Majlis Perbandaran Klang mendapat maklumat mengenai mana-mana pihak yang bertanggungjawab melakukan pembakaran secara terbuka untuk tindakan selanjutnya ke mahkamah (pendakwaan) oleh pihak berkenaan.
- c) Ekoran daripada arahan Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan terhadap pemilik tanah yang menyebabkan berlakunya kesan pencemaran kepada alam sekitar dan kacau ganggu kepada penduduk setempat. Pentadbir Tanah Daerah Klang (PTDK) telah menujuhkan 'task force' dan kini sedang menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap pemilik tanah yang berkaitan seperti mana di peruntukan di bawah Seksyen 115 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965.

Di bawah Seksyen 115 KTN, adalah dinyatakan bahawa tanah hak milik yang telah ditetapkan syarat guna tanahnya bagi kategori "pertanian" adalah tertakluk kepada syarat-syarat tersirat yang boleh membawa kepada perampasan tanah jika terdapat pelanggaran syarat di antara maksudnya adalah seperti berikut:-

- a) Permulaan penanaman atas tanah hendaklah dibuat dalam masa 12 bulan dari tarikh yang relevan (tarikh beri milik) dan hendaklah ditanam sepenuhnya dalam masa 3 tahun dari tarikh yang relevan; dan

- b) Penanaman yang dilakukan hendaklah ditanam secara berterusan.

Pelaksanaan untuk mengenal pasti tuan-tuan tanah dan persempadanan lot-lot adalah dibahagikan kepada 11 fasa yang melibatkan keseluruhan 1,732 lot dengan keluasan 3,857.5 ekar bagi Tanah Rancangan Revolusi Hijau Johan Setia, Mukim Klang pada masa ini telah pun menjalankan tindakan seperti berikut:-

- a) Dalam fasa 1, yang dijalankan pada 15 Disember 2008 hingga 12 Februari 2009 yang melibatkan 167 lot, sebanyak 28 lot dikenal pasti tidak diusahakan bagi maksud pertanian dan melanggar syarat di bawah Seksyen 115 KTN. 60 lot telah diusahakan sepenuhnya manakala baki 73 lot walaupun telah diusahakan tetapi tidak diselia dengan baik;
- b) Notis secara pentadbiran telah dihantar pada bulan Mei 2009 kepada 28 pemilik tanah berkenaan. Pemilik diarahkan memulihkan tanah dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh penerimaan notis tersebut;
- c) Sekiranya pemilik tanah berkenaan gagal mengusahakan tanah dalam tempoh (3 bulan) yang diberi iaitu sehingga bulan Ogos / September 2009. PTDK akan mengeluarkan Notis 7E di bawah Seksyen 127(1A) (a) di mana pemilik tanah perlu menunjukkan sebab mengapa denda tidak dikenakan berkenaan pelanggaran syarat tersebut. Kegagalan menunjukkan sebab yang memuaskan, Pentadbir Tanah Daerah Klang boleh mengenakan denda sebanyak RM50 dan RM100 bagi setiap hari dalam tempoh pelanggaran berterusan;
- d) Sekiranya berlakunya pelanggaran syarat yang berterusan, Pentadbir Tanah Daerah Klang boleh mengambil tindakan di bawah Seksyen 128 atau 129 KTN yang boleh membawa kepada pelucutakhkan; dan
- e) Keseluruhan Kawasan Revolusi Hijau Johan Setia adalah dianggarkan seluas lebih kurang 3857.5 ekar. Bagi Fasa 1, kawasan seluas lebih kurang 56 ekar terlibat dengan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 115 KTN. Manakala keluasan yang terlibat dengan pelanggaran syarat dalam 10 Fasa yang berikutnya sedang dalam tindakan pentadbiran ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO SERI MOHAMMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN ADUN

75. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM 500 ribu untuk Ahli Dewan Undangan Negeri. Namun terdapat perubahan kaedah penyaluran peruntukan. Sebelum ini Pejabat Daerah dipertanggungjawabkan membayar terus kepada pembekal. Namun kini ia telah diubah dengan wang peruntukan disalurkan oleh pejabat Daerah kepada Pusat Perkhidmatan DUN, dan Pusat tersebut yang membayar kepada pembekal.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah rasional perubahan ini?

JAWAPAN :

- a) Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2008, Bil. 5 Tahun 2008, Bil. 6 Tahun 2008 dan Bil. 7 Tahun 2008 bagi memberi garis panduan ke atas kawalan penggunaan Akaun Khas bagi peruntukan-peruntukan ADUN kepada semua Pejabat-pejabat Daerah.

Surat pekeliling telah menjelaskan semua pengeluaran peruntukan-peruntukan ADUN hendaklah dibuat melalui baucar yang telah disahkan oleh Pegawai Pengawal atau Pegawai Perakaunan yang di arahkan.

Perbendaharaan Negeri tidak mengeluarkan arahan atau pekeliling yang membatalkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2008, Bil. 5 Tahun 2008, Bil. 6 Tahun 2008 dan Bil. 7 Tahun 2008 dan jika kaedah penyaluran peruntukan diubah ianya adalah di luar pengetahuan Perbendaharaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : BANJIR KILAT

76. Banjir kebiasaannya berlaku ketika musim tengkujuh. Tetapi banjir kilat terjadi pada bila-bila masa dan sering terjadi akibat hujan lebat. Keadaan menjadi lebih buruk akibat saliran air tidak di selenggara dengan baik.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- Mengapakah sistem saliran dan perparitan tidak diselenggarakan dengan teratur di kawasan bandar dan di penempatan kampung tradisional?
- Apakah perancangan khusus Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku ini?

JAWAPAN :

- Penyelenggaraan sistem saliran yang kurang berkesan merupakan salah satu sebab mengapa banjir kilat berlaku. Di sesetengah kawasan penempatan kampung termasuk kampung tradisional di mana ianya didirikan di kawasan yang secara semulajadinya rendah. Keberkesanan sistem saliran bergantung kepada faktor :
 - Peruntukan
 - Sokongan penduduk setempat agar tidak membuang sampah ke dalam saluran-saluran air.
 - Usaha untuk meningkatkan sistem saliran di perkampungan sering mendapat rintangan daripada pemilik-pemilik lot individu.

- b) Kerajaan Negeri mempunyai pendekatan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah ini.

i. Tindakan Jangka Pendek/Segera

Program dilaksanakan dalam keadaan serta merta dengan melaksanakan kerja-kerja pengorekan saluran utama, penyelenggaraan sistem saliran menggunakan peruntukan sedia ada. Kawasan-kawasan yang mudah mengalami banjir pula dinaiktaraf secara berperingkat-peringkat.

ii. Tindakan Jangka Panjang

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), sudah melantik Jurutera Perunding bagi melaksanakan Kajian Induk Saliran Bandar secara menyeluruh di bandar-bandar utama di Negeri Selangor. Kajian ini akan menjadi panduan dan perancangan agensi-agensi kerajaan agar melaksanakan sistem saliran dengan lebih teratur bagi mengurangkan masalah banjir kilat. Kajian seperti ini sudahpun siap bagi bandar Klang dan Sungai Buloh. Mengikut Standard Operating Procedure (S.O.P) Jabatan Pengairan dan Saliran , kerja-kerja penyelenggaraan sungai dilaksanakan sekali setiap tahun mengikut keperluan semasa. Sesetengah sungai hanya dapat diselenggara sekali setiap 5 tahun. Oleh kerana itu Kerajaan Negeri akan memperketatkan syarat dalam penyediaan sistem perparitan seperti MaSMA .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : BELIA

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peluang-peluang pekerjaan dan jenis pekerjaan yang telah disediakan kepada belia-belia anak Selangor?
- b) Berapakah jumlah belia-belia di negeri Selangor yang telah mendapat pekerjaan?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Tenaga Kerja Selangor telah menyediakan pelbagai jenis pengkhususan kerja kepada belia-belia anak Selangor. Perangkaan kekosongan Jawatan Aktif dari 1 Januari 2009 sehingga 31 Mei 2009 adalah sebanyak 3339 kekosongan. Jenis pengkhususan pekerjaan adalah seperti berikut :
 1. Pentadbiran dan Pengurusan – 4 Kekosongan
 2. Profesional – 118 Kekosongan
 3. Juruteknik dan berkaitan – 264 Kekosongan
 4. Perkeranian – 339 Kekosongan
 5. Perkhidmatan dan Jualan – 367 Kekosongan
 6. Pekerja Mahir Pertanian dan Perikanan – 63 Kekosongan
 7. Pekerja Pertukangan dan berkaitan - 19 Kekosongan
 8. Operator loji dan Mesin Pemasang – 1543 Kekosongan
 9. Pekerja Asas – 622 Kekosongan
- b) Jumlah belia-belia termasuk semua kategori pencari kerja di negeri Selangor yang telah mendapat pekerjaan yang dicatatkan dari 1 Januari 2009 sehingga 31 Mei 2009 adalah seramai 3062 orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : BANTUAN ASNAF OLEH LZS

78. Antara asnaf yang layak menerima zakat sepetimana yang dinyatakan di dalam Al Qur'an Surah At Taubah ayat 60 adalah Ar Riqab dan Fi Sabillah. Ar Riqab dari segi bahasa bermaksud Hamba manakala Fisabilillah pula bermaksud mereka yang berjuang di jalan Allah.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Memandangkan sistem perhambaan sudah lama pupus bukan sahaja di negara kita malah di seluruh dunia. Apakah takrifan terkini kepada Ar Riqab dalam konteks asnaf yang boleh dibantu oleh Lembaga Zakat Selangor dan apakah seorang pelacur yang dibela oleh bapa-bapa ayam boleh dianggap berada di dalam kategori ini bagi membebaskan dia dari cengkaman dan penganiayaan yang diterima persis seorang hamba?
- b) Apakah seorang pelajar dari keluarga yang berkemampuan berhak menerima wang zakat di bawah kategori Fisabilillah sepetimana isu yang pernah ditimbulkan oleh UMNO Terengganu sewaktu PAS memerintah negeri Terengganu dari tahun 1999-2004.

JAWAPAN :

- a) Ar-Riqab adalah salah satu Asnaf yang layak menerima zakat sebagaimana yang dinyatakan di dalam Al-Quran, Surah at-Taubah ayat 60. Ar-Riqab dari sudut bahasa bermaksud tenguk atau sesuatu yang membelenggu tenguk seseorang.

Dari sudut Istilah Syara' pula ia bermaksud : Hamba Mukatab (Hamba yang dianjikan oleh tuannya akan dimerdekaan jika ia berjaya membayar sejumlah wang kepada tuannya) yang terbelenggu dengan perhambaan dan ingin membebaskan dirinya dari perhambaan kepada tuannya.

Walau bagaimanapun, oleh kerana sistem perhambaan sudah tidak lagi wujud pada masa kini, maka sebahagian Ulama telah membuat tafsiran baru terhadap maksud Ar-Riqab.

Sebahagian ulama berpendapat bahawa maksud Ar-Riqab tidak hanya terkhusus kepada hamba sahaja sebagaimana yang berlaku pada zaman awal Islam. Bahkan mereka memperluaskan takrifan hamba kepada maksud yang lebih luas. Antara pendapat-pendapat tersebut ialah sebagaimana berikut :

1. Diriwayatkan dalam Mazhab Imam Ahmad bahawa orang Islam yang dijadikan tawanan perang oleh tentera kafir boleh diperuntukkan wang zakat kepada mereka untuk membebaskan diri. Kerana dengan cara itu ia dapat membebaskan dirinya daripada belenggu perhambaan sebagai tawanan perang. (ar-Raudhul Muri'-Jilid 1/ms 402)

2. Al-Qadhi Ibnu Al-Arabi dari Mazhab Imam Malik berkata : Ulama telah berbeza pendapat tentang peruntukan zakat untuk membebaskan tawanan perang menggunakan peruntukan Asnaf ar-Riqab. Sebahagian ulama Maliki berkata : Tidak harus menggunakannya. Manakala Imam Ibnu Habib pula berpendapat : Boleh menggunakan wang zakat. Ia berhujah, jika membebaskan hamba Muslim dari perhambaan tuannya yang Muslim dianggap ibadah, maka membebaskan seorang Muslim dari perhambaan tawanan perang orang kafir itu lebih utama dan mulia. Ini kerana perhambaan telah pun terhapus, sedangkan peperangan melawan musuh masih lagi wujud. Oleh itu, peruntukan ini (ar-Riqab) perlu diperluaskan untuk membebaskan hamba tawanan perang dari kalangan orang Islam.
3. Sheikh Rashid Redho dalam kitab tafsirnya (Al-Manar) menjelaskan, peruntukan asnaf ar-Riqab boleh digunakan untuk membebaskan bangsa dan Negara yang dijajah oleh musuh-musuh Islam. Pendapat beliau ini telah disokong oleh Syeikhul Azhar Sheikh Mahmud Syaltut.

Berdasarkan pandangan-pandangan di atas, maka Lembaga Zakat Selangor telah mengambil pendekatan untuk mengguna pakai tafsiran semasa asnaf ar-Riqab iaitu tidak hanya terhad kepada hamba sahaya sahaja.

Berdasarkan Fatwa Sistem Pengurusan Agihan Zakat Negeri Selangor yang telah dibentangkan oleh LZS (MAIS) di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke 6/2008 yang bersidang pada 30 hb Disember 2008, takrifan Asnaf Riqab adalah sebagaimana berikut :

ASNAF RIQAB

Takrif :

Riqab ialah hamba Islam atau seorang yang terbelenggu di bawah satu kuasa yang menghalang kebebasan dirinya.

Kriteria:

1. Beragama Islam.
2. Tiada sumber kewangan yang cukup dan/atau tidak mendapat bantuan daripada sumber-sumber lain.
3. Seorang yang telah disahkan ingin membebaskan dirinya dari belenggu¹ yang dihadapi.²

Konsep Agihan:

1. Pemberian adalah berdasarkan permohonan dan siasatan serta pengesahan.
2. Meringankan bebanan.

¹ Belenggu adalah kuasa luaran atau keadaan yang merampas dan menjatuhkan maruah dan kebebasan seseorang sebagai seorang Muslim.

² Contoh:

- a) Penagih dadah yang terbelenggu dengan dadah:
 - i. Bekas penagih dadah
 - ii. Penagih yang masih menagih
- b) Pelacur yang ingin membebaskan diri dari belenggu pelacuran.

3. Pemberian hanya kepada individu yang bersedia untuk menjalani pemulihan dan pemantauan yang diaturkan untuk mereka.
4. Usaha memulihkan akhlak dan akidah.

Jenis Bantuan:

1. Bantuan Pemurnian Aqidah
2. Bantuan Pemulihan Akhlak
3. Tabung Pembebasan Fir-Riqab

Oleh itu, jelas bahawa pelacur yang ingin membebaskan diri mereka dari perhambaan pelacuran adalah termasuk dalam kategori asnaf ar-Riqab. Walau bagaimanapun, bantuan tidak boleh diberikan dengan sewenangnya dan hanya akan diberikan dengan syarat mereka bersedia menjalani program pemulihan akhlak dan pemantauan yang diaturkan untuk mereka.

- b) Berdasarkan rekod pemohon-pemohon bantuan Dermasiswa Pelajar di Lembaga Zakat Selangor, pemohon-pemohon yang menerima bantuan adalah datang dari latar belakang keluarga yang mempunyai pendapatan yang sederhana, bahkan sebahagian ibu bapa mereka memang tidak mampu menanggung kos pengajian dan sara hidup yang tinggi.

Walau bagaimanapun, Jumhur Ulama berpendapat bahawa asnaf selain Fakir dan Miskin (termasuklah Fi Sabilillah) tidak disyaratkan mereka mesti miskin untuk layak menerima zakat.

Oleh itu, pelajar-pelajar yang mendapat bantuan Dermasiswa Zakat di LZS (MAIS), layak mendapat bantuan tersebut bukan kerana sifat mereka miskin atau kaya, tetapi atas sifat mereka tergolong sebagai Fi Sabilillah.

* Garis panduan yang diguna pakai oleh LZS juga mensyaratkan keutamaan pemberian bantuan adalah kepada ibu bapa pelajar yang berpendapatan RM3,000 ke bawah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. MUTHIAH MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : KOLAM UDANG di ASSAM JAWA

79. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- Siapakah hak milik tanah diberikan dan siapakah penternak udang dan apakah pelaburannya?
- Sudahkah tindakan diambil untuk keluarkan sungai dan rizabnya dari hak milik yang diberi? Adakah cukup tanah di rizabkan untuk pembangunan di kawasan untuk rizab sungai bagi jeti, gerai-gerai perniagaan hasil laut, kampung tersusun nelayan dan kolam pancing ikan?

JAWAPAN :

- Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan pelupusan tanah secara pemberimilikan di kawasan tersebut seperti dalam jadual di bawah. Kesemua penternakan udang ini diusahakan oleh JW Properties Sdn Bhd.

| No. | No. Lot | No. Hak milik | Nama Pemilik | Keluasan | Tempoh Pajakan |
|-----|---------|---------------|----------------------------------|---------------------|----------------|
| 1 | 7074 | P.N. 30658 | PKPS | 202,335 mp | 20 tahun |
| 2 | 4172 | HS(D) 13555 | PKPS | 46.5395 Ha | 99 tahun |
| 3 | 4173 | HS(D) 13556 | PKPS | 40.4686 Ha | 99 tahun |
| 4 | 4174 | HS(D) 13557 | PKPS | 121.4041 Ha | 99 tahun |
| 5 | 3797 | HS(D) 8552 | Api-Api Aquaculture Sdn Bhd | 86.50 Ek / 35.00 Ha | 99 tahun |
| 6 | 3838 | HS(D) 5349 | Rintis Alam Sdn Bhd | 100 Ek / 40.46 Ha | 20 tahun |
| 7 | 3881 | HS(D) 5403 | Tetangga Bahagia Sdn Bhd | 100 Ek / 40.46 Ha | 99 tahun |
| 8 | 3884 | HS(D) 5400 | Syarikat Vision Pines Sdn Bhd | 100 Ek / 40.46 Ha | 30 tahun |
| 9 | 4009 | HS(D) 6167 | Persatuan Nelayan Kuala Selangor | 100 Ek / 40.46 Ha | 99 tahun |

- Pada 18 Mac 2009, Pentadbir Tanah Kuala Selangor telah mengemukakan Kertas Ringkasan untuk pertimbangan MMKN ke atas permohonan meminda pelan kedudukan tanah tapak kolam udang di atas lot 4173, Mukim Api-api, Kuala Selangor. Alasan untuk meminda pelan kedudukan adalah kerana di atas tanah milik PKPS ini terdapat alur

sungai (Sungai Assam Jawa) yang digunakan oleh penduduk dan nelayan untuk ke laut. MMKN ke 11/2009 yang diadakan pada 8 April 2009 telah **MENOLAK** permohonan meminda pelan kedudukan tanah ini.

MMKN 16/2009 bertarikh 20 Mei 2009, telah membincangkan semula isu ini dan MMKN 17/2009 bertarikh 27 Mei 2009, telah mengesahkan keputusan bahawa 4 lot tanah milik PKPS yang terletak di persisiran pantai diambil balik di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 kerana Y.A.B. Tan Sri Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa terdapat kes pencemaran air di kawasan Kuala Selangor terutamanya di kawasan tanah yang diberi milik kepada J.W Properties Sdn Bhd iaitu penternak udang di mukim Api-api. Dalam kes ini, pengusaha kolam udang tersebut melepaskan air yang mengandungi bahan kimia daripada kolam udang terus ke laut yang mengakibatkan kematian dan kepupusan kerang dan ikan sekiranya tidak dikawal.

Oleh yang demikian, Y.A.B. Tan Sri Dato' Pengerusi mengarahkan agar Pentadbir Tanah Kuala Selangor untuk membuat pengambilan balik tanah di bawah Seksyen 3(i)(a) Akta Pengambilan Balik Tanah yang dimiliki oleh PKPS yang telah dipajak kepada pengusaha kolam udang seluas kira-kira 400 ekar di kawasan tersebut.

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah mengemukakan permohonan rasmi pada 4 Jun 2009 untuk mengambil balik 4 lot tanah milik PKPS termasuk tanah yang terlibat dengan alur Sungai Assam jawa, di bawah **Seksyen 3(i)(a) Akta Pengambilan tanah 1960**.

PTD Kuala Selangor telah menyediakan Kertas Ringkasan untuk kelulusan YAB Menteri Besar bersama dengan kertas sokongan oleh PTG Selangor pada 9 Jun 2009.

YAB menteri besar telah meluluskan permohonan pengambilan balik tanah pada 14 Jun 2009. Cadangan pengambilan balik tanah ini telah disiarkan dalam warta No. 2169 bertarikh 25 Jun 2009.

Tindakan PTD Kuala Selangor selanjutnya adalah untuk mengadakan siasatan "hearing" sekurang-kurangnya selepas 21 hari dari tarikh siaran warta. Walau bagaimanapun tarikh siasatan akan ditetapkan selepas nilai tanah diperoleh daripada Jabatan Perkhidmatan Penilaian Harta (JPPH).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : AGAMA

80. Dalam usaha memperbaiki kualiti pentadbiran dan pengurusan masjid dan surau di seluruh Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah senarai nama Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau yang dinauliahkan oleh pihak JAIS bermula dari Jun 2009 berdasarkan senarai sebenar seperti yang di cadang/diputuskan oleh Mesyuarat Agong Tahunan setiap masjid dan surau berkenaan seperti yang telah diadakan?

JAWAPAN :

- a) Pelantikan Pegawai dan Jawatankuasa Masjid adalah berdasarkan kepada senarai yang dicalonkan di peringkat kariah masjid berkenaan yang dibuat secara undian. Untuk jawatan Nazir pihak kariah masjid hanya mencalonkan 3 nama dan keputusan bagi yang layak dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan Peringkat Daerah berdasarkan kriteria berikut:
- a. Calon berumur tidak melebihi 60 tahun.
 - b. Tinggal tetap dalam kariah masjid/surau.
 - c. Boleh membaca, menulis dan mengira.
 - d. Bagi jawatan Nazir, keutamaan akademik minima ialah mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Pelajaran Agama (SPA) dan keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai diploma.
 - e. Calon Nazir hendaklah mampu mengetuai halaqah-halaqah ringan yang melibatkan Ahli Jawatankuasa dan jemaah di samping mampu mengimamkan sembahyang berjemaah, menyampaikan khutbah serta mengetuai majlis tahlil.
 - f. Bagi jawatan Setiausaha, keutamaan hendaklah diberi kepada calon yang memiliki pengalaman kesetiausahaan dan pentadbiran.
 - g. Bagi jawatan Bendahari, keutamaan hendaklah terdiri daripada mereka yang memiliki ilmu dan berkemahiran dalam penyimpanan buku kira-kira.
 - h. Ahli-ahli lain hendaklah terdiri dari mereka yang berlatarbelakangkan pelbagai bidang kemahiran.
 - i. Mempunyai pengetahuan agama Islam.
 - j. Mempunyai akhlak yang mulia dan amanah.
 - k. Selalu membuat amal kebajikan.

- I. Sihat tubuh badan dan mental.
- m. Mempunyai daya kepimpinan.
- n. Sentiasa menjalin hubungan baik dengan ahli kariah dan menunjukkan ciri-ciri kreatif serta sering membawa idea-idea baru untuk meningkatkan kemajuan masjid/surau.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHRAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN KAUM INDIA

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk membina sebuah Pusat Kebudayaan bagi Kaum India di Negeri Selangor ini?
 - b) Apakah faktor-faktor yang akan diambil kira dan aktiviti-aktiviti bagi menjayakan Pusat Kebudayaan bagi kaum India tersebut?
 - c) Apakah perkara-perkara yang akan diusulkan bagi membentuk sebuah Pusat Kebudayaan Kaum India ini nanti?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan terdahulu telah meluluskan pembinaan Pusat Kebudayaan India bertempat di Batu Caves, Gombak pada tahun 2007. Setelah Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih tumpuk pemerintahan, perkara tersebut akan dinilai semula dari segala aspek seperti kesesuaian projek dan juga kos yang dianggarkan.
- b) Antara faktor-faktor yang diambil kira bagi membina Pusat Kebudayaan India adalah seperti berikut:
 - I. Lokasi yang dipilih mesti bersesuaian di mana terdapat masyarakat kaum India tinggal di sekeliling kawasan tersebut;
 - II. Terdapat kemudahan awam yang lengkap di lokasi yang dipilih kerana memudahkan orang ramai termasuk pelancong dari dalam luar negeri melawat Pusat Kebudayaan India tersebut. Di samping itu, akses kepada lebuh raya dan pengangkutan awam turut diambil kira dalam merancang pembinaan pusat ini.
 - III. Pusat ini mempunyai konsep taman awam di mana semua rakyat akan menerima manfaat daripada projek ini;
 - IV. Pusat ini lebih kepada memperlihatkan segala budaya dan adat resam kaum India di Selangor.
- c) Jawapan sama seperti soalan b

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PENCEMARAN ASAP KILANG

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Apakah dasar Kerajaan Negeri untuk memastikan kilang - kilang yang mengeluarkan asap mematuhi peraturan alam sekitar?
 - Apakah tindakan tegas yang telah diambil terhadap kilang - kilang yang masih tidak mematuhi peraturan alam sekitar mengenai kawalan asap kilang yang mencemarkan di lembah Klang?

JAWAPAN :

- a&b) Kilang-kilang yang didapati melakukan kesalahan melepaskan asap yang berlebihan menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar akan diambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 iaitu dengan mengeluarkan Notis Arahan, kompaun, tindakan mahkamah dan mengenakan Perintah Larangan beroperasi.

Rekod Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor mendapati kilang-kilang di kawasan sekitar Meru yang menghasilkan pencemaran udara adalah kilang berasaskan kayu, plastik, "cement batching plant", berasaskan getah, kimia, logam, percetakan dan tekstil. Tindakan yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar bagi mengawal pelepasan asap dari kilang-kilang ini adalah dengan membuat pemeriksaan berkala ke atas premis kilang-kilang ini dan memastikan operasi kilang-kilang ini dilengkapi dengan alat kawalan yang sepatutnya, membuat percontohan pelepasan cerobong dan menyemak 'smoke record' yang dipasang oleh kilang-kilang tersebut.

Pada tahun ini Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menjalankan lapan belas (18) pemeriksaan penguatkuasaan ke atas kilang-kilang di kawasan tersebut yang mana lima (5) dari pemeriksaan adalah berdasarkan kepada laporan aduan berhubung pencemaran udara dari penduduk sekitar. Dari lawatan tersebut Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah mengeluarkan empat (4) Notis Arahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi mengarahkan pekilang-pekilang untuk meningkatkan keupayaan alat kawalan pencemaran udara dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Sebanyak sembilan (9) kompaun telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor ke atas pekilang-pekilang yang didapati melanggar peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 .

Dalam hubungan ini ingin dijelaskan juga bahawa kawalan ke atas pelepasan asap dari kilang-kilang ini juga bergantung kepada operasi alat kawalan yang dipasang. Terdapat juga kes-kes di mana alat kawalan yang dipasang tidak dikendalikan dengan baik semasa ketiadaan pegawai JAS di lapangan atas alasan cuba menjimatkan kos. Ini menyebabkan masih berlaku beberapa kes pencemaran dari masa ke semasa yang menyebabkan aduan orang ramai. Bagi kes-kes yang melibatkan aduan berulang dan siasatan mendapati aduan adalah berasas dan disebabkan kecuaian dari pihak kilang tindakan yang lebih tegas akan diambil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK : PASIR

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sehingga pertengahan tahun 2009, berapa jumlah pendapatan Syarikat Negeri iaitu Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) yang menjalankan aktiviti perniagaan pasir?

JAWAPAN :

- a) Mulai September 2008 [tarikh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd (KSSB) mula beroperasi] sehingga 31 Mei 2009, jumlah pendapatan KSSB adalah RM18.7 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK : PEKERJA ASING DI RESTORAN DAN PREMIS MAKANAN

84. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam memastikan setiap pekerja asing yang menjadi pelayan di restoran dan premis dalam tahap kesihatan dan piawaian kerja yang baik dan berkualiti.
 - b) Adakah program yang di laksanakan dan berapa ramai yang terlibat.

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, semua pengendali makanan termasuk pekerja asing diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan selaras dengan perwartaan Peraturan Kebersihan Makanan 2009.
- b) Aktiviti pemantauan Latihan Pengendali Makanan dijalankan mulai Jun 2009 dengan penempatan 2 orang Pegawai Teknologi Makanan untuk menjalankan audit ke atas Sekolah Latihan Pengendali Makanan. Matlamat utama bagi memastikan SEMUA pengendali makanan di Selangor dilatih di sekolah yang diiktiraf oleh Kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PERANCANGAN PEMBANGUNAN PBT

85. Majlis Bandaran/Perbandaran telah ditugaskan untuk merancang kawasan masing-masing agar pembangunan berjalan dengan lancar.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah peraturan-peraturan yang bertulis di mana setiap projek pembangunan yang diluluskan beberapa tahun dahulu akan disemak kembali sebelum memulakan pembinaan khususnya dari segi maklumat baru tentang kepadatan penduduk, kepadatan kenderaan yang melalui kawasan tersebut, pembinaan yang baru wujud dan sebagainya.
- b) Senaraikan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh setiap projek pembangunan untuk menyediakan kemudahan seperti sekolah, tempat amal ibadat, bomba, balai polis dan sebagainya. Sekiranya ada, bagaimana perlaksanaannya .

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), sesuatu kebenaran merancang yang diberi di bawah Seksyen 22, mempunyai tempoh sah laku seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 24 iaitu selama 12 bulan dari tarikh kebenaran diberi oleh pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT).

Jika pembangunan tanah belum dimulakan lagi, pemilik tanah atau pemaju boleh mengemukakan permohonan melanjutkan tempoh kebenaran merancang (pertama 12 bulan) atau tempoh lanjutan (kedua 12 bulan dan seterusnya tertakluk kepada kebenaran PBPT).

Semasa menimbang permohonan melanjutkan tempoh kebenaran tersebut PBPT boleh mengenakan apa-apa syarat baru atau mengubah apa-apa syarat kebenaran asal.

PBPT juga boleh menarik balik atau mengubahsuai kebenaran merancang atau membatalkan pelan bangunan yang telah diberi, atas maksud kepentingan awam seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 25. Menarik balik atau mengubahsuai kebenaran merancang atau membatalkan pelan bangunan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor. Tetapi tindakan ini boleh menyebabkan pemilik tanah atau pemaju menuntut ganti rugi kepada PBPT.

Jika tempoh kebenaran merancang telah tamat, maka pemilik tanah atau pemaju jika ingin meneruskan pembangunan tanah perlu mengemukakan semula permohonan kepada PBPT dan PBPT boleh mengenakan apa-apa syarat seperti dinyatakan dalam Seksyen 22.

Oleh yang demikian, Seksyen 24 dan Seksyen 25, Akta 172 boleh diguna pakai bagi tujuan semakan semula Kebenaran Merancang atau pelan bangunan.

- b) Dalam menyediakan sesuatu pemajuan atau cadangan pembangunan tanah mengambil kira keperluan sosial (kemudahan awam), Pihak Berkuasa Tempatan telah menggunakan pakai Manual Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur Negeri Selangor, Dasar Perbandaran Negara, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), ulasan jabatan-jabatan teknikal dan lain-lain pekeliling (dasar baru) adalah antara dokumen yang dirujuk dalam memastikan sesuatu pemajuan yang dibangunkan perlu mengikut piawaian yang telah ditetapkan bagi penyediaan kemudahan awam.

Manual Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor bil. 2/2005 pada 29hb.September 2005 dan diluluskan untuk pemakaian oleh semua pihak berkuasa perancangan di Negeri Selangor pada 8hb.Jun 2006.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : MASALAH PENDATANG ASING

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Berapakah jumlah pendatang asing/pekerja asing yang terdapat di Negeri Selangor ini?
 - Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengawal kegiatan mereka supaya tidak menimbulkan masalah sosial?
 - Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kegiatan jenayah yang dilakukan oleh pendatang asing ini?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan statistik daripada Jabatan Imigresen Negeri Selangor, jumlah pekerja asing di negeri Selangor daripada tahun 2006 hingga Jun 2009 adalah berjumlah 146,020 orang. Statistik hingga Jun 2009 menunjukkan jumlah kemasukan pendatang asing ke negeri Selangor seramai 39,348 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 50,171 orang diambil bekerja di dalam sektor pembuatan, diikuti sektor pembantu rumah dan sektor perkhidmatan. Statistik pekerja asing di negeri Selangor mengikut sektor adalah seperti berikut :

| SEKTOR | TAHUN | | | |
|----------------|----------------|----------------|----------------|---------------|
| | 2006 | 2007 | 2008 | Jan-Jun 2009 |
| Pembantu Rumah | 33,229 | 26,297 | 31,485 | 14,415 |
| Pembinaan | 28,240 | 15,955 | 12,441 | 4,013 |
| Pembuatan | 64,828 | 41,243 | 39,151 | 11,020 |
| Perkhidmatan | 24,797 | 17,130 | 18,542 | 7,139 |
| Perladangan | 3,595 | 2,198 | 1,958 | 773 |
| Pertanian | 1,804 | 1,538 | 3,095 | 1,988 |
| Jumlah | 156,493 | 104,361 | 106,672 | 39,348 |

Sumber : Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Selangor

- b) Kerajaan Negeri sentiasa memantau dan mengambil langkah-langkah proaktif bagi mengawasi gejala sosial di kalangan pendatang asing di sekitar negeri Selangor. Salah satu langkah pencegahan (*preventive*) yang telah diambil oleh Jabatan Imigresen Negeri Selangor ialah dengan membatalkan visa kemasukan pekerja asing Bangladesh berkuat kuasa 10 Mac 2009. Selain daripada itu, terdapat beberapa operasi pengawalan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak Imigresen dan Jabatan/Agensi penguatkuasaan lain di negeri Selangor seperti berikut :

Statistik Tahunan Operasi Penguatkuasaan Kegiatan Pendatang Asing

| BIL | OPERASI | 2006 | 2007 | 2008 | Jan-Mei 2009 |
|-----|----------------------------|----------------|------------------|------------------|----------------|
| 1. | Operasi Imigresen | 1,390 | 3035 | 11,044 | 1,481 |
| 2. | Operasi RELA | 6,383 | 16,165 | 823 | 3,214 |
| 3. | Operasi Agensi Lain | 124 | 951 | 465 | 452 |
| 4. | Operasi Pelabuhan Klang | 41 | 348 | 68 | 11 |
| 5. | Tangkapan Kes Rujukan | 565 | 1,137 | 2,356 | 1,119 |
| 6. | OKT Pendakwaan | 940 | 11,539 | 2,438 | 2,802 |
| | JUMLAH TANGKAPAN | 9,443 | 33,175 | 17,194 | 9,079 |
| | JUMLAH KOMPAUN (RM) | 417,120 | 1,056,151 | 1,982,889 | 714,131 |

Sumber : Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Selangor

- c) Kerajaan Negeri memandang serius mengenai isu kemasukan pendatang asing ke negeri Selangor dan kegiatan jenayah yang melibatkan pendatang asing di negeri Selangor. Melalui Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Pemudah cara Perniagaan (PEMUDAH) Selangor, Kerajaan Negeri telah mengambil satu langkah proaktif dengan mewujudkan *Focus Group Crime Prevention And Security* yang akan diselaraskan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Ketua Polis Negeri Selangor. Kumpulan ini akan berbincang kaedah-kaedah untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan jenayah di negeri Selangor dengan cara yang lebih efisien dan berkesan.

Pihak Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPPK) Negeri Selangor turut melaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja yang di pengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor, bahawa kadar jenayah yang melibatkan pendatang asing telah menurun sebanyak 10%. Pihak IPPK juga sentiasa membuat pemantauan dari semasa ke semasa dan menggalakkan penubuhan polis komuniti yang boleh merapatkan hubungan masyarakat dengan pihak polis serta membantu pihak polis di dalam memberikan maklumat mengenai kegiatan jenayah di sesebuah komuniti tersebut

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : KESAN EKONOMI GLOBAL

87. Situasi Ekonomi Global telah sedikit sebanyak memberi kesan kepada kerajaan dan juga rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menerokai bidang ekonomi baru yang boleh memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat?
- b) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri yang telah dibuat bagi membantu rakyat berdikari dan tidak hanya mengharap pekerjaan yang diperolehi dari pelabur luar?
- c) Bagaimanakah tindakan kerajaan negeri terhadap pekerja-pekerja asing yang mula menjelaskan pendapatan rakyat tempatan, seperti menguasai perniagaan pasar malam dan kawasan tertentu?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha mengeksplotasi sumber dan mencari kaedah untuk menerokai bidang ekonomi yang baru supaya menjadi lebih maju dan berdaya saing. Pada masa ini, Kerajaan Negeri menggalakkan penglibatan di dalam industri yang berpotensi seperti bioteknologi, industri penerbangan dan industri solar. Kerjasama daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) adalah penting bagi mewujudkan koordinasi pelaburan mantap serta menyediakan insentif-insentif lain seperti tanah, air, infrastruktur dan terutamanya tenaga mahir bagi menarik minat pelabur dalam bidang ekonomi baru di negeri Selangor. Setakat bulan April 2009, terdapat dua (2) projek berdasarkan aeronautik yang menarik masuk pelaburan luar sebanyak RM 20 juta dan membuka sebanyak 362 peluang pekerjaan. Kerajaan Negeri juga telah meluluskan pelaburan pihak Q-Cells daripada negara Jerman sebanyak RM 2.6 bilion bagi menghasilkan produk berkaitan sistem solar di Sepang, Selangor.
- b) Negeri Selangor sebagai penyumbang terbesar kepada pertumbuhan ekonomi negara juga merupakan penyumbang kepada penyediaan peluang pekerjaan. Atas kesedaran itulah maka Kerajaan Negeri sedang melaksanakan Program Paket Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor dengan peruntukan sebanyak RM50 bilion dalam bentuk *Private Finance Initiative (PFI)*.

Melalui pakej ini, lima(5) bidang utama telah digariskan sebagai pemangkin pembangunan ekonomi negeri Selangor untuk jangka pendek dan jangka panjang. Lima (5) bidang tersebut ialah:

- i. Pemulihan dan pembersihan sungai Klang yang melibatkan pembangunan kawasan perumahan di sepanjang sungai dan tanah rizab;

- ii. Perluasan sistem pengangkutan bagi seluruh negeri Selangor termasuk perluasan Sistem Transit Aliran Ringan (STAR);
- iii. Usaha menaik taraf dan menggantikan aset air berikut pengambilalihan aset air Selangor oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB);
- iv. Pembaharuan aktiviti di bandar iaitu menumpukan usaha terhadap pembangunan semula kawasan terbiar di Petaling Jaya dan Klang; dan
- v. Pembangunan semula projek-projek perumahan yang terbengkalai.

Melalui lima bidang ini Kerajaan Negeri yakin bahawa ia akan mampu menyediakan lebih 150 ribu peluang pekerjaan dan membuka banyak peluang perniagaan bagi penduduk setempat.

- b) Kerajaan Negeri sentiasa memantau dan mengambil langkah-langkah proaktif bagi mengawasi pendatang asing di beberapa kawasan sekitar negeri Selangor. Salah satu langkah pencegahan (*preventive*) yang telah diambil oleh Jabatan Imigresen Negeri Selangor ialah dengan membatalkan visa kemasukan pekerja asing Bangladesh berkuat kuasa 10 Mac 2009. Selain daripada itu, terdapat beberapa operasi pengawalan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak Imigresen dan Jabatan/Agensi penguatkuasaan lain di negeri Selangor seperti berikut :

Statistik Tahunan Operasi Penguatkuasaan Kegiatan Pendatang Asing

| BIL | OPERASI | 2006 | 2007 | 2008 | Jan-Mei 2009 |
|-----|----------------------------|----------------|------------------|------------------|----------------|
| 1. | Operasi Imigresen | 1,390 | 3035 | 11,044 | 1,481 |
| 2. | Operasi RELA | 6,383 | 16,165 | 823 | 3,214 |
| 3. | Operasi Agensi Lain | 124 | 951 | 465 | 452 |
| 4. | Operasi Pelabuhan Klang | 41 | 348 | 68 | 11 |
| 5. | Tangkapan Kes Rujukan | 565 | 1,137 | 2,356 | 1,119 |
| 6. | OKT Pendakwaan | 940 | 11,539 | 2,438 | 2,802 |
| | JUMLAH TANGKAPAN | 9,443 | 33,175 | 17,194 | 9,079 |
| | JUMLAH KOMPAUN (RM) | 417,120 | 1,056,151 | 1,982,889 | 714,131 |

Sumber : Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Selangor

Pihak Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPPK) Negeri Selangor juga sentiasa membuat pemantauan dari semasa ke semasa dan menggalakkan penubuhan polis komuniti yang boleh merapatkan hubungan masyarakat dengan pihak polis serta membantu pihak polis di dalam memberikan maklumat mengenai kegiatan jenayah di sesebuah komuniti tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : PENJAJA DAN PENIAGA KECIL

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah dasar kerajaan dalam menangani masalah penjaja tepi jalan?
 - Apakah rancangan dan insentif untuk membantu sektor penjaja dan peniaga modal kecil?

JAWAPAN :

- Dalam menangani masalah penjaja tepi jalan, Kerajaan Negeri telah menyediakan gerai-gerai sementara mengikut PBT. Penjaja-penjaja ini telah dibenci dan sedang dalam proses penempatan semula di setengah PBT manakala ada juga PBT yang selesai melaksanakannya. Walau bagaimanapun, wujud segelintir penjaja baru yang tidak termasuk dalam senarai semasa bincian dibuat dan perkara ini sedang dalam penelitian untuk penyelesaiannya. Ekoran daripada suasana ekonomi yang kurang memberangsangkan ketika ini, PBT mengeluarkan permit untuk penjaja-penjaja dan mereka digalakkan bermiaga di pasar tani, pasar malam dan tempat yang dibenarkan sahaja. Jika mereka ingkar, maka tindakan penguatkuasaan akan diambil.
- PBT ada mengeluarkan permit khusus untuk golongan yang berpendapatan rendah untuk menjalankan perniagaan di pasar tani, pasar malam dan tempat-tempat yang dibenarkan. Jika perniagaan yang bakal dijalankan tidak mempunyai sebarang risiko, permit boleh dikeluarkan dengan serta – merta. Malahan Kerajaan Negeri juga telah menetapkan kadar bayaran sepetak hanya RM4 sahaja untuk menampung kos pembersihan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : TANAH PERKUBURAN CINA

89. Kebanyakan tapak perkuburan Cina di Negeri Selangor adalah hampir penuh.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah permohonan tapak perkuburan Cina telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Selangor ?
- b) Berapa permohonan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor?
- c) Apakah status permohonan tanah perkuburan Cina bagi Tanjung Sepat di Daerah Sepang?

JAWAPAN :

- a) **Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT**
- b) **Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT**
- c) Seperti di Lampiran 'A'

LAMPIRAN ‘A’**STATUS PERMOHONAN TANAH PERKUBURAN CINA TANJUNG SEPANG, DAERAH SEPANG**

Pejabat Tanah Sepang telah mendapat Laporan Penilaian Tanah daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) ke atas tanah tersebut pada 06.07.2009 dan dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri bagi mendapatkan kelulusan peruntukan pengambilan balik tanah. Kelewatan JPPH menyediakan Laporan Penilaian adalah disebabkan kekeliruan lot yang sebenar ingin dibuat pengambilan. Di samping itu lot asal telah berubah akibat pengambilan KLIA.

Maklumat Tambahan

Kronologi bagi permohonan tapak kubur Cina adalah seperti berikut:-

Cadangan Tambahan Tapak Kubur Cina Di Mukim Sepang, Lot 4488 Bersebelahan Tapak Kubur Cina Sedia Ada

| TARIKH | PERKARA |
|------------|--|
| 18.06.2007 | Pejabat Tanah Sepang menerima permohonan tapak kubur Cina daripada Y.B. ADUN Sg. Pelek melalui Pejabat UPEN. |
| 27.09.2007 | Laporan tanah dan siasatan telah disediakan. |
| 15.05.2008 | Memohon mendapatkan Carian Rasmi daripada Pejabat Pendaftar Hak Milik Selangor di Shah Alam bagi tujuan pengambilan balik tanah Lot 4488 (Hak Milik Geran 0134349, Lot 7051) sepatutnya mohon Carian Rasmi bagi Lot 5700, Mukim Sepang, Daerah Sepang. |
| 04.06.2008 | Salinan Carian Rasmi bagi Lot 4488 diterima daripada Pejabat Pendaftar Hak Milik Selangor. |
| 18.06.2008 | Mengemukakan kepada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) untuk nilai tanah Lot 4488. |

| TARIKH | PERKARA |
|---------------|---|
| 27.06.2008 | Terima surat Daripada JPPH memohon semak keluasan sebenar, memandangkan tapak cadangan yang terlibat adalah 20 ekar sedangkan dalam Carian Rasmi keluasan tanah 297 m.p. |
| 18.07.2008 | Memohon Carian Rasmi daripada Pejabat Pendaftar Hak Milik Selangor bagi Lot 5700, HS(D) 23174, Mukim Sepang. |
| 25.08.2008 | Carian Rasmi GERAN 80609, Lot 5756, Mukim Sepang diterima daripada Pejabat Pendaftar Hak Milik Negeri Selangor. |
| 08.09.2008 | Salinan Carian Rasmi GERAN 80609, Lot 5756 di kemukakan ke JPPH. |
| 21.09.2008 | JPPH memohon maklumat tambahan pelan tapak dan Warta Kerajaan Negeri. |
| 04.11.2008 | PTD Sepang mengemukakan maklumat tambahan serta pelan tapak kepada JPPH. Salinan warta tidak dikemukakan kerana Warta belum dibuat. |
| 06.02.2009 | Menerima surat daripada JPPH kerana kekeliruan lot sebenar yang hendak dibuat pengambilan. |
| 02.04.2009 | PTD Sepang menjelaskan kepada JPPH bahawa Lot 5700 adalah lot asal dan pengambilan tanah KLIA menyebabkan terdapat perubahan lot. Cadangan tapak kubur tambahan adalah di atas Lot 5736, Geran 80609. |
| 21.04.2009 | Lawatan tapak bersama JPPH dan didapati tapak sebenar adalah Lot 5758 dan Carian Rasmi bagi Lot 5758 dipohon kepada Pejabat Pendaftar Hak Milik Negeri Selangor. |
| 04.05.2009 | Carian Rasmi Lot 5758 diterima daripada Pejabat Pendaftar Hak Milik Negeri Selangor. |

| TARIKH | PERKARA |
|---------------|---|
| 13.05.2009 | Salinan Carian Rasmi Lot 5758 dikemukakan kepada JPPH. |
| 06.07.2009 | Menerima laporan penilaian daripada Jabatan Perkhidmatan Penilaian dan Perkhidmatan harta. |
| 07.07.2009 | Permohonan cadangan pengambilan balik tanah dikemukakan kepada UPEN untuk pertimbangan dan kelulusan. |

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : PERUMAHAN (MASALAH PENEMPATAN SETINGGAN)

90. Kita menyambut baik usaha Kerajaan Negeri Selangor menubuhkan Jawatankuasa Khas ke arah menyelesaikan masalah pemindahan setinggan di Bukit Botak, Selayang yang telah berlarutan begitu lama.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- Sejauh manakah Kerajaan Negeri dapat menjamin laporan Jawatankuasa Khas ini dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.
- Apakah perancangan Kerajaan Negeri supaya benar-benar dapat menyelesaikan masalah penduduk.

JAWAPAN :

- a&b) Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat telah memutuskan hanya akan menyelesaikan setinggan di atas tanah kerajaan sahaja dengan tidak lagi menggunakan Akta Darurat 1969 tetapi menggunakan peruntukan Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965. Setiap Pihak Berkuasa Tempatan telah diarahkan agar memantau tanah-tanah kerajaan terutama kawasan yang telah wortakan sebagai tanah rizab, hutan simpan dan kawasan lapang. Bagi mengelakkan sebarang masalah mengeluarkan setinggan daripada tapak pada masa akan datang, Kerajaan Negeri memutuskan supaya Pejabat Tanah Dan Daerah tidak lagi meluluskan permohonan Lesen Menduduki Sementara (LMS) atas mana-mana tanah rizab agensi kerajaan terutamanya yang melibatkan rizab sungai dan jalan.

Dasar Kerajaan Negeri Selangor dalam menangani masalah pendudukan secara tak sah adalah seperti berikut :-

- Satu keluarga memiliki satu rumah yang sempurna ;
- Penghuni rumah yang dibenci akan ditawarkan rumah kos rendah pada harga RM35,000.00 seunit di mana subsidi RM7,000.00 akan ditanggung oleh pemilik tanah sama ada pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan atau Pihak Berkuasa Berkanun yang mengawal tanah tersebut.
- Sagu hati perpindahan maksima sebanyak RM2,000.00 sekeluarga dan dibayar oleh Pegawai Pengawal.

Bancian ke atas pendudukan secara tak sah oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan dan Pentadbir Tanah juga telah diselaraskan dengan menggunakan pakai Manual Prosedur bancian yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri. Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) telah diarahkan supaya mematuhi kaedah bancian yang telah ditetapkan supaya kerja-kerja bancian dapat

dijalankan dengan lebih sistematik dan seragam. Ini juga dapat mengelakkan sebarang pertikaian senarai nama bincian pada masa akan datang. Walau bagaimanapun pemindahan dan perobohan akan hanya dibuat apabila terdapat tanah milik kerajaan yang perlu dibangunkan segera.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK : MASALAH PERCAMBAHAN GERAI-GERAI TANPA LESEN

91. Sejak kebelakangan ini, gerai tanpa lesen terutamanya di tepi-tepi jalan tumbuh macam cendawan selepas hujan. Boleh dikatakan hampir setiap hari ada saja gerai baru yang didirikan. Lokasi gerai-gerai ini mungkin terletak di tempat-tempat yang strategik, di tepi-tepi jalan misalnya namun dalam banyak kes ia menjelaskan pemandangan serta kebersihan di sesuatu kawasan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini?
- b) Oleh kerana dalam banyak kes, tiada sebarang tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan, adakah ini satu langkah liberalisasi yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menunaikan janji-janji pilihan rayanya membuka lebih banyak peluang kepada rakyat memperolehi pendapatan.

JAWAPAN :

- a) Dalam keadaan kegawatan dan pemulihan ekonomi yang tidak menentu ini, Kerajaan Negeri menggalakkan golongan yang diberhentikan kerja menceburii bidang perniagaan sebagai punca pendapatan mereka. Mereka ini digalakkan untuk bermiaga di pasar malam, pasar pagi dan pasar tani yang dianjurkan oleh PBT. Walaupun banyak ruang perniagaan telah disediakan, Kerajaan negeri sedar terdapat banyak gerai-gerai tanpa kebenaran yang didirikan oleh peniaga. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri telah meminta supaya PBT menjalankan pemeriksaan terhadap gerai-gerai baru ini untuk memastikan kesesuaian lokasi perniagaan dan aspek kebersihan. Mana-mana gerai yang tidak menimbulkan kacau-ganggu dan bantahan penduduk, mereka bolehlah memohon permit sementara daripada PBT. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri tidak menggalakkan peniaga mendirikan gerai sewenang-wenangnya dan mereka digalakkan untuk bermiaga di lokasi-lokasi yang disediakan oleh PBT untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan.
- b) Langkah yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk membantu golongan yang terjejas akibat kegawatan ekonomi. Dengan menceburii perniagaan kecil ini sekurang-kurangnya mereka menjana pendapatan untuk menampung kos hidup mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENTADBIRAN MUKIM DAN KAMPONG

92. ADUN memainkan peranan sebagai agensi Kerajaan Negeri melalui pentadbiran daerah dan juga mukim di bawah Penghulu Mukim. Sekiranya terdapat cukup bukti apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Penghulu yang menerima dan menjalankan arahan selain daripada Pegawai Daerah?
- b) Penghulu yang lebih mengutamakan kerjasama dengan pengerusi JKKKP daripada pengerusi JKKK?
- c) Penghulu yang menjalankan serta membuka ruang bagi menjayakan Program *People Centric* anjuran Kerajaan Pusat?

JAWAPAN :

- a) Penghulu Mukim yang ingkar akan arahan atau menjalankan arahan selain daripada Pegawai Daerah, Pegawai Daerah akan mengambil tindakan tatatertib dengan memberikan amaran serta mengemukakan surat tunjuk sebab supaya Penghulu Mukim berkenaan mematuhi dasar Kerajaan Negeri.
- b) Pada asasnya Penghulu Mukim mestilah mematuhi polisi dan dasar Kerajaan Negeri, namun sekiranya terdapat Penghulu Mukim yang lebih mengutamakan kerjasama dengan Pengerusi JKKKP daripada Pengerusi JKKK dan mempunyai bukti yang kukuh, pada peringkat awal secara pentadbiran, Pegawai Daerah akan menukarkan tempat kerja beliau namun sekiranya beliau gagal Pegawai Daerah akan mengambil tindakan tatatertib dengan memberikan amaran serta mengemukakan surat tunjuk sebab.
- c) Penghulu Mukim sepatutnya menjalankan tugas atau arahan melalui Pegawai Daerah. Namun sekiranya didapati terbukti bahawa Penghulu Mukim tersebut bersalah disebabkan menjalankan atau menjayakan sebarang program anjuran Kerajaan Pusat, beliau akan dikenakan tindakan tatatertib dengan diberikan amaran serta mengemukakan surat tunjuk sebab kepada Pegawai Daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : PELABURAN

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Sejak Pilihan Raya Umum Ke-12 hingga bulan Mei 2009, sudah berapa kali kerajaan Negeri Selangor mencari pelabur di luar negara dan apakah negaranya?
 - Sila nyatakan perbelanjaan setiap kali kerajaan Negeri Selangor ke luar negara untuk mencari pelabur dengan terperinci.

JAWAPAN :

- a) Bagi tempoh Mac 2008 sehingga Jun 2009 sebanyak 4 misi penggalakan pelaburan ke luar negara telah diadakan seperti berikut;:-

| Bil. | Misi Lawatan Penggalakan Pelaburan | Tarikh |
|------|--|-----------------------|
| 1. | Selangor State Government Trade & Investment Mission to Taiwan | 14 – 21 Disember 2008 |
| 2. | Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Ke Pravasi Bharatiya Divas 2009 Dan Vibrant Gujarat : Global Investors' Summit 2009 Di India | 6 – 14 Januari 2009 |
| 3. | Lawatan Penggalakan Pelaburan Ke Negara China (Hefei Dan Beijing) | 24 April – 1 Mei 2009 |
| 4. | Lawatan Penggalakan Pelaburan Ke Negara China (Kunming, Xian & Guang Zhou) | 4 – 13 Jun 2009 |

- b) Perbelanjaan bagi misi setiap misi penggalakan pelaburan ke luar negara yang telah diadakan adalah seperti berikut:-

| Bil. | Misi Lawatan Penggalakan Pelaburan | Perbelanjaan (RM) |
|-------------|--|--------------------------|
| 5. | Selangor State Government Trade & Investment Mission to Taiwan | RM 71,177.56 |
| 6. | Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Ke Pravasi Bharatiya Divas 2009 Dan Vibrant Gujarat : Global Investors' Summit 2009 Di India | RM 66,309.23 |
| 7. | Lawatan Penggalakan Pelaburan Ke Negara China (Hefei Dan Beijing) | RM 90,911.93 |
| 8. | Lawatan Penggalakan Pelaburan Ke Negara China (Kunming, Xian & Guangzhou) | RM 99,280.36 |
| | Jumlah | RM 327,679.08 |

Nota : Kos lawatan ke China adalah agak tinggi berbanding lain-lain negara seperti Taiwan dan India kerana terdapat kos sewa bilik seminar di hotel dan penterjemah di China. Manakala di Taiwan dan India, kos-kos tersebut ditanggung oleh pihak tuan rumah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : DASAR PEMBASMIAN KEMISKINAN

94. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:
- Apakah Dasar Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor?
 - Nyatakan strategi serta tempoh bagi perlaksanaan dasar tersebut

JAWAPAN :

- Dasar Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor adalah berteraskan kepada segala hasil dan kekayaan ekonomi negeri Selangor akan dikongsi bersama seluruh rakyat Negeri Selangor. Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) merupakan dasar Kerajaan Negeri Selangor yang baru di mana konsep ini yang diilhamkan oleh YAB Tan Sri Abdul Khalid bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor yang berpendapat bahawa keseimbangan dalam segala aspek pembangunan fizikal serta sosial perlu wujud agar kualiti hidup rakyat Selangor dijamin serta memastikan Negeri Selangor kekal maju, harmoni serta bersih. Dasar ini merupakan satu pendekatan yang baru di mana segala hal-hal kebijakan rakyat Negeri Selangor dijaga dan diberi perhatian penuh oleh Kerajaan Negeri Selangor tanpa mengambil kira status kaum, agama, usia dan fahaman politik. Program-program yang dilaksanakan menerusi konsep 'Merakyatkan Ekonomi Selangor' bertindak sebagai serampang dua mata di mana memulangkan semula hasil negeri kepada rakyat Negeri Selangor dan seterusnya dapat membantu meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat Negeri Selangor khususnya bagi mereka yang tergolong dalam kumpulan berpendapatan yang rendah. Pada masa kini, Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah sebanyak RM1500 dikategorikan sebagai golongan miskin. Dengan perlaksanaan MES ini, perbezaan antara golongan kaya dan miskin dapat dikurangkan dan seterusnya rakyat dapat menikmati hidup yang lebih selesa dan harmoni dalam Negeri Selangor.
- Strategi pembasmian kemiskinan Negeri memberi fokus kepada pendekatan yang menyeluruh dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan seperti Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Zakat Selangor, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan agensi-agensi pemberi bantuan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia. Selain melaksanakan Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) secara berfasa, Kerajaan Negeri turut menyediakan beberapa program untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk keluar dari garis kemiskinan. Di antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti Program Kerajaan Prihatin, Program Bantuan Kesihatan untuk golongan miskin (bantuan dialisis buah pinggang, katarak mata dan pembedahan kecil) serta program-program peningkatan pendapatan seperti program Blueprint yang memberi bantuan peralatan dan mesin kepada mereka yang sedang mengusahakan perniagaan secara kecil-kecilan. Selain memberi bantuan sara hidup kepada golongan miskin, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan dan mempelbagaikan sumber pendapatan keluarga miskin. Kerajaan Negeri berharap strategi dan pendekatan yang diambil dapat membantu golongan miskin di pelbagai peringkat umur dan kaum di Negeri Selangor

dan Kerajaan Negeri akan memastikan strategi ini berjaya dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : KADAR JENAYAH

95. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Apakah langkah-langkah yang telah diambil dan cabaran yang dihadapi kerajaan untuk membendung kadar jenayah di Selangor?
 - Adakah kerajaan akan bercadang untuk mengambil alih perkhidmatan pasukan polis di Selangor untuk diletakkan di bawah penguasaan Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

- Langkah-langkah dalam usaha membantu untuk mengawal kadar jenayah:
 - Meningkatkan kehadiran polis/omnipresent di tempat-tempat yang kerap berlaku jenayah. Anggota polis ditempatkan secara statik dan meningkatkan bit, patrol, MPV, rondaan motosikal dan sebagainya.
 - Mewujudkan Bali-balai Polis Functional/Komuniti di kawasan-kawasan yang kerap berlakunya jenayah.
- Ops Sepadu**
 - Bersama dengan agensi lain seperti Imigresen, Majlis Perbandaran Petaling Jaya, JPJ, Rela dan lain agensi membuat pemeriksaan di tempat yang disyaki menjalan kegiatan menyalahi undang-undang serta membuat pemeriksaan ke atas kenderaan yang diubahsuai atau disyaki curi.
- Ops Lejang**
 - Buat pemeriksaan ke atas workshop tidak berdaftar dan disyaki menjalankan kegiatan melarikan kenderaan untuk dijual.
 - Buat pemeriksaan terhadap kenderaan yang disyaki curi atau diperoleh dengan jalan salah.
 - Buat rondaan dan intipan di kawasan yang sering berlaku kecurian.
- Ops Dadu**
 - Buat pemeriksaan di premis-premis yang disyaki ada menjalankan kegiatan judi.
 - Mengambil tindakan di bawah undang-undang pencegahan terhadap menganjurnya jika ada cukup bukti untuk menuduhnya.
- Ops Noda**
 - Buat pemeriksaan di premis-premis yang disyaki menjalankan kegiatan pelacuran.
 - Mengambil tindakan di bawah undang-undang pencegahan terhadap menganjurnya jika tidak ada cukup bukti untuk menuduhnya.

g) **Ops Cantas**

- Buat pemeriksaan di tempat-tempat ada kegiatan kongsi gelap dan buat tangkapan jika ada yang terlibat dalam kegiatan yang menyalahi undang-undang.
- Mengambil tindakan di bawah undang-undang pencegahan jika terlibat dan kegiatan kongsi gelap dan tidak boleh dituduh.

h) **Ops Wanted**

- Buat pemeriksaan dan tangkap mereka-mereka yang dikehendaki dan juga di mana waran tangkap telah dikeluarkan terhadap mereka oleh mahkamah kerana tidak hadir bicara.

i) **Ops Rentap**

- Buat rondaan dan pemeriksaan di kawasan-kawasan yang sering berlaku kes ragut dan samun,

j) **Ops DBKL**

- Buat pemeriksaan terhadap suspek seluk saku dan curi ragut di Stesen Bas.
- Buat decoy di dalam bas untuk kesan seluk saku, curi ragut dan samun.

k) **Ops Rempit**

- Pemeriksaan diberi tumpuan kepada remaja dalam kumpulan 6 orang atau lebih yang menggunakan motosikal.
- Untuk kesan mereka yang terlibat dalam kejadian curi ragut, curi motosikal dan lumba haram.
- Pemeriksaan ke atas motosikal mereka jika ada menggunakan peralatan yang dicuri.

l) **Ops Lusoh**

- Pemeriksaan terhadap premis-premis yang menjalankan kegiatan barang lusoh untuk pastikan ia berlesen dan tidak ada membeli barang curi.
- Selain dari menjalankan operasi tersebut tindakan pencegahan juga diambil terhadap mereka yang tidak boleh dituduh di mahkamah kerana tidak cukup bukti di bawah undang-undang seperti Akta Pencegahan Jenayah, Ordinan Darurat, Akta Kediaman Terhad dan lain-lain undang-undang pencegahan.
- Tindakan pencegahan ini dijalankan sepanjang masa. Mesyuarat-mesyuarat pencegahan jenayah diadakan secara berkala bagi membincangkan keberkesanan tindakan pencegahan dan tergempar apabila kadar Indeks sesuatu tempat menunjukkan peningkatan.

b) Perkara berkaitan polis adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Polis. Ini adalah diperuntukkan di bawah Fasal 140 (1) Perlumbagaan Persekutuan. Suruhanjaya ini mempunyai kuasa mutlak berkaitan pelantikan, pengesahan, kenaikan pangkat, pemindahan dan tindakan tatatertib bagi semua pegawai polis. Kerajaan Negeri tidak mempunyai apa-apa kuasa terhadap pasukan polis.

Selain daripada itu, untuk mengambil alih sesuatu badan penguat kuasa, ia memerlukan kuasa untuk menggubal undang-undang berkaitan badan penguat kuasa tersebut. Perkara berkaitan polis adalah termasuk dalam perkara keselamatan dalam negeri yang terletak di dalam Butiran 3, Senarai Pertama, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Ia adalah di dalam Senarai Persekutuan dan bukannya Senarai Negeri. Oleh itu, Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang berkaitan polis.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengambil alih perkhidmatan pasukan polis di Selangor untuk diletakkan di bawah penguasaan Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : PENGURUSAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

96. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Kelang Central – Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah peniaga-peniaga dan pengurusan syarikat bas yang telah berlarutan sekian lama di tempat berkenaan?
 - Senaraikan perbelanjaan yang melibatkan bayaran eluan tetap bulanan, keraian serta perbelanjaan pengurusan pejabat untuk Ahli-ahli Majlis di setiap PBT tahun 2008 dan 2009?
 - Senaraikan jumlah kutipan yang dikutip oleh setiap PBT yang meliputi cukai pintu, cukai taksiran dan premis komersial bagi tahun 2008 dan 2009?

JAWAPAN :

- a) Di peringkat Majlis, pihak Majlis Perbandaran Klang sentiasa mengadakan perbincangan dan mesyuarat berkala di antara pemaju, peniaga-peniaga dan pengusaha bas dalam menangani semua masalah berkaitan. Peniaga dan pengusaha bas juga telah pun menubuhkan Persatuan Peniaga dan Pengusaha Bas di Klang Sentral bagi tujuan yang sama.

Maklumat tambahan :

Peniaga-peniaga

- Dalam tempoh jangka pendek pihak pemaju telah mengadakan Pesta Hiburan (Fun fair) selama 1 bulan mulai 1hb Mei, 2009 sehingga 31hb Mei, 2009 bagi menarik orang ramai ke Klang Sentral. Hasil daripada itu, telah memberi kesan yang positif kepada peniaga-peniaga di Klang Sentral.
- Majlis Perbandaran Klang dalam tindakan membuat Penggubalan Perintah Pengadaan Tempat Pemberhentian Kenderaan Awam. Pihak Majlis juga telah mencadangkan laluan-laluan baru untuk dipatuhi oleh operator-operator bas kepada pihak LPKP untuk pertemuan dengan perjumpaan pihak LPKP diadakan dari masa ke semasa.

Pengurusan Syarikat bas

- Majlis Perbandaran Klang telah membuat perbincangan bersama dengan pihak LPKP bagi penentuan semula laluan trip semua pengusaha-pengusaha bas dari semua destinasi tempatan dan ekspres ke Klang Sentral. Temuduga di antara LPKP dengan Majlis dan pengusaha bas telah pun dijalankan pada 22hb Jun, 2009.

- b) Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT**
- c) Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : JUMLAH BELIA YANG SUDAH DIBANTU

97. Kerajaan Negeri mewar-warkan pelbagai program untuk membantu belia-belia anak Selangor membina masa depan dengan kehidupan yang lebih sempurna.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peluang-peluang pekerjaan dan jenis pekerjaan yang telah disediakan kepada belia-belia anak Selangor?
- b) Berapakah jumlah belia-belia di negeri Selangor yang telah mendapat pekerjaan?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Tenaga Kerja Selangor telah menyediakan pelbagai jenis pengkhususan kerja kepada belia-belia anak Selangor. Perangkaan kekosongan Jawatan Aktif dari 1 Januari 2009 sehingga 31 Mei 2009 adalah sebanyak 3339 kekosongan. Jenis pengkhususan pekerjaan adalah seperti berikut :
 1. Pentadbiran dan Pengurusan – 4 Kekosongan
 2. Profesional – 118 Kekosongan
 3. Juruteknik dan berkaitan – 264 Kekosongan
 4. Perkeranian – 339 Kekosongan
 5. Perkhidmatan dan Jualan – 367 Kekosongan
 6. Pekerja Mahir Pertanian dan Perikanan – 63 Kekosongan
 7. Pekerja Pertukangan dan berkaitan - 19 Kekosongan
 8. Operator loji dan Mesin Pemasang – 1543 Kekosongan
 9. Pekerja Asas – 622 Kekosongan
- b) Jumlah belia-belia termasuk semua kategori pencari kerja di negeri Selangor yang telah mendapat pekerjaan yang dicatatkan dari 1 Januari 2009 sehingga 31 Mei 2009 adalah seramai 3062 orang.


**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPDA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : PASIR

98. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap syarikat mencuri pasir di Bukit Enggang Sungai Long yang masih berleluasa?
 - b) Apakan rasional memberi permit pengeluaran pasir kepada satu syarikat, Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. sedangkan dalam masa yang sama pengeluaran pasir tanpa permit terus meningkat?

JAWAPAN :

- a) Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Langat telah mengambil tindakan bagi mengesan aktiviti kecurian pasir di seluruh daerah Hulu Langat. Ini termasuk mengadakan rondaan mengejut ke kawasan Bukit Enggang, Sungai Long, Mukim Cheras. Siasatan dan rondaan secara berkala telah dilakukan dan ini termasuk aduan yang diterima dari pelbagai pihak. Walau bagaimanapun bagi kes kecurian pasir di kawasan Bukit Enggang Sungai Long, Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Langat tidak dapat mengambil tindakan kerana tidak menemui barang bukti untuk diambil tindakan selaras dengan Seksyen 426 KTN 1965. Kejadian kecurian pasir adalah melibatkan kawasan berbukit bersebelahan anak sungai. Siasatan pada 26 Jun 2009 mendapati tiada sebarang pengeluaran pasir di kawasan yang dimaksudkan. Kawasan ini juga didapati telah lama ditinggalkan oleh pengusaha pasir haram.
- b) Hasrat Kerajaan Negeri membekukan pengeluaran permit pasir adalah untuk menyusun dan memperkemaskan sistem sedia ada di samping mengawal pengeluaran pasir di Negeri Selangor. Setakat ini melalui Kumpulan Semesta Sdn. Bhd., Kerajaan Negeri telah berjaya mengawal lebih kurang 70% daripada pasaran pasir di Negeri Selangor. Selain daripada itu, pendapatan yang diperoleh oleh KKSBB akan disalurkan kepada Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Jumlah pendapatan dari September 2008 (KSSB mula beroperasi) sehingga 31 Mei 2009 adalah RM18.7 juta.



26.06.2009 : Lawatan diatas tapak mendapati tiada sebarang pengeluaran bahan batuan. Kawasan ini juga didapati telah lama ditinggalkan oleh Pengusaha pasir haram.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Apakah peranan dan bidang kuasa Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor?
 - Senaraikan syarikat-syarikat yang terletak di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
 - Senaraikan perbadanan yang mempunyai peranan yang sama seperti Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dalam Negeri Selangor.

JAWAPAN :

- Peranan dan bidang kuasa Perbadanan Setiausaha Kerajaan Selangor (PSKS) adalah seperti berikut :-
 - PSKS adalah sebagai pemegang harta tetap dan harta semasa bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor.
 - PSKS bertanggungjawab di dalam pelaksanaan projek-projek Perumahan Kos Rendah Fasa I, projek-projek di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah (PKPKR) Fasa II serta projek pembangunan campuran Fasa III dibantu oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) sebagai Agen Pelaksana.
 - PSKS bertindak sebagai penjana dan pengimbang perolehan serta perbelanjaan Kerajaan Negeri Selangor (Backup of Financial).
 - Menguruskan aset dan pelaburan semasa PSKS bagi memastikan pulangan yang lebih kukuh dan stabil serta terjamin.
 - Bidang tugas PSKS pada ketika ini adalah seperti berikut :-

PROJEK PERUMAHAN PSKS FASA I

- ❖ Menguruskan fail-fail pembeli rumah PSKS Fasa I sebanyak 5305 fail yang melibatkan 21 projek di seluruh negeri Selangor.
- ❖ Mengesan fail-fail bermasalah yang timbul dari segi pinjaman yang belum dikeluarkan.
- ❖ Mengutip baki tertunggak daripada pembeli bagi pembelian Rumah Kos Rendah di bawah seliaan PSKS.
- ❖ Menyelesaikan masalah tanah-tanah yang belum di pecah milik.

PROJEK-PROJEK PSKS FASA II

- ❖ Menyelia dan memantau kemajuan kerja untuk Projek Khas Perumahan Kos Rendah (PKPKR) serta lain-lain pembangunan bercampur yang diuruskan oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) selaku Pengurus Projek bagi pihak PSKS.
- ❖ Menyelia dan memantau pengurusan tanah-tanah pertanian dan lombong bagi memastikan bayaran sewa dan bayaran pajakan bulanan dibuat.
- ❖ Menguruskan permohonan pindah milik aset-aset di bawah projek Fasa II.

PROJEK-PROJEK PSKS FASA III

- ❖ Menguruskan kerja-kerja berkaitan dokumentasi yang melibatkan permohonan dan kelulusan daripada pihak kerajaan.
- ❖ Menyelaras kemajuan kerja ke atas projek di bawah projek Fasa III.

PENGURUSAN ASET-ASET PSKS

- ❖ Mengurus dan menyelenggarakan aset-aset PSKS seperti Bangunan Pejabat, Rumah Kedai, Rumah, Pangsapuri dan ‘Council Home’ yang diperoleh daripada Kerajaan Negeri atau melalui pembiayaan sendiri.
- ❖ Menguruskan penyewaan dan penjualan aset-aset PSKS.
- ❖ Membuat permohonan tanah-tanah baru yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan pembangunan pada masa akan datang.

b) Syarikat di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Selangor (PSKS) adalah Syarikat Stadium Shah Alam Sdn Bhd di mana PSKS mempunyai saham sebanyak RM 2,000,000.00 sebagai modal berbayar kepada syarikat ini.

Syarikat ini kini di dalam proses pembubarhan / penggulungan.

c) Perbadanan yang mempunyai peranan yang sama seperti Perbadanan Setiausaha Kerajaan Selangor (PSKS) di dalam Negeri Selangor adalah Perbadanan Menteri Besar (MBI) Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PERKHIDMATAN WI-FI

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah Kerajaan Negeri akan memberi perkhidmatan wi-fi ataupun Internet percuma kepada rakyat Selangor?
- b) Adakah tender terbuka akan dijalankan untuk pemilihan kontraktor terlibat?
- c) Apakah kos yang terlibat untuk perlaksanaan perkhidmatan ini?

JAWAPAN :

- a) Buat masa ini, perkhidmatan wi-fi atau Internet percuma kepada rakyat belum dapat dilaksanakan memandangkan Kerajaan perlu menimbang rapi dari sudut implikasi kewangan dan kesan sampingan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri melalui Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri Selangor telah menerima beberapa cadangan model perniagaan yang ditawarkan oleh beberapa buah syarikat telekomunikasi seperti Jaring Communication Sdn Bhd dan Redtone Sdn Bhd untuk menyediakan perkhidmatan Internet (wi-fi) secara percuma dan cadangan-cadangan ini masih dalam penilaian Kerajaan.
- b) Sekiranya setelah pertimbangan implikasi kewangan dan kesan sampingan selesai, kerajaan akan semestinya membuka **Request For Proposal (RFP)** bagi mendapatkan penyelesaian terbaik serta keadaan menang-menang (*win-win situation*) antara Kerajaan, Masyarakat dan Industri.
- c) Seperti yang diterangkan di jawapan (a) di atas, tidak ada lagi kos yang terlibat selain daripada untuk perkhidmatan *wireless* percuma di *Central Business District (CBD)* Shah Alam di mana kita membayar sewaan untuk lima (5) buah *Access Point(AP)* dengan syarikat Jaring Communication Sdn Bhd.

Maklumat Tambahan :

Sewaan 5 *Access Point (AP)* daripada Jaring untuk setahun adalah

$$\begin{aligned}5 \text{ AP} &\times \text{RM } 18,000.00 \\&= \text{RM } 90,000.00\end{aligned}$$

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : RANCANGAN TEMPATAN KUALA LANGAT 2020

101. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah perancangan kerajaan seterusnya hasil kajian tersebut.
 - b) Adakah rancangan pembangunan pesisir sungai dalam pakej rangsangan ekonomi akan menjadi prioriti Kerajaan Negeri.

JAWAPAN :

- a) Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 merupakan satu dokumen perancangan dan pembangunan guna tanah secara terperinci bagi seluruh daerah Kuala Langat. Peringkat seterusnya adalah untuk dipublisitikan kepada orang awam bagi mendapatkan maklum balas dan bantahan sebelum ia diwartakan.
- b) Tiada maklumat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : MASALAH PEKERJA ASING DI KAWASAN PEMBANGUNAN

102. Pembangunan serta pengubahsuaian bangunan-bangunan di persekitaran taman perumahan kerap melibatkan tenaga pekerja orang asing. Sering kali di persekitaran pembangunan tersebut terdapat aduan kes-kes jenayah.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Di peringkat PBT apakah yang boleh dibuat untuk menangani masalah itu ?
- b) Bolehkah perintah berhenti kerja (*stop -work-order*) dikenakan kepada kontraktor yang menggunakan tenaga asing haram ?

JAWAPAN :

- a) Kuasa PBT hanya meluluskan pelan ubahsuai bangunan yang dikemukakan dengan lengkap manakala pelantikan kontraktor adalah ditentukan oleh pemilik rumah itu sendiri. Apa yang boleh dilakukan oleh PBT untuk membantu mengurangkan masalah ini ialah dengan menetapkan syarat dalam kelulusan di mana pemilik hendaklah memastikan kontraktor dilantik menggaji pekerja asing yang sah sahaja.
- b) Perintah berhenti kerja **tidak boleh** dikenakan kepada kontraktor yang menggunakan tenaga asing haram kerana di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta133) perintah berhenti kerja hanya boleh dikenakan bagi kesalahan mendirikan sesuatu bangunan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada PBT malahan Akta 133 tidak menyentuh perihal tenaga pekerja asing. PBT tidak mempunyai autoriti untuk menentukan status pekerja asing. Status mereka hanya boleh disahkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK : GEJALA SOSIAL DIKALANGAN REMAJA

103. Isu gejala sosial yang melanda di Negeri Selangor tidak kurang hebatnya seperti gejala dadah, pergaulan bebas, pinjaman along dan sebagainya.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor :

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri sekarang yang mengatakan akan membuat kempen besar-besaran menangani gejala maksiat?

JAWAPAN :

a) Gejala sosial terutamanya di kalangan remaja, merupakan salah satu isu dan masalah yang perlu ditangani. Bagi menangani masalah tersebut Kerajaan Negeri telah merangka beberapa pelan dan tindakan untuk menangani masalah tersebut antaranya :

- 1) Memperbanyakkan program melibatkan pelajar IPT dengan warga belia.
- 2) Menggalakkan program kemasyarakatan seperti program Youth In Community.
- 3) Memanfaatkan kemudahan atau infrastruktur yang sedia ada.
- 4) Memantapkan sistem sokongan dan perkhidmatan yang bersifat formal (agensi kerajaan) dan formal (NGO)
- 5) Menganjurkan program-program hibur didik alternatif kepada golongan belia.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri akan menganjurkan program-program menarik atau menggalakkan belia terlibat aktiviti keusahawanan, aktiviti-aktiviti seni dan kebudayaan, sukan dan rekreasi. Dengan adanya program-program seperti akan dapat menangani gejala sosial.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : SETINGGAN

104. YAB Dato' Menteri Besar pernah menyatakan dalam dewan yang mulia ini, negeri Selangor berhadapan dengan permasalahan setinggan dan kemiskinan yang serius di kawasan bandar dan pinggir bandar.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah Pelan Tindakan Negeri bagi menghadapi isu setinggan ini?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat telah memutuskan hanya akan menyelesaikan setinggan di atas tanah kerajaan sahaja dengan tidak lagi menggunakan Akta Darurat 1969 tetapi menggunakan peruntukan Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965. Setiap Pihak Berkuasa Tempatan telah diarahkan agar memantau tanah-tanah kerajaan terutama kawasan yang telah waktakan sebagai tanah rizab, hutan simpan dan kawasan lapang. Bagi mengelakkan sebarang masalah mengeluarkan setinggan daripada tapak pada masa akan datang, Kerajaan Negeri memutuskan supaya Pejabat Tanah Dan Daerah tidak lagi meluluskan permohonan Lesen Menduduki Sementara (LMS) atas mana-mana tanah rizab agensi kerajaan terutamanya yang melibatkan rizab sungai dan jalan.

Dasar Kerajaan Negeri Selangor dalam menangani masalah pendudukan secara tak sah adalah seperti berikut :-

- 1) Satu keluarga memiliki satu rumah yang sempurna ;
- 2) Penghuni rumah yang dibanci akan ditawarkan rumah kos rendah pada harga RM35,000.00 seunit di mana subsidi RM7,000.00 akan ditanggung oleh pemilik tanah sama ada pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan atau Pihak Berkuasa Berkanun yang mengawal tanah tersebut.
- 3) Sagu hati perpindahan maksima sebanyak RM2,000.00 sekeluarga dan dibayar oleh Pegawai Pengawal.

Bancian ke atas pendudukan secara tak sah oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan dan Pentadbir Tanah juga telah diselaraskan dengan menggunakan pakai Manual Prosedur bancian yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri. Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) telah diarahkan supaya mematuhi kaedah bancian yang telah ditetapkan supaya kerja-kerja bancian dapat dijalankan dengan lebih sistematik dan seragam. Ini juga dapat mengelakkan sebarang pertikaian senarai nama bancian pada masa akan datang. Walau bagaimanapun pemindahan dan perobohan akan hanya dibuat apabila terdapat tanah milik kerajaan yang perlu dibangunkan segera.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PEKEBUN-PEKEBUN KECIL KELAPA

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri untuk membantu pekebun – pekebun kelapa meningkatkan pengeluaran hasil tanaman kelapa?
- b) Berapakah jumlah pekebun kecil kelapa dan keluasan tanah mereka yang masih belum menerima bantuan Kerajaan Negeri bagi tanaman semula kelapa?
- c) Apakah langkah – langkah dan bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pekebun kecil kelapa yang tanaman kelapa mereka telah diserang penyakit oleh makhluk perosak tanaman?

JAWAPAN :

- a) Dasar Kerajaan Negeri untuk membantu pekebun-pekebun kecil bagi meningkatkan lagi hasil. Adalah menjadi fokus Jabatan Pertanian dengan memodenkan sektor pertanian dan perladangan bagi mengikut hasil dan pengeluaran bahan makanan:
 - 1) Memperkenalkan serta mengganti pokok-pokok kelapa baka lama jenis Malayan Tall kepada pokok berhasil tinggi varieti baru jenis MATAG.
 - 2) Mewujudkan program-program sokongan seperti:
 - Projek Pemulihan Kelapa
 - Promosi Kelapa Pandan
 - Mewujudkan industri hiliran
- b) Keluasan yang masih belum menerima bantuan kelapa adalah dianggarkan seluas 2,800 hektar dengan bilangan petani yang terlibat seramai 1,600 petani.
- c) Ketika berlaku wabak penyakit, pihak Jabatan akan bertindak dengan memastikan kaedah kawalan yang tepat dengan Amalan Pertanian Baik yang disyorkan. Langkah-langkah lain seperti kempen dan juga tunjuk ajar secara langsung akan diadakan bagi memastikan petani dapat mengawal penyakit atau serangan dari merebak. Antara perosak utama kelapa adalah Kumbang Tanduk (Astoma Cataract), penyakit hawar bebenang dan bintik daun. Sekiranya berlaku kes serangan yang serius, maka pihak Jabatan Pertanian akan membuat kawalan secara berkelompok dengan membekalkan peralatan dan racun penyembur.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : PEMBINAAN WAYAR VOLTAN TINGGI OLEH TNB

106. Tenaga Nasional Berhad membina wayar voltan tinggi di kawasan berhampiran dengan tempat kediaman tanpa memberi taklimat kepada ADUN dan penduduk.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah wayar voltan tinggi boleh dibina berhampiran dengan tempat kediaman, misalnya Cheras Hartamas di DUN Teratai dan diluluskan oleh kerajaan?
- b) Bagaimanakah ADUN dan penduduk boleh melibatkan diri dalam proses rundingan bersama pihak berkuasa supaya pembinaan wayar voltan tinggi tidak akan membawa kesan negatif kepada penduduk?
- c) Apakah undang-undang yang boleh menghentikan kerja-kerja membina wayar voltan tinggi yang dilakukan oleh Tenaga Nasional Berhad?

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI SELANGOR

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terhadap Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor yang diumumkan pada 4 Mac lalu dalam usaha memacu perkembangan ekonomi di Negeri Selangor.

JAWAPAN :

- a) Perkembangan Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor dalam usaha memacu perkembangan ekonomi di Negeri Selangor adalah seperti berikut:

- Sekretariat Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor telah dilantik khususnya untuk projek ini, di bawah Pejabat Menteri Besar. Sekretariat ini akan bekerjasama dengan UPEN dan Jabatan-jabatan/ agensi-agensi Selangor lain yang terlibat dalam perkembangan ekonomi di negeri Selangor.
- Panel Penasihat Ekonomi (Economic Advisory Panel) telah dibentuk yang terdiri daripada pakar-pakar profesional dalam bidang tertentu, wakil dari pihak swasta, ahli akademik dan sebagainya. Mereka memainkan peranan penting iaitu memberi nasihat berdasarkan pengalaman mereka sendiri dalam *economic development*.
- Sungai Klang
Projek pembersihan dan pemuliharaan Sungai Klang dijangka akan bernilai RM10billion. Namun demikian, ianya bukanlah dibiayai penuh oleh Kerajaan Negeri kerana ianya adalah projek “private finance initiative” dimana dananya akan diusahakan oleh syarikat swasta yang telah diberi mandat oleh Kerajaan Negeri untuk menjalankan projek berkenaan.
- Pembaharuan aktiviti di Bandar (Urban Redevelopment): Beberapa perancang Bandar telah membuat pembentangan mereka mengenai kawasan-kawasan di Selangor yang berpotensi untuk dibangunkan semula.
- Perluasan sistem pengangkutan bagi seluruh negeri Selangor termasuk perluasan sistem transit aliran ringan (LRT): masih di peringkat perbincangan awal.
- Projek Meningkatkan Hasil Padi telah ditambahkan kepada Pakej Rangsangan Ekonomi
- Proses Penstrukturran Air
Penstrukturran semula aset-aset air adalah penting untuk mengembalikan pemilikan aset-aset air kepada kerajaan negeri. Tujuannya adalah untuk memastikan pengguna mendapat khidmat yang paling cekap dan memastikan harga yang dibayar untuk air yang merupakan keperluan asas manusia adalah berpatutan. Kerajaan negeri komited untuk memastikan air percuma pada $20m^3$ pertama akan terus dilaksanakan untuk kepentingan rakyat

- Pembangunan semula projek-projek perumahan yang terbengkalai: Beberapa perunding bebas telah pun dilantik bagi menyediakan cadangan-cadangan yang berkesan dan kos-efektif dalam membangunkan semula projek terbengkalai. Mereka telah pun membentangkan kertas cadangan mereka.

Buat masa sekarang Lembaga Perumahan, Jawatankuasa Pemuliharaan Projek Terbengkalai di bawah YB Iskandar (EXCO), dan Sekretariat Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor sedang bekerjasama dalam mengenal pasti cadangan yang paling sesuai untuk diguna pakai. Kerajaan Negeri juga berhubung dengan SPNB supaya mereka dapat pendapat mereka dari segi kos dan mengelakkan kerugian supaya hak semua pihak akan terbela.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : BANTUAN KEPADA PARA PELAJAR DALAM MENGUASAI MATA
PELAJARAN**

108. Terdapat sejumlah pelajar yang sanggup meninggalkan sekolah kerana tidak mampu menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Ini termasuk pelajar dari bangsa Melayu, Cina, India dan anak orang asli yang tidak dapat meneruskan persekolahan kerana gagal menguasai mata pelajaran tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah perancangan pihak kerajaan bagi membantu para pelajar yang masih mengalami masalah dalam menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris?

JAWAPAN :

- a) Bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu para pelajar untuk menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, adalah melalui Program Tuisyen Rakyat di mana Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah merupakan salah satu mata pelajaran kelas tuisyen di dalam program Tuisyen Rakyat iaitu selama satu jam untuk setiap mata pelajaran di dalam masa seminggu

Khusus untuk pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, di mana Kerajaan Negeri telah menganjurkan Kem Pemantapan dan penguasaan Bahasa Inggeris. Program ini dilaksanakan melalui PIBG sekolah dan dikendalikan oleh pihak Konsultan yang telah dilantik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN ASAS DI STADIUM MELAWATI

109. Bagi pihak PAS, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan negeri Selangor di atas kebenaran yang diberikan kepada PAS Pusat untuk mengadakan Muktamar PAS Pusat kali ke 55 baru-baru ini. Sungguhpun demikian, didapati kemudahan asas seperti tandas dan sebagainya telah berada di dalam keadaan yang agak usang dan rosak. Manakala surau yang disediakan agak kecil untuk menampung keperluan pengguna di kalangan orang Islam.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah Kerajaan Negeri melalui Exco yang terlibat tidak mempunyai perancangan untuk membaik pulih kerosakan-kerosakan ini dan siapa yang memantau syarikat yang dilantik untuk menyelenggarakan pusat-pusat sukan di Selangor?
- b) Bolehkah keluasan surau-surau di pusat-pusat sukan di seluruh negeri Selangor dilihat semula dan jika perlu dibuat pengubahsuaian bagi memenuhi keperluan umat Islam menunaikan kewajipan bersolat.

JAWAPAN :

- a&b) MBSA / PBT tiada halangan untuk melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian jika diperuntukkan sejumlah peruntukan memandangkan bayaran tersebut (Stadium Malawati) milik Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : BELIA DAN SUKAN

110. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peluang – peluang pekerjaan dan jenis pekerjaan yang telah disediakan kepada belia – belia anak Selangor?
- b) Berapakah jumlah belia – belia di Negeri Selangor yang telah mendapat pekerjaan?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Tenaga Kerja Selangor telah menyediakan pelbagai jenis pengkhususan kerja kepada belia-belia anak Selangor. Perangkaan kekosongan Jawatan Aktif dari 1 Januari 2009 sehingga 31 Mei 2009 adalah sebanyak 3339 kekosongan. Jenis pengkhususan pekerjaan adalah seperti berikut :

| | |
|--|-------------------|
| 1. Pentadbiran dan Pengurusan | – 4 Kekosongan |
| 2. Profesional | – 118 Kekosongan |
| 3. Juruteknik dan berkaitan | – 264 Kekosongan |
| 4. Perkeranian | – 339 Kekosongan |
| 5. Perkhidmatan dan Jualan | – 367 Kekosongan |
| 6. Pekerja Mahir Pertanian dan Perikanan | – 63 Kekosongan |
| 7. Pekerja Pertukangan dan berkaitan | – 19 Kekosongan |
| 8. Operator loji dan Mesin Pemasang | – 1543 Kekosongan |
| 9. Pekerja Asas | – 622 Kekosongan |
- b) Jumlah belia-belia termasuk semua kategori pencari kerja di negeri Selangor yang telah mendapat pekerjaan yang dicatatkan dari 1 Januari 2009 sehingga 31 Mei 2009 adalah seramai 3062 orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK : SEKTOR PELANCONGAN

111. Pantai Batu Laut merupakan satu pantai yang berada di kawasan Tg Sepat. Pelancongan telah menjadi salah satu sumber ekonomi bagi kawasan ini. Pendapatan yang di peroleh dari sektor ini meningkat dengan banyaknya pada setiap tahun.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri di dalam meningkatkan sektor ini khususnya bagi kawasan pantai Batu Laut ?
- b) Di kawasan Batu Laut, terdapat banyak tanah-tanah milik Kerajaan Negeri dan individu yang tidak digunakan. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan pelancongan ataupun pelancongan yang berkaitan dengan kesihatan/pendidikan?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan Rancangan Tempatan Morib-Tg Sepat, kawasan Batu Laut berpotensi bagi pembangunan pelancong berasaskan:
 - i) Pelancongan Alam Semulajadi-(Eco Tourism)
 - ii) Pelancongan Khusus – program balik kampung
 - iii) Pelancongan Agro – homestay dan taman botani
- b) MDKL bercadang untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan rekreasi pantai terutamanya untuk pertandingan perahu layar dan membina sebuah akademi perahu layar di kawasan tersebut.

JAWAPAN DARIPADA PTD KUALA LANGAT

- b) Tanah-tanah kerajaan yang terdapat di Batu Laut merupakan tanah-tanah paya bakau yang menjadi penghalang hakisan ombak. Pada ketika ini Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai perancangan khusus untuk membangunkan kawasan tersebut sebagai kawasan pelancongan. Jika ada pembangunan, hendaklah dibuat secara selektif supaya tidak mengganggu ekosistem di kawasan tersebut. Bagi tanah-tanah milik individu, pembangunan hanya boleh dilaksanakan mengikut zon kegunaan tanah di dalam pelan Rancangan Penyata Daerah Kuala Langat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HJ WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

**TAJUK : PENGUNAAN STADIUM MALAWATI SEBAGAI TEMPAT PERSIDANGAN /
MUKTAMAR PAS**

112. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Baru - baru ini Parti Pas telah mengadakan muktamarnya di Stadium Melawati Shah Alam, berapakah jumlah sewa yang dikenakan oleh pihak pengurusan stadium selama muktamar itu berlangsung.

JAWAPAN :

- a) Jumlah sewa yang dikenakan oleh Bahagian Pengurusan stadium kepada PAS Selangor ialah sebanyak RM 46,035.00. Tuntutan ini adalah berdasarkan sewa tapak sahaja. Pembersihan kawasan seperti pembuangan sampah sarap ditanggung sepenuhnya oleh pihak PAS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : NAJIS DADAH YANG BERLELUASA

113. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Sila senaraikan statistik terkini jumlah penagih-penagih dadah di Negeri Selangor mengikut pecahan kaum dan daerah.
 - Sila kemukakan butiran terperinci mengenai berapakah ramai pembekal-pembekal dadah yang ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah dari tahun 2008 hingga bulan Jun 2009.
 - Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan para remaja begitu mudah terjebak dengan najis dadah.

JAWAPAN :

- a) Sumber daripada Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI) yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan Januari sehingga Mac 2009, jumlah penagih dadah telah dikesan di Negeri Selangor mengikut pecahan kaum dan daerah adalah seperti berikut:

Mengikut pecahan kaum :

| KAUM | BILANGAN | PERATUS (%) |
|-------------|----------|-------------|
| Melayu | 107 | 87.7 |
| Cina | 5 | 4.1 |
| India | 9 | 7.38 |
| Lain – lain | 1 | 0.82 |
| JUMLAH | 122 | 100 |

Mengikut pecahan daerah :

| DAERAH | BILANGAN | PERATUS (%) |
|----------------|----------|-------------|
| Ampang | 8 | 6.56 |
| Gombak | 42 | 34.43 |
| Hulu Langat | 27 | 22.13 |
| Kuala Langat | 8 | 6.56 |
| Kuala Selangor | 6 | 4.92 |
| Petaling | 5 | 4.1 |
| Sabak Bernam | 13 | 10.66 |
| Sepang | 1 | 0.80 |
| Hulu Selangor | 12 | 9.84 |
| JUMLAH | 122 | 100 |

- b) JUMLAH PEMBEKAL DADAH YANG DITANGKAP DI BAWAH AKTA DADAH BERBAHAYA 1952 BAGI TAHUN 2008 DAN 2009 (JAN – MEI)

| PECAHAN SEKSYEN | TAHUN 2008 (JAN – DIS) | TAHUN 2009 (JAN – MEI) |
|---------------------|------------------------|------------------------|
| SEK. 39 B ADB 1952 | 507 | 307 |
| SEK 39A(2) ADB 1952 | 250 | 109 |
| SEK 39A(1) ADB 1952 | 489 | 256 |
| JUMLAH | 1,246 | 672 |

Sumber : PDRM

- c) Punca utama yang menyebabkan para remaja begitu mudah terjebak dengan najis dadah menurut sumber Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI) sehingga Mac 2009, seramai 61 orang daripada 122 orang yang terlibat dengan dadah iaitu sebanyak 52.59% adalah disebabkan oleh pengaruh rakan, manakala perasaan ingin tahu seramai 27 orang iaitu (23.28%) dan untuk tujuan keseronokan adalah seramai 15 orang (12.93). Peratus yang selebihnya pula adalah disebabkan oleh masalah dan tekanan keluarga. Namun begitu, ibu bapa harus memainkan peranan penting sebagai medium terbaik dalam menangani isu dadah ini. Ibu bapa perlu diperingatkan bahawa anak mereka adalah sebagai satu tanggungjawab yang tidak boleh dilepaskan atau didelegasikan kepada pihak lain dalam apa jua keadaan. Justeru itu, gejala penyalahgunaan dadah bukannya alasan ibu bapa untuk melepaskan tanggungjawab mereka. Adalah nyata bahawa gejala dadah kini telah berjaya menyerang masuk ke dalam institusi kekeluargaan, sekolah dan tempat kerja, maka ibu bapa seharusnya tidak memandang ringan permasalahan yang wujud ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PUSAT PELUPUSAN SAMPAH

114. Pelbagai masalah timbul akibat Pusat Pelupusan Sampah di Jeram merupakan satu-satunya pusat pelupusan di negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan pusat pelupusan ini?
- b) Apakah perancangan pihak negeri pada masa akan datang untuk memperbaiki kaedah pengurusan sampah di negeri Selangor?
- c) Apakah pandangan Kerajaan Negeri terhadap sistem *incinerator* yang diamalkan oleh negara-negara maju dan bagaimanakah ia boleh dilaksanakan dengan jayanya tidak seperti kegagalan sistem ini di Broga?

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK : SKANDAL PKFZ

115. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah peranan yang dapat dimainkan oleh Kerajaan Negeri dalam mengambil tindakan terhadap skandal Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ)?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri boleh menjadikan PKFZ pemangkin pembangunan industri di kawasan tersebut. Kita boleh menggabungkan peranan pelabur tempatan dan luar bagi menyumbang terhadap peranan PKFZ. Saya bersedia menyumbang pengalaman saya sebagai bekas Pengerusi Kontena Nasional yang mengambil alih penswastaan Pelabuhan Klang dan mentadbir Pelabuhan Utara selama beberapa tahun.

Kerajaan Negeri bersedia berbincang dengan Kerajaan Persekutuan bagi memainkan peranan tersebut termasuk menerusi SSIC dan agensi-agensi Kerajaan Negeri yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : RUMAH-RUMAH IBADAT

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah rumah-rumah ibadat seperti Masjid/Surau, Tokong-tokong Cina, Kuil-kuil Agama Hindu, Gereja-gereja Agama Kristian dan lain-lain rumah ibadat di seluruh Negeri Selangor dan apakah nama-nama rumah-rumah ibadat tersebut?
- b) Berapakah jumlah rumah-rumah ibadat tersebut di seluruh Negeri Selangor yang mempunyai hak milik kekal dan yang tidak mempunyai hak milik kekal?
Dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasinya ketiadaan hak milik kekal tersebut?
- c) Setakat hari ini, apakah jenis-jenis bantuan yang telah dan akan diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada :-
 - i) Masjid/Surau;
 - ii) Tokong-tokong Cina;
 - iii) Kuil-kuil Agama Hindu;
 - iv) Gereja-gereja Agama Kristian; dan
 - v) Lain-lain rumah ibadat

JAWAPAN :

- a) **Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT**
- b) **Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT**
- c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Jun 2009 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPDA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : LAMPU JALAN DALAM TAMAN PERUMAHAN

117. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan terhadap lampu-lampu jalan di kawasan taman-taman perumahan yang kerap rosak dan tidak di selenggara?
- b) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk memasang lampu di sekitar kawasan padang permainan untuk kemudahan orang ramai pada waktu malam?

JAWAPAN :

- a) Kerja-kerja penyelenggaraan lampu awam bagi kawasan taman perumahan terbahagi kepada 2 agensi terlibat iaitu pihak majlis dan Tenaga Nasional Berhad (TNB). Bagi lampu tiang jenis galvani pihak majlis bertanggungjawab secara langsung dari segi pembaikan dengan menjalankan kerja penyelenggaraan dan pemantauan secara jabatan dan dibantu oleh pihak kontraktor penyelenggaraan tahunan. Kekerapan kerosakan berpunca daripada vandalisme dan kecurian kabel. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini Majlis telah mengarahkan agar pintu selenggaraan (servis door) dipasang lengkap dengan ' spot welding' bagi mengatasi masalah vandalisme ini. Manakala bagi lampu pada tiang konkrit adalah di bawah penyelenggaraan pihak TNB dengan pemantauan bersama oleh Majlis. Kadar kekerapan kerosakan lampu bagi tiang jenis konkrit adalah rendah.
- b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah mengarahkan kepada pihak pemaju yang menjalankan projek pembangunan baru di kawasan PBT masing-masing agar menyediakan padang permainan yang lengkap berlampa untuk kemudahan pada waktu malam. Manakala bagi padang permainan sedia ada cadangan pemasangan lampu akan di laksanakan secara berperingkat mengikut peruntukan majlis sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK : KEGIATAN MEREMPIT DIKALANGAN REMAJA

118. Negeri Selangor dilihat sebagai salah sebuah negeri yang paling ramai remajanya terlibat dengan mat rempit.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor :

- a) Berapakah statistik terkini serta perancangan Kerajaan Negeri untuk menanganinya?

JAWAPAN :

a) Statistik Polis Kontinjen Selangor telah mencatatkan sebanyak 115 kegiatan merempit di kalangan remaja Selangor dari Januari hingga Mei 2009. Petaling jaya merupakan jumlah kegiatan yang tertinggi setakat ini iaitu sebanyak 45 kes (**sila lihat LAMPIRAN untuk statistik keseluruhan**). Sehubungan dengan itu, Kontinjen Polis Selangor telah menjalankan operasi sebanyak 278 kali pada 1 Januari hingga 21 Jun 2009. Daripada operasi ini sebanyak 6919 saman dikeluarkan atas kesalahan:

- 1) Tidak memakai topi keledar;
- 2) Tiada lesen memandu;
- 3) Tiada cukai jalan;
- 4) Tiada perlindungan insurans;
- 5) Tiada cermin sisi;
- 6) Nombor plat tidak mengikut peraturan;
- 7) Ubahsuai motosikal; dan melanggar lampu isyarat.

Sebanyak 332 buah motosikal disita kerana kesalahan tiada lesen memandu, tiada cukai jalan dan tiada perlindungan insurans. Purata penunggang motosikal yang terlibat ialah di antara 16 hingga 25 tahun. Jumlah tangkapan di bawah Seksyen 42(1) Memandu Secara Melulu dan Merbahaya, Akta Pengangkutan jalan 1987 ialah seramai 36 orang.

Perancangan Kerajaan Negeri untuk membanteras gejala lumba haram ialah dengan memupuk kesedaran para remaja dari peringkat awal dengan mengadakan ceramah dan pameran di beberapa tempat seperti:

- 1) Pusat pengajian tinggi awam / swasta;
- 2) Sekolah-sekolah rendah dan menengah;

- 3) Semasa perasmian balai polis komuniti;
- 4) Pusat/kompleks membeli-belah yang menjadi tumpuan remaja;
- 5) Galeri awam yang menjadi tumpuan pengunjung.

| KESALAHAN | JUMLAH KES (JAN-MEI 2009) | TANGKAPAN (JAN-MEI 2009) |
|---------------------|--------------------------------------|-------------------------------------|
| PETALING JAYA | 45 | 0 |
| SUBANG JAYA | 21 | 0 |
| KLANG | 13 | 0 |
| GOMBAK | 8 | 0 |
| KAJANG | 8 | 0 |
| AMPANG JAYA | 16 | 0 |
| SHAH ALAM | 3 | 0 |
| KUALA LANGAT | 0 | 0 |
| KUALA SELANGOR | 0 | 0 |
| HULU SELANGOR | 0 | 0 |
| SABAK BERNAM | 1 | 0 |
| SEPANG | 0 | 0 |
| JUMLAH BESAR | 115 | 0 |

**STATISTIK OPERASI LUMBA HARAM (SAMSENG JALANAN) KONTINJEN
SELANGOR BAGI TAHUN 2009**

- 1.1 Jumlah operasi dijalankan mulai Bulan Januari hingga 21hb Jun 2009 sebanyak 278 kali
- 1.2 Jumlah saman (POL.257) dikeluarkan kepada penunggang motosikal sebanyak 6919 saman di atas kesalahan:
 - 1.2.1 Tidak memakai topi keledar
 - 1.2.2 Tiada lesen memandu
 - 1.2.3 Tiada cukai jalan
 - 1.2.4 Tiada perlindungan insurans
 - 1.2.5 Tiada cermin sisi
 - 1.2.6 No. plet tidak mengikut peraturan
 - 1.2.7 Ubahsuai motosikal
 - 1.2.8 Melanggar lampu isyarat

- 1.3 Kenderaan (motosikal) disita kerana penunggang tiada lesen memandu, tiada cukai jalan dan tiada perlindungan insurans ialah sebanyak 332 buah.
- 1.4 Purata penunggang motosikal yang terlibat berumur antara 16 hingga 25 tahun.
- 1.5 Bangsa yang terlibat dalam gejala lumba haram :
- | | | | |
|-------|------------------|---|------------|
| 1.5.1 | Melayu | - | 80 peratus |
| 1.5.2 | India | - | 10 peratus |
| 1.5.3 | Cina | - | 9 peratus |
| 1.5.4 | Lain-lain bangsa | - | 1 peratus |
- 1.6 Kenderaan yang digunakan ialah:
- | | |
|-------|--|
| 1.6.1 | 70 peratus motosikal 110 cc ke bawah (jenis Cub) |
| 1.6.2 | 15 peratus motosikal 125 cc ke atas (jenis RXZ dan setarafnya) |
| 1.6.3 | 15 peratus motokar |
- 1.7 Ciri-ciri kenderaan yang digunakan dalam aktiviti Lumba Haram ialah:
- | | |
|-------|---|
| 1.7.1 | Nombor pendaftaran (plat) dibengkokkan |
| 1.7.2 | Nombor pendaftaran (plat) diconteng |
| 1.7.3 | Nombor pendaftaran (plat) dimalapkan (tidak terang) |
| 1.7.4 | Nombor pendaftaran (plat) tidak lengkap (angka atau huruf) |
| 1.7.5 | Nombor pendaftaran (plat) tidak dipasang |
| 1.7.6 | Menggunakan nombor pendaftaran (plat) palsu |
| 1.7.7 | Lampu belakang tidak dipasang atau ditanggalkan. |

- 1.8 Punca-punca Lumba Haram yang dikenal pasti ialah :
- 1.8.1 Dipengaruhi oleh rakan sebaya
 - 1.8.2 Untuk mencari keseronokan dan memperkenalkan identiti kepada rakan-rakan lain
 - 1.8.3 Rangsangan dari penonton dan rakan-rakan
 - 1.8.4 Rangsangan pengubahsuaian kenderaan
 - 1.8.5 Kelonggaran institusi keluarga
 - 1.8.6 Kebebasan mutlak remaja yang bekerja berjauhan dari keluarga
 - 1.8.7 Kos aktiviti yang murah
 - 1.8.8 Pendidikan agama yang rendah
 - 1.8.9 Pendidikan moral yang rendah
- 1.9 Pekerjaan mereka yang terlibat dalam aktiviti lumba haram :
- 1.9.1 Kerja sendiri
 - 1.9.2 Pekerja kilang
 - 1.9.3 Despatch Rider
 - 1.9.4 Penganggur
 - 1.9.5 Buruh
 - 1.9.6 Pelajar
 - 1.9.7 Mekanik
 - 1.9.8 Lain-lain pekerjaan (Kerajaan/Swasta)
- 1.10 Jumlah tangkapan di bawah Seksyen 42(1) Memandu Secara Melulu Dan Membahayakan, Akta Pengangkutan Jalan 1987 seramai 36 orang penunggang motosikal.

2. PERANCANGAN UNTUK MEMBENTERAS GEJALA LUMBA HARAM (SAMSENG JALANAN).

Pendidikan

Mengadakan ceramah dan pameran di tempat;

- Pusat Pengajian Tinggi Awam/ Swasta
- Sekolah-sekolah rendah dan menengah
- Semasa perasmian Balai Polis Komuniti
- Pusat/kompleks membeli belah
- Galeri awam yang menjadi tumpuan pengunjung

Penguatkuasaan

Menjalankan operasi berpanjangan pada malam minggu, malam cuti am di tempat tumpuan kegiatan lumba haram yang dikenal pasti di antara jam 1200 malam hingga 0400 pagi.

2.2.2 Menjalankan Operasi Khas Bersepadu dengan agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Alam Sekitar dan lain-lain agensi.

2.2.3 Menjalankan pemeriksaan teliti ke atas kenderaan semasa operasi dijalankan dan mengambil tindakan undang-undang.

Pendakwaan

Menjalankan pendakwaan di mahkamah ke atas penunggang/pemandu yang ditangkap dan didakwa di bawah Sek. 42(1) Memandu Secara Melulu Dan Membahayakan, Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Kesalahan ini jika disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit serta hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan sesuatu lesen memandu selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dari tarikh sabitan.

Dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian;

Penjara selama tempoh tidak melebihi selama sepuluh tahun dan denda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit serta hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan sesuatu lesen memandu selama tempoh sepuluh tahun dari tarikh sabitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : TANGGUNGAN PEMBELANJAAN PERUBATAN BAGI WARGA EMAS DAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI SELANGOR

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan Warga Emas / OKU dalam mengatasi masalah tanggungan perbelanjaan Perubatan yang agar tinggi ini?
- b) Bilakah bantuan tersebut akan dilaksanakan?

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada Sektoral

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KRISIS MAKANAN

120. Memandangkan krisis ekonomi sering diikuti dengan krisis makanan dan menimbulkan pelbagai masalah pada rakyat yang miskin.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan masalah krisis makanan tidak berulang lagi khususnya semasa krisis ekonomi.
- b) Apakah ketetapan Kerajaan Negeri untuk memastikan wujudnya perimbangan antara perkembangan perindustrian dan perkembangan pertanian.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri percaya fungsi dan peranan sektor pertanian di Selangor amat penting sebagai sumber makanan dan merupakan sumber pendapatan utama golongan petani, penernak dan nelayan khususnya di kawasan luar bandar. Saya ingin menegaskan di sini bahawa krisis makanan tidak berlaku di negeri ini. Namun demikian, bagi memastikan masalah krisis makanan tidak berlaku, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian telah memperkenalkan program-program berikut :

i. Program Pembangunan Taman Agroteknologi / Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan

Objektif program ini adalah untuk mewujudkan kawasan pengeluaran pertanian kekal, berskala besar, komersial dan berteknologi tinggi selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara dan Negeri. Pelaksanaan program ini juga bertujuan untuk mengeluarkan hasil pertanian terpilih, bermutu dan bernilai tinggi untuk membantu menampung keperluan makanan negara di samping berfungsi sebagai kawasan agro pelancongan. Program ini turut membantu mengatasi masalah kekurangan tanah untuk pengeluaran makanan yang sering dihadapi oleh usahawan tani dan sektor swasta.

ii. Program Tanaman Makanan

Program ini memfokuskan kepada tanaman makanan utama iaitu padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa dan tanaman jangka pendek. Selain memenuhi permintaan penduduk tempatan, program ini juga bertujuan untuk mengurangkan bilangan import (imbangan perdagangan) terutamanya bagi tanaman bernilai tinggi seperti tanaman cili, timun dan tomato. Pemuliharan kawasan tanaman sedia ada, pelaksanaan penanaman baru dan amalan teknologi moden seperti penggunaan benih bermutu tinggi, penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan menggunakan kaedah fertigasi, pembairkupulihan pengairan dan saliran, implementasi teknologi perladangan persis,

penggunaan mekanisasi dan automasi serta amalan pengendalian lepas tuai akan dipertingkatkan bagi memastikan peningkatan hasil pengeluaran tanaman makanan.

- b) Dalam tahun 2008, sektor pertanian menyumbangkan 4.2% kepada pembangunan ekonomi negeri. Nilai tambah sektor ini dijangka meningkat sebanyak RM 3.5 bilion pada tahun 2009 berbanding RM 3.4 bilion pada tahun 2008. Bagi mewujudkan keseimbangan antara perkembangan perindustrian dan perkembangan pertanian serta menjadikan pertanian sebagai asas memajukan negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah mengaplikasikan pendekatan Pertanian Moden yang memberikan fokus kepada pertanian berteknologi moden, berskala besar dan berorientasikan eksport bagi meningkatkan kualiti dan produk pertanian bermutu tinggi.

Kawasan-kawasan yang berpotensi untuk pertanian akan diberi tambah nilai, dikekalkan, dan tidak akan digunakan untuk tujuan guna tanah yang lain. Berdasarkan statistik daripada Jabatan Pertanian Negeri Selangor dan Rancangan Sosial Negara (RSN) Selangor 2020, unjuran kawasan pertanian di negeri Selangor sehingga tahun 2020 adalah sebanyak 221,612.64 hektar iaitu 27.85% daripada keluasan negeri Selangor.

Bagi merancakkan pertumbuhan sektor pertanian, beberapa program telah dijalankan seperti berikut :

i. Program Pembangunan Taman Agroteknologi / Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)

Objektif program ini adalah untuk mewujudkan kawasan pengeluaran pertanian kekal, berskala besar, komersial dan berteknologi tinggi selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara dan Negeri. Pelaksanaan program ini juga bertujuan untuk mengeluarkan hasil pertanian terpilih, bermutu dan bernilai tinggi untuk membantu menampung keperluan makanan negara di samping berfungsi sebagai kawasan agro pelancongan. Program ini turut membantu mengatasi masalah kekurangan tanah untuk pengeluaran makanan yang sering dihadapi oleh usahawan tani dan sektor swasta.

ii. Program Tanaman Makanan

Program ini memfokuskan kepada tanaman makanan utama iaitu padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa dan tanaman jangka pendek. Selain memenuhi permintaan penduduk tempatan, program ini juga bertujuan untuk mengurangkan bilangan import (imbangan perdagangan) terutamanya bagi tanaman bernilai tinggi seperti tanaman cili, timun dan tomato. Pemuliharan kawasan tanaman sedia ada, pelaksanaan penanaman baru dan amalan teknologi moden seperti penggunaan benih bermutu tinggi, penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan menggunakan kaedah fertigasi, pembairuan pengairan dan saliran, implementasi teknologi perladangan persis, penggunaan mekanisasi dan automasi serta amalan pengendalian lepas tuai akan dipertingkatkan bagi memastikan peningkatan hasil pengeluaran tanaman makanan.

iii. Projek 10 Ton

Di bawah projek ini, para petani menggunakan sistem ‘periksa beras’ iaitu semua aktiviti dilakukan mengikut jadual yang teratur, berdisiplin dan bekerjasama bagi mencapai objektif pengeluaran hasil padi 10 ton/hektar.

iv. Program Pembangunan Pengurusan Jerami Padi

Program ini adalah bertujuan untuk mewujudkan sistem pengurusan jerami padi yang lebih berkesan dengan menggunakan mekanisasi, automasi dan teknologi terkini.

v. Pembangunan Usahawan Tani – Industri Asas Tani (IAT) / Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

Program ini bertujuan untuk memperkembangkan produk-produk IAT / IKS dari luar bandar dengan mempelbagaikan produk-produk usahawan tani yang merangkumi produk bakeri dan kiskut, kraf tani, industri minuman ringan dan industri makanan kesihatan seperti mas cotek, serai dan sebagainya. Program ini dilaksanakan bagi meningkatkan mutu produk-produk terpilih industri IAT/IKS di mana produk tersebut perlu melalui penyelidikan pengembangan intensif oleh MARDI iaitu ia dikeluarkan mengikut piawaian *Good Manufacturing Practice* (GMP), pengiktirafan Sijil Halal dan kemudiannya diakreditasi, diberi penjenamaan, promosi dan diedarkan oleh FAMA ke seluruh negara termasuk di pasar raya besar seperti TESCO, CARREFOUR dan GIANT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENTADBIRAN PEJABAT DAERAH

121. ADUN memainkan peranan sebagai agensi Kerajaan Negeri melalui pentadbiran daerah di bawah Pegawai Daerah yang mengetuai Pejabat Tanah dan Daerah. Dalam hubungan antara Kerajaan Negeri dengan ADUN:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- Mengapakah surat-surat Kerajaan Negeri kepada Pegawai Daerah yang ada hubungannya dengan DUN-DUN tertentu tidak dimaklumkan atau disalin kepada ADUN-ADUN berkenaan?
- Mengapakah kes-kes tertentu yang melibatkan penduduk kepada Pegawai Daerah dari DUN-DUN tertentu tidak dimaklumkan kepada ADUN-ADUN berkenaan?
- Mengapakah (khas dalam konteks Pejabat Tanah dan Daerah Gombak), surat-surat ADUN kepada Pegawai Daerah tidak dibalas dan tidak diberi sebarang maklum balas berbulan-bulan lamanya?

JAWAPAN :

- Secara asas, semua urusan persuratan sama ada di peringkat Ibu Pejabat Kerajaan Negeri, pentadbiran daerah atau pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan disalin kepada mana-mana pihak yang berwajib untuk makluman atau perlu diberi maklum balas ke atas isu yang ditimbulkan. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah urusan yang perlu diselesaikan secara pentadbiran terlebih dahulu di antara Jabatan, sebelum ia wajar dimaklumkan kepada lain-lain pihak berwajib.

Justeru, pentadbiran daerah adalah tidak terkecuali dengan urusan pentadbiran yang dimaksudkan, terutamanya jika sesuatu urusan/perkara tersebut perlu mendapatkan maklumat/penjelasan/maklum balas daripada lain-lain Jabatan terlebih dahulu, sebelum ia disalin kepada lain-lain pihak sebagai makluman.

- Semua kes yang melibatkan urusan di antara penduduk dan Pegawai Daerah (dan semua kakitangan di bawah pentadbiran beliau) hendaklah ditangani secara urusan rasmi, termasuk hal-hal yang dikategorikan sebagai darurat/kecemasan. Pegawai Daerah akan menangani sesuatu isu terlebih dahulu berdasarkan bidang tugas dan kuasa (dari sudut pentadbiran) yang diperoleh oleh beliau berdasarkan jawatan yang dipegang, dan seterusnya diperturunkan kepada pegawai-pegawai bawahannya.

Dari sudut pentadbiran, semua Pejabat Tanah dan Daerah akan sentiasa memaklumkan dan menyediakan salinan surat yang diterima, sekiranya ia memerlukan perhatian dan tindakan oleh ADUN berkenaan.

- c) Dari aspek pentadbiran, semua persuratan yang diterima daripada pihak luar akan ditangani dengan sebaik mungkin, sekurang-kurangnya dengan memberi maklum balas pertama dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh penerimaan surat (selaras dengan Dasar Dua Minggu). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu/kes terpencil yang memerlukan tindakan lebih daripada satu (1) Jabatan, di mana satu tempoh masa diperlukan untuk mendapatkan maklum balas daripada Jabatan tersebut, sebelum isu/kes tersebut diselesaikan.

Selain itu, terdapat beberapa isu/kes terpencil yang dikenal pasti melibatkan implikasi perundangan, yang memerlukan ia dirujuk kepada Kamar Penasihat Undang-undang Negeri terlebih dahulu. Isu/kes seperti ini biasanya akan melibatkan satu tempoh yang agak panjang untuk diselesaikan oleh Pegawai Daerah mengikut bidang tugas dan kuasa (dari sudut pentadbiran).

Sebagai tambahan, terdapat juga beberapa isu/kes yang menyentuh perkara-perkara dasar sedia ada yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri, yang perlu dirujuk ke peringkat Ibu Pejabat terlebih dahulu. Pentadbiran daerah, di bawah pengurusan Pegawai Daerah, hanya melaksanakan tugas berdasarkan semua dasar dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sahaja.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : PERKUBURAN

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah dasar kerajaan Selangor dalam pemberian tanah untuk tanah perkuburan?
 - Berapakah keluasan tanah yang digunakan untuk perkuburan awam dan perkuburan swasta?
 - Apakah syarat-syarat yang dikenakan dalam kelulusan permohonan tanah perkuburan swasta?

JAWAPAN :

- Kerajaan Negeri tiada dasar dalam pemberian tanah untuk tujuan tanah perkuburan. Walau bagaimanapun, menurut Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 1/2005, pemaju atau pemilik tanah yang membangunkan kawasan seluas 202.345 hektar (500 ekar) dan ke atas bagi pembangunan perumahan / kediaman atau pembangunan bercampur diwajibkan menyediakan tapak perkuburan (Islam dan Bukan Islam) dalam kawasan yang dibangunkan untuk diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk dirizabkan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara.

Sekiranya pemaju enggan atau keberatan menyediakan tapak perkuburan di kawasan pembangunan yang dilaksanakan, mereka dikehendaki membayai kos pengambilan balik tanah di tapak lain mengikut keluasan yang sama sebagaimana yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Pembangunan yang kurang daripada 202,345 hektar (500 ekar) pemaju atau pemilik tanah tidak diwajibkan menyediakan tapak kubur dalam kawasan pembangunan mereka. Mereka hanya wajib menyumbang ke dalam 'Tabung Amanah Perkuburan' sebanyak RM62.50 setiap unit / petak rumah kediaman.

- Jumlah keluasan perkuburan awam adalah 535.04 ekar, manakala keluasan bagi perkuburan swasta adalah 223 ekar.
(Maklumat hanya bagi daerah Hulu Langat, Hulu Selangor dan Sepang)
- Bagi syarat pembangunan kubur swasta, syarat yang dikenakan adalah kategori bangunan dan syarat nyata tanah adalah perniagaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : ALAM SEKITAR

123. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap kilang-kilang yang melepaskan asap berlebihan sehingga menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar terutamanya kilang-kilang di kawasan Meru?

JAWAPAN :

- a) Kilang-kilang yang didapati melakukan kesalahan melepaskan asap yang berlebihan menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar akan diambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 iaitu dengan mengeluarkan Notis Arahan, kompaun, tindakan mahkamah dan mengenakan Perintah Larangan beroperasi.

Rekod Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor mendapati kilang-kilang di kawasan sekitar Meru yang menghasilkan pencemaran udara adalah kilang berasaskan kayu, plastik, "cement batching plant", berasaskan getah, kimia, logam, percetakan dan tekstil. Tindakan yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar bagi mengawal pelepasan asap dari kilang-kilang ini adalah dengan membuat pemeriksaan berkala ke atas premis kilang-kilang ini dan memastikan operasi kilang-kilang ini dilengkapi dengan alat kawalan yang sepatutnya, membuat percontohan pelepasan cerobong dan menyemak 'smoke record' yang dipasang oleh kilang-kilang tersebut.

Pada tahun ini Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menjalankan lapan belas (18) pemeriksaan penguatkuasaan ke atas kilang-kilang di kawasan tersebut yang mana lima (5) dari pemeriksaan adalah berdasarkan kepada laporan aduan berhubung pencemaran udara dari penduduk sekitar. Dari lawatan tersebut Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah mengeluarkan empat (4) Notis Arahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi mengarahkan pekilang-pekilang untuk meningkatkan keupayaan alat kawalan pencemaran udara dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Sebanyak sembilan (9) kompaun telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor ke atas pekilang-pekilang yang didapati melanggar peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 .

Dalam hubungan ini ingin dijelaskan juga bahawa kawalan ke atas pelepasan asap dari kilang-kilang ini juga bergantung kepada operasi alat kawalan yang dipasang. Terdapat juga kes-kes di mana alat kawalan yang dipasang tidak dikendalikan dengan baik semasa ketiadaan pegawai JAS di lapangan atas alasan cuba menjimatkan kos. Ini menyebabkan masih berlaku beberapa kes pencemaran dari masa ke semasa yang menyebabkan aduan orang ramai. Bagi kes-kes yang melibatkan aduan berulang dan siasatan mendapati aduan adalah

berasas dan disebabkan kecuaian dari pihak kilang tindakan yang lebih tegas akan diambil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : MENGHADAPI EL NINO–KEKURANGAN BEKALAN AIR UNTUK PENGAIRAN SAWAH

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah – langkah Kerajaan Negeri untuk menghadapi El Nino yang akan berlaku dan menyebabkan kekurangan bekalan air untuk pengairan di sawah padi?
- b) Apakah pelan tindakan untuk memastikan bekalan air untuk pengairan sawah padi tidak terjejas disebabkan oleh kemarau di kawasan sawah padi?

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN MODAL INSAN

125. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan berdasarkan jenis kategori sasaran peserta dan jumlah program SPIES sepanjang tahun 2008 dan pertengahan 2009?

JAWAPAN :

- a) Program holistik Pembangunan Modal Insan Selangor SPIES merupakan satu agenda penting Kerajaan Negeri yang bertujuan untuk melahirkan rakyat yang berkualiti, berdaya maju, berdaya saing dan cemerlang. Selain itu, program ini dapat mencegah dan mengatasi gejala sosial yang telah merebak dan menular di kalangan masyarakat di Selangor. Gagasan pembangunan fizikal yang lestari telah dirancang dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri perlu disepakati dengan pembangunan modal insan yang holistik, sebagai penjana kemajuan dan kejayaan dunia akhirat. Oleh itu, Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan peruntukan yang berpatutan bagi melaksanakan program tersebut.

Pada tahun 2008, sebanyak **75 program** telah berjaya dilaksanakan dengan melibatkan perbelanjaan berjumlah **RM 1,583,600**. Maklumat terperinci berkenaan pelaksanaan program tersebut adalah seperti berikut :


| BIL | KATEGORI PESERTA | BILANGAN PROGRAM | JUMLAH PESERTA | KOS (RM) |
|-----|------------------|------------------|----------------|----------|
| 1 | Kanak - kanak | 4 | 411 | 82,200 |
| 2 | Belia | 23 | 2303 | 460,600 |
| 3 | Ibu bapa | 6 | 714 | 142,800 |
| 4 | Warga Industri | 2 | 160 | 32,000 |
| 5 | Ketua Kampung | 3 | 330 | 66,000 |
| 6 | Setiausaha JKKK | 2 | 365 | 73,000 |
| 7 | Pendidik | 7 | 850 | 170,000 |
| 8 | Remaja | 7 | 700 | 140,000 |
| 9 | Mahasiswa | 12 | 1200 | 240,000 |
| 10 | DUN | 1 | 150 | 30,000 |

| BIL | KATEGORI PESERTA | BILANGAN PROGRAM | JUMLAH PESERTA | KOS (RM) |
|-----|------------------|------------------|----------------|------------------|
| 11 | Pegawai JAIS | 2 | 135 | 27,000 |
| 12 | Siswa 1K | 4 | 400 | 80,000 |
| 13 | Pimpinan Pelajar | 2 | 200 | 40,000 |
| | JUMLAH | 75 | 7918 | 1,583,600 |


Bagi tahun 2009 sehingga bulan Mei sejumlah **RM 900,120** telah dibelanjakan bagi program ini iaitu:

| KATERGORI | BILANGAN PROGRAM | JUMLAH PESERTA | KOS(RM) |
|---------------------------------|------------------|----------------|----------------|
| Masyarakat | 1 | 60 | 13,800 |
| Belia | 11 | 955 | 219,650 |
| Alumni SPIES Belia | 10 | 840 | 193,200 |
| Remaja | 4 | 395 | 90,850 |
| Alumni SPIES remaja | 3 | 295 | 69,000 |
| SPIES Kepimpinan /Penjawat Awam | 3 | 94 | 21,620 |
| Ibu bapa | 10 | 2000 | 200,000 |
| Ibu Tunggal | 2 | 200 | 46,000 |
| Pendidik | 1 | 100 | 23,000 |
| Pelajar IPT | 1 | 100 | 23,000 |
| JUMLAH | 46 | 5039 | 900,120 |

BILANGAN PROGRAM MENGIKUT KATEGORI JANUARI - MEI 2009



JUMLAH PESERTA MENGIKUT KATEGORI JANUARI - MEI 2009



Berdasarkan kepada aspek – aspek di atas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor menitikberatkan aspek pembangunan modal insan, kerana dengan wujudnya insan cemerlang dan berkualiti akan dapat mengekalkan kemajuan dan pembangunan sesebuah negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : SIBER KAFE

126. Menurut surat khabar Sin Chew Daily pada 17/6/2009 bahawa, bilangan siber kafe haram telah melebihi siber kafe yang mempunyai permit berkali ganda.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri seterusnya memandangkan pemberian kompaun dan tindakan yang diambil sebelum ini kurang berkesan?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri sedar walaupun tindakan penguatkuasaan dijalankan dan kompaun telah dikeluarkan kepada pemilik siber kafe tanpa lesen tidak mematahkan semangat mereka untuk terus bermula tanpa lesen. Buat masa ini Kerajaan Negeri masih mengkaji bagaimana untuk menyusun semula perniagaan siber kafe ini bagi memastikan perniagaan yang dijalankan bebas daripada unsur perjudian serta tidak akan menjelaskan remaja dan pelajar sekolah. Setelah pendekatan baru dapat dimuktamadkan, pendekatan pembekuan lesen akan ditarik balik dan peniaga yang mematuhi syarat-syarat ini akan diberikan lesen perniagaan. Dengan cara ini, sekiranya masih terdapat peniaga yang menjalankan perniagaan tanpa lesen, tindakan penguatkuasaan lebih berat akan dijalankan sehingga menyita premis mereka.

JAWAPAN DARIPADA UPBT

- a) Kajian sedang dilaksanakan bagi melihat keperluan dan kesan pertambahan Pusat Siber di Negeri Selangor dan satu perjumpaan yang dipengerusikan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar telah diadakan pada 2 Jun 2009 yang lepas dengan dihadiri pengusaha-pengusaha Pusat Siber dan wakil MPP Zon untuk meneliti secara menyeluruh perkara ini. Kerajaan Negeri telah memutuskan membekukan permohonan baru lesen Pusat Siber dan telah mengarahkan semua PBT memantau lesen yang telah dikeluarkan dan mana-mana pengusaha yang gagal mematuhi syarat lesen tindakan lesen ditarik balik akan diambil ke atas mereka.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PERKHIDMATAN AWAM

127. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah perubahan-perubahan yang bakal dijalankan ke atas sektor perkhidmatan awam di kerajaan Selangor untuk mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan di peringkat PBT dan Kerajaan Selangor?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai autonominya dalam pengisian jawatan-jawatan kelas profesional dan pentadbiran?

JAWAPAN :

a)

- i. Proses Pembelajaran Organisasi (Learning Organisation) diberi keutamaan melalui kegigihan melaksanakan pembaharuan seperti:-
 - Memastikan surat-surat makluman kepada organisasi dikeluarkan dalam tempoh 1 hari bekerja; &
 - Urusan pembayaran dibuat dalam tempoh 6 hari bekerja apabila dokumen lengkap dipenuhi.
- ii. Komitmen kepada peraturan & perundangan bagi memastikan permasalahan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa di kalangan penjawat awam dapat ditangani.
- iii. Memastikan setiap keputusan atau tindakan mempunyai justifikasi yang jelas dan telus serta boleh dipertanggungjawabkan.
- iv. Memastikan setiap garis panduan perlaksanaan tugas dilaksanakan secara terperinci tanpa mempunyai klausa yang membolehkan kelulusan dibuat secara 'budi bicara'.
- v. Memastikan semua aduan perlu dikemukakan maklum balasnya dengan memberi maklumat-maklumat yang jelas berdasarkan peraturan supaya pengadu memahaminya.
- vi. Memperkasa penggunaan ICT dalam urusan pentadbiran.
- vii. Mereka jasa sistem dan prosedur kerja melalui penambahbaikan terhadap sistem & prosedur yang lapuk, lambat dan menyusahkan.
- viii. Mempertingkatkan kompetensi dan komitmen warga kerja melalui merangka pelan latihan yang berterusan dengan menekan konsep 'learn, unlearn & relearn'.

JAWAPAN DARIPADA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

- a) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor dalam usaha meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan telah melaksanakan laman web jabatan <http://spn.selangor.gov.my> yang menyediakan maklumat misi, visi, peranan dan tanggungjawab Suruhanjaya mengikut bidang kuasa yang diberi. Maklumat mengenai iklan jawatan kosong di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor juga mampu diperoleh pengguna melalui laman web Suruhanjaya.
- b) Pada masa ini Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor dalam bidang kuasanya boleh melantik jawatan-jawatan profesional dalam jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41. Walau bagaimana pun pelantikan bagi jawatan profesional dan pentadbiran adalah tertakluk kepada kelulusan waran perjawatan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

JAWAPAN DARIPADA KORPORAT

- a) Di antara perubahan-perubahan yang sedang dan bakal dijalankan ke atas sektor perkhidmatan awam di Selangor, dalam konteks mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan, ialah: -
 - 1) Mempertingkat dan menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan melalui penubuhan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan Selangor (PEMUDAH Selangor), seperti yang diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor melalui ucapan sempena Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan/Agensi Kerajaan Selangor pada 23 Februari 2009. Melalui PEMUDAH Selangor, kedua-dua belah pihak iaitu sektor awam dan sektor swasta duduk semeja dan berunding tentang aspek-aspek yang boleh ditambah baik supaya penyampaian perkhidmatan Kerajaan dapat diperkemas, lebih cekap, lebih berkesan dan lebih berdaya saing. Beberapa Kumpulan Fokus (*focus group*) telah dibentuk di bawah PEMUDAH Selangor, untuk mengenal pasti penambahbaikan tempoh memproses urusan-urusan seperti Hak milik Strata (Tanah), Pusat Khidmat Setempat (OSC), Kebenaran Pindah Milik (Tanah), dan seumpamanya.
 - 2) Memperkasakan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam urusan pentadbiran. Sebagai contoh, penggunaan perkhidmatan mySMS Gerbang Kerajaan (15888) digunakan dalam aspek hebahan dan penyebaran maklumat ke atas dasar-dasar terkini Kerajaan Selangor.
 - 3) Menerapkan suasana persekitaran pejabat sebagai satu pembelajaran organisasi (*Learning Organisation*) diberi keutamaan melalui kegigihan melaksanakan pembaharuan seperti memastikan semua surat makluman kepada organisasi dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari bekerja; dan semua urusan pembayaran dengan dokumen yang lengkap diselesaikan dalam tempoh enam (6) hari bekerja.

- 4) Merancang dan membangunkan keseluruhan proses yang diperlukan bagi penyampaian perkhidmatan pelanggan, dengan menambah baik Sistem Pengurusan Kualiti secara berterusan, termasuk mengemas kini dokumentasi mengikut piawaian MS ISO 9001:2008.
 - 5) Mematuhi Piagam Pelanggan dan mengambil tindakan segera ke atas semua aduan yang diterima. Oleh itu, proses merekayasa (*re-engineering*) ke atas sistem dan prosedur kerja dibuat dengan penambahbaikan terhadap sistem dan prosedur yang lapuk, lambat dan menyusahkan.
 - 6) Memperkemas setiap garis panduan pelaksanaan tugasan secara terperinci, sekali gus mengurangkan klausa yang membolehkan kelulusan/pertimbangan dibuat secara ‘budi bicara’. Justeru, setiap keputusan atau tindakan mempunyai justifikasi yang jelas dan telus serta dipertanggungjawabkan (akauntabiliti) kepada pihak berwajib.
- b) Pentadbiran Kerajaan Selangor tidak mempunyai autonominya dalam soal pengisian jawatan kelas-kelas profesional dan pentadbiran (iaitu Kumpulan Pengurusan Tertinggi, dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional).

Walau bagaimanapun, Pentadbiran Kerajaan Negeri melalui YB Setiausaha Kerajaan Negeri telah diberi penurunan kuasa bagi urusan penempatan dan pertukaran Pegawai Kategori Guna sama Persekutuan bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 hingga Gred 54). Kuasa ini dinyatakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007 yang telah diguna pakai di Selangor. Penurunan kuasa bagi penempatan/pertukaran ini adalah terhad kepada pentadbiran YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan semua Jabatan di bawahnya sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : SEKOLAH AGAMA RAKYAT

128. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah bilangan SAR atau Sekolah-sekolah Swasta yang berdaftar dan tidak berdaftar di negeri Selangor
- b) Apakah dasar Kerajaan Negeri terhadap sekolah-sekolah tersebut.

JAWAPAN :

a)

- i. Bilangan Sekolah – sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Swasta Berdaftar

| Daerah | Kategori Sekolah | | | | | | | | | | | | JUM LAH | |
|---------------|------------------|--------------------------|-----|------|-------------|-----|-------------------------------|-----|------|-----|--------|--------|---------|--|
| | SABK | SEK.AGAMA/BANTUAN NEGERI | | | | | SEK.AGAMA SWASTA/PERSENDIRIAN | | | | | | | |
| | | PRA | SRA | SRAI | KAFAI (SAR) | MIT | TAKIS | SRI | SRII | SMI | TAHFIZ | TUSYEN | | |
| S.BERNAME | 7 | 2 | 31 | 1 | 10 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 5 | 0 | 57 | |
| K .SELANGOR | 2 | 1 | 31 | 1 | 21 | 0 | 4 | 4 | 0 | 0 | 5 | 0 | 69 | |
| KLANG | 2 | 2 | 29 | 1 | 23 | 1 | 7 | 2 | 4 | 4 | 4 | 0 | 79 | |
| PETALING | 4 | 2 | 15 | 1 | 96 | 0 | 3 | 11 | 2 | 4 | 7 | 3 | 148 | |
| K LANGAT | 2 | 1 | 24 | 1 | 8 | 1 | 7 | 3 | 3 | 2 | 3 | 0 | 55 | |
| SEPANG | 2 | 1 | 13 | 1 | 11 | 0 | 4 | 7 | 1 | 0 | 1 | 1 | 42 | |
| H.LANGAT | 1 | 1 | 28 | 2 | 59 | 0 | 7 | 21 | 3 | 3 | 5 | 0 | 130 | |
| GOMBAK | 1 | 1 | 11 | 2 | 56 | 0 | 23 | 11 | 1 | 1 | 4 | 3 | 114 | |
| HULU SELANGOR | 2 | 1 | 19 | 0 | 6 | 0 | 6 | 6 | 1 | 0 | 3 | 0 | 44 | |
| JUMLAH | 23 | 12 | 201 | 10 | 290 | 2 | 62 | 65 | 15 | 14 | 37 | 7 | 728 | |
| JUMLAH | 23 | 505 | | | | | 200 | | | | | | | |

Petunjuk :

SABKS – Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Selangor MIT – Maahad Integrasi Tahfiz

| | |
|--|------------------------------|
| KAFAI(SAR) – Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain Integrasi kanak Islam | TAKIS – Taman Asuhan Kanak- |
| PRA - Pra Sekolah JAIS | SRI – Sekolah Rendah Islam |
| SRA - Sekolah Rendah Agama Integrasi | SRII – Sekolah Rendah Islam |
| SRAI – Sekolah Rendah Agama Integrasi | TAHFIZ – Sekolah Tahfiz |
| SABK – Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Agama berbayar | TUISYEN-Kelas –kelas Iqra' & |

***Kesimpulan**

Bilangan SAR Berdaftar : 738 Buah
Belum Berdaftar : 36 Buah
Jumlah : 774 Buah

ii. Bilangan Sekolah-sekolah Swasta belum memenuhi syarat Pendaftaran

| | |
|---------------------------------------|---------|
| i- Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA) | 14 Buah |
| ii- Sekolah Rendah Islam (SRI) | 14 Buah |
| iii- Sekolah Tahfiz (TAHFIZ) | 6 Buah |
| <hr/> Jumlah | 36 Buah |

b) Dasar kerajaan negeri terhadap sekolah tersebut

- i. Menggalakkan penubuhan Sekolah Agama Rakyat. Ini disebabkan sekolah Rendah Agama yang sedia ada amat terhad dan tidak dapat menampung permintaan penduduk yang ingin menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Agama. Setiap sekolah hendaklah berdaftar dengan Majlis Agama Islam Selangor.
- ii. Memberi bantuan guru ke Sekolah Agama Rakyat. Sebahagian guru KAFA yang dilantik oleh kerajaan Negeri ditempatkan di KAFA Integrasi. Guru-guru KAFA mendapat elauan sebanyak RM 1000.00 sebulan.
- iii. Memberi bantuan pembangunan dan baik pulih prasarana kepada sekolah-sekolah yang daif. Peruntukan yang diterima untuk tahun 2009 dari agihan Negeri untuk sekolah Agama Rakyat sebanyak RM 4 juta.
- iv. Memberi latihan / kursus jangka pendek kepada guru-guru KAFA untuk meningkatkan kualiti Pengajaran dan pembelajaran mereka kerana hampir semua guru KAFA tidak terlatih.
- v. Membenarkan murid – murid di SAR / KAFAI mengambil peperiksaan JAKIM (ujian Penilaian Kelas KAFA - UPKK) dan peperiksaan JAIS (Penilaian Sekolah Rendah Agama – PSRA)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : PENGGERAK BELIA TEMPATAN

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan Jawatankuasa Belia dan Sukan dalam menggerakkan golongan belia melalui Penggerak Belia Tempatan?
- b) Apakah usaha terancang Kerajaan Negeri terhadap golongan belia yang terlibat dengan dadah dan yang serupa dengannya?

JAWAPAN :

- a) Penggerak Belia tempatan (PeBT) merupakan jentera utama dalam menggerakkan program-program belia dan dasar-dasar Kerajaan Negeri di peringkat akar umbi. Sehubungan itu, pelbagai perancangan dirangka oleh Jawatankuasa Tetap Belia Dan Sukan dalam menggerakkan belia bagi tujuan tersebut.

Selaras dengan kehendak YAB Dato' Menteri Besar untuk membangunkan sukan Selangor dari akar umbi, Liga PeBT telah dirancang untuk mencari bakat-bakat sukan di peringkat kampung untuk diketengahkan ke peringkat nasional.

Dari aspek kebijakan dan kesukarelawan PeBT akan dilibatkan dengan program Youth In Community yang sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri setelah penubuhan PeBT peringkat zon selesai.

Memandangkan peluang pekerjaan kini semakin berkurangan, Kerajaan Negeri turut merancang untuk membangunkan ekonomi belia dengan menubuhkan koperasi belia. Projek pertama koperasi belia ini akan memfokuskan kepada bidang pertanian dan dijangka Sabak Bernam akan menjadi pilihan. Sebab utama koperasi belia dicadangkan kerana melalui koperasi belia dapat membuat perhubungan rantai nilai, modal , pemasaran dan pengagihan. Gabungan kesemua faedah ini dapat membantu belia menjana pendapatan melalui bidang pertanian di samping mendapat faedah dividen daripada saham yang dilaburkan.

- b) Kerajaan Negeri sememangnya prihatin dengan gejala kurang sihat seperti dadah dan sebagainya di kalangan golongan belia. Kerjasama sedia ada seperti Bahagian Narkotik Polis sedang mempertingkatkan usaha untuk membanteras masalah dadah di Negeri Selangor. Begitu juga dengan Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam usaha memulihkan penagih-penagih dadah ini terutamanya di Negeri Selangor.

Sehubungan dengan itu, dengan adanya PeBT ia dapat membantu Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti belia-belia yang bermasalah di kawasan zon jagaannya sama ada yang terlibat dengan masalah dadah maupun gejala sosial yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK : PEMBANGUNAN DUN TG SEPAT

130. Rancangan Tempatan Morib/Tg Sepat 2005-2020 telah di lancarkan dan di pamerkan beberapa tahun lepas.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dan sejauh mana peringkat perlaksanaannya di jalankan?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengkaji semula 're zonning' kawasan berkenaan?
- c) Zon yang di peruntukkan sebagai kawasan zon agro teknologi kurang menampakkan hasil yang menggalakkan. Adakah Kerajaan Negeri bercadang mengkaji semula peserta-peserta yang terlibat di dalam Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) khususnya di kawasan Hulu Chuchoh dan Sungai Kelambu?

JAWAPAN :

- a) Rancangan Tempatan Morib/Tg. Sepat 2005-2020 telah diwartakan pada 21 Jun 2007. Di peringkat MDKL, Rancangan Tempatan ini dijadikan panduan perancangan dan pembangunan guna tanah bagi kawasan ini.
- b) Kajian semula 're-zonning' bagi kawasan ini telah diambil kira dalam penyediaan Draf Rancangan Tempatan Kuala Langat yang merangkumi keseluruhan daerah Kuala Langat dan akan dipublisitikan.

JAWAPAN DARIPADA PTD KUALA LANGAT

- c) Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Sungai Kelambu seluas 80 hektar mula diusahakan pada Tahun 2005 dengan peserta seramai 18 orang.

Pengeluaran hasil tanaman di TKPM Sungai Kelambu (tanaman yang diusahakan adalah ubi kayu, nanas, keledek, pisang dan sayur-sayuran) diakui kurang menggalakkan disebabkan beberapa faktor berikut:-

- 1) Keseluruhan kawasan adalah tanah gambut dalam melebihi 3 meter dan dikategorikan sebagai tanah bermasalah kerana asid dan pH yang tinggi tidak sesuai untuk tanaman.
- 2) Apabila berlaku hujan lebat, kawasan ini akan dilanda banjir oleh kerana masih terdapat kekurangan parit ladang dan saliran air keluar ke parit besar bersaiz kecil dan jaraknya jauh. Isu ini akan dapat diatasi pada bulan Februari 2009 di mana

semua parit akan dibaiki dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran Kuala Langat.

- 3) Oleh kerana tanah gambut yang dalam kerja-kerja membuat batas, mencangkul abu, menimbus pangkal tanaman dan menanam memerlukan tenaga kerja (manusia) dan jentera tidak boleh digunakan. Pada ketika ini masih terdapat kekurangan tenaga kerja tempatan dan memerlukan tambahan tenaga kerja luar (Indonesia) di mana ianya melibatkan kos (RM3,000.00 seorang).
- 4) Serangan monyet, babi hutan dan banjir menyebabkan pengeluaran berkurangan dan peserta memerlukan modal tambahan. Walaupun ada di kalangan peserta yang mendapat pinjaman daripada Agro Bank dan Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat ianya masih tidak mencukupi.

Pada ketika ini tiada rancangan untuk mengganti peserta-peserta. Penilaian prestasi peserta akan dinilai sehingga Disember 2009. Penggantian peserta hanya akan dibuat setelah penilaian tersebut dilakukan. Senarai peserta TPKM Sungai kelambu adalah seperti di Lampiran A.

JAWAPAN DARIPADA PTD SEPANG

- c) Jabatan Pertanian Sepang mendapati pendapatan bersih peserta-peserta Agrotek (TKPM) Hulu Chuchoh mencapai sekurang-kurangnya RM3000.00 sebulan. Prestasi ini adalah sasaran yang dipersetujui dalam mencapai matlamat pengujudan Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Oleh itu Jabatan Pertanian Sepang tidak ada cadangan untuk mengkaji semula peserta-peserta yang terlibat dalam TKPM tersebut.

Ulasan daripada Jabatan Pertanian Daerah Sepang telah dipanjangkan kepada Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat pada 24.06.2009 untuk diselaraskan secara keseluruhan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Sungai Blankan yang dibuka pada Tahun 2001, Seramai 148 peserta terlibat, 30% daripadanya adalah peneroka awal di kawasan ini. Penyertaan mereka di kawasan ini adalah sebagai khidmat sosial jabatan kepada petani-petani setempat. Jabatan menyedari dengan keluasan yang diberi iaitu satu (1) hektar setiap peserta adalah keluasan yang tidak menyumbang pendapatan mengikut garis panduan sebanyak RM3,000.00 bulan/peserta bagi tanaman kontan.

Fakta:

- 1) Pendapatan/Peserta/bulan;

- a) Ubi Kayu : RM846.93/bulan
- b) Nanas : RM2880.00/bulan
- c) Keledek : RM2770.00/bulan
- d) Lain-lain : RM719.00/bulan

- 2) Sebab pendapatan tanaman ubi kayu rendah;
 - a) Purata pengeluaran baru mencapai 60% dari potensi. Penanaman ubi kayu di kawasan tanah gambut dalam seperti di Sg. Blangan memerlukan masa untuk mencapai pengeluaran 85% dari potensi.

[kini:16,000kg/ha;potensi:24,000kg/hektar]
 - b) 45 peratus dari penanam ubi kayu adalah pengusaha lot yang kecil (1 hingga 2 hektar)
- 3) Buat masa kini pihak jabatan tidak bercadang untuk membuat penyusunan semula peserta disebabkan:-
 - a) Pengekalan kawasan penanaman ubi kayu amat perlu kerana kawasan ini adalah penyumbang utama bekalan bahan mentah untuk perusahaan IKS di sekitar yang berjumlah tidak kurang dari 60 pengusaha.



PROJEK PEMBANGUNAN 2009
KAWASAN PERKHIDMATAN

NAMA KAWASAN PERKHIDMATAN: TG 12 1(B)

NAMA KAWASAN PENGEMBANGAN: TG 12

DAERAH: KUALA LANGAT

NEGERI: SELANGOR

PARLIMEN: SEPANG & KUALA LANGAT

DUN: TANJUNG SEPAT

NAMA PEMBANTU PERTANIAN: ROH HAILY BIN ABDULLAH

Senarai Nama Peserta Tanaman Nanas:
Keluasan Tanaman Nanas: 20 hektar

| Bil | Nama Peserta | No.K/P | Luas diusaha | No Plot |
|-----|------------------------|----------------|--------------|---------|
| 1 | Zahid bin Diran | 670117-10-5053 | 2 ha | 1 |
| 2 | Salimi bin Sujer | 640301-10-6155 | 2 ha | 2 |
| 3 | Idrus bin Abdullah | 640301-10-6155 | 4 ha | 7+18 |
| 4 | Mokhtar bin Kamsidi | 560713-10-6055 | 2 ha | 12 |
| 5 | Jailani bin Subari | 550507-10-5829 | 2 ha | 17 |
| 6 | Yuhanis bt Daud | 630610-10-8286 | 4 ha | 27+28 |
| 7 | Marlan bin Maridi | 480907-10-5579 | 2 ha | 23 |
| 8 | Zainuddin bin Satminan | 720422-10-5503 | 2 ha | 24 |
| 9 | Norhisam bin Ngdari | 691023-10-5469 | 2 ha | 26 |
| 10 | Norhisam bin Hj Latip | 670101-10-5219 | 2 ha | 25 |
| | | JUMLAH | 24 ha | |

AH

Senarai Nama Peserta Tanaman Ubi Kayu:

| Bil | Nama Peserta | No.K/P | Luas diusaha | No Plot |
|-----|------------------------|----------------|--------------|-------------|
| 1 | Zakaria bin Dio | 650224-10-5069 | 8 ha | 3,4,5,6 |
| 2 | Sapuan bin Kapiran | 580412-10-5719 | 8 ha | 8,9,10,11 |
| 3 | Sidek bin Paring | 560308-10-5701 | 8 ha | 13,14,15,16 |
| 4 | Ramdzan bin Sajat | 691116-10-5759 | 8 ha | 19,20,21,22 |
| 5 | Abd Malek bin Jemaron | 701015-10-5035 | 4 ha | 29,30 |
| 6 | Abd Kahar bin Ngadiran | 440615-10-5271 | 4 ha | 33,34 |
| 7 | Timmati bin Saparman | 561027-10-6113 | 8 ha | 35,36,37,38 |
| 8 | Azami bin Abdullah | 740210-10-5153 | 6 ha | 39,40,41 |
| | | Jumlah | 54 ha | |

KETU
Salin

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HJ WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK : MESYUARAT PEMILIHAN JAWATANKUASA MASJID

131. Baru-baru ini telah berlangsung mesyuarat ahli kariah/masjid di seluruh negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato Menteri Besar.

- a) Apakah fungsi yang dimainkan oleh jawatankuasa masjid yang baru dilantik itu.
- b) Apakah jaminan daripada Jabatan Agama Islam atau kerajaan Negeri Selangor bahawa institusi masjid tidak dipolitikkan.
- c) Mengapakan boleh berlaku lantikan jawatankuasa yang tidak mematuhi keputusan mesyuarat. Contohnya pelantikan jawatankuasa masjid Kg. Batu 37 Darat dan Masjid Sungai Limau Sabak Bernam.
- d) Mengapakan tidak diletakkan papan kenyataan di setiap rumah ibadat berupa larangan berpolitik di tempat tersebut. sebagai mana larangan merokok.

JAWAPAN :

- a) Pegawai dan Jawatankuasa Masjid berperanan mentadbir mengurus dan memakmurkannya dengan melaksanakan arahan JAIS. Mereka mempunyai tanggung jawab bagi menjadikan masjid sebagai institusi penting umat Islam dengan melaksanakan program pengimaranan serta menjadikan masjid 'One Stop Centre'.
- b) Pegawai dan Jawatankuasa Masjid akan diberi kursus dengan memberi kefahaman terhadap Kaedah-kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah Negeri Selangor. Selain itu Konvensyen Pengurusan Masjid telah diadakan bagi memantapkan pentadbiran masjid-masjid. Dengan kefahaman dan peningkatan maklumat yang disampaikan akan menjadikan masjid dapat dimanfaatkan untuk kepentingan umat Islam dan terhindar dari pengaruh politik.
- c) Dakwaan tersebut tidak berlaku seperti yang dinyatakan di Masjid Kg. Batu 37 Darat dan Masjid Sungai Limau Sabak Bernam.
- d) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Jun 2009 telah menolak soalan ini.**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK : PROGRAM HADIAH ANAK MASUK IPTA DAN IPTS

132. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Berapakah orang pelajar telah diberikan hadiah ini ?
 - Jumlah kewangan yang telah dibelanjakan mengikut daerah ?
 - Berapa permohonan telah ditolak dan kenapa ditolak ?

JAWAPAN :

- Program Hadiah Pengajian IPT telah mula dilaksanakan berkuat kuasa pada **1 Julai 2008**. Melalui program ini, pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPT akan diberi hadiah sebanyak RM1,000 berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:
 - Permohonan adalah terbuka kepada **Warganegara Malaysia** sahaja;
 - Pemohon juga merupakan **Rakyat D.Y.M.M. Sultan Selangor** yang memenuhi kriteria seperti berikut:
 - Pemohon** lahir di Negeri Selangor; atau
 - Ibu** atau **Bapa** pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - Pemohon lahir di Kuala Lumpur sebelum **1 Februari 1974**;
 - Pemohon telah ditawarkan tempat untuk memasuki **Tahun Pertama** (Semester Pertama) mulai **Julai 2008** (sesi pengajian 2008/2009) sahaja;
 - Pemohon telah ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian secara **sepenuh masa** (*full-time courses*) di IPTA atau IPTS yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi pengajian di peringkat **Ijazah Sarjana Muda** dan **Diploma** sahaja;
 - Pemohon **telah pun mendaftarkan diri** di IPT bagi memulakan sesi pengajian; dan
 - Pemohon daripada keluarga berpendapatan **RM1,500 ke bawah**.

Setakat **31 Mei 2009**, sebanyak **7,982 permohonan** telah diterima daripada pelajar untuk mendapatkan **insentif berjumlah RM1,000** berkenaan. Daripada jumlah tersebut, hanya **5,227 pemohon** (65.5%) sahaja yang didapati **layak untuk dipertimbangkan** bagi menerima insentif tersebut, manakala **1,897** (23.8%) permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat sepertimana yang telah ditetapkan seperti di atas. Sejumlah **858** (10.7%) pula adalah permohonan yang tidak lengkap dan telah dikembalikan kepada pemohon untuk disempurnakan bagi urusan pembayaran.

- b) Setakat ini, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM5.2 juta** bagi membiayai program ini. Jumlah penerima dan pembayaran mengikut daerah adalah seperti berikut:

| Bil. | Daerah Pemohon | Jumlah Penerima | Kos Perbelanjaan |
|---------------------------|-----------------------|------------------------|-------------------------|
| 1. | Klang | 968 | RM968,000.00 |
| 2. | Sabak Bernam | 872 | RM872,000.00 |
| 3. | Petaling | 659 | RM659,000.00 |
| 4. | Kuala Langat | 618 | RM618,000.00 |
| 5. | Kuala Selangor | 595 | RM595,000.00 |
| 6. | Hulu Selangor | 471 | RM471,000.00 |
| 7. | Hulu Langat | 447 | RM447,000.00 |
| 8. | Gombak | 375 | RM375,000.00 |
| 9 | Sepang | 94 | RM94,000.00 |
| 10. | Lain-lain | 128 | RM128,000.00 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 5,227 | RM5,227,000.00 |

- c) Setakat **31 Mei 2009**, sebanyak **7,982 permohonan** telah diterima daripada pelajar untuk mendapatkan **insentif berjumlah RM1,000** berkenaan. Daripada jumlah tersebut, hanya **5,227 pemohon** (65.5%) sahaja yang didapati **layak untuk dipertimbangkan** bagi menerima insentif tersebut, manakala **1,897** (23.8%) permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat yang telah ditetapkan seperti di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : ISU AIR

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah status terkini isu pengambilan syarikat air oleh Kerajaan Negeri?
 - Apakah halangan yang perlu dilalui oleh Kerajaan Negeri dalam perlaksanaan (a) di atas?
 - Nyatakan langkah yang akan diambil untuk mengatasi (b) di atas.

JAWAPAN :

- a) Rundingan mengenai penstrukturran semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor telah dibuat semenjak tahun 2008 lagi. Pada 12 Februari 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran awal sejumlah RM5.7 bilion kepada Pemegang Konsesi. Namun demikian, kesemua Pemegang Konsesi Air telah menolak tawaran tersebut atas alasan bahawa nilai yang ditawarkan itu adalah rendah dan tidak cukup untuk menampung obligasi hutang Pemegang Konsesi.

Lanjutan dari penolakan oleh Pemegang Konsesi terhadap tawaran asal tersebut, penstrukturran semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor telah mencapai jalan buntu. Bagi mengatasi kebuntuan tersebut, Kerajaan Persekutuan telah memulakan semula rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Rundingan semula ini telah bermula pada 25 Mei 2009 di mana satu jawatan kuasa penstrukturran semula industri air negeri Selangor telah diwujudkan di peringkat Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA). Mesyuarat Jawatan Kuasa penstrukturran tersebut dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KTTHA dan dianggotai oleh agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Pasukan dari Kerajaan Negeri Selangor yang diketuai oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri dan anggotanya terdiri dari Y.B. Penasihat Undang-undang, Y.B. Pegawai Kewangan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Penasihat Kewangan kepada YAB Dato Menteri Besar, Pegawai Penyelidik kepada YAB Dato Menteri Besar, wakil Pejabat kepada YAB Dato Menteri Besar dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) adalah turut menjadi ahli di dalam Jawatan Kuasa Penstrukturran peringkat Kerajaan Persekutuan.

Peranan dan Tanggungjawab jawatan kuasa penstrukturran semula industri air negeri Selangor adalah seperti berikut:-

- mengkaji dan menilai cadangan konsep da model penstrukturran dan opsyen yang sesuai dan praktikal untuk dilaksanakan selari dengan Akta Industri Perkhidmatan Air (Akta 655).

- ii) Melaksanakan opsyen yang telah dipersetujui termasuk mengadakan rundingan dengan semua pihak yang terlibat dalam penstruktur semula ini mengikut opsyen yang telah dipersetujui.
- iii) Memperakukan hasil rundingan kepada pihak yang membuat keputusan iaitu:
 - a) KTTHA memperakukan kepada Kabinet; dan
 - b) Kerajaan Negeri Selangor memperakukan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- iv) Menyediakan perjanjian yang berkaitan dengan penstruktur semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor.

Antara 25 hingga 29 Mei 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah membentangkan model penstruktur semula negeri Selangor ke dalam Jawatan kuasa tersebut. Model yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah pengambilalihan kesemua Syarikat Konsesi Air di Selangor dan seterusnya satu operator yang terdiri dari syarikat milik penuh Kerajaan Selangor akan dilantik *Single Operator* dalam mengendalikan perkhidmatan air secara holistik bermula dari rawatan hingga pengagihan air kepada pengguna di Negeri Selangor.

PAAB turut membentangkan opsyen penstruktur di mana SYABAS dan Puncak Niaga disatukan sebagai operator yang dilesenkan oleh SPAN untuk agihan dan rawatan manakala ABASS dan SPLASH dikekalkan sebagai operator rawatan dan diberikan *authorisation* oleh SPAN.

Namun Jawatan Kuasa akhirnya bersetuju supaya Model Selangor digunakan di dalam rundingan bersama Pemegang Konsesi. Lanjutan dari persetujuan ke atas Model Selangor, pasukan rundingan dengan Pemegang Konsesi telah mengujudkan Jawatan Kuasa Induk Rundingan dan Jawatan Kuasa Kerja di peringkat Negeri Selangor. Jawatan Kuasa Induk Rundingan diketuai oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor turut dianggotai oleh wakil dari KTTHA adalah berperanan untuk mengemukakan dan merundingkan harga tawaran kepada Pemegang Konsesi. Manakala Jawatan Kuasa Kerja diketuai oleh Penasihat Kewangan kepada YAB Dato Menteri Besar Selangor dan dihadiri oleh wakil dari Syarikat Konsesi Air. Jawatan Kuasa Kerja adalah berperanan untuk membincangkan dengan wakil Syarikat Konsesi secara terperinci dari segi kewangan yang berkaitan dengan harga yang telah ditawarkan tersebut dan seterusnya melaporkan kepada Jawatan Kuasa Induk Rundingan. Rundingan dengan Pemegang Konsesi telah dimulakan oleh Jawatan Kuasa Induk Rundingan dan Jawatan Kuasa Kerja bermula semenjak 10 Jun 2009.

Segala hasil dari rundingan dengan Pemegang Konsesi akan dilaporkan kepada Jawatan Kuasa Penstruktur Semula di KTTHA. KTTHA telah memberikan tempoh sehingga 30 Jun 2009 untuk memuktamadkan rundingan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor.

- b) Rundingan mengenai penstrukturkan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor telah dibuat semenjak tahun 2008 lagi. Pada 12 Februari 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran awal sejumlah RM5.7 bilion kepada Pemegang Konsesi. Namun demikian, kesemua Pemegang Konsesi Air telah menolak tawaran tersebut atas alasan bahawa:
- i) Asas penilaian secara *Capitalised Value* yang dibuat oleh Kerajaan Negeri tidak seiring dengan prinsip penilaian kewangan yang biasa digunakan dan diterima umum;
 - ii) Nilai tawaran hanya mengambil kira sebahagian daripada jumlah pelaburan yang telah dibuat oleh Pemegang Konsesi dan tidak mengambil kira usaha/ganjaran yang sepatutnya diterima oleh Pemegang Saham dalam mempelopori perniagaan; dan
 - iii) Nilai yang ditawarkan tidak mencukupi untuk menampung obligasi jumlah hutang dan pinjaman Pemegang Konsesi.

Lanjutan dari penolakan oleh Pemegang Konsesi terhadap tawaran asal tersebut, penstrukturkan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor telah mencapai jalan buntu. Bagi mengatasi kebuntuan tersebut, Kerajaan Persekutuan telah mengadakan beberapa siri rundingan semula dengan Kerajaan Negeri Selangor. Rundingan semula ini telah bermula semenjak 25 Mei 2009 di mana satu jawatan kuasa penstrukturkan semula industri air negeri Selangor telah diwujudkan di peringkat Kementerian Tenaga, teknologi Hijau dan Air (KTTHA). Kerajaan Negeri Selangor telah menjadi ahli dalam jawatan kuasa ini selain daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Setelah beberapa siri rundingan diadakan, Model penstrukturkan semula yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor telah dipersetujui diterima oleh Jawatankuasa tersebut untuk dijadikan asas rundingan dengan Pemegang Konsesi. Dalam menentukan nilai yang akan ditawarkan kepada Pemegang Konsesi, Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada kaedah penilaian yang digunakan oleh PAAB iaitu $1 \times \text{Nett Book Value}$.

Berdasarkan kepada kaedah penilaian yang ditetapkan oleh PAAB, Kerajaan Negeri Selangor telah membuat penilaian mengambil alih kesemua Pemegang Konsesi Air di Negeri Selangor untuk disusun semula di bawah satu struktur baru yang akan terdiri dari sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Nilai yang dipersetujui untuk ditawarkan dan dirundingkan dengan Pemegang Konsesi adalah tidak lebih dari RM9.218 bilion.

Bermula dari 10 Jun 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan rundingan semula mengenai nilai tawaran baru sejumlah RM9.218 bilion dengan Pemegang Konsesi Air. Hasil dari rundingan tang telah dibuat setakat ini, dua Pemegang Konsesi iaitu Konsortium ABASS Sdn Bhd dan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) tiada halangan untuk menerima nilai yang ditawarkan itu. Namun bagi Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd dan SYABAS, kedua Pemegang Konsesi ini telah

mengemukakan tawaran balas yang tinggi melebihi apa yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri.

Penilaian ke atas jumlah RM9.218 bilion yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri kepada Pemegang Konsesi Air adalah berdasarkan kepada analisa yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri ke atas *Audited Account* setiap Syarikat Konsesi Air. Nilai yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri pada kali ini adalah nilai maksima sebagaimana yang telah dipersetujui oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Kerajaan Negeri adalah tidak berupaya untuk menawarkan nilai yang lebih tinggi dari nilai yang telah dipersetujui oleh PAAB. Ini adalah kerana bayaran yang akan dibayar kepada Pemegang Konsesi adalah tertakluk kepada jumlah yang akan dibayar oleh PAAB kepada Kerajaan Negeri.

Selain dari itu, sekiranya nilai yang tinggi ditawarkan kepada Pemegang Konsesi, ia akan mendatangkan kesan yang buruk kepada operasi operator baru yang akan dilantik oleh Kerajaan Negeri selepas penstrukturkan disempurnakan. Nilai pengambilalihan yang tinggi akan menyebabkan kadar sewa pajakan yang tinggi perlu dibayar oleh operator baru kepada PAAB. Kadar sewa pajakan yang tinggi yang akan ditanggung oleh operator yang baru kelak akan menyebabkan kos operasi meningkat dan akhirnya perlu diserapkan dalam bentuk tarif tinggi yang akan ditanggung oleh penggunaan rakyat Negeri Selangor. Keadaan ini adalah bertentangan dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor.

- c) Hasrat untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan air mengikut cadangan Kerajaan Negeri Selangor perlu dilaksanakan kerana cadangan penstrukturran ini adalah memenuhi semua ciri yang ditekankan oleh Kerajaan Persekutuan. Sekiranya halangan kepada pelaksanaan penstrukturran hanya disebabkan oleh perbezaan nilai yang ditawarkan dan nilai yang ingin diterima oleh Pemegang Konsesi, Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk membawa perkara pertikaian mengenai nilai tersebut untuk disemak dan ditentukan oleh satu badan penilai bebas yang akan dilantik berdasarkan kepada persetujuan bersama oleh Kerajaan Negeri dan Pemegang Konsesi. Sebarang keputusan yang dibuat oleh badan penilai bebas tersebut adalah muktamad dan akan dipatuhi oleh Kerajaan Negeri dan Pemegang Konsesi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PRESTASI AHLI-AHLI MAJLIS

134. Ahli-ahli majlis yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri pada 1 Julai 2008 akan menamatkan sesi perkhidmatan mereka pada 30 Jun 2009.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Bagaimakah cara penilaian (KPI) yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri terhadap prestasi Ahli-ahli Majlis di semua Pihak Berkua Tempatan?
- b) Bagaimakah keputusan keseluruhan prestasi Ahli-ahli Majlis ini dan bagaimana pula tempoh perkhidmatan mereka pada masa akan datang?
- c) Apakah perbezaan penilaian ini berbanding pada sesi lalu ketika pemerintahan kerajaan Barisan Nasional?

JAWAPAN :

- a) Setiap Ahli Majlis PBT akan dinilai prestasinya oleh Datuk Bandar/ Yang Dipertua Majlis dengan mengguna pakai borang prestasi yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri berdasarkan aspek-aspek seperti berikut:-
 - i. Kehadiran Mesyuarat
 - ii. Komitmen Kepada Tugas
 - iii. Pengetahuan Dan Kemahiran Dalam Tugas
 - iv. Kebolehan Membuat Keputusan
 - v. Keberkesanan Komunikasi
 - vi. Keberkesanan Hasil Kerja
 - vii. Kepimpinan
 - viii. Integriti
 - ix. Disiplin Dan Ketepatan Masa
 - x. Proaktif Dan Inovatif
 - xi. Jalinan Perhubungan Dan Kerjasama

Untuk makluman Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, setiap aspek bagi penilaian (KPI) tersebut telah ditetapkan markah penuh sebanyak **10 markah**.

Dalam pada masa yang sama, Ahli-ahli Majlis juga akan dinilai serta disyorkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan juga Ahli Parlimen sama ada prestasi yang ditonjolkan akan disambung perkhidmatan sebagai Ahli Majlis atau sebaliknya.

Sehubungan dengan itu, penilaian prestasi Ahli-ahli Majlis berkenaan kemudiannya akan dilaporkan di dalam Mesyuarat Khas Penilaian Ahli-ahli Majlis untuk penilaian seterusnya bersama semua ADUN dan Ahli Parlimen secara berperingkat mengikut PBT.

- b) Keseluruhan prestasi Ahli-ahli Majlis PBT bagi penggal 2008/2009 yang dilantik oleh Kerajaan Negeri telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi, berkesan serta amat memuaskan kerana inisiatif melalui pembahagian zon serta mewujudkan pejabat Ahli Majlis memudahkan penduduk mengenali dan menyampaikan aduan terus kepada Ahli Majlis yang dilantik di sesebuah zon.

Walau bagaimanapun, hanya terdapat segelintir Ahli Majlis sahaja yang kurang aktif dalam penyampaian perkhidmatannya yang mungkin perlu diberi lebih pendedahan mengenai peranan sebagai Ahli Majlis.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah bersetuju agar **tempoh perkhidmatan** Ahli-ahli Majlis PBT masih **dikekalkan** untuk tempoh **satu tahun** sahaja agar peluang dapat diberikan kepada calon-calon lain.

- c) Untuk makluman, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa penambahbaikan bagi penilaian tahap pencapaian Ahli-ahli Majlis PBT agar lebih komprehensif. Penambahan dari segi penilaian kriteria, *indicator* serta penglibatan jawatankuasa penilaian prestasi Ahli-ahli Majlis telah dibuat oleh Kerajaan Negeri di mana penambahbaikan ini membezakan pelaksanaan penilaian pada sesi lalu ketika pemerintahan kerajaan Barisan Nasional.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PKFZ

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam PKFZ sekiranya projek ini diambil alih oleh kerajaan Selangor?
- b) Memandangkan PKFZ terletak dalam negeri Selangor, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan pelaburan asing atau tempatan di pelabuhan tersebut?
- c) Siapakah pegawai yang akan dilantik sebagai wakil Kerajaan Negeri Selangor dalam Lembaga Pengarah PKFZ?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri boleh menjadikan PKFZ pemangkin pembangunan industri di kawasan tersebut. Kita boleh menggabungkan peranan pelabur tempatan dan luar bagi menyumbang terhadap peranan PKFZ.

Saya bersedia menyumbang pengalaman saya sebagai bekas Pengurus Kontena Nasional yang mengambil alih penswastaan Pelabuhan Klang dan mentadbir Pelabuhan Utara selama beberapa tahun.

- b) Kerajaan Negeri bersedia berbincang dengan Kerajaan Persekutuan bagi memainkan peranan tersebut termasuk menerusi SSIC dan agensi-agensi Kerajaan Negeri yang lain.
- c) Kita belum menetapkan siapa EXCO yang akan dilantik.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : ISU PERJANJIAN KONSESI AIR SELANGOR

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perkembangan rundingan Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat berhubung pengambilalihan aset pengurusan air di Negeri Selangor dan apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menjaga kepentingan rakyat Selangor untuk mendapat kualiti air bersih dan tidak dibebankan dengan kenaikan tarif air.

JAWAPAN :

- a) Beberapa siri rundingan telah diadakan di antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan. Lanjutan dari rundingan tersebut, cadangan penstrukturran semula industri air Negeri Selangor telah diterima oleh Kerajaan Persekutuan. Anggaran nilai yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi mengambi alih aset bekalan air yang dipegang oleh Syarikat Konsesi Air di Selangor dan aset yang dipegang oleh Kerajaan Selangor adalah tidak lebih dari RM9.3billion. Kerajaan negeri Selangor selanjutnya telah menawarkan kepada Pemegang Konsesi nilai tidak lebih dari RM9.3 bilion bagi mengambil alih semua Syarikat Konsesi Air sebagai langkah awal dalam menyusun semula industri perkhidmatan air di Selangor.

Langkah utama yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menjaga kepentingan rakyat Selangor untuk mendapat kualiti air bersih dan tidak dibebankan dengan kenaikan tarif air adalah melaksanakan penstrukturran semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor. Melalui penstrukturran semula ini, operator perkhidmatan air yang baru dapat diujudkan di mana operator air tersebut adalah terdiri dari syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, kawalan secara langsung dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama. Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dapat direalisasikan di bawah struktur baru ini.

Struktur baru ini dapat mengujudkan perkhidmatan air yang mapan berpandukan kepada pendekatan yang holistik. Keadaan ini akan mendorong pengurusan perkhidmatan air menjadi berdaya maju serta pengurusan kitaran air yang lebih cekap bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan infrastruktur. Dengan ini, kualiti air yang baik dapat dikekalkan untuk diberikan kepada pengguna. Kos operasi dapat dikurangkan kerana operator yang dilantik di bawah penstrukturran semula ini tidak bermatlamatkan keuntungan sebaliknya pulangan yang telah ditetapkan kepada operator tersebut adalah antara 0% hingga 1% sahaja.

Di bawah struktur baru ini, operator akan beroperasi secara *asset light* di mana pembiayaan ke atas perbelanjaan modal (CAPEX) akan dibuat oleh Pengurusan Aset Air Berhad. Operator yang baru ini akan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan. Ini akan dapat meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam operasi perkhidmatan air.

Dengan pelaksanaan penstrukturran ini rakyat Negeri Selangor tidak lagi dibebankan dengan kenaikan tarif air yang melampau. Sebaliknya melalui syarikat yang dimiliki dan dikawal secara langsung oleh Kerajaan Negeri Selangor, segala sumber yang diperoleh akan digunakan untuk memastikan rakyat membayar kadar air yang rendah dan terus menikmati inisiatif pemberian 20m³ air percuma.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PERPINDAHAN PENIAGA-PENIAGA PASAR BASAH SELAYANG BARU

137. Perancangan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyusun semula pembangunan di kawasan Selayang Baru adalah sesuatu yang baik demi kepentingan penduduknya. Namun demikian, pembinaan pasar baru yang akan menempatkan peniaga-peniaga yang buat masa ini bermiaga dalam kawasan pasar basah Selayang telah menimbulkan banyak rungutan dan keputusan ini seharusnya dipertimbangkan semula.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah rasional Pihak Berkuasa Tempatan membina bangunan baru sedangkan pasar basah sedia ada boleh dinaiktarafkan dengan memberi perhatian kepada susun atur dan aspek-aspek utiliti yang sempurna dan kemas.
- b) Sejauh manakah kemudahan pasar baru ini dijangka mampu membantu peniaga-peniaga tradisi ini dari aspek meningkatkan ekonomi mereka dan pengunjung terutamanya suri rumah yang sudah berusia dari segi keselesaan.
- c) Bagaimanakah perancangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan projek pembinaan pasar baru ini tidak akan menjadi 'Gajah Putih' sebagaimana yang dialami di kebanyakan kawasan yang sudah pun melaksanakan projek yang serupa.

JAWAPAN :

JAWAPAN DARIPADA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

- a) Perancangan pasar telah dibuat sejak tahun 1997 dengan perjanjian ditandatangani di antara pemaju dengan Kerajaan Negeri memandangkan tapak pasar lama terlalu kecil dan uzur.
- b) Terdapat kemudahan yang lengkap sebagai pasar moden termasuklah kemudahan orang kurang upaya dan kemudahan lif.
- c) Proses pemindahan pasar ini akan dilaksanakan sebagaimana pemindahan pasar-pasar lain dalam pentadbiran masjid.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK : PERUNTUKAN KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN

138. Di samping hasil kutipan cukai pintu dan bayaran perkhidmatan yang lain, Pihak Berkusa Tempatan juga memperoleh peruntukan yang disalurkan daripada Kerajaan Negeri dan Pusat bagi membolehkan ia berfungsi dengan berkesan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah jenis serta jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat kepada Pihak-pihak Berkusa Tempatan di negeri ini?
- b) Bagaimana peruntukan tersebut dibelanjakan?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri telah menyalurkan sejumlah RM76,000,000.00 kepada semua Pihak Berkusa Tempatan Negeri (PBT) Selangor iaitu RM56,000,000.00 untuk penyelenggaraan jalan dan RM20,000,000.00 untuk penyelenggaraan Parit Monsoon.

Manakala sejumlah RM50,537,240.00 telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada PBT iaitu RM46,907,240.00 melalui geran keseimbangan.

Perincian tersebut adalah seperti di Lampiran A.

- b) Peruntukan tersebut bagi kerja penyelenggaraan jalan, Parit Monsoon serta kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur di kawasan PBT masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

139. Kerajaan Negeri bertekad untuk menjadi kerajaan yang bertanggungjawab dan memenuhi aspirasi rakyat melalui slogan yang acap kali dicanang-canangkan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah jumlah projek terbengkalai yang sudah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri dan mohon disenaraikan mengikut daerah?
- Sehingga kini, berapakah jumlah projek perumahan terbengkalai yang sudah berjaya diatasi

JAWAPAN :

- Mengikut data terkini, terdapat sebanyak 144 projek terbengkalai yang dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor melibatkan 49,451 pembeli. Pecahan projek terbengkalai mengikut PBT adalah seperti berikut :

STATISTIK PROJEK TERBENGKALAI DI NEGERI SELANGOR

| BIL | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | JUMLAH | UNIT |
|------------|--------------------------------|---------------|---------------|
| 1 | MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM | 19 | 5,480 |
| 2 | MAJLIS PERBANDARAN KLANG | 28 | 4,061 |
| 3 | MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA | 7 | 2,996 |
| 4 | MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA | 13 | 3,022 |
| 5 | MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA | 10 | 9,208 |
| 6 | MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG | 16 | 2,936 |
| 7 | MAJLIS PERBANDARAN KAJANG | 11 | 4,202 |
| 8 | MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT | 8 | 962 |
| 9 | MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR | 11 | 5,405 |
| 10 | MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR | 13 | 7,238 |
| 11 | MAJLIS PERBANDARAN SEPANG | 8 | 3,941 |
| | JUMLAH | 144 | 49,451 |

- b) Sehingga kini, sebanyak 16 buah projek terbengkalai telah dikeluarkan daripada senarai projek terbengkalai berdasarkan statistik sehingga 31 Disember 2008. Dengan ini menjadikan jumlah projek yang terbengkalai sehingga 15 Jun 2009 adalah sebanyak 134 buah projek. Senarai projek yang telah dikeluarkan daripada senarai projek terbengkalai seperti di lampiran A.

Berdasarkan siasatan di tapak dan laporan maklum balas daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan pemaju yang terlibat didapati bahawa 4 Projek Terbengkalai yang disenaraikan tidak mempunyai pembeli, 4 Projek telah siap tetapi belum memperoleh CF, 7 Projek telah siap dengan CF dan 1 Projek hanya melibatkan 1 unit rumah.

LAMPIRAN

**SENARAI PROJEK TERBENGKALAI YANG DIKELUARKAN DARIPADA SENARAI 144
PROJEK TERBENGKALAI SEHINGGA 31 DISEMBER 2008**

MPK

| BIL | NAMA PROJEK | NAMA PEMAJU |
|------------|--|--|
| 1 | Cadangan Pembangunan Rumah Teres 2 Tingkat Sungai Kapar Indah, Jalan Kapar, Mukim Kapar, Klang | Syarikat Pembangunan Hartanah Guthrie |
| 2 | Taman Bunga Ros,Mukim Klang, Klang | Tetuan Ram Developer Sdn. Bhd. Tetuan Willow Construction Sdn. Bhd. |

MBSA

| BIL | NAMA PROJEK | NAMA PEMAJU |
|------------|---|------------------------------|
| 1 | Cadangan Pembinaan Bercampur Pusat Komersial, Seksyen 7, Bandar Shah Alam | Tetuan PCM Bina Sdn. Bhd. |
| 2 | Pangsapuri Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ | Tetuan LBS Bina Group Berhad |

MPSJ

| BIL | NAMA PROJEK | NAMA PEMAJU |
|------------|--|--------------------------------|
| 1 | Cadangan Membina Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana , Seksyen 5, Mukim Petaling, Daerah Petaling | Tetuan Green Cresent Sdn. Bhd. |
| 2 | Cadangan Pembinaan Pusat Perniagaan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling | Tetuan Sanjung Utama Sdn. Bhd. |

| | | |
|---|--|----------------------------------|
| | | |
| 3 | Cadangan Membina Kedai Pejabat 2 ½ Tingkat, Taman Lestari Perdana , Mukim Petaling, Daerah Petaling | Tetuan Lestari Perdana Sdn. Bhd. |

MPAJ

| BIL | NAMA PROJEK | NAMA PEMAJU |
|-----|--|---|
| 1 | Cadangan Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan 47 Unit rumah Teres 2 1/2 Tingkat, Taman Kosas, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat | Tetuan Koperasi Serbaguna Anak- Anak Selangor Berhad |
| 2 | Cadangan 24 Unit Rumah Kedai (RK), Kampung Tasek Tambahan , Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat | Tetuan Jurubena Tenaga Sdn. Bhd. (Projek Penswastaan PKNS) |

MPKj

| BIL | NAMA PROJEK | NAMA PEMAJU |
|-----|---|--|
| 1 | Cadangan Pembangunan Mendirikan 1 Bangunan Kompleks 10½ Tingkat (KOMPLEKS KOTA KAJANG)Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat | Tetuan Widhill Development & Construction Sdn. Bhd. |

MPS

| BIL | NAMA PROJEK | NAMA PEMAJU |
|------------|--|---|
| 1 | Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Mukim Batu, Daerah Gombak | Tetuan Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd. |
| 2 | Rumah Teres 2 Tingkat, HS (D) 56918, PT 31343 | Tetuan Hartawan Pasifik Sdn. Bhd |
| 3 | Projek Pembinaan Taman Selaseh Fasa 2, Mukim Batu, Daerah Gombak | Tetuan Startegic Development Sdn. Bhd. |
| 4 | Projek Perumahan Jalan Sungai Kertas, Kampung Sungai Kertas, Mukim Batu, Daerah Gombak | Tetuan SBB Building Construction Sdn. Bhd. |

MDKS

| BIL | NAMA PROJEK | NAMA PEMAJU |
|------------|--|--|
| 1 | Tmn Wawasan , Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor | Tetuan Radiant Hart Construction Sdn. Bhd. |
| 2 | Tmn Yayasan, Mukim Kuala Selangor | Tetuan Pramax Sdn. Bhd. JV Tetuan Yayasan Selangor |

**PROJEK TERBENGKALAI YANG DIKELUARKAN SEBANYAK
= 16 PROJEK**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : SAMBUTAN HARI IBU

140. Tanggal 10 Mei diiktiraf sebagai Hari Ibu, sambutan turut diadakan pada peringkat negeri melalui Exco dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kebudayaan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- Apakah pendekatan yang diambil Kerajaan Negeri di dalam menyambut 'Hari Ibu'?
- Sejauh manakah pembelaan yang diberi terhadap ibu tunggal dan miskin?
- Bagaimanakah penghargaan sepatutnya diberi kepada ibu-ibu yang berjaya membimbing keluarga?

JAWAPAN :

- Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah mengadakan sambutan Hari Ibu dengan kerjasama Perkawanis yang diadakan pada 10 Mei 2009 yang lepas bertempat di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS). Kaum ibu telah diraikan dalam program tersebut dan memberi sedikit penghargaan kepada mereka yang berjaya dalam membesarkan anak masing-masing.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita turut mengadakan bengkel-bengkel kemahiran seperti sulaman manik bagi membantu golongan ibu untuk mendapat pendapatan tambahan di rumah. Program tersebut ternyata mendapat sambutan baik kerana memberi kemahiran tambahan kepada wanita di samping membesarkan anak-anak.

- Nasib kaum ibu tunggal sentiasa menjadi perhatian Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Kerajaan Negeri ingin memastikan tiada seorang pun dari kalangan ibu tunggal tercicir dalam arus pembangunan negeri Selangor. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita telah melancarkan portal 'Eibu.org' yang bertujuan untuk mengumpul segala maklumat berkaitan ibu tunggal di Selangor. Dengan maklumat yang diperoleh, Kerajaan Negeri dapat merangka serta merancang program yang bersesuaian yang mengikut keperluan para ibu tunggal.

Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita bercadang untuk menubuhkan Pusat Komuniti bagi wanita terutamanya ibu tunggal. Pusat ini ditubuhkan bertujuan untuk menggalakkan kaum wanita untuk berkecimpung dalam bidang keusahawanan. Segala peralatan dan kelengkapan yang diperlukan akan disediakan untuk menjana aktiviti ekonomi yang dapat memberi pulangan pendapatan kepada mereka yang terlibat. Antara aktiviti-aktiviti yang dicadangkan seperti jahitan sulaman dan manik, pembuatan kek dan biskut, kraf tangan dan pelbagai kegiatan lagi yang boleh menyumbang pendapatan kepada mereka.

Selain itu, ibu tunggal yang layak juga boleh memohon program ‘Blueprint Kemiskinan’ di mana mereka akan diberikan bantuan dalam bentuk peralatan dan dapat memulakan perusahaan yang bersesuaian dari rumah masing-masing. Bantuan ini serba sedikit dapat meringankan beban ibu tunggal dalam membimbing keluarga dan seterusnya menjana pendapatan tambahan kepada mereka. Program Kerajaan Prihatin juga merupakan salah satu bantuan daripada Kerajaan Negeri kepada ibu-ibu tunggal yang miskin. Menerusi program ini, ibu tunggal yang layak akan diberi sebuah rumah atau membaik pulih rumah mereka.

- c) Kerajaan Negeri akan mencadangkan nama-nama ibu tunggal yang berjaya keluar dari kepompong kesusahan untuk dicalonkan sebagai Anugerah Ibu Mithali dalam sambutan Maulidur Rasul. Dengan cara ini, Kerajaan Negeri yakin ia akan menjadi satu sumber inspirasi kepada ibu-ibu tunggal yang lain untuk berjaya dan meningkatkan taraf hidup masing-masing.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN
(DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : PAKEJ PERANGSANG EKONOMI NEGERI SELANGOR

141. Pakej perangsang berbentuk beberapa serampang dilancarkan pada bulan Mac 2009.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila beritahu status kemajuannya perangsang-perangsang tersebut.
- b) Apakah mekanisme wajar yang diambil untuk melaksanakannya ?

JAWAPAN :

- a) Untuk 2009, sebanyak RM353,540 telah diagihkan dan lebih kurang RM600,000 akan diagihkan. Jumlah yang telah diagihkan sebanyak RM353,540 yang telah diagihkan melibatkan proses "mapping" di kawasan sekeliling Sungai Klang menggunakan GIS (Geographical Information System) untuk inventori guna tanah di kawasan tersebut.

Jumlah yang akan diagihkan sebanyak RM600,000 pula melibatkan peruntukan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk proses *mapping* terperinci Sungai Klang dan juga program-program kempen bersama-sama NGO untuk memberi kefahaman kepada orang awam tentang pentingnya penjagaan sungai.

- b) Selain dari projek penstrukturran semula aset-aset air, projek yang adalah masih di dalam peringkat awal di mana kajian sedang dibuat sebelum pelan induk (*masterplan*) dilancarkan. Kesan program ini belum lagi diperoleh kerana projek rangsangan ekonomi ini adalah untuk tujuan masa depan. Pada masa hadapan, kesan ini akan bertambah lagi, iaitu:
 - Projek Sungai Klang

Projek pembersihan dan pemuliharaan Sungai Klang dijangka mengambil masa 20 tahun dan dijangka akan membawa masuk pelaburan sebanyak RM30 bilion, menambahkan lebih 50,000 peluang pekerjaan dan juga menambahkan nilai tanah di kawasan Sungai Klang. In merupakan sumber pendapatan baru kepada Kerajaan Negeri

- Pembangunan Semula Bandar (Urban Renewal)

Pembangunan semula bandar dijangka mengambil masa 10 tahun dengan fokus diberikan pada bandar-bandar seperti Klang dan sesetengah kawasan di Petaling Jaya yang mempunyai potensi besar untuk dibangunkan semula. Projek ini dijangka akan menambah baik kehidupan warga-warga bandar dan meningkatkan nilai tanah di kawasan-kawasan tersebut.

- Meningkatkan Hasil Padi (Padi Yield Enhancement)

Projek ini telah dilancarkan dan dilaksanakan sejak awal tahun 2009. Setakat ini, hasil-hasil padi telah berjaya ditingkatkan sehingga 50% di kawasan-kawasan terlibat seperti Sawah Sempadan dan Pasir Panjang. Pendapatan petani-petani telah berjaya ditingkatkan daripada purata RM600 sebulan sehingga mencapai RM1,500 sebulan. Projek ini masih di peringkat awal dan dijangkakan keputusan-keputusan yang lebih memberangsangkan akan diperoleh

- Rumah-rumah Terbengkalai (Abandoned Housing)

Projek ini masih di peringkat awal. Kerajaan negeri dan penglibatan Lembaga Perumahan dijangka akan mengeluarkan pelan induk (*masterplan*) tidak lama lagi. Projek ini diharapkan akan dapat menyelesaikan isu-isu projek terbengkalai dengan kerjasama rapat kerajaan negeri, pemaju dan pembeli.

- Penstrukturan Semula Aset-aset Air (Water Assets Restructuring)

Penstrukturan semula aset-aset air adalah penting untuk mengembalikan pemilikan aset-aset air kepada kerajaan negeri. Tujuannya adalah untuk memastikan pengguna mendapat khidmat yang paling cekap dan memastikan harga yang dibayar untuk air yang merupakan keperluan asas manusia adalah berpatutan. Kerajaan negeri komited untuk memastikan air percuma pada 20m³ pertama akan terus dilaksanakan untuk kepentingan rakyat

- Pengangkutan Awam

Projek ini masih di peringkat awal. Kerajaan Negeri dengan kerjasama agensi-agensi yang terlibat sedang membuat kajian tentang cara-cara untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas dan bagaimana pengangkutan awam dapat digunakan sebaiknya terutamanya di kawasan-kawasan seperti Petaling Jaya, Subang Jaya, Klang, Kajang, dan lain-lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PERANCANGAN DAN BELANJAWAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tindakan serta usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan perbelanjaan Negeri selaras dengan belanjawan yang dirancang dan dibentangkan pada setiap tahun (ini mengambil kira Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan Negeri di dalam proses memastikan Belanjawan mengikut prosedur dan tiada pembaziran).
- b) Selain usaha Kerajaan Negeri membantu projek yang terbengkalai, apakah sasaran dan projek yang dirancang di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor yang dilihat dapat membantu mengatasi masalah sosio ekonomi setempat khususnya di kawasan Pelabuhan Klang?

JAWAPAN :

- a) Belanjawan awam bolehlah didefinisikan sebagai satu penyata hasil dan perbelanjaan bagi masa hadapan yang digunakan sebagai alat perancangan dan pengurusan penggunaan sumber-sumber ekonomi Negeri Selangor untuk memenuhi keperluan dan kesejahteraan rakyat serta melaksanakan dasar-dasar sosio-ekonomi yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan Selangor sebagai sebuah negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebajikan.

Pengurusan Perbelanjaan Kerajaan

Proses pelaksanaan komitmen kerajaan bermula dari ia dikenal pasti serta dinyatakan di peringkat belanjawan hingga kepada cara ia mencapai objektif-objektif yang telah dikenal pasti dan ditetapkan melalui program, aktiviti dan projek.

Antara tindakan serta usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan perbelanjaan Negeri selaras dengan belanjawan yang dirancang dan dibentangkan pada setiap tahun adalah seperti berikut:

Peraturan Kewangan

Penguatkuasaan polisi, peraturan serta prosedur kewangan yang sedang berkuat kuasa sentiasa dipatuhi selain pemantauan yang dibuat oleh kerajaan Negeri secara berterusan ke atas jabatan-jabatan. Selain itu, kerajaan Negeri juga mengeluarkan Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor bagi tujuan kawalan perbelanjaan serta perbelanjaan berhemat.

Contoh Surat Pekeliling yang dikeluarkan adalah Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.3 Tahun 2008 Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Secara Berhemat dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.1 Tahun 2009 Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Jawatankuasa Tetap.

Semakan Bajet (*Budget Review*)

Kerajaan Negeri juga telah memutuskan agar semakan bajet (*budget review*) di laksanakan sebanyak tiga (3) kali setahun bagi melihat prestasi perbelanjaan selain memastikan pegawai pengawal mengawal serta memantau kemajuan perbelanjaan dan penggunaan peruntukan bagi sesuatu maksud peruntukan yang telah diluluskan.

Kursus

Kerajaan Negeri juga menyediakan dan memberi kursus kepada jabatan-jabatan kerajaan di Negeri Selangor bagi memberi pendedahan serta keberkesanan yang menyeluruh dalam menguruskan perbelanjaan jabatan.

Contoh kursus yang dijalankan adalah seperti Kursus Terimaan dan Bayaran Kerajaan, Bengkel Senarai Semak Info Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Untuk Kerajaan Negeri (SPEKS) dan juga Perbendaharaan Negeri Selangor memberi khidmat guna tenaga kepada kursus-kursus pengurusan kewangan yang dianjurkan oleh jabatan-jabatan lain.

Sesi Pencambahan Pemikiran (*Brainstorming Session*)

Sesi percambahan pemikiran juga diadakan secara berkala bagi membincangkan isu-isu serta penambahbaikan di dalam pengurusan perbelanjaan Kerajaan Negeri dengan melibatkan tiga (3) prinsip utama iaitu '**value for money**' (iaitu sesuatu perbelanjaan hendaklah dibuat dengan kos yang optimum kepada kerajaan dan memberi manfaat maksimum kepada rakyat), **legality** (iaitu peruntukan dibelanjakan mengikut had dan maksud yang telah diluluskan dan mengikut peraturan dan undang-undang sedia ada) dan **akauntabiliti** (bermaksud terlaksananya program, aktiviti dan projek secara cekap dan berkesan dan dilaporkan dengan sewajarnya kepada pihak berkenaan).

- b) **Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada Pejabat Menteri Besar**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. MUTHIAH MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)

TAJUK : PERUMAHAN KOS RENDAH

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Ada keperluan untuk perumahan kos rendah untuk kaum miskin di kawasan Bukit Melawati yang dibina dahulunya , banyaknya dijual kepada orang yang berhubungan rapat dengan ahli politik. Satu contoh adalah di Taman Kasawari, di mana lebih dari 20% rumah tidak di duduki oleh pemilik rumah atau kosong sahaja.
- b) Bolehkah kita bina lebih kurang 200 unit di kawasan Kg Kuantan / Kg Asahan dan lebih kurang 150 unit di kawasan Bukit Rotan ?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Program Rumah Awam Kos Rendah (RAKR) merupakan satu program yang diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membolehkan golongan yang disasarkan iaitu mereka yang miskin dan berpendapatan rendah boleh memiliki sendiri rumah mampu milik.

Pembentukan program ini adalah dalam bentuk pinjaman yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dengan dikenakan kadar faedah bayaran balik sebanyak 4% setahun. Program RAKR Taman Kasawari, Bukit Rotan yang terdiri daripada 260 unit merupakan salah satu daripada keseluruhan 174 projek RAKR yang terdapat di seluruh Selangor dan senarai nama pemohon yang layak bagi membeli rumah di bawah program ini adalah dipilih dan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.

Berdasarkan bancian dan rekod yang ada di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), daripada keseluruhan **260 unit rumah yang ada, sebanyak 239 unit telah pun melunaskan bayaran pembelian rumah tersebut** kepada kerajaan negeri melalui pembentukan pinjaman sama ada melalui pinjaman bank ataupun pinjaman perumahan kerajaan. Manakala sebanyak 21 unit lagi telah ditarik balik tawaran daripada pemilik asal akibat kegagalan pemilik asal menyelesaikan bayaran walaupun lanjutan tempoh masa telah diberikan beberapa kali.

Bagaimanapun unit-unit yang ditarik balik tersebut telah pun dibuat tawaran baru kepada pemohon-pemohon yang berkelayakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Senarai Nama di LPHS dan pada masa ini kesemua pemohon tersebut sedang menguruskan pembentukan bagi hartanah tersebut. Pada masa ini hanya 21 unit sahaja atau 8% daripada keseluruhan unit yang diklasifikasikan sebagai benar-benar kosong dan tidak diduduki kerana urusan pemilikan sedang dilaksanakan oleh penama-penama baru.

Untuk makluman Yang Berhormat, mana-mana unit-unit yang terbiar kosong yang tidak termasuk dalam senarai 21 unit yang ditawarkan kepada penama baru adalah dimiliki oleh pemilik yang telah menyelesaikan bayaran kepada kerajaan negeri melalui pinjaman bank dan oleh yang demikian hartanah tersebut dimiliki oleh pihak bank sebagai pihak yang berkepentingan . Sehubungan dengan itu, LPHS tidak mempunyai kuasa untuk menarik balik unit-unit berkenaan kerana bayaran rumah telah pun selesai dibayar kepada Kerajaan Negeri.

- b) Masalah kekurangan rumah kos rendah di DUN Melawati khususnya kawasan Kg. Kuantan / Kg. Asahan dan sekitarnya akan dikaji dengan teliti oleh Kerajaan Negeri berdasarkan keperluan dan permintaan rumah jenis tersebut yang mana kawasan terletak dalam Mukim Api-api, Daerah Kuala Selangor. Berdasarkan Statistik permohonan rumah kos rendah di Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS), mendapati terdapat seramai 2,769 orang pemohon telah berdaftar untuk membeli rumah jenis kos rendah di keseluruhan Daerah Kuala Selangor yang mana pecahannya adalah seperti berikut:

| Bil. | Mukim | Bilangan Pemohon (orang) |
|---------------|------------------|---------------------------------|
| 1. | Api-API | 154 |
| 2. | Batang Berjuntai | 178 |
| 3. | Hujung Permatang | 322 |
| 4. | Hulu Tinggi | 8 |
| 5. | Ijok | 905 |
| 6. | Jeram | 291 |
| 7. | Kuala Selangor | 637 |
| 8. | Pasangan | 84 |
| 9 | Tanjung Karang | 190 |
| Jumlah | | 2,769 |

Walaupun permintaan keseluruhan bagi Daerah Kuala Selangor adalah agak tinggi namun didapati kurang sambutan daripada pemaju swasta untuk mendirikan rumah mampu milik seperti rumah kos rendah dan kos sederhana rendah di kawasan ini. Perkara ini terjadi disebabkan kebanyakan pembeli di kawasan ini lebih menggemari rumah jenis '*landed*' sedangkan kebanyakan rumah mampu milik yang ada ketika ini didirikan secara berbilang tingkat. Kos perolehan tanah, kos infrastruktur dan kos pembinaan yang tinggi bagi membangunkan sesuatu kawasan pada ketika ini menyukarkan pemaju untuk menyediakan rumah mampu milik jenis '*landed*'. Ini secara tidak langsung memberi kesan kepada penyediaan rumah mampu milik di DUN Melawati tersebut khususnya di kawasan Kg. Kuantan / Kg. Asahan dan di kawasan Bukit Rotan.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan tetap menetapkan syarat membina rumah kos rendah kepada semua pemaju yang akan membangunkan tanah dan mempunyai keluasan melebihi 10 ekar. Syarat ini termasuk pemaju yang akan membangunkan tanah mereka di DUN Melawati. Kajian keperluan dan permintaan rumah di kawasan terbabit juga akan dibuat dari masa ke semasa bagi memastikan golongan yang berpendapatan rendah dapat membeli dan memiliki rumah kos rendah di kawasan tersebut. Penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri seperti PKNS dan PNSB juga akan digalakkan membina rumah kos rendah di kawasan tersebut sekiranya masih terdapat tanah yang boleh dibangunkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPDA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : BANJIR

144. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar
- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah banjir di sepanjang Sungai Langat dalam DUN Dusun Tua?

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : PERTANIAN DAN ALAM SEKITAR

145. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :-

- a) *Modern Pig Farming Area* – Apakah status projek berkenaan dan bila ia akan mula dilaksanakan?
- b) Senaraikan nama syarikat juru perunding dan kontraktor yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi projek pembersihan dan menaik taraf sungai Klang sebagaimana yang dirancang oleh Kerajaan Negeri, dan nyatakan perbelanjaan sebenar yang terlibat.

JAWAPAN :

- a) Projek Modern Pig Farming (MPF) masih di dalam peringkat mengenal pasti peruntukan bagi tujuan pengambilan balik tanah. Sementara itu, terdapat enam (6) buah syarikat yang telah mengemukakan surat niat untuk membangunkan MPF. Task Force MPF akan membuat pemilihan terhadap syarikat yang mampu membayai kos pengambilan balik tanah, memenuhi kehendak Kerajaan Negeri dan penternak.
- b) Lebih daripada 10 syarikat swasta telah menyatakan keinginan untuk melibatkan diri dalam projek pembersihan Sungai Klang. Walau bagaimanapun, projek ini belum mencapai fasa pembersihan lagi, dan ia masih di peringkat kajian yang dijalankan oleh JPBD, PTG, LUAS dan JPS. Kontraktor hanya dipanggil untuk memberi pembentangan, dan tiada lagi yang dilantik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPDA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : TEKANAN AIR RENDAH

146. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah tekanan air rendah di kawasan Kampung Sungai Tekali yang menyebabkan penduduk tidak menerima bekalan air?

JAWAPAN :

a) Bagi mengatasi masalah tekanan air rendah di kawasan Kampung Sungai Tekali pihak Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama pihak SYABAS telah menyediakan dua pelan tindakan iaitu :

- 1) Tindakan Jangka Pendek
- 2) Tindakan Jangka Panjang

Tindakan Jangka Pendek

- i. Menggunakan sistem pintasan paip (*bypass*) di kolam tangki menara bagi menyalurkan bekalan air ke Kampung Sungai Tekali.
- ii. Menghantar bekalan air dengan tangki air ke kawasan Kampung Sungai Tekali.
- iii. Sebanyak tiga puluh (30) buah tangki statik yang berkapasiti 2,727 liter setiap satu telah ditempatkan di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti di kawasan Kampung Sungai Tekali. Pemantauan bagi paras air tangki statik juga dilakukan bagi memastikan bekalan air kepada penduduk adalah sentiasa mencukupi.
- iv. Membaiki kolam tangki menara yang mana kolam lama telah rosak dan telah pun siap diperbaiki dan pada masa ini, kerja-kerja pengujian (*testing*) sedang giat dilakukan dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada hujung bulan Julai 2009.

Tindakan Jangka Panjang

- i. **Projek Menaik taraf Sistem Bekalan Air di Kampung Sungai Tekali**

Bagi menyelesaikan masalah secara jangka panjang, satu sistem bekalan air baru perlu dibina untuk Kampung Sungai Tekali. Untuk tujuan ini, kerja-kerja reka bentuk sedang dijalankan untuk membina tangki simpanan baru berkapasiti 60,000 gelen yang bertujuan untuk menambah simpanan bekalan air ke kawasan Sungai Tekali. Kerja-kerja ini dijangka dapat disiapkan pada suku ke-empat 2010. Ia juga melibatkan kerja-

kerja menaik taraf sistem pengepaman sedia ada dan pemasangan saluran paip air.

ii. **Projek Pemindahan Air Bersih Dari Kolam Imbangan Semenyih Ke Sistem Agihan Sungai Langat Oleh SYABAS Ibu Pejabat**

Kekurangan tekanan air di Hulu Langat khususnya di Kampung Sungai Tekali adalah kerana kapasiti Loji Rawatan Air Sungai Langat sudah tidak dapat menampung permintaan air yang kian meningkat. Sebagai langkah mengatasinya, Kerajaan Negeri Selangor melalui SYABAS akan membina sistem baru bagi menyalurkan sumber air dari Loji Rawatan Air Semenyih.

Projek penyaluran air ini melibatkan kerja-kerja pemasangan paip bergaris pusat 1500mm, yang akan bermula dari Kolam Takungan Desa Putera, Sungai Merab di Sepang melalui Bandar Baru Bangi hingga ke Jalan Timur di bandar Kajang yang melibatkan pemasangan paip besi keluli bergaris pusat 1500mm, sepanjang 17.5 km serta pembinaan sebuah rumah pam di Kolam Air Terminal Bandar Baru Bangi.

Adalah dianggarkan sejumlah 25 juta gelen sehari (113 juta sehari) dapat dipindahkan dari Loji Sungai Semenyih ke Sistem Agihan Sungai Langat (Line 12/1500mm) dan apabila projek ini selesai ia akan memberi manfaat kepada 80,000 keluarga atau 400,000 pengguna di Hulu Langat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENYAMPAIAN DI PBT

147. Sudah satu tahun kerajaan Pakatan Rakyat mentadbir Negeri Selangor tetapi sistem penyampaian di setiap PBT masih tidak memuaskan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan usaha-usaha penambahbaikan sistem penyampaian di dalam PBT sejak tahun 2008.
- b) Berapakah pegawai atau pengarah yang telah ditukarkan kerana tidak mencapai prestasi minima. Sila jelaskan mengikut PBT.
- c) Sila nyatakan 10 aduan yang sering diterima daripada penduduk-penduduk mengikut PBT dan sebab-sebab aduan tersebut tidak dapat diselesaikan.

JAWAPAN :

- a) Beberapa langkah dilakukan untuk menambah baik sistem penyampaian di PBT. Antaranya adalah seperti berikut:
 - 1) Penubuhan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat di semua PBT;
 - 2) Mengurangkan campur tangan politik dalam pentadbiran PBT dengan melantik wakil daripada NGO (25%) sebagai Ahli Majlis;
 - 3) Memperkuatkan Jawatankuasa Kewangan Jawatankuasa Tender dan Jawatankuasa Sebut harga;
 - 4) Setiap Ahli Majlis diberikan Zon, kerani dan juga pejabat;
 - 5) Pelaksanaan Garis Panduan Lesen Serta-merta;
 - 6) Pelaksanaan Garis Panduan Papan Iklan Luaran PBT Selangor;
 - 7) Penyelarasan semula Fi Lesen di bawah Undang-undang Kecil PBT Selangor;
 - 8) Pelancaran Zon Bersih dan peruntukkan sebanyak RM100,000.00 untuk setiap PBT;
 - 9) Penubuhan Persatuan Kebajikan Penguin kuasa PBT Selangor;
 - 10) Pelaksanaan Program Bapa Angkat PBT Selangor;
 - 11) Selangor Retrenchment Helpline' di PBT;

- 12) Penstrukturran semula fi sewa tapak pasar pagi dan pasar malam di kawasan PBT Selangor;
- 13) Pembangunan Infrastruktur mesra OKU di PBT; dan
- 14) Langkah-langkah lain yang diambil secara langsung atau tidak langsung demi memastikan penambahbaikan sistem penyampaian PBT tercapai.
- b) Buat masa ini Kerajaan Negeri masih menilai dan memantau prestasi pegawai atau pengarah dan tiada pegawai yang ditukarkan kerana tidak mencapai tahap prestasi minima.
- c) Berikut jumlah bilangan aduan utama yang sering diadu dan mengambil tempoh masa yang lama untuk diselesaikan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor:

| Bil. | Jenis aduan Utama | Masalah Penyelesaian |
|-------------|---------------------------|---|
| 1. | Lampu jalan | I. Peruntukan kewangan II. tindakan agensi lain(TNB/ JKR /Pemaju) |
| 2. | Kutipan Sampah | I. Peruntukan kewangan II. Kontraktor |
| 3. | Anjing Liar/ Gagak | I. Tempat penempatan II. Kekurangan anggota |
| 4. | Jalan Rosak | I. Peruntukan kewangan II. Projek Pembangunan |
| 5. | Kacau Ganggu | I. Alamat tidak lengkap |
| 6. | Longkang tersumbat /rosak | I. Peruntukan Kewangan II. Projek Pembangunan |
| 7. | Pokok /Landscape | I. Peruntukan kewangan II. Kekurangan peralatan |
| 8. | Rumah / Tanah kosong | I. Pemilik gagal dihubungi II. Alamat tidak lengkap |
| 9. | Haiwan Peliharaan | I. Tempat penempatan |
| 10. | Pengubahaian Rumah | I. Proses undang-undang |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : SEWA PERUMAHAN PPR

148. Baru-baru ini Kerajaan Negeri telah mengkaji semula kadar sewa untuk rumah PPR di mana ianya telah dikurangkan dari RM 250 sebulan ke RM 124 sebulan bagi mereka yang layak .

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan syarat-syarat bagi seseorang layak membayar sewa RM 124 sebulan sahaja.
- b) Kenapakah seseorang yang mendapat bantuan zakat atau bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak layak menerima tawaran bayaran sewa RM 124?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri masih mengekalkan kadar sewa RM250.00 sebulan kepada penyewa-penyewa PPR dan council homes di Negeri Selangor. Kadar sewa RM124.00 sebulan hanya layak dipertimbangkan kepada penyewa-penyewa yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM1,500.00 sebulan dengan mempunyai 5 orang isi rumah. Walau bagaimanapun, syarat seperti warganegara Malaysia dan belum memiliki sebarang jenis rumah juga diambil kira dalam menentukan penyewa tersebut layak membayar sewa pada kadar RM124.00 sebulan.
- b) Penyewa yang menerima bantuan zakat atau Jabatan Kebajikan Masyarakat sekiranya masih berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan dan mempunyai 5 isi rumah masih layak membayar sewa pada kadar RM124.00 sebulan. Semakan hanya dibuat bagi mengenal pasti mana-mana penyewa yang berada di bawah kategori miskin dan jenis bantuan yang diterima daripada agensi-agensi berkaitan. Sekiranya penyewa mendapat pelbagai bantuan daripada agensi-agensi yang berbeza seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Program Kemiskinan Bandar (PKB) maka kaedah penyelesaian yang sama akan diguna pakai iaitu layak dipertimbangkan membayar sewa RM124.00 sekiranya jumlah bantuan bulanan tidak melebihi RM1,500.00 dengan mempunyai 5 orang isi rumah. Ini dapat memberi keadilan kepada penyewa lain yang langsung tidak menerima sebarang bantuan tetapi masih membayar sewa pada kadar RM250.00 sebulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA

149. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa bilangan industri kecil dan sederhana yang boleh di kategorikan berjaya di negeri Selangor.
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri yang lebih terancang dalam mengetengahkan industri ini agar memberi manfaat kepada masyarakat yang lebih besar dalam menjana ekonomi negeri.

JAWAPAN :

- a) Di bawah Program Dana Industri Kecil usahawan dibahagikan kepada beberapa subsektor pembuatan iaitu :
 - 1) makanan
 - 2) Perabot
 - 3) Kraf tangan
 - 4) Jahitan
 - 5) Bahan – bahan binaan

Berdasarkan subsektor ini di kenal pasti subsektor pembuatan makanan merupakan sektor yang paling berdaya maju.

- b) Kerajaan Negeri telah merancang program Satu Kampung Satu Industri bagi membuka lebih banyak peluang dan pendedahan kepada sektor pembuatan makanan ini. Di bawah program ini kursus, pelaksanaan, pemantauan dan pemasaran diutamakan bagi memastikan program ini dilaksanakan dengan jayanya.

Program ini juga turut melibatkan pihak Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi memastikan pemantauan dan motivasi kepada peserta diberikan secara berterusan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PELABURAN

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila kemukakan jumlah pelaburan yang diperoleh oleh Negeri Selangor bagi setengah tahun pertama 2009 secara perbandingan dengan setengah tahun pertama 2008 mengikut pecahan daerah.
- b) Bagaimakah prestasi Negeri Selangor dalam memperoleh pelaburan bagi setengah tahun pertama 2009 secara perbandingan dengan negeri-negeri lain?
- c) Apakah langkah-langkah proaktif yang bakal diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha menarik lebih ramai pelabur ke Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Jumlah pelaburan yang diperoleh oleh Negeri Selangor bagi tempoh Januari hingga Mac 2009 secara perbandingan dengan tempoh yang sama bagi tahun 2008 adalah seperti berikut; -

Projek Perkilangan Yang Diluluskan Di Selangor Mengikut Daerah Bagi Tempoh Januari Hingga Mac 2009

| Daerah | Projek | Peluang Pekerjaan | Pelaburan Tempatan (RM) | Pelaburan Asing (RM) | Jumlah Modal Pelaburan (RM) |
|-------------------|---------------|--------------------------|--------------------------------|-----------------------------|------------------------------------|
| Petaling | 32 | 1,944 | 438,888,383 | 112,117,509 | 551,005,892 |
| Klang | 22 | 1,100 | 360,238,861 | 96,086,862 | 456,325,723 |
| Hulu Langat | 7 | 372 | 19,830,849 | 55,818,060 | 75,648,909 |
| Kuala Selangor | 4 | 305 | 12,368,172 | 43,936,000 | 56,304,172 |
| Kuala Langat | 3 | 365 | 35,775,914 | 1,321,200 | 37,097,114 |
| Gombak | 3 | 171 | 25,516,000 | 864,000 | 26,380,000 |
| Hulu Selangor | 1 | 39 | 500,000 | 0 | 500,000 |
| Sepang | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Sabak Bernam | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Lain-lain Kawasan | 1 | 14 | 6,400,000 | 0 | 6,400,000 |
| Jumlah | 73 | 4,310 | 899,518,179 | 310,143,631 | 1,209,661,810 |

Sumber : MIDA

Projek Perkilangan Yang Diluluskan Di Selangor Mengikut Daerah Bagi Tempoh Januari Hingga Mac 2008

| Daerah | Projek | Peluang Pekerjaan | Pelaburan Tempatan (RM) | Pelaburan Asing (RM) | Jumlah Modal Pelaburan (RM) |
|-------------------|---------------|--------------------------|--------------------------------|-----------------------------|------------------------------------|
| Kuala Langat | 5 | 496 | 70,514,255 | 561,035,539 | 631,549,794 |
| Petaling | 12 | 990 | 44,905,165 | 132,887,418 | 177,792,583 |
| Klang | 14 | 1,077 | 93,237,299 | 49,561,201 | 142,798,500 |
| Hulu Langat | 7 | 332 | 23,405,773 | 7,989,154 | 31,394,927 |
| Kuala Selangor | 2 | 143 | 17,427,274 | 1,447,764 | 18,875,038 |
| Hulu Selangor | 1 | 26 | 4,489,031 | 4,489,031 | 8,978,062 |
| Gombak | 3 | 88 | 8,097,299 | 0 | 8,097,299 |
| Sepang | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Sabak Bernam | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Lain-Lain Kawasan | 14 | 569 | 51,692,604 | 656,125,072 | 707,817,676 |
| Jumlah | 58 | 3,721 | 313,768,700 | 1,413,535,179 | 1,727,303,879 |

Sumber : MIDA

- b) Prestasi pelaburan bagi tempoh Januari hingga Mac 2009 bagi Negeri Selangor berbanding negeri-negeri lain adalah seperti berikut jadual berikut:-

| Daerah | Projek | Peluang Pekerjaan | Pelaburan Tempatan (RM) | Pelaburan Asing (RM) | Jumlah Modal Pelaburan (RM) |
|---------------------------|---------------|--------------------------|--------------------------------|-----------------------------|------------------------------------|
| Johor | 36 | 2,669 | 815,151,135 | 1,490,631,521 | 2,305,782,656 |
| Sarawak | 5 | 2,450 | 1,605,479,958 | 99,214,208 | 1,704,694,166 |
| Selangor | 73 | 4,310 | 899,518,179 | 310,143,631 | 1,209,661,810 |
| Pulau Pinang | 31 | 1,536 | 278,936,366 | 470,910,404 | 749,846,770 |
| Kedah | 11 | 1,439 | 61,182,381 | 351,467,121 | 412,649,502 |
| Terengganu | 3 | 237 | 3,940,000 | 290,300,000 | 294,240,000 |
| Perak | 12 | 507 | 135,737,369 | 134,926,669 | 270,664,038 |
| Sabah | 6 | 358 | 160,693,480 | 23,913,520 | 184,607,000 |
| Pahang | 4 | 380 | 144,944,950 | 18,545,400 | 163,490,350 |
| Negeri Sembilan | 5 | 303 | 11,995,360 | 50,745,440 | 62,740,800 |
| Melaka | 3 | 212 | 30,569,883 | 29,450,000 | 60,019,883 |
| W. P. Kuala Lumpur | 4 | 119 | 19,403,895 | 19,298,674 | 38,702,569 |
| Kelantan | 1 | 20 | 2,522,000 | 0 | 2,522,000 |

| Daerah | Projek | Peluang Pekerjaan | Pelaburan Tempatan (RM) | Pelaburan Asing (RM) | Jumlah Modal Pelaburan (RM) |
|---------------------|---------------|--------------------------|--------------------------------|-----------------------------|------------------------------------|
| W. P. Labuan | | | | | 0 |
| Perlis | | | | | 0 |
| Jumlah | 194 | 14,540 | 4,170,074,956 | 3,289,546,588 | 7,459,621,544 |

Sumber : MIDA

- c) Langkah-langkah proaktif yang bakal diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha menarik lebih ramai pelabur ke Negeri Selangor adalah seperti berikut; -
- i. Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
 - ii. Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
 - iii. Menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
 - iv. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
 - v. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One Stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
 - vi. Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau perlaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
 - vii. Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian yang kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
 - viii. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
 - ix. Penambahbaikan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan.
 - x. Pemantauan yang lebih kerap untuk projek-projek yang sedang dilaksanakan.
 - xi. "Hand hold" program.
 - xii. Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara.
 - xiii. Bekerjasama dengan pihak swasta bagi menarik pelaburan dari luar negara.
 - xiv. Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi
 - xv. Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : GOOD GOVERNANCE

151. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Mohon dijelaskan kaedah apakah yang digunakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dalam membuat pengisytiharan harta. Adakah ianya turut mengambil kira pengisytiharan harta itu termasuk bersama rakan kongsi yang mereka miliki selama ini?

JAWAPAN :

- a) Sepertimana yang telah dimaklumkan pengisytiharan harta oleh ahli MMKN yang sedia digunakan melibatkan semua aset yang diperoleh mereka dalam bentuk kewangan (seperti pendapatan bulanan, dividen, saham) atau harta (seperti rumah, kereta dan lain-lain) dari 8 Mac 2008 – iaitu tarikh pelantikan jawatan MMKN. Ini adalah kerana tujuan pengisytiharan harta adalah untuk memastikan ahli MMKN tidak menggunakan kuasa mereka untuk memperoleh aset.

Walau bagaimanapun, sebagai kerajaan yang mengutamakan ketelusan dan bertanggung jawaban, Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk memperbaiki kaedah pengisytiharan harta dan sedang meneliti semua pelbagai kaedah yang diguna pakai oleh negara-negara maju. Apabila kaedah yang baharu telah dikenal pasti, satu pengumuman akan dibuat dengan kadar segera.

Pengisytiharan harta senaraikan harta milik ahli MMKN sendiri, bersama keluarga terdekat iaitu suami/isteri dan anak sampai umur 18 tahun dan tidak mengambil kira harta yang dimiliki oleh rakan kongsi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : BANTUAN KEPADA PESAWAH OLEH BENCANA ALAM

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri untuk membantu pesawah padi yang mengalami kerugian akibat pokok padi mereka musnah disebabkan bencana alam ribut baru-baru ini?

JAWAPAN :

- a) Semua kejadian kerugian pesawah akibat bencana alam adalah dirujuk kepada Majlis Keselamatan Negara di peringkat persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : KERAJAAN NEGERI

153. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Mohon dijelaskan kaedah apakah yang digunakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dalam membuat pengisytiharan harta. Adakah ianya turut mengambil kira pengisytiharan harta itu termasuk bersama rakan kongsi yang mereka miliki selama ini?
- b) Apakah status laporan kes rasuah YAB Dato' Menteri Besar yang berkaitan dengan pembelian lembu korban yang dihadiahkan kepada masjid dan surau di sekitar Bandar Tun Razak dan pembelian *spare part* kereta LEXUS yang telah dimajukan kepada SPRM?
- c) Apakah status terkini kes melibatkan YB Tuan Ronnie Liew berkenaan dengan tindakannya yang menghalang polis dan penguat kuasa Majlis Bandaraya Petaling Jaya menjalankan penguat kuasa undang – undang yang berkaitan dengan pelacuran?
- d) Pakatan Rakyat bertekad untuk menjadikan kepimpinan negeri Selangor sebagai kepimpinan yang bertanggungjawab dan bersih.

Apakah rasional YAB Dato' Menteri Besar mengekalkan YB Cik Elizabeth Wong sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sedangkan beliau telah terlibat dengan perlakuan lucah secara sukarela?

JAWAPAN :

- a) Sepertimana yang telah dimaklumkan pengisytiharan harta oleh ahli MMKN yang sedia digunakan melibatkan semua aset yang diperoleh mereka dalam bentuk kewangan (seperti pendapatan bulanan, dividen, saham) atau harta (seperti rumah, kereta dan lain-lain) dari 8 Mac 2008 – iaitu tarikh pelantikan jawatan MMKN. Ini adalah kerana tujuan pengisytiharan harta adalah untuk memastikan ahli MMKN tidak menggunakan kuasa mereka untuk memperoleh aset.

Walau bagaimanapun, sebagai kerajaan yang mengutamakan ketelusan dan bertanggung jawaban, Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk memperbaiki kaedah pengisytiharan harta dan sedang meneliti semua pelbagai kaedah yang diguna pakai oleh negara-negara maju. Apabila kaedah yang baharu telah dikenal pasti, satu pengumuman akan dibuat dengan kadar segera.

Pengisytiharan harta senaraikan harta milik ahli MMKN sendiri, bersama keluarga terdekat (immediate family) iaitu suami/isteri dan anak sampai umur 18 tahun dan tidak mengambil kira harta yang dimiliki oleh rakan kongsi.

- b) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Jun 2009 telah menolak soalan ini.
- c) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Jun 2009 telah menolak soalan ini.
- d) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Jun 2009 telah menolak soalan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

**TAJUK : NAIK TARAF JALAN UTAMA KELUAR-MASUK KAMPUNG BARU BATU 11
CHERAS DAN TAMAN MURNI BATU 10 CHERAS**

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah peruntukan disediakan untuk menaik-taraf jalan utama keluar-masuk Kampung Baru Batu 11 Cheras yang dialami kesesakan jalan sejak beberapa tahun yang lalu?
- b) Adakah cadangan menaik taraf jalan utama keluar-masuk Taman Murni Batu 10 Cheras yang amat berbahaya dari segi keselamatan jalan raya dipertimbangkan?

JAWAPAN :

- a) Pihak Majlis Perbandaran Kajang mempunyai cadangan untuk menaik taraf jalan utama keluar-masuk Kg. Baru 11, Cheras bagi mengatasi masalah kesesakan jalan yang telah dialami sejak 10 tahun yang lalu. Pihak Majlis sedang menyediakan pelan ukur untuk menentukan rizab sebenar jalan tersebut bagi menaik taraf jalan keluar-masuk di jalan tersebut.
- b) Pihak Majlis mempunyai cadangan untuk menaik taraf jalan utama keluar-masuk Taman Murni Batu 10, Cheras bagi mempertingkatkan keselamatan jalan raya di persimpangan tersebut dan telah menyediakan spesifikasi kerja bagi menaik taraf persimpangan tersebut dengan memasang lampu isyarat. Kerja tersebut dijangka akan dilaksanakan pada pertengahan bulan Ogos 2009.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PRESTASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN

155. Kerajaan Pakatan Rakyat telah melaksanakan polisi pentadbiran di PBT-PBT di negeri Selangor lebih dari setahun lepas.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah dibuat penyelidikan tentang polisi pentadbiran PBT di bawah Pakatan Rakyat kini lebih baik atau sebaliknya dari semasa di bawah pentadbiran BN?
- b) Tidakkah jemputan ADUN-ADUN ke mesyuarat PBT selaku pemerhati menjelaskan peranan mereka di dalam mengawal polisi dan perjalanan PBT-PBT ?
- c) Setakat ini berapakah Ahli-ahli Majlis yang telah diberhentikan dan diganti dengan yang lain kerana prestasi mereka yang tidak memuaskan ?

JAWAPAN :

- a) Buat masa ini belum ada kajian khusus dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk mendapatkan persepsi penduduk atau masyarakat tentang polisi pentadbiran PBT di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklum balas yang diterima oleh Exco dan ADUN Pakatan Rakyat semasa majlis-majlis bersama penduduk, masyarakat pada keseluruhannya telah menyambut baik polisi dan pembaharuan pentadbiran PBT yang dilaksanakan oleh Pakatan Rakyat.
- b) Pada pandangan Kerajaan Negeri, jemputan ADUN-ADUN ke mesyuarat PBT selaku pemerhati tidak menjelaskan peranan ADUN di dalam mengawal polisi dan perjalanan PBT-PBT kerana melalui pendekatan ini, ADUN akan dapat mengetahui perjalanan pentadbiran dan pengurusan PBT yang terkini. ADUN kemudiannya boleh mencadangkan polisi-polisi baru berhubung pengurusan PBT dalam sidang Dewan Undangan Negeri sekiranya perlu.
- c) Sehingga setakat ini, tiada Ahli-ahli Majlis PBT yang telah diberhentikan dan diganti dengan yang lain kerana prestasi mereka yang tidak memuaskan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah membuat teguran serta nasihat ke atas kesalahan yang dilakukan oleh Ahli-ahli Majlis berkenaan supaya peluang yang diberikan dapat dijadikan sebagai pengajaran dan memperbaiki kelemahan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : STATUS DAN HAKMILIK TANAH BAGI BANGUNAN KUIL-KUIL HINDU

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah Kerajaan Negeri Selangor masih belum memberikan hak milik-hak milik Tanah yang kekal kepada semua Kuil-kuil Hindu di dalam Negeri Selangor ini?
- b) Mengapakah Kerajaan Negeri Selangor masih belum menggerakkan kakitangannya untuk turun padang dan mendaftarkan semua Kuil-kuil Hindu di seluruh Negeri Selangor?
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan memberi pampasan serta penempatan baru bagi Kuil-kuil Hindu yang telah dirobohkan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah dahulu?

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PENYERAHAN DEWAN-DEWAN KEPADA PIHAK BERKUASA YANG BERKAITAN

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- Adakah terdapat Garis Panduan berkaitan pembinaan, penjagaan/penyeliaan dan yang berkaitan dengannya dalam PBT dan Pejabat Daerah? Sila nyatakan.
- Nyatakan dewan-dewan yang masih belum diserahkan kepada PBT atau Pejabat Daerah

JAWAPAN :

- Tiada garis panduan yang khusus dalam pembinaan, penjagaan dan penyeliaan dewan-dewan yang dibina oleh Pihak Berkua Tempatan. Semua kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan adalah berpandukan kaedah yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya dan bagi penjadualan kerja-kerja penyelenggaraan dewan adalah di bawah pentadbiran Pihak Berkua Tempatan .
- Berikut jumlah dewan -dewan telah dan serah dan belum mengikut Pihak Berkua Tempatan Negeri Selangor terkini:

| Bil. | PBT | Bil. Diserah | Bil. Belum Diserah |
|-------------|---------------|---------------------|---------------------------|
| 1. | MBSA | 11 | 2 |
| 2. | MBPJ | 2 | 9 |
| 3. | MPK | 20 | 46 |
| 4. | MPSJ | 9 | 8 |
| 5. | MPAJ | 122 | 5 |
| 6. | MPS | 110 | 11 |
| 7. | MPKj | Tiada | 17 |
| 8. | MPSp | Tiada | Tiada |
| 9. | MDKS | Tiada | Tiada |
| 10. | MDKL | 41 | Tiada |
| 11. | MDHS | 85 | Tiada |
| 12. | MDSB | 12 | Tiada |
| | JUMLAH | 412 | 98 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PAKEJ RANGSANGAN

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Berapakah jumlah yang disalurkan kepada Negeri Selangor daripada pakej rangsangan ekonomi Malaysia pertama dan kedua tahun 2008 dan 2009?
 - Bagaimanakah kerajaan negeri Selangor memastikan bahawa wujudnya koordinasi antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Pusat agar penyaluran peruntukan untuk pembangunan kerajaan negeri Selangor dapat dilaksanakan sebaiknya?
 - Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi merangsangkan ekonomi dalam negeri Selangor sekiranya peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan tidak disalurkan khasnya daripada segi pembinaan infrastruktur?

JAWAPAN :

- Kerajaan Malaysia telah mengumumkan dua pakej rangsangan ekonomi yang berjumlah RM67 bilion bagi memulihkan semula ekonomi negara dan seterusnya menjamin kesejahteraan rakyat. Pakej rangsangan ekonomi yang pertama telah diumumkan pada 4 November 2008 yang melibatkan bajet berjumlah RM7 bilion manakala bajet mini pula diumumkan pada 10 Mac 2009 melibatkan peruntukan sebanyak RM60 bilion. Projek-projek dilaksanakan secara terus oleh agensi-agensi pelaksana seperti melalui Kementerian, Pusat Pembangunan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan seterusnya dipantau oleh Unit Pengurusan Projek, Jabatan Perdana Menteri.

Dalam Mesyuarat Penyelarasaran Projek-projek di bawah mini bajet dan pakej rangsangan ekonomi Malaysia pada 17 Mac 2009, pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) telah memaklumkan bahawa sejumlah RM101 juta akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi membiayai dua(2) projek. 2 projek tersebut adalah projek pengalihan paip air Jalan Universiti dengan bajet sebanyak RM12 juta dan projek bekalan air alternatif KLIA dengan bajet sebanyak RM89 juta yang dilaksanakan oleh KTTHA.

- Dalam usaha melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor, Kerajaan Negeri menjemput wakil daripada Jabatan Kerajaan Persekutuan (seperti EPU dan Kementerian Kewangan) di Selangor supaya wujud penyelarasan di antara dua peringkat kerajaan itu.
- Kerajaan Negeri Selangor telah pun menjemput Kerajaan Persekutuan untuk bekerjasama dengan kerajaan Negeri dalam menjalankan Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, jika mereka tidak mahu bekerjasama, Kerajaan Negeri tidak akan mempunyai masalah mendapatkan pelaburan daripada pihak swasta tertentu.

MAKLUMAT TAMBAHAN

AGIHAN PERUNTUKAN KEMENTERIAN MENGIKUT PROGRAM

| BIL | KEMENTERIAN / JABATAN | PROGRAM |
|-----|--|---|
| 1. | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan | Peruntukan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rumah PPR Peruntukan untuk pembinaan Jambatan Iskandar, Ipoh |
| 2. | Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah | Program Bantuan Rumah (PBR) Program Jalan Kampung (PJK), Jalan Luar Bandar (JALB), Projek Jalan Kampung (PJK) & Program Jalan Luar Bandar (JALB) - mengikut agensi Projek Sistem Rawatan Air Pelbagai Sumber di Seluruh Perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia |
| 3. | Kementerian Pengangkutan | Peruntukan bagi penyelenggaran dan pemantapan bagi pengangkutan awam Peruntukan untuk dana khas Senai Airport |
| 4. | Kementerian Pelajaran Malaysia | Naiktaraf, baikpulih dan senggara sekolah Pemantapan program pra-sekolah Sekolah Cina Sekolah Tamil Sekolah Agama Rakyat Sekolah Mubaligh |
| 5. | Kementerian Belia dan Sukan | Peruntukan untuk membiayai program latihan dan kemahiran Peruntukan untuk memperkasa golongan belia melalui program baru Rakan Muda Sekolah dan Rakan Muda Sektorial |
| 6. | Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi | Peruntukan untuk program Skim Kluster Latihan Kemahiran Teknikal Peruntukan untuk MARA dan PROSPER bagi menambah premis perniagaan untuk usahawan kecil dan sederhana Meneruskan Program pinjaman/pembentangan secara Islam MARA |
| 7. | Jabatan Perdana Menteri | Perlaksanaan perluasan program PERMATA |
| 8. | Jabatan Perdana Menteri (ICU) | Projek Infrastruktur Awam Projek Infrastruktur Asas |
| 9. | Kementerian Dalam Negeri | Peruntukan untuk menaiktaraf dan membaikpulih balai dan kuarters polis |
| 10. | Kementerian Pertahanan | Peruntukan untuk membaikpulih dan menyelenggara kem dan kuarters tentera |

| BIL | KEMENTERIAN / JABATAN | PROGRAM |
|-----|---|---|
| 11. | Kementerian Kesihatan Malaysia | Naiktaraf, baikpulih dan selenggara hospital dan klinik |
| 12. | Kementerian Sumber Manusia | Pembentukan program dan pembangunan belia Program latihan dan penempatan siswazah menganggur dan pekerja yang diberhentikan |
| 13. | Kementerian Kerja Raya | Peruntukan untuk melaksanakan projek infrastruktur awam di Kuala Terengganu Peruntukan untuk menaiktaraf, membaikpulih dan menyelenggara kemudahan awam khususnya jalan raya di seluruh negara |
| 14. | Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi | Dana pelaburan untuk menarik pelaburan Swasta (bagi Sabah East-West Interconnection Project) |
| 15. | Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri | Pembangunan Dana Kapasiti Sektor Perkhidmatan |
| 16. | Kementerian Kewangan | |
| | Syarikat Perumahan Negara Berhad | Peruntukan untuk perlaksanaan projek perumahan terbengkalai Peruntukan untuk membina Rumah Mesra Rakyat (RSR) Peruntukan perlaksanaan projek rumah terbengkalai di Ijok, Selangor |
| | Syarikat Prasarana Negara Berhad | Peruntukan untuk menyelenggara dan memantapkan lagi sistem pengangkutan awam khususnya sistem LRT, komuter dan bas di bandar-bandar utama |
| | INPENS Selangor Sdn. Bhd. | Peruntukan bagi pembangunan modal insan dikalangan pelajar keluarga miskin |
| | Cyberview Sdn. Bhd. | Bayaran Insentif yang dapat merealisasikan objektif "Stimulus Package" Peruntukan untuk pembinaan bangunan di Cyberjaya |
| | Khazanah Nasional Berhad | Melaksanakan program Graduan Employability Management Skills (GEMS) |
| | JKP Sdn. Bhd. | Pembayaran untuk 16 jawatankuasa di bawah Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang |
| | Kolej Negeri S/B | Dana untuk melatih pekerja hotel budget |
| | PUNB | PROSPER |
| | PKNP | Peruntukan Pembangunan Tanjung Agas Oil & Gas and Maritime Industrial Park, Pekan, Pahang |
| | SJPP | Penambahan Modal Berbayar |
| | PKENPs | Menampung Keperluan asas Taman Teknologi Pauh, Perlis |
| | SUNPOWER | Pinjaman bawah Pakej Galakan Istimewa |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HJ WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK : PENIAGA-PENIAGA KECIL JALANAN

159. Berkenaan dengan peniaga-peniaga kecil yang menjalankan aktiviti perniagaan di tepi-tepi jalan dan kaki lima kedai yang tumbuh seperti cendawan di Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk membantu peniaga-peniaga ini dari segi modal dan tempat bermiaga yang lebih selesa, bersih dan selamat.
- b) Berapakah jumlah saman/denda yang telah dikeluarkan kepada peniaga seperti ini yang biasanya tidak berlesen dan bermiaga di kawasan larangan mengikut pecahan kaum.

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : TEMPAT IBADAT BUKAN ISLAM

160. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membantu rumah ibadat yang tidak mempunyai tapak ?
- b) Adakah Kerajaan Negeri telah meluluskan tanah untuk tujuan ibadat mengikut jenis agama Hindu, Kristian dan Buddha ?
- c) Jika ya, di mana ?

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PERUMAHAN (MASALAH PERUMAHAN TERBENGKALAI)

161. Kebelakangan ini terdapat terlalu banyak projek perumahan yang terbengkalai di dalam negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap pemaju-pemaju perumahan yang terlibat supaya hak dan kepentingan pembeli-pembeli rumah projek terbengkalai ini terpelihara.
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri untuk membantu pembeli-pembeli rumah di projek terbengkalai di negeri Selangor ini.
- c) Berapakah jumlah bilangan projek-projek terbengkalai yang dikenal pasti di seluruh negeri Selangor sehingga kini.

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman semua Yang Berhormat, tindakan penguatkuasaan terhadap pemaju yang terlibat dengan projek terbengkalai adalah di bawah bidang kuasa **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Akta 118** dan ia di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Ini selaras dengan **S. 11(1)(a), (b), atau (c) Akta 118** di mana Menteri diberi kuasa untuk mengambil tindakan penguatkuasaan atau tindakan pembetulan ‘corrective’ untuk mengarahkan supaya seseorang dilantik atau dia sendiri melantik seseorang untuk menasihati pemaju dalam menjalankan perniagaannya atau mengarahkan suatu syarikat untuk mengambil kawalan dan menjalankan perniagaan pemaju yang bermasalah dengan terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri.

Di samping itu, Menteri juga mempunyai kuasa untuk mengarahkan pemaju yang berkenaan mengambil langkah yang difikirkan perlu untuk membetulkan sesuatu perkara.

Kegagalan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh menteri di bawah perenggan 11(1)(a), (b), atau (c) Akta 118 maka mengikut **S. 19 Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118)**, jika disabitkan, boleh didenda tidak kurang dari lima puluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan denda tambahan tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Walau bagaimanapun, pada masa ini Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan mendapatkan nama pengarah-pengarah syarikat pemaju yang terlibat dengan projek terbengkalai melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk disenaraihitamkan dan diedarkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah dan Tanah

seluruh Selangor termasuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Nama-nama yang telah disenaraihitamkan tersebut tidak akan dibenarkan menjalankan sebarang projek di Negeri Selangor walaupun memiliki syer di bawah syarikat pemaju yang lain.

- b) Untuk makluman semua Yang Berhormat, sememangnya Kerajaan Negeri amat prihatin di atas nasib pembeli-pembeli rumah yang terlibat dengan projek terbengkalai. Walaupun begitu Kerajaan Negeri hanya boleh mengambil tindakan secara pentadbiran sahaja bagi membantu pembeli-pembeli tersebut. Ke arah ini Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah pro aktif ke arah membantu pembeli-pembeli projek yang terbengkalai untuk memahami situasi yang mereka hadapi dan bertindak sebagai pemudah cara dalam menasihati mereka bagi mengatasi masalah yang dihadapi dalam menyalurkan aduan tersebut kepada pihak yang berkaitan seperti KPKT, bank dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Langkah-langkah lain yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membantu pembeli adalah seperti berikut :

- 1) Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan perlu diperoleh daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- 2) Bagi projek terbengkalai di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ia akan dirujuk kepada KPKT untuk mendapatkan surat pengesahan projek terbengkalai supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi penyusunan semula pembiayaan pinjaman manakala bagi kes yang tidak berdaftar di bawah KPKT, LPHS akan mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai tersebut.
- 3) LPHS juga akan mengadakan perbincangan dengan pemaju terbabit bersama semua jabatan teknikal termasuk pihak bank sekiranya projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- 4) Bagi pemaju yang menghadapi masalah kewangan, LPHS akan mengatur pertemuan dengan pembiaya-pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju menstrukturkan semula pembiayaan titian (*bridging loan*) supaya projek boleh diteruskan. Sekiranya masih gagal dan terdapat pemaju/kontraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada KPKT untuk membuat keputusan.
- 5) Bagi pemaju-pemaju yang sedang dalam proses atau telah digulung, perbincangan dengan pihak Jabatan Insolvensi Malaysia akan diaturkan dari masa ke semasa untuk menyemak sama ada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) boleh mencadangkan mana-mana '*liquidator*'/Pegawai Penerima yang berwibawa bagi mempercepatkan pemulihan semula projek terbengkalai. Bagi projek-projek yang telah diletakkan di bawah '*liquidator*'/Pegawai Penerima pula perbincangan akan dijalankan bersama '*liquidator*'/Pegawai Penerima terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.

- 6) Bagi projek yang boleh dipulihkan di mana melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk menilai semula kos pemulihan projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek itu ingin diteruskan.
- 7) Kerajaan Negeri juga sebagai tindakan terakhir telah mengambil tindakan perampasan beberapa keping tanah atas faktor wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah S.100 KTN dan pelanggaran syarat kegunaan tanah atau syarat tersirat di bawah S.129 KTN bagi memastikan hak pembeli terhadap harta tanah mereka terjamin.
- 8) Penubuhan Jawatankuasa Task Force Projek Terbengkalai yang dipengerusikan oleh Y.B. Saari Sungib ADUN Hulu Kelang di mana tiga Konsultan iaitu Rimbun Capital Sdn. Bhd., RSS-PMC Sdn Bhd. dan Kumpulan Muhandis Sdn. Bhd. telah bekerjasama dengan jawatankuasa ini bagi membantu untuk menilai semula sama ada projek terbengkalai tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. Setakat ini terdapat 48 projek dalam proses kajian pihak konsultan.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau harta tanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku "**breach of contract**" maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke mahkamah. Begitu juga keadaannya apabila pembeli-pembeli rumah mereka terbengkalai. Kerajaan Negeri tidak mempunyai "**locus standi**" untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap mana-mana pihak yang terlibat. Walau bagaimanapun pembeli boleh merujuk terus kes mereka ke Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.

- c) Mengikut data terkini, terdapat sebanyak 144 projek terbengkalai yang dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor melibatkan 49,451 pembeli. Pecahan projek terbengkalai mengikut PBT adalah seperti berikut :

STATISTIK PROJEK TERBENGKALAI DI NEGERI SELANGOR

| BIL | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | JUMLAH | UNIT |
|------------|--------------------------------|---------------|---------------|
| 1 | MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM | 19 | 5,480 |
| 2 | MAJLIS PERBANDARAN KLANG | 28 | 4,061 |
| 3 | MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA | 7 | 2,996 |
| 4 | MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA | 13 | 3,022 |
| 5 | MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA | 10 | 9,208 |
| 6 | MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG | 16 | 2,936 |
| 7 | MAJLIS PERBANDARAN KAJANG | 11 | 4,202 |
| 8 | MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT | 8 | 962 |
| 9 | MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR | 11 | 5,405 |
| 10 | MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR | 13 | 7,238 |
| 11 | MAJLIS PERBANDARAN SEPANG | 8 | 3,941 |
| | JUMLAH | 144 | 49,451 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK : PERCAMBAHAN RUMAH URUT DAN PUSAT PERMAINAN VIDEO

162. Masalah sosial ini terus membelenggu penduduk negeri ini. Walau pun masalah yang dihadapi ini telah wujud sejak dahulu lagi, namun usaha untuk membanteras atau menghapuskannya telah dijalankan secara agresif. Namun demikian, sejak kebelakangan ini masalah tersebut nampaknya seperti tidak dapat ditangani lagi. Sekiranya tiada tindakan yang agresif diambil, masalah ini akan terus menghantui penduduk negeri ini.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah sosial ini?
- b) Adakah disebabkan keadaan ekonomi global yang tenat menyebabkan Kerajaan Negeri mengambil sikap yang liberal dalam hal ini?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah pun mengambil tindakan seawal tahun 2008 lagi dengan membekukan semua lesen Pusat Penjagaan Kesihatan atau dikenali sebagai rumah urut dan lesen hiburan. Perkara ini masih dipantau secara serius oleh Kerajaan Negeri dengan bantuan PBT bagi memastikan gejala sosial dapat dikawal.
- b) Kerajaan Negeri tidak pernah bersikap liberal terhadap perkara-perkara yang menyumbang kepada peningkatan gejala sosial malahan ia tidak selaras dengan visi negeri. Perkara ini dapat dilihat dengan tindakan membekukan semua lesen hiburan yang mana turut mengundang bantahan daripada sesetengah pihak. Walau bagaimanapun demi menjaga kesejahteraan rakyat maka tindakan pembekuan ini perlu dilaksanakan dengan tujuan untuk mengawal masalah-masalah sosial yang berlaku dewasa ini. Operasi penguatkuasaan juga turut dilaksanakan bersama pihak JAIS dan PDRM bagi memastikan gejala ini dapat dibendung dengan lebih cekap dan praktikal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: MASALAH PENGANGGURAN

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan program yang dilihat mempunyai potensi dalam pasaran pekerjaan sebagai penyelesaian kepada masalah pengangguran di kalangan belia di Selangor dan apakah langkah proaktif untuk membantu siswazah menganggur di Selangor.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri memandang serius masalah pengangguran di Negeri Selangor khususnya di kalangan belia. Bagi menangani masalah tersebut, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Selangor *Retrenchment Helpline* yang dikendalikan oleh Seksyen Makro dan Penswastaan, Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN). Melalui program ini, belia yang sedang mencari peluang pekerjaan boleh mendaftar di laman web tersebut.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan Kaunter Pendaftaran Pekerjaan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terpilih. Belia boleh datang secara *walk-in* ke PBT tersebut bagi tujuan pendaftaran.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : KEMISKINAN

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Berapakah jumlah orang miskin yang terdapat di Negeri Selangor?
 - Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan dan juga yang bakal dilaksanakan untuk memberi bantuan kepada orang miskin ini?

JAWAPAN :

- Kerajaan Negeri telah menetapkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri kepada RM1500 bagi seisi rumah seramai lima (5) orang. Jumlah orang miskin di Selangor berdasarkan kepada PGK tersebut adalah seramai 13,990 orang. Data kemiskinan adalah sangat dinamik. Umum mengetahui bahawa banyak faktor yang boleh menjadi penyebab kepada kemiskinan. Penghijrahan, kematian ketua isi rumah, keadaan ekonomi, kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan, sikap dan mentaliti individu dan pelbagai faktor lain boleh menjadi penyumbang kepada insiden kemiskinan. Data juga akan berubah apabila garis kemiskinan diubah. Justeru, Kerajaan Negeri sedang memperkemaskan maklumat dan data kemiskinan secara menyeluruh agar dapat memudahkan akses dan bantuan kepada penerima.
- Banyak program dirangka ke arah pembasmian kemiskinan di peringkat Kerajaan Negeri. Beberapa langkah telah diambil dengan mewujudkan program bersepadau oleh Kerajaan Negeri seperti Program Kerajaan Prihatin, Program Bantuan Kesihatan (katarak mata, Dialisis buah pinggang dan pembedahan Kecil) dan Program peningkatan pendapatan seperti Program Blueprint yang memberi bantuan peralatan dan mesin untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan mengusahakan perniagaan secara kecil-kecilan. Program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) turut menitikberatkan segala hal kebajikan rakyat Negeri Selangor tanpa mengira kaum, agama, usia dan fahaman politik. Semua program tersebut merangkumi semua jenis kebajikan seperti pendidikan, faedah kematian, pembelaan kaum wanita dan pelaburan anak kelahiran Selangor. Program ini merupakan satu harapan baru kepada seluruh rakyat Selangor dalam membantu untuk meringankan beban yang ditanggung akibat daripada peningkatan kos sara hidup. Selain itu, tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk mengurangkan jurang ekonomi rakyat Selangor.

Selain program-program yang dinyatakan tersebut, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan program-program baru yang dirasakan relevan untuk membantu dan membela kebajikan rakyat Selangor ang secara amnya memberi banyak faedah dan manfaat kepada penduduk Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENGGERAK BELIA TEMPATAN

165. Pelaksanaan Penggerak Belia Tempatan disandarkan kepada PBT sedangkan ianya merupakan satu program kritikal Kerajaan Negeri. Ia merupakan dasar penting yang perlu mengembangkan dasar-dasar sokongan di peringkat pelaksanaan. Selaras dengan prinsip kakitangan awam hanya sebagai pelaksana dan tidak sewajarnya menerajui penggubalan dasar-dasar kerajaan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bukankah lebih tepat pelaksanaan Penggerak Belia Tempatan diletakkan di bawah pentadbiran ADUN?
- b) Jika isunya adalah sistem sokongan dan peruntukan kewangan, mengapa Kerajaan Negeri tidak boleh mengeluarkan peruntukan dari Belanjawan Negeri untuk menjayakan program ini?
- c) Apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri untuk meletakkan program ini di bawah pentadbiran ADUN?

JAWAPAN :

a,b,c) Penggerak Belia Tempatan atau lebih dikenali dengan PeBT mempunyai 3 peringkat struktur organisasi iaitu Negeri, PBT dan Zon. Pada peringkat negeri struktur ini dipengerusikan oleh YAB Dato' Menteri Besar yang merangkap sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan. Pada peringkat PBT pula, ia dipengerusikan oleh Datuk Bandar / Yang Dipertua PBT.

Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 17 Jun 2009 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2,822,400 setahun bagi tujuan pelaksanaan program dan elaun PeBT peringkat Zon. Untuk makluman Sidang Dewan, PeBT peringkat Zon merupakan jentera utama dalam menggerakkan program-program belia dan dasar-dasar Kerajaan Negeri di peringkat akar umbi. Menyedari tanggungjawab yang berat ini, maka ADUN diberi peranan sebagai penasihat bagi membantu Pengerusi PeBT yang terdiri daripada kalangan belia dalam usaha membangunkan belia di kawasan tersebut.

Tujuan utama Kerajaan Negeri memberi tanggungjawab kepada belia untuk menyandang sebagai Pengerusi PeBT peringkat Zon adalah untuk membuka peluang kepada belia-belia negeri Selangor untuk memimpin belia-belia tempatan. Tambahan pula, golongan belia adalah lebih layak dan sesuai untuk mempengaruhi dan membawa amanat Kerajaan kepada golongan seusianya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : RIZAB TANAH JPS SELANGOR

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan bilangan kawasan perumahan yang dibina di atas tanah rizab JPS.
- b) Adakah kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk memberi geran tanah tetap kepada penduduk-penduduk kawasan tersebut kerana mereka telah tinggal di kawasan tersebut melebihi 50 tahun?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan maklumat Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, hanya rizab Sg. Klang sahaja yang telah diwartakan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 iaitu melalui Warta No. 2004 siaran 5 Jun 2009. Pada masa ini, pihak Kerajaan Negeri belum dapat mengesahkan bilangan kawasan perumahan yang dibina di atas tanah rizab Sg. Klang tersebut kerana kerja-kerja siasatan bagi mengumpul pelbagai maklumat di atas tapak rizab sedang dijalankan oleh pasukan kerja yang dianggotai oleh staf Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah Daerah Klang, Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor serta jabatan Perancang Bandar dan Desa Selangor.
- b) Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk memberi geran tanah tetap kepada penduduk-penduduk yang menduduki kawasan rizab sungai. Untuk makluman Y.B. tanah rizab sungai tidak boleh dilupuskan secara pemberimilikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : SOKONGAN GOLONGAN MUDA DAN BELIA BERKENAAN IDEOLOGI SERTA
DASAR-DASAR PEMERINTAHAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah terdapat bentuk program yang bersesuaian yang dirangka oleh pihak Kerajaan Negeri untuk golongan muda dan belia bagi menyokong ideologi dan dasar-dasar kerajaan sekarang?
- b) Berapa peratus golongan muda dan belia terutama di kawasan kampung yang terlibat serta aktif di dalam membantu pihak Kerajaan dalam menyampaikan dasar dan ideologi kerajaan serta mendapat sokongan setempat?

JAWAPAN :

- a) Sokongan golongan muda dan belia adalah perlu bagi menyampaikan dasar-dasar pemerintahan Kerajaan Negeri Selangor. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) yang akan berperanan menyampaikan dasar kerajaan dan menarik penglibatan belia di dalam program yang dirancang oleh kerajaan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah dan sedang melaksanakan program ' Youth In Community' di mana para belia akan ditetapkan nilai-nilai kemasyarakatan selaras dengan dasar merakyatkan Ekonomi Selangor. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah mengadakan beberapa program bersama pelajar IPTA dan belia di kampung bagi menarik belia menyokong ideologi dan dasar-dasar kerajaan.
- b) Memandangkan program ini baru dijalankan dan masih di peringkat permulaan Kerajaan Negeri masih belum mengadakan kajian khusus menilai penglibatan para belia yang terlibat secara aktif dalam membantu pihak kerajaan dalam menyampaikan dasar dan ideologi kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPDA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : MASJID DAN SURAU

168. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar
- a) Didapati ramai pemimpin politik Pakatan Rakyat yang membaca khutbah pada Sembahyang Jumaat di masjid dalam DUN Dusun Tua. Adakah mereka mempunyai tauliah daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)?
 - b) Adakah Kerajaan Negeri khususnya Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) membenarkan wakil rakyat Barisan Nasional menganjurkan program agama di masjid dan surau di seluruh Negeri Selangor?
 - c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap pemimpin-pemimpin politik yang membaca khutbah tanpa tauliah dan tidak mengikut teks yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)?

JAWAPAN :

- a) Membaca khutbah pada hari Jumaat perlu mendapat tauliah dari JAIS termasuklah pemimpin politik. Arahan telah diberikan kepada semua masjid bagi melarang tokoh politik membaca khutbah di masjid-masjid bagi memastikan institusi masjid tidak dipolitikkan.
- b) Setiap program agama di masjid dan di surau perlu mendapat kebenaran dari JAIS bagi memastikan masjid digunakan untuk kepentingan agama dan anak Kariah.
- c) Arahan bertulis telah dikeluarkan kepada masjid-masjid bagi menguatkuasakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Kaedah-kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2001 iaitu; Titah DYMM Tuanku agar Menjadikan Masjid dan Surau-surau Dalam Negeri Selangor sebagai zon aman, selamat dan sejahtera serta tidak dipolitikkan. Kandungan titah ialah "manapun orang yang hendak mengajar agama Islam, berceramah, menjadi Imam atau lain-lain perkara yang berkaitan dengan masjid dan surau hendaklah terlebih dahulu memperolehi tauliah dari DYMM Sultan Selangor atau kebenaran daripada Jabatan Agama Islam Selangor."

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : STATUS TERKINI KEDUDUKAN LADANG TERNAKAN AYAM DESA COALFIELD

169. Kita sedia maklum, ladang ternakan ayam di Desa Coalfield telah wujud sebelum dimajukan kawasan-kawasan perumahan di sekitarnya. Syarikat yang menjalankan perusahaan secara sah itu lebih awal meneroka kawasan berkenaan berbanding kebanjiran penduduk di sekitarnya. Pembangunan perumahan yang semakin pesat, akhirnya mengundang masalah bau yang kurang menyenangkan kepada penduduk setempat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- Masalah ini sudah saya bangkitkan sejak sekian lama dan bagaimanakah status terkini ladang ayam berkenaan?
- Saya dimaklumkan pemindahan sedang dibuat. Apakah langkah-langkah yang sudah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah ini dan faktor-faktor kelewatananya?

JAWAPAN :

- Kes ini sudah dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Selangor oleh pihak Majlis Daerah Kuala Selangor.
- Pihak Pejabat Tanah Kuala Selangor sudah mengeluarkan Notis Borang 7A di bawah Kanun Tanah Negara kepada pemilik ladang. Dalam masa yang sama, pihak Pejabat Tanah Kuala Selangor juga sudah mengeluarkan Notis Borang 7 B di bawah Kanun Tanah Negara kepada pemilik ladang. Pada penghujung Mei 2009, pendengaran bagi siasatan kes ini sudah diadakan. Pihak pemilik ladang meminta penangguhan sementara menunggu kerja-kerja pemindahan najis ayam disempurnakan.

Dalam kedua-dua perkara, prosiding seperti yang dimaktubkan oleh perundangan perlu diikuti dengan sebaik-baiknya.

JAWAPAN DARIPADA JABATAN VETERINAR

- Ladang ternakan ayam Coalfield atau ladang ayam Syarikat Lay Hong yang terletak di Batu 20, Ijok masih lagi **beroperasi seperti biasa** untuk ternakan darat (ayam).

Walau bagaimanapun, proses baja/najis ayam (proses penggemburan) telah **dihentikan**, manakala mesin penggaul (mixer machine) najis ayam tersebut telah dibuka serta diasngkan. Tetapi baja/najis masih lagi disimpan di dalam gudang pemprosesan untuk tujuan pembungkusan.

-Tindakan pihak MDKS

Pihak MDKS telah mengambil tindakan ke atas Syarikat Lay Hong di bawah **Akta Kerajaan Tempatan Bawah Notis Kacau Ganggu (Pencemaran Udara)**. Notis mahkamah terhadap Syarikat Lay Hong telah dikeluarkan dan masih dalam siasatan.

-Tindakan pihak Pejabat Tanah Daerah Kuala Selangor (PTD)

Pihak PTD telah mengambil tindakan di bawah **Akta Kanun Tanah Negara**. Pada masa ini, status lesen premis Syarikat Lay Hong hanay untuk **Lesen Ternakan Darat** (Tidak boleh ada sebarang aktiviti sampingan seperti pemprosesan, penyembelihan dan sebagainya).

Notis 7A dan 7B telah dikeluarkan Pihak PTD

Notis 7B menyatakan premis terpaksa mengeluarkan dan memindahkan najis/baja serta memberhentikan sebarang pemprosesan baja dalam jangka waktu yang ditetapkan iaitu sehingga hujung bulan Julai. Najis ternakan tidak boleh disimpan lebih dari 7 hari dan tidak boleh adakan sebarang pemprosesan atau aktiviti sampingan selain dari ternakan darat seperti di dalam lesen ternakan darat yang dipohon.

Sekiranya pihak Lay Hong mengingkari perintah notis yang diberikan sebelum ini, pihak PTD akan mengeluarkan notis 8A yang menyatakan rampasan tanah dengan pembayaran pampasan tanah boleh dilaksanakan. Bayaran pampasan tanah/ganti rugi hanyalah untuk nilai harga tanah, tidak termasuk sebarang ternakan atau infrastruktur.

- b) Pemindahan yang dimaksudkan adalah dari tapak pemprosesan baja/najis Syarikat Lay Hong yang terletak di Batu 20 ke tapak baru iaitu di Lancefield, Jeram (tapak pembuangan sampah) seluas 10 ekar. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat Lay Hong telah menolak cadangan tersebut memandangkan pihak Syarikat perlu membayar premium ke atas tanah tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : AGAMA

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Apakah tindakan tegas penguatkuasaan Jabatan Agama Islam terhadap kegiatan maksiat di pusat hiburan?
 - Berapakah jumlah tangkapan yang telah dibuat di pusat – pusat hiburan yang telah beroperasi melebihi waktu yang ditetapkan?
 - Berapakah bilangan pengendali pusat hiburan yang telah ditutup atau diambil tindakan mahkamah setakat ini kerana melanggar peraturan – peraturan di bawah Enakmen Agama Islam Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- Januari hingga Jun 2009 Bahagian Penguatkuasaan JAIS telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan di pusat hiburan melalui operasi seperti berikut:-
 - Operasi Khas Pencegahan Bersepadu Bersama Polis DiRaja Malaysia, PBT dan Imigresen.
 - Operasi Pencegahan Bersama PBT, Imigresen dan Polis DiRaja Malaysia
- Januari hingga Jun 2009 Bahagian Penguatkuasaan telah membuat tangkapan sebanyak 30 kes mahkamah dan 100 kes kaunseling. Tangkapan di lokasi-lokasi seperti berikut :-
 - Pusat Hiburan Euclyptor, Klang.
 - Tg. Balai Lounge & Pub, Pelabuhan Klang.
 - Pusat Hiburan Bar Celona Sunway Pyramid.
 - Pusat Hiburan Pink Lady Club, Subang Jaya.
- Bahagian Penguatkuasaan JAIS tiada bidang kuasa untuk mengambil tindakan menutup pusat-pusat hiburan di bawah Enakmen Agama Islam Negeri Selangor tetapi Bahagian Penguatkuasa JAIS ada memanjangkan syor kepada Majlis Bandaraya Shah Alam untuk mengambil tindakan menutup Pusat Monterez Golf & Country Club, Subang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : SETIAUSAHA, PEGAWAI KEWANGAN DAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menukar Setiausaha, Pegawai Kewangan dan Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor?
- b) Nyatakan sebab-sebab untuk jawapan (a) di atas dan tarikh pertukaran (jika ada).

JAWAPAN :

- a) Sebarang perubahan jawatan tertinggi mesti dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam selepas berbincang dengan Menteri Besar dan mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tuanku. Setakat ini Kerajaan Negeri belum merancang sebarang pertukaran.
- b) Ini adalah untuk memastikan kesinambungan pentadbiran Kerajaan Negeri dan juga memandangkan saya merasakan ada hubungan baik antara pegawai-pegawai ini dengan anggota EXCO. Walau bagaimanapun kita akan sentiasa berusaha memantapkan kerjasama ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KEMPEN JERIT

172. YAB Menteri Besar telah melancarkan kempen berbasikal JERIT , Jaringan Rakyat Tertindas pada bulan November, 2008 dan menyokong tuntutan-tuntutan yang dibawa oleh kempen ini . Tuntutan-tuntutan kempen ini ialah :

- i) Akta Gaji Minima
- ii) Kawal Harga Barang
- iii) Hentikan Penswastaan Kemudahan Asas seperti Air
- iv) Perumahan Selesa untuk Rakyat
- v) Laksanakan Pilihan raya Kerajaan Tempatan dan
- vi) Mansuhkan ISA.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :-

- a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri telah berusaha untuk mengimplementasikan tuntutan-tuntutan kempen tersebut di bawah kuasa implementasi Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Akta Gaji Minima, Kawalan Harga Barang, dan Pemansuhan ISA semuanya terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Sebagaimana YB sedia maklum, DUN Selangor sebelum ini sudah pun meluluskan usul menuntut pilihan raya Kerajaan Tempatan dan juga pemansuhan ISA. Kerajaan Negeri sedang mengkaji pelaksanaan pilihan raya Kerajaan Tempatan di dalam ruang lingkup kuasa kerajaan negeri. Dalam isu ISA, Kerajaan negeri telah memberikan bantuan kebijakan kepada keluarga mangsa tahanan ISA untuk melawat tahanan di samping program-program Gerakan Mansuhkan ISA.

Dalam isu kemudahan air, Kerajaan Negeri telah menawarkan untuk mengambil semula perkhidmatan air negeri Selangor dengan matlamat meningkatkan perkhidmatan dan menjaga kebijakan pengguna air. Proses tersebut masih lagi berjalan dengan semua pihak terbabit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : HASIL PASIR

173. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah pulangan dari segi royalti, dividen dan bayaran kepada Kerajaan Negeri, agensi-agensinya serta anak-anak syarikat kerajaan yang terkini sehingga pertengahan tahun ini hasil daripada industri perlombongan sumber-sumber semula jadi seperti pasir?
- b) Apakah matlamat dan sasaran kerajaan untuk mempertingkatkan pulangan ini?

JAWAPAN :

- a) Royalti yang telah dibayar oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd kepada Pentadbir Tanah Daerah sehingga 09 Jun 2009 adalah sebanyak RM2.8 juta dan keuntungan sebelum cukai yang telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri setakat 31 Mei 2009 adalah RM6.9 juta.
- b) Matlamat Kerajaan Negeri menubuhkan KKSB adalah sebagai "vehicle" untuk menjana ekonomi Negeri Selangor dan seterusnya merealisasikan dasar Pakatan Rakyat untuk Merakyatkan Ekonomi Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

**TAJUK : PROJEK JAMBATAN PULAU CAREY (MENGHUBUNGKAN KG SAWAH,
PULAU CAREY KE TELOK PANGLIMA GARANG)**

174. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status yang terkini
- b) Berapakah perbelanjaan awal dan yang terkini dan tempoh siap yang dijangkakan.

JAWAPAN :

- a) Projek ini masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada 22 Disember 2011. Sehingga kini kemajuan fizikal sebanyak 35% telah dicapai .
- b) Kontrak asal untuk membina jambatan ini telah diberi kepada kontraktor Prestasi Asia Sdn Bhd dengan kos berjumlah RM 30,460,000.00 dan kontrak telah ditamatkan pada 19 Oktober 2005.

Kontrak terkini telah dijalankan oleh kontraktor Dua Medan Sdn Bhd dengan kos sebanyak RM43,927,271.51 dan projek ini dijangka siap pada 22 Disember 2011.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK : PIHAK BERKUASA TEMPATAN

175. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah saman bagi semua kesalahan yang telah dikeluarkan oleh Pihak Berkua Tempatan di Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah pungutan saman telah diperoleh oleh PBT-PBT di Negeri Selangor mengikut PBT?

JAWAPAN :

- a&b) Berikut jumlah bilangan saman dan jumlah pungutan saman bagi pelbagai kesalahan yang telah di keluarkan oleh Pihak Berkua Tempatan Selangor bagi tahun 2008 sehingga Mei 2009:

| Bil. | PBT | Jumlah Saman | Jumlah Pungutan (RM) |
|-------------|---------------|---------------------|-----------------------------|
| 1. | MBSA | 38,676 | 1,758,050.00 |
| 2. | MBPJ | 205,903 | 2,403,007.00 |
| 3. | MPK | 62,091 | 2,585,039.00 |
| 4. | MPSJ | 307,312 | 5,049,057.00 |
| 5. | MPAJ | 120,779 | 1,104,498.30 |
| 6. | MPS | 280,859 | 2,301,250.00 |
| 7. | MPKj | 86,283 | 3,031,735.00 |
| 8. | MPSp | 3,826 | 379,360.00 |
| 9. | MDKS | 1,551 | 37,100.00 |
| 10. | MDKL | 5,194 | 313,451.00 |
| 11. | MDHS | 1,042 | 207,020.00 |
| 12. | MDSB | 1,511 | 174,640.00 |
| | JUMLAH | 1,115,027 | 19,344,207.30 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : INDUSTRI TERNAKAN BABI

176. Kita mengambil maklum bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan Projek Ternakan Moden Babi di Selangor. Baru-baru ini didapati kes penyakit selesama babi H1N1 telah melanda dunia secara global dan Malaysia tidak terkecuali dari terkena gejala penyakit ini.

Bertanyakan kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan Projek Ternakan Moden Babi ini setelah mendapati ianya amat berisiko tinggi kepada kesihatan umum bukan sahaja kepada masyarakat sekitar tetapi kepada negara secara keseluruhan.
- b) Apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil Kerajaan Negeri supaya penyakit ini tidak menular di kalangan ladang-ladang ternakan babi sedia ada di Negeri Selangor.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan **Projek Ternakan Moden Babi**. Melalui Projek Ternakan Moden Babi, penyakit berjangkit pada ternakan babi akan dapat dikawal secara sistematis dan lebih berkesan. Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga akan dapat memantau dan membuat saringan penyakit pada ternakan babi secara berkala dan terkawal.
- b)
 - i) **Kawalan pengimportan/pemindahan ternakan babi**

Buat masa ini tiada sebarang pengimportan babi hidup dibenarkan masuk ke Malaysia dari negara-negara luar. Pemindahan masuk babi hidup untuk tujuan baka/peliharaan ke Negeri Selangor dari negeri-negeri lain juga tidak dibenarkan.

ii) Survelan penyakit Swine Influenza dan Influenza A (H1N1)

Survelan epidemiologi ini bertujuan untuk mengesan kehadiran virus Swine Influenza dan Influenza A (H1N1) dalam ladang ternakan babi Malaysia dan menilai faktor risiko perjangkitan dan zoonosis penyakit selesama babi. Pensampelan telah dijalankan dari 12 Mei 2009 sehingga 25 Mei 2009 di semua ladang babi di Negeri Selangor iaitu sebanyak 127 ladang di daerah Kuala Langat. Bilangan sampel darah sebanyak 3764 dan sampel *nasal* (lelehan hidung atau hingus) sebanyak 3036 dari babi telah diambil. Sampel telah diuji di makmal dan keputusan ujian adalah negatif iaitu semua ladang ternakan babi di Negeri Selangor adalah bebas dari kehadiran virus Swine Influenza A (H1N1).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPDA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : BALAIRAYA

177. Didapati banyak balai raya dan dewan orang ramai dalam DUN Dusun Tua telah rosak dan tidak di selenggara dengan baik semenjak Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih bangunan tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan membaiki bangunan tersebut?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan khas untuk baik pulih bangunan secara spesifik bagi balai raya yang rosak dan tidak di selenggara dengan baik tetapi berdasarkan kepada permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dari pejabat daerah masing-masing. Waran akan dikeluarkan di bawah kod kemudahan atas desa oleh pihak UPEN dan disalurkan melalui Pejabat Daerah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : USAHA KERAJAAN NEGERI TERHADAP MENJAGA ALAM SEKITAR

178. Setiap tahun negeri Selangor terpaksa lalui masalah jerebu disebabkan pembakaran terbuka oleh negara jiran dan tempatan

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- Adakah usaha pihak Jabatan Alam Sekitar untuk berbincang bersama negara jiran bagaimana dapat diatasi masalah tersebut?
- Apakah usaha dalam negeri sendiri bagi meningkatkan kesedaran tersebut?

JAWAPAN :

- Bagi menangani masalah jerebu merentas sempadan, Malaysia telah memainkan peranan yang aktif di peringkat serantau melalui "Asean Ministerial Steering Committee on Transboundary Haze Pollution". Melalui Jawatankuasa Pemandu ini Kerajaan Indonesia telah menggubal satu pelan komprehensif bagi menangani masalah jerebu yang berpunca dari kebakaran tanah dan hutan iaitu Pelan Tindakan Indonesia Menangani Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan (*Indonesia's Plan of Action [POA] in Dealing with Transboundary Haze Pollution*). POA Indonesia memberi fokus kepada program-program mencegah kebakaran, pemadaman kebakaran, pemantauan dan pengurusan tanah gambut secara lestari.

Di samping itu satu Memorandum Persefahaman (MoU) bagi program kerjasama Malaysia – Indonesia ke arah mencegah masalah jerebu merentas sempadan telah ditandatangani pada 3 Jun 2008 di Jakarta, Indonesia. Program-program kerjasama ini memberi fokus kepada peningkatan keupayaan (capacity building) dalam amalan pembersihan tanah tanpa pembakaran (zero burning), pemulihan tanah-tanah gambut yang telah terbakar dan penubuhan sistem pengesanan dan amaran awal kejadian jerebu, di Wilayah Riau, Sumatera, Indonesia.

- Usaha dalam negeri bagi meningkatkan kesedaran dalam mengatasi masalah jerebu adalah melalui pendekatan seperti berikut:
 - Mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Bomba;
 - Menjalankan program pemantauan dan rondaan darat oleh Jabatan Alam Sekitar ke atas kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlaku pembakaran seperti tapak-tapak projek pembinaan, kawasan pertanian, tapak pelupusan sampah dan kawasan gambut. Program pemantauan ini turut dilaksanakan melalui

- penerbangan udara dengan kerjasama Unit Udara Polis dan penerbangan pihak swasta untuk membuat pengesanan awal bagi mengelakkan kebakaran dari merebak;
- iii) Melaksanakan langkah pencegahan pembakaran terbuka terutama di kawasan tanah gambut dengan melaksanakan “water management system” melalui pembinaan “check dam” dan pembinaan pintu air di kawasan tersebut supaya kebakaran dapat dikawal dan dikurangkan; dan
 - iv) Mempertingkatkan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar terutama kepada sektor industri, pemaju projek pembinaan, para tani dan orang awam bagi memastikan semua pihak terlibat memberi kerjasama dalam usaha-usaha penjagaan alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN SHUHAIMI HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

**TAJUK : POLISI PEMBERIAN BANTUAN OLEH JABATAN KEBAJIKAN
MASYARAKAT (JKM)**

179. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila huraikan apakah garis panduan baru bagi memohon bantuan jabatan ini kerana ramai mengadu permohonan mereka ditolak disebabkan permohonan yang tidak disokong oleh ADUN dari Barisan Nasional .
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi memastikan permohonan kepada JKM dilayan secara saksama dan diberikan pada semua mereka yang layak tanpa mengira fahaman politik
- b) Apakan Kerajaan Negeri bercadang meningkatkan peruntukan kepada JKM bagi memberikan ruang lebih ramai rakyat yang layak mendapat bantuan dan bila ia akan dibuat?

JAWAPAN :

- a) Pihak JKM menerima setiap permohonan bantuan JKM sama ada dari pemohon atau rujukan daripada mana-mana agensi melalui faks, surat, telefon atau datang sendiri ke pejabat. Semua permohonan akan disiasat dan diberi layanan yang sama tanpa mengira rujukan dari mana-mana pihak. Kelulusan daripada pihak JKM dalam pemberian bantuan kewangan adalah berdasarkan kepada kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pemohon akan dimaklumkan melalui surat mengenai keputusan permohonannya. Jika lulus, pemohon akan dimaklumkan tarikh bayaran yang akan diterima oleh penerima dan jika ditolak, sebab-sebab ditolak akan dinyatakan.
- b) Dalam memastikan semua permohonan bantuan dilayan secara saksama, Kerajaan Negeri sentiasa mengadakan perjumpaan bersama masyarakat, sama ada secara langsung dan tidak langsung dari semasa ke semasa tanpa mengira fahaman politik. Selain daripada itu, pihak Kerajaan Negeri juga sentiasa mengadakan mesyuarat dengan pihak JKM Negeri Selangor dalam memastikan mereka benar-benar layak mendapat bantuan yang sewajarnya. Hubungan baik di antara EXCO Kebajikan dengan pihak JKM Negeri Selangor juga merupakan salah satu aspek yang diambil kira selaras dengan visi Kerajaan Negeri Selangor untuk mewujudkan negeri yang berkebajikan dan memberi manfaat kepada masyarakat di Negeri Selangor.
- c) Adalah dimaklumkan bahawa pada masa ini Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk meningkatkan peruntukan kepada JKM. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri pada masa ini melalui agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) ada menyediakan pelbagai bantuan dan program bagi membantu dan meringankan beban rakyat Selangor yang layak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : TARIK BALIK CUKAI TAPAK PASAR MALAM

180. Pihak Kerajaan Negeri mengarah agar cukai tapak pasar malam ditarik balik.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah rasional cukai tapak ini ditarik balik?
- b) Dengan penarikan balik, adakah kos penyelenggaraan dapat ditampung?
- c) Pasar malam membawa implikasi kebersihan, adakah kerajaan menggalakkan pembukaan pasar malam yang baru atau sebaliknya?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri hanya menarik balik '**bayaran pendahuluan penamaan**' tapak gerai pasar malam yang dikenakan oleh pengendali-pengendali pasar malam seperti JKKK dan JKP. Walau bagaimanapun peniaga pasar malam masih dikenakan caj pasar malam sebanyak RM 4.
- b) Walau pun '**bayaran pendahuluan penamaan**' tapak pasar malam ini ditarik balik, caj sebanyak RM4 masih lagi dikenakan kepada peniaga untuk membayar kos pembersihan, bayaran elektrik, air dan penyelenggaraan pasar malam terlibat. Caj tersebut hanya boleh dikutip oleh Pegawai PBT sahaja dan bukannya pengendali pasar malam. Keputusan Kerajaan Negeri melarang kutipan caj tambahan adalah bagi membantu mengurangkan beban kewangan yang perlu ditanggung oleh peniaga. Oleh itu tidak ada sebab mana-mana tapak pasar malam tidak dibersihkan akibat pemansuhan caj tambahan tersebut.
- c) Kerajaan Negeri menggalakkan pembukaan pasar-pasar malam bagi membuka peluang kepada peniaga baru menambahkan pendapatan mereka terutamanya golongan yang terjejas akibat kemelesetan ekonomi. Walau bagaimanapun kawasan yang dijadikan pasar malam ini hendaklah sesuai dan tidak menimbulkan masalah kacau ganggu dan kesesakan lalu lintas.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : SISTEM PEMANTAUAN PERUNTUKAN KEPADA AHLI MAJLIS

181. Sistem pemantauan peruntukan yang diberi kepada Ahli Majlis.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan cara-cara untuk memantau peruntukan yang dibelanjakan oleh Ahli Majlis.
- b) Berapakah Ahli Majlis yang sudah terima peruntukan sebanyak RM2500 setiap bulan untuk penyewaan pejabat dan mengupah kerani? Sila nyatakan mengikut PBT.
- c) Kalau peruntukan RM2500 telah dimasukkan ke akaun peribadi Ahli Majlis tetapi tidak digunakan untuk penyewaan pejabat dan mengupah kerani, apakah tindakan kerajaan untuk menarik balik peruntukan tersebut dan bilakah tindakan ini akan diambil?

JAWAPAN :

- a) Pemantauan peruntukan yang dibelanjakan oleh Ahli-ahli Majlis PBT adalah berdasarkan permohonan melalui kertas kerja program yang hendak dijalankan dan juga penggunaan borang tuntutan berserta bukti yang perlu disediakan oleh pembantu Ahli Majlis. Permohonan akan disemak dan diluluskan oleh pihak PBT berdasarkan penelitian dan kajian setiap program yang dicadangkan dari segi kos perbelanjaan, kesesuaian atau faedah kepada masyarakat, kesesuaian lokasi dan sebagainya.

Penggunaan kawalan buku Vot dan pembentangan laporan perbelanjaan juga dilaksanakan oleh PBT bagi memantau penggunaan peruntukan oleh setiap Ahli Majlis.

- b) Berdasarkan status penerimaan peruntukan pejabat oleh Ahli-ahli Majlis PBT sehingga 30 Jun 2009, keseluruhan Ahli-ahli Majlis telah pun menerima peruntukan berkenaan kecuali di Majlis Daerah Hulu Selangor dan Majlis Daerah Sabak Bernam di atas kekangan peruntukan.

Jumlah peruntukan pejabat yang diberikan kepada setiap Ahli Majlis juga adalah berbeza-beza mengikut kemampuan PBT iaitu antara RM1000.00 sehingga RM2500.00.

Untuk makluman Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kebanyakan Ahli-ahli Majlis menggunakan Pusat Khidmat PBT atau Dewan Serbaguna PBT sebagai pejabat urusan dan juga mengambil langkah berkongsi pembantu bagi mengelakkan pembaziran.

- c) Untuk makluman, tiada peruntukan pejabat di salurkan terus ke akaun peribadi Ahli Majlis. Peruntukan pejabat tersebut akan dituntut oleh Ahli-ahli Majlis mengikut borang yang telah disediakan oleh pihak PBT. Pihak PBT hanya akan membuat bayaran mengikut jumlah yang dituntut tetapi tidak melebihi jumlah peruntukan. Walau bagaimanapun terdapat juga Ahli Majlis tidak menuntut tuntutan seperti yang

diperuntukkan sebulan. Sekiranya Ahli Majlis tidak menggunakan peruntukkan tersebut untuk utiliti dan penyewaan pejabat, pihak PBT akan menarik balik bayaran tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PEMBINAAN KUIL

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri mengenai pembinaan rumah – rumah ibadat kuil yang tidak mendapat kebenaran di negeri Selangor?
 - b) Apakah langkah – langkah Kerajaan Negeri untuk menempatkan semula kuil – kuil yang telah didirikan tanpa kebenaran?
 - c) Berapakah jumlah kuil – kuil yang telah didirikan tanpa kebenaran mengikut daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor yang masih belum ditempatkan semula?

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : PENDIDIKAN

183. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status perkembangan terkini untuk menjadikan Selangor Hub Ilmu / Hub Pendidikan?
- b) Di bawah Agenda Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor, terdapat Program Hadiah Anak Masuk Universiti yang implikasi kewangannya membabitkan RM8.2 juta.
 - i Bagaimanakah perkembangannya, berapakah penerima dan jumlah RM yang telah dibelanjakan mengikut Daerah?

JAWAPAN :

- a) **Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada BPSM**
- b) Program Hadiah Pengajian IPT telah mula dilaksanakan berkuat kuasa pada **1 Julai 2008**. Melalui program ini, pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPT akan diberi hadiah sebanyak RM1,000 berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:
 - (i) Permohonan adalah terbuka kepada **Warganegara Malaysia** sahaja;
 - (ii) Pemohon juga merupakan **Rakyat D.Y.M.M. Sultan Selangor** yang memenuhi kriteria seperti berikut:
 - (a) **Pemohon** lahir di Negeri Selangor; atau
 - (b) **Ibu** atau **Bapa** pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - (c) Pemohon lahir di Kuala Lumpur sebelum **1 Februari 1974**;
 - (iii) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk memasuki **Tahun Pertama** (Semester Pertama) mulai **Julai 2008** (sesi pengajian 2008/2009) sahaja;
 - (iv) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian secara **sepenuh masa** (*full-time courses*) di IPTA atau IPTS yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi pengajian di peringkat **Ijazah Sarjana Muda** dan **Diploma** sahaja;
 - (v) Pemohon **telah pun mendaftarkan diri** di IPT bagi memulakan sesi pengajian; dan
 - (vi) Pemohon daripada keluarga berpendapatan **RM1,500 ke bawah**.

Setakat **31 Mei 2009**, sebanyak **7,982 permohonan** telah diterima daripada pelajar untuk mendapatkan **insentif berjumlah RM1,000** berkenaan. Daripada jumlah tersebut, hanya **5,227 pemohon** (65.5%) sahaja yang didapati **layak untuk dipertimbangkan** bagi menerima insentif tersebut, manakala **1,897** (23.8%) permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat sepertimana yang telah ditetapkan seperti di atas. Sejumlah **858** (10.7%) pula adalah permohonan yang tidak lengkap dan telah dikembalikan kepada pemohon untuk disempurnakan bagi urusan pembayaran.

Setakat ini, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM5.2 juta** bagi membiayai program ini. Jumlah penerima dan pembayaran mengikut daerah adalah seperti berikut:

| Bil. | Daerah Pemohon | Jumlah Penerima | Kos Perbelanjaan |
|---------------------------|-----------------------|------------------------|-------------------------|
| 1. | Klang | 968 | RM968,000.00 |
| 2. | Sabak Bernam | 872 | RM872,000.00 |
| 3. | Petaling | 659 | RM659,000.00 |
| 4. | Kuala Langat | 618 | RM618,000.00 |
| 5. | Kuala Selangor | 595 | RM595,000.00 |
| 6. | Hulu Selangor | 471 | RM471,000.00 |
| 7. | Hulu Langat | 447 | RM447,000.00 |
| 8. | Gombak | 375 | RM375,000.00 |
| 9. | Sepang | 94 | RM94,000.00 |
| 10. | Lain-lain | 128 | RM128,000.00 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 5,227 | RM5,227,000.00 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PELANCONGAN DI NEGERI SELANGOR

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.
- Apakah jumlah pelancong yang dianggarkan akan melawat Negeri Selangor pada tahun 2009.
 - Berapakah jumlah pelancong yang disasarkan akan melawat Selangor pada tahun 2009 dan apakah pecahan peratusan bilangan pelancong tersebut mengikut negara.
 - Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk menarik pelancong dari luar negara memandangkan berlakunya krisis ekonomi serta wabak penyakit selesema babi H1N1 secara global.
 - Apakah sudah ada impak sehingga kini ke atas industri pelancongan Negeri Selangor akibat daripada kedua-dua gejala berkenaan.

JAWAPAN :

- Jumlah pelancong yang disasarkan akan melawat Negeri Selangor pada tahun 2009 ialah sebanyak 5.5 juta orang. Anggaran ini berdasarkan statistik kedatangan pelancong tahun 2008 yang lalu dan tiada kenaikan sasaran dibuat memandangkan beberapa faktor masa kini seperti krisis ekonomi dan wabak penyakit selesema H1N1.
- Anggaran pelancongan tahun 2009, mengikut negara adalah seperti berikut :-

| PELANCONG LUAR NEGARA | | |
|------------------------------|---------------------------|----------------|
| NEGARA | BILANGAN PELANCONG | PERATUS |
| Asean | 1,275,504 | 46.91% |
| Asia Timur | 830,553 | 30.55% |
| Asia Selatan | 187,523 | 6.89% |
| Oceania | 89,722 | 3.30% |
| Asia Barat / Timur Tengah | 138,398 | 5.10% |
| Eropah | 118,683 | 4.36% |
| Afrika | 6,067 | 0.22% |
| Amerika | 40,489 | 1.50% |
| Lain-lain | 31,903 | 1.17% |
| JUMLAH | 2,718,842 | 100% |

| PELANCONG DOMESTIK | | |
|----------------------------------|--------------------|-------------|
| NEGERI | BILANGAN PELANCONG | PERATUS |
| Johor | 508,964 | 15.76% |
| Kedah | 142,606 | 4.42% |
| Kelantan | 27,704.25 | 0.86% |
| Melaka | 73,723 | 2.28% |
| Negeri Sembilan | 77,899 | 2.41% |
| Perlis | 19,880 | 0.62% |
| Pulau Pinang | 285,131 | 8.83% |
| Perak | 224,563 | 6.95% |
| Pahang | 129,452 | 4.01% |
| Selangor | 648,975 | 20.09% |
| Sarawak | 77,628 | 2.40% |
| Sabah | 40,500 | 1.25% |
| Terengganu | 34,259 | 1.07% |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 878,968 | 27.21% |
| Wilayah Persekutuan Putrajaya | 35,673 | 1.10% |
| Wilayah Persekutuan Labuan | 23,749 | 0.74% |
| JUMLAH | 3,229,674 | 100% |

- c) Strategi kerajaan negeri Selangor untuk menarik pelancong dari luar Negara ialah seperti berikut :-
- i) Mengadakan kerjasama dengan hotel-hotel di sekitar Selangor bagi mengadakan pakej-pakej yang menarik serta menawarkan harga berpatutan
 - ii) Mengadakan kerjasama dengan semua pengusaha homestay dengan menyediakan pakej-pakej khas untuk kesemua program homestay di Selangor.
 - iii) Mengadakan pakej yang lebih menarik bagi homestay iaitu pakej ibadat korban yang diadakan di homestay sekitar Selangor.
 - iv) Bekerjasama dengan syarikat penerbangan seperti Fireflyz dengan mengadakan Fam Trip ke Selangor
 - v) Mengadakan Fam Trip bagi wartawan media cetak dan elektronik ke seluruh Selangor pada 24-27 Julai dalam usaha memperkenalkan dan mempromosikan dengan lebih meluas terhadap produk-produk pelancongan di Selangor.
 - vi) Mempromosikan secara elektronik iaitu laman sesawang TSSB iaitu www.tourismselangor.org

- vii) Menyediakan pakej-pakej yang menarik dengan turut mempromosikan taman tema di sekitar Selangor seperti Wet World dan Sunway Lagoon.
 - viii) Mempromosikan bidang pelancongan yang semakin popular iaitu “Health Tourism”, “Education Tourism”, sukan ekstrem serta MICE.
 - viii) Turut diadakan ialah cara yang menjadi *trademark* Selangor seperti Musical Ekstravaganza dan lain-lain.
- d) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Jun 2009 telah menolak soalan ini.**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PENDIDIKAN BELIA NEGERI SELANGOR

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan apakah langkah dan usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan para belia mendapat pendidikan peringkat rendah dan menengah.
- b) Sila nyatakan berapakah ramai belia-belia yang tidak dapat menamatkan pendidikan menengah dan huraikan apakah puncanya?
- c) Sila nyatakan apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai hub ilmuwan dan apakah faedah kepada para belia?

JAWAPAN :

- a) Terlebih dahulu ingin dijelaskan bahawa merujuk kepada Seksyen 2,Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007, belia adalah masyarakat yang berumur tidak kurang 15 tahun dan tidak lebih 40 tahun. Oleh yang demikian, tiada golongan belia yang akan terlibat dengan pendidikan sekolah rendah.

Fokus kerajaan Negeri di dalam memastikan golongan belia mendapat pendidikan di peringkat menengah ialah fokus kepada peningkatan pencapaian akademik yang boleh melayakkan mereka untuk menyambung pengajian ke peringkat yang tertinggi.

Sehubungan itu, Program Tuisyen Rakyat dilihat adalah di antara mekanisme bagi mempastikan belia mendapat pendidikan di peringkat menengah. Selain itu, di dalam program SPIES Belia, pengisiannya adalah lebih kepada pembinaan keyakinan dan pembentukkan pemikiran yang lebih positif untuk mereka lebih berdaya saing dan maju di dalam kehidupan mereka.

Selain itu Kerajaan Negeri, turut memberi tumpuan kepada pendidikan bagi golongan belia yang "*dropped out*", dengan memperkasakan Institusi-Institusi Kemahiran Yayasan Selangor dan Kolej Antarabangsa Inpens dari aspek infrastruktur dan kemudahan pembelajaran di institusi-institusi tersebut.

- b) Menurut Jabatan Pelajaran Selangor dan Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, tiada terdapat pelajar yang tidak dapat menamatkan pendidikan menengah mereka di negeri Selangor. Namun begitu pihak Kerajaan Negeri kini sedang berusaha mendapatkan data tersebut dari pelbagai pihak, seperti NGO, Pertubuhan-pertubuhan dan Individu.
- c) Perancangan Kerajaan Negeri untuk menjadikan **Negeri Selangor sebagai hub ilmuwan** dan apakah **faedah kepada para belia**, antaranya terkandung di dalam Program Jejak Ilmuwan. Di dalam Program Jejak Ilmuwan terdapat sub Program seperti berikut :

1. Program Jejak Ilmuwan

1.1 Program Jelajah Ilmuwan

Program Jelajah Ilmuwan adalah merupakan program di mana, Ilmuwan Selangor akan dibawa ke seluruh Negeri Selangor untuk berkongsi rahsia kejayaan mereka bersama para pelajar. Dengan perkongsian ini, Selangor akan dilihat sebagai satu-satunya Negeri yang begitu serius mendekatkan Ilmuwan yang ada di Negeri Selangor dengan rakyat. Malah perkongsian ini juga akan melibatkan pihak JKK, ibu bapa para pelajar dan guru-guru sekolah.

Faedah kepada golongan belia adalah dari aspek pendedahan awal dan pendedahan secara langsung kepada golongan Ilmuwan ini akan memberi semangat dan motivasi kepada golongan belia ini untuk lebih mencintai ilmu dan berlumba-lumba mencari ilmu.

Selain itu di dalam program ini turut disediakan Meja IPT di mana para belia boleh mendapatkan maklumat berkenaan peluang-peluang untuk menyambung pengajian di dalam IPT Negeri Selangor seperti UNISEL, KUIS, INPENS dan IKYS .

1.2 Program Permentoran IPT Selangor

Program ini yang juga dikenali sebagai “*buddy system*”, di mana belia yang belajar di Unisel dan KUIS akan digandingkan dengan mentor dalam bidang masing-masing, semata-mata untuk mendapatkan bimbingan akademik dan perancangan kerjaya dari pensyarah-pensyarah dari IPT Selangor dan IPT-IPT lain di sekitar Lembah Kelang.

1.3 Hari Ilmu Negeri Selangor.

Hari ilmu Negeri Selangor adalah merupakan program berbentuk “karnival Ilmu” di mana di dalam program tersebut, semua informasi yang berkaitan ilmu akan dipamerkan di dalam program tersebut, seperti pameran IPTA/IPTS yang berada di Negeri Selangor, permainan berkaitan ilmu seperti pertandingan Bercerita tentang Ilmuwan, Pertandingan Buku Skrap perkongsian ilmu, dan pelbagai kegiatan atau aktiviti untuk membudayakan ilmu di kalangan rakyat.

2. Program SPIES BELIA pemantapan

Program ini merupakan program susulan selepas golongan belia ini menyertai program SPIES di tahap awal. SPIES Pemantapan akan memberi fokus kepada apa yang diperlukan oleh golongan belia, seperti pekerjaan, peluang menyambung pengajian dan sebagaimana. Selepas perubahan minda dan sikap diterapkan kepada golongan belia di peringkat awal SPIES, kini mereka akan disediakan peluang-peluang serta maklumat berkaitan pembinaan kerjaya dan pengajian mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : JALAN KELUAR-MASUK KE GERMAN-MALAYSIA INSTITUTE (GMI)

186. Jalan keluar-masuk ke GMI, Bangunan Latihan KWSP dan Taman Universiti dari jalan Kajang-Bangi melalui Sungai Tangkas sempit dan tidak bersesuaian.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah sebarang perancangan bagi menggantikan jalan tersebut?
- b) Bagaimanakah dengan pelan lokasinya?
- c) Adakah ianya melibatkan pengambilan tanah penduduk setempat?


JAWAPAN :

JAWAPAN DARIPADA MPKJ

- a) Pihak Majlis mempunyai perancangan bagi menaik taraf jalan tersebut kepada jalan 100 kaki bermula dari persimpangan Jalan Reko sehingga pembangunan I&P Menara Sdn. Bhd. dengan menggunakan sumbangan pemaju.
- b) Pelan Rekabentuk bagi menaik taraf jalan tersebut telah disediakan oleh Perunding Pemaju I&P Menara Sdn. Bhd.
- c) Cadangan menaik taraf jalan berkenaan ada melibatkan beberapa lot individu.

JAWAPAN DARIPADA JKR

- a) Laluan Negeri B17, Jalan menghubungkan Kajang dan Bangi merupakan jalan di bawah bidang kuasa JKR Selangor dan had penyelenggaraan JKR tamat di persimpangan Stesen Komuter UKM dan jalan masuk ke Kg Sungai Tangkas. Jalan keluar - masuk ke GMI, Bangunan Latihan KWSP dan Taman Universiti merupakan jalan di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Kajang. Setakat ini JKR belum mempunyai sebarang perancangan untuk menggantikan jalan tersebut kerana ianya masih lagi menampung aliran trafik sedia ada.
- b) Tiada.
- c) Tiada.



PELAN PENGAN

• ४०८

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)

TAJUK : PASUKAN BOLA SEPAK SELANGOR

187. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor bagi memantapkan prestasi bola sepak negeri bagi kembali menjadi pusat kecemerlangan kebangsaan sekali gus memantapkan lagi pencapaian pasukan Malaysia?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor sentiasa menjalinkan kerjasama yang erat dengan Persatuan Bola sepak Selangor yang merupakan badan induk sukan bola sepak di negeri ini dalam memajukan sukan bola sepak. Sejak sekian lama pelbagai program pembangunan telah diujudkan antaranya Akademi Bola sepak Selangor, Pusat Kecemerlangan Daerah, Pusat Sukan Prestasi Tinggi (USTPN) Majlis Sukan Negara dan Sekolah Pusat Sukan Negeri Kementerian Pelajaran Malaysia. Selain dari program-program rasmi seperti dinyatakan, Kerajaan Negeri sentiasa membuka ruang dan galakkan kepada pihak swasta mengujudkan akademi-akademi latihan seperti yang sedia ada antaranya Akademi Bola sepak PKNS, Akademi Bola sepak PNSB, 'Brazil Football Academy', 'Arsenal Football Academy' dsb., yang dijalankan pada hujung minggu bagi mengujudkan satu 'base' dan peluang yang luas dalam sukan bola sepak ini.

Bagi mencungkil bakat-bakat seterusnya Majlis Sukan Negeri Selangor dengan kerjasama Persatuan Bola sepak Selangor dan daerah akan mengujudkan pelbagai peringkat umur di peringkat daerah dan mereka yang dikenal pasti berpotensi akan diserap ke pusat-pusat sedia ada untuk diberi bimbingan yang lebih sistematik dan saintifik bagi melahirkan pemain-pemain bola sepak yang baik untuk mewakili negeri dan negara di masa hadapan. Walau bagaimanapun semua perancangan ini memerlukan kewangan yang tinggi dan juga komitmen setiap individu yang terlibat. Dengan perancangan ini juga diharapkan negeri Selangor akan menjadi pusat kecemerlangan bola sepak di Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : NAMA-NAMA TAMAN / JALAN

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Mengapakah Kerajaan Negeri Selangor menukar nama-nama taman berikut :-

- i) Southern Park Kepada Taman Selatan; dan
- ii) Taman Melawis kepada Taman Kampung Attap.

Dan bilakah ianya akan ditukar ke nama asal?

b) Bilakah Kerajaan Negeri Selangor akan mengisytiharkan secara rasmi Jalan Tengku Kelana sebagai "Little India" Selangor?

c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk menamakan beberapa jalan-jalan di Negeri Selangor atas nama tokoh-tokoh terkemuka seperti berikut yang telah banyak berjasa kepada Negeri Selangor seperti :-

- i) Encik Ramesan (Bekas ADUN Negeri Selangor)
- ii) Dr. V. David (Bekas ADUN Negeri Selangor)
- iii) Encik Devan Nair (Ahli Parlimen Negeri Selangor)
- iv) Puan Gengga Nair (Bekas ADUN Negeri Selangor)
- v) Encik Karam Singh (Bekas ADUN Negeri Selangor)

JAWAPAN :

- a) i) Southern Park ditukar kepada Taman Selatan sejak tahun 1980 an berikut arahan penggunaan bahasa kebangsaan.
 - ii) Taman Melawis masih ada. Kampung Attap adalah nama lama dan digunakan untuk kawasan yang lebih luas. (seksyen)
- b) Tertakluk persetujuan Kerajaan Negeri. Jalan Tengku Kelana adalah nama yang telah digunakan selepas merdeka (asal Rembau Street). (Petaling Street tidak ditukar nama kepada China Town. "Little India" boleh digunakan sebagai gelaran.
- c) Kerajaan Negeri belum berhasrat untuk menamakan beberapa jalan-jalan di Negeri Selangor atas nama tokoh-tokoh tersebut pada masa ini

JAWAPAN DARIPADA UPBT

- a) Nama Taman Southern Park telah ditukar kepada nama Taman Selatan sejak tahun 1980an berikutan penguatkuasaan arahan penggunaan bahasa kebangsaan di setiap negeri oleh kerajaan pada masa itu manakala Taman Melewis dan Kampung Attap adalah dua kawasan perumahan yang sama yang terletak di dalam daerah Klang di mana Kampung Attap adalah nama lama dan digunakan untuk kawasan yang lebih luas manakala Taman Melewis adalah sebahagian daripada Kampung Attap. Buat masa ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menukar kepada nama asal.
- b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk mengisytiharkan secara rasmi Jalan Tengku Kelana sebagai 'Little India' Selangor tetapi sebarang perubahan adalah tertakluk kepada persetujuan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun jalan tersebut memang telah dikenali dengan gelaran 'Little India' oleh penduduk setempat memandangkan daya tarikan yang terdapat di sepanjang jalan tersebut yang banyak menjual barang-barang perkakasan, aksesori, pakaian dan sebagainya masyarakat India.
- c) Kerajaan Negeri belum berhasrat untuk menamakan beberapa jalan-jalan di Negeri Selangor atas nama tokoh-tokoh tersebut pada masa ini. Ini merupakan satu idea yang baik dan Kerajaan Negeri akan membuat kajian pada masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN HERBA DARI NEGERI SELANGOR

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.
- Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan dan mempromosi industri herba Negeri Selangor di luar negara.
 - Berapakah jumlah perdagangan dalam industri herba ke luar negara dari negeri Selangor yang dikenal pasti bagi tempoh 3 tahun yang lepas.
 - Bagaimanakah kerajaan akan membantu pengeluar-pengeluar produk herba tempatan untuk mencari peluang-peluang perdagangan di luar negara.

JAWAPAN :

- Pada masa ini Kerajaan Negeri Selangor melalui anak syarikatnya iaitu Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) lebih menumpukan kepada aktiviti industri hiliran dalam industri herba (proses produk). Ini adalah disebabkan keluasan kawasan penanaman pokok-pokok herba adalah terhad dan bersaiz kecil. PKPS melalui anak-anak syarikatnya iaitu Polens (M) Sdn. Bhd. Dan Premium Bio Herbs Sdn. Bhd. lebih menumpukan kepada pengeluaran produk siap dengan memastikan tahap kualiti yang tinggi dengan penggunaan mesin-mesin pemprosesan yang berteknologi tinggi. Dalam masa yang sama juga produk herba yang berasaskan tongkat ali telah memulakan operasi peringkat awal di Pulau Indah yang menggunakan teknologi nano.
Dari segi mempromosikan produk herba pula, PKPS telah pun menyertai beberapa ekspos-ekspos antarabangsa seperti MIHAS 2008 dan juga pernah menyertai pameran Indonesia Halal Exhibition & Global Halal Summit 2008 di Kartika Expo Center Balai Kartini, Jakarta, Indonesia. Di samping itu juga, promosi melalui televisyen juga pernah dilakukan sebelum menumpukan promosi melalui akhbar pada ketika ini.
- Dalam tempoh 3 tahun yang lepas, produk herba dari Negeri Selangor PKPS lebih menumpukan kepada pasaran domestik. Walau bagaimanapun usaha-usaha sedang giat dijalankan bagi mendapatkan peluang untuk mengeksport produk herba ke luar negara dan yang terkini ialah usaha untuk mengeksport produk herba tongkat ali ke Negara Korea Selatan yang masih lagi di peringkat percubaan.
- PKPS melalui anak syarikatnya POLENS (M) Sdn. Bhd. (POLENS) menyediakan khidmat memproses produk-produk berasaskan madu lebah dan herba untuk pasaran. Pengusaha-pengusaha herba telah menggunakan kemudahan pembungkusan produk dalam bentuk kapsul, tablet dan sachet yang ada di POLENS sebelum memasarkan produk-produk mereka.
POLENS juga boleh membantu pengeluar-pengeluar berkenaan dalam pengurusan pendaftaran produk makanan kesihatan dan herba tradisional dengan Biro Pengawalan Farmasutikal Kebangsaan (BPFK) dan juga pendaftaran untuk pensijilan HALAL dan JAKIM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : ALAM SEKITAR

190. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap kilang – kilang yang melepaskan asap berlebihan sehingga menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar terutamanya kilang – kilang di Kawasan Meru.

JAWAPAN :

- a) Kilang-kilang yang didapati melakukan kesalahan melepaskan asap yang berlebihan menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar akan diambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 iaitu dengan mengeluarkan Notis Arahan, kompaun, tindakan mahkamah dan mengenakan Perintah Larangan beroperasi.

Rekod Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor mendapati kilang-kilang di kawasan sekitar Meru yang menghasilkan pencemaran udara adalah kilang berasaskan kayu, plastik, "cement batching plant", berasaskan getah, kimia, logam, percetakan dan tekstil. Tindakan yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar bagi mengawal pelepasan asap dari kilang-kilang ini adalah dengan membuat pemeriksaan berkala ke atas premis kilang-kilang ini dan memastikan operasi kilang-kilang ini dilengkapi dengan alat kawalan yang sepatutnya, membuat percontohan pelepasan cerobong dan menyemak 'smoke record' yang dipasang oleh kilang-kilang tersebut.

Pada tahun ini Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menjalankan lapan belas (18) pemeriksaan penguatkuasaan ke atas kilang-kilang di kawasan tersebut yang mana lima (5) dari pemeriksaan adalah berdasarkan kepada laporan aduan berhubung pencemaran udara dari penduduk sekitar. Dari lawatan tersebut Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah mengeluarkan empat (4) Notis Arahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi mengarahkan pekilang-pekilang untuk meningkatkan keupayaan alat kawalan pencemaran udara dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Sebanyak sembilan (9) kompaun telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor ke atas pekilang-pekilang yang didapati melanggar peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 .

Dalam hubungan ini ingin dijelaskan juga bahawa kawalan ke atas pelepasan asap dari kilang-kilang ini juga bergantung kepada operasi alat kawalan yang dipasang. Terdapat juga kes-kes di mana alat kawalan yang dipasang tidak dikendalikan dengan baik semasa ketiadaan pegawai JAS di lapangan atas alasan cuba menjimatkan kos. Ini menyebabkan masih berlaku beberapa kes pencemaran dari masa ke semasa yang menyebabkan aduan orang ramai. Bagi kes-kes yang melibatkan aduan berulang dan siasatan mendapati aduan adalah berasas dan disebabkan kecuaian dari pihak kilang tindakan yang lebih tegas akan diambil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PEKERJA LADANG

191. Kerajaan Negeri Selangor masih tiada suatu enakmen yang jelas yang mengarahkan tuan punya ladang untuk membina rumah sendiri untuk para pekerja nya agar isu perumahan tidak timbul jika sesuatu ladang tersebut dibangunkan dan pekerjanya dihentikan kerja?

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri besar :

- a) Apakah-apakah langkah terkini Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini dan bilakah suatu enakmen yang jelas mengenai perumahan pekerja ladang akan dibentuk ?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor sedia maklum mengenai masalah pekerja ladang dalam memiliki rumah sendiri. Kerajaan Negeri dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah pun membincangkan mengenai permasalahan ini supaya mereka mendapat keselesaan penempatan baru. Setakat ini, Kerajaan Negeri telah menetapkan syarat dalam setiap permohonan yang melibatkan tanah ladang, sama ada penukaran hak milik atau kegunaan tanah, pihak majikan hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya perumahan kos rendah untuk ditawarkan kepada pekerja ladang dengan harga RM35,000.00 seunit yang mana perbezaan harga sebanyak RM7,000.00 akan ditanggung oleh pihak majikan.

Fokus utama Jawatankuasa tetap pekerja ladang adalah untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat di ladang. Oleh demikian, penetapan enakmen yang jelas mengenai perumahan pekerja ladang telah pun ada di dalam perancangan Kerajaan Negeri supaya misi mempertingkatkan taraf hidup pekerja ladang berjaya. Walau bagaimana pun, bagi mewujudkan sesuatu enakmen, satu kertas kerja yang komprehensif perlu dibuat dan ianya memerlukan kepakaran yang khusus dalam bidang ini. Sehubungan itu, satu seminar akan diadakan untuk membincangkan isu-isu yang melibatkan pekerja ladang di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : DASAR PEMUTIHAN GERAI DAN PREMIS-PREMIS PERNIAGAAN TIDAK SAH

192. Bagi pemutihan kawasan-kawasan setinggan, kerajaan tidak meruntuhkan rumah-rumah setinggan sehingga ada tempat-tempat kediaman bagi memindahkan penduduk terlebih dahulu. Bagi gerai-gerai dan premis-premis perniagaan tidak sah yang telah sedia wujud sebelum 8 Mac 2008.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah dasar yang sama tidak boleh dilaksanakan oleh kerajaan, iaitu kerajaan mewujudkan tempat-tempat perniagaan yang sesuai terlebih dahulu sebelum mengusir dan merobohkan gerai-gerai dan premis-premis tersebut?
- b) Apakah tidak diwujudkan senarai kategori kedai-kedai dan premis-premis perniagaan tersebut menurut kadar berat ringan pelanggarannya terhadap syarat dan peraturan di PBT masing-masing?
- c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk memberi sumbangan kepada PBT-PBT dalam program pemutihan gera-gerai dan premis-premis seperti ini?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri masih mengamalkan dasar yang sama di mana gerai-gerai tidak sah tidak akan dirobohkan sewenang-wenangnya. Tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri ialah dengan menawarkan gerai-gerai PBT yang masih kosong untuk dimasuki oleh peniaga-peniaga terlibat. Manakala bagi gerai-gerai yang berada di lokasi yang bersesuaian, PBT akan mengeluarkan permit sementara untuk mereka terus bermula sehingga tapak gerai yang sesuai disediakan kepada mereka.

Walau bagaimanapun terdapat pemilik-pemilik gerai tidak sah ini berdegil dan terlalu memilih lokasi gerai yang ditawarkan oleh PBT. Keadaan ini menyukarkan PBT untuk menyediakan ruang niaga yang sesuai kepada mereka dan kadangkala gerai mereka terpaksa dirobohkan kerana lokasi mereka tidak sesuai dan menghalang lalu lintas serta menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk lain.

- b) Semua kedai, premis dan penjaja di Selangor termaktub di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian, Undang-undang Kecil Penjaja 2007 dan Undang-undang Kecil Pengendali Makanan 2007 (jika ia berkaitan dengan perniagaan berasaskan makanan) dan UUK lain yang berkaitan di mana ia mewajibkan semua aktiviti perniagaan dilesenkan dan sebarang pelanggaran syarat adalah satu kesalahan. Di dalam UUK ini tidak dinyatakan kategori yang membolehkan PBT memberi pertimbangan berat ringan perlanggaran terhadap syarat-syarat dan peraturan di PBT masing-masing. Semua tindakan yang diambil adalah berlandaskan peruntukan-peruntukan di dalam UUK yang telah diwartakan dan dikuatkuasakan.

- c) Pada masa ini Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memberikan sumbangan kepada PBT untuk program pemutihan gerai-gerai tanpa kebenaran. PBT diminta untuk menempatkan peniaga-peniaga tanpa kebenaran ini di gerai-gerai PBT yang masih kosong atau pun mendirikan gerai-gerai baru dengan menggunakan peruntukan Majlis atau sumbangan daripada pemaju.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : MUZIUM

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah jumlah muzium dan pusat warisan yang terdapat di Negeri Selangor mengikut kategori dan lokaliti sehingga tahun 2008?
 - Berapakah jumlah kos penyelenggaraan muzium tersebut dari 2005-2008?
 - Apakah rancangan atau insentif Kerajaan Negeri untuk pemuliharaan bangunan-bangunan warisan bersejarah di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- Jumlah Muzium yang terdapat di negeri Selangor sehingga tahun 2008 mengikut kategori dan lokaliti adalah seperti berikut :-
 - Di bawah Pentadbiran dan Pengurusan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor

| BIL | MUZIUM | LOKASI |
|------------|--|--------------------------------------|
| 1. | MUZIUM SULTAN ALAM SHAH | PERSIARAN BANDARAYA, SHAH ALAM |
| 2. | MUZIUM SEJARAH DAERAH KUALA SELANGOR | BUKIT MALAWATI, KUALA SELANGOR |
| 3. | MUZIUM PERMAINAN TRADISIONAL RAKYAT KUALA SELANGOR | BUKIT MALAWATI, KUALA SELANGOR |
| 4. | MUZIUM PERTANIAN DAN PERIKANAN DAERAH SABAK BERNAM | JALAN PASAR, SABAK BERNAM |
| 5. | MUZIUM INSITU JUGRA | KG. PERMATANG PASIR, KUALA LANGAT |
| 6. | GEDUNG RAJA ABDULLAH | KLANG |

ii. Lain-lain Muzium/Galeri mengikut kategori dan lokaliti adalah seperti berikut:-

| BIL | MUZIUM | LOKASI | STATUS PENGURUSAN |
|-----|--|---|--|
| 1. | GALERI SHAH ALAM | PERSIARAN TASIK, SHAH ALAM | YAYASAN SENI SELANGOR |
| 2. | GALERI SENI UITM | FAKULTI SENI LUKIS & SENI REKA, UITM SHAH ALAM. | UITM SHAH LAM |
| 3. | GALERI DIRAJA SULTAN ABDUL AZIZ | BANGUNAN SULTAN SULEIMAN, KLANG | ISTANA |
| 4. | MUZIUM FRIM (PERHUTANAN) | KEPONG | FOREST RESEARCH INSTITUT OF MALAYSIA |
| 5. | MUZIUM HAL EHWA ORANG ASLI | JALAN PAHANG, GOMBAK | JABATAN MUZIUM MALAYSIA |
| 6. | MUZIUM ORANG ASLI DESA TEMUAN BUKIT LANJAN | DAMANSARA PERDANA, PETALING JAYA | PERSENDIRIAN |
| 7. | GALERI SATAY | BANDAR KAJANG | MAJLIS PERBANDARAN KAJANG |
| 8. | MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL | LITAR ANTARABANGSA SEPANG | JABATAN MUZIUM MALAYSIA |
| 9. | MUZIUM PETALING JAYA | TAMAN JAYA, PETALING JAYA | MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA |

iii. Jumlah tapak warisan yang terdapat di negeri Selangor sehingga tahun 2008 mengikut kategori dan lokaliti adalah seperti di lampiran '2' yang disertakan.

b) Jumlah kos penyelenggaraan muzium dari tahun 2005 hingga 2008 adalah seperti berikut:-

- i. Tahun 2005 - RM100,267.00
- ii. Tahun 2006 - RM70,250.41
- iii. Tahun 2007 - RM100,961.50
- iv. Tahun 2008 - RM43,785.93

JUMLAH KESELURUHAN : RM315,264.84

- c) Antara rancangan atau insentif kerajaan Negeri untuk pemuliharaan bangunan warisan di negeri Selangor adalah seperti berikut :-
- i. Kerja-kerja Konservasi dan Naik taraf Bangunan Gedung Raja Abdullah, Klang dan Istana Bandar, Kuala Langat yang kini sedang dilaksanakan. Kerja-kerja ini dijalankan dengan kerjasama daripada Jabatan Warisan Malaysia. Tarikh perlaksanaan kerja-kerja ini adalah pada 24 Oktober 2008 yang lalu dan dijangka siap pada 16 Julai, 2009.
 - ii. Selain itu, Kerajaan Negeri juga pernah mencadangkan untuk mewujudkan di setiap daerah satu Taman Warisan. Antaranya adalah seperti berikut :-
 - a. Taman Warisan Klang
 - i. Satu kertas cadangan telah dikemukakan oleh YDH Orang Besar Daerah Klang bagi mewujudkan satu Taman Warisan Klang yang meliputi ciri-ciri dan mercu tanda daerah Klang.
 - b. Taman Warisan Kuala Selangor
 - i. Bukit Malawati merupakan kawasan bersejarah yang penting di negeri Selangor. Oleh yang demikian, penambahbaikan terhadap kemudahan dan infrastruktur di kawasan tersebut sebagai salah satu pusat pelancongan di Selangor perlu diutamakan dan dipertingkatkan.

SENARAI INVENTORI TAPAK WARISAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

Lampiran "2"

| BIL | INVENTORI TAPAK WARISAN | DAERAH | TEMPAT |
|------------|---|---------------|-------------------|
| A. | BANGUNAN KERAJAAN/PERKHIDMATAN | | |
| 1. | Bangunan Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Kubu Baru, Jalan Bukit Kerajaan, Kuala Kubu Baharu | Hulu Selangor | Kuala Kubu Baharu |
| 2. | Bekas Bangunan Gereja (Pejabat Polis Cawangan Trafik) Jalan Bukit Kerajaan, Kuala Kubu Baharu | Hulu Selangor | Kuala Kubu Baharu |
| 3. | Balai Bomba Lama, Jalan Dato' Tabal, Kuala Kubu Baharu | Hulu Selangor | Kuala Kubu Baharu |
| 4. | Pejabat Pos Kuala Kubu Baharu | Hulu Selangor | Kuala Kubu Baharu |
| 5. | Bekas Bangunan Pejabat Daerah (Bangunan Sultan Suleiman), Jalan Stesen, Klang | Klang | Bandar Klang |
| 6. | Standard Chartered Bank, Jalan Dato' Hamzah, Klang | Klang | Bandar Klang |
| 7. | Bangunan Pejabat Agama Islam, Jalan Dato' Hamzah, Klang | Klang | Bandar Klang |
| 8. | Balai Bomba Lama, Jalan Gedung Raja Abdullah, Klang | Klang | Bandar Klang |
| 9. | Pejabat Pos Klang | Klang | Bandar Klang |
| 10. | Pusat Kawalan Kusta Negara, Sungai Buluh | Gombak | Balu |
| B. | INSTITUSI PENDIDIKAN | | |
| 1. | Sekolah Convent, Jalan Tengku Kelana, Klang | Klang | Bandar Klang |
| 2. | Bangunan Kolej Islam Sultan Alam Shah, Jalan Kota Raja, Klang | Klang | Bandar Klang |

| BIL | INVENTORI TAPAK WARISAN | DAERAH | TEMPAT |
|-----|---|----------------|-------------------|
| 3. | Bangunan Sekolah Kebangsaan Bandar, Jugra, Kuala Langat | Kuala Langat | Bandar |
| 4. | Bangunan Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Selisek, Ulu Bernam | Kuala Selangor | Ulu Bernam |
| C. | STESEN KERETAPI | | |
| 1. | Bangunan Stesen Keretapi Klang, Jalan Stesen, Klang | Klang | Bandar Klang |
| 2. | Bangunan Stesen Keretapi Kuala Kubu Baru, Jalan Kuala Kubu, Kampung Kelapa, Ampang Pecah, Kuala Kubu Baharu | Hulu Selangor | Kuala Kubu Baharu |
| 3. | Bangunan Stesen Keretapi Kajang | Hulu Langat | Kajang |
| 4. | Bangunan Stesen Keretapi Rawang | Rawang | Rawang |
| D. | BALAI POLIS | | |
| 1. | Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kuala Kubu Baharu | Hulu Selangor | Kuala Kubu Baharu |
| 2. | Pejabat Polis Cawangan Trafik, Jalan Bukit Kerajaan, Kuala Kubu Bharu | Hulu Selangor | Kuala Kubu Baharu |
| 3. | Balai Polis Lama Kuala Kubu Bharu | Hulu Selangor | Kuala Kubu Baharu |
| 4. | Bangunan Ibu Pejabat Polis Kuala Langat | Kuala Langat | Banting |
| 5. | Bangunan Ibu Pejabat Polis Klang | Klang | Bandar Klang |
| 6. | Balai Polis Klang, Pekan Lama | Klang | Bandar Klang |
| 7. | Balai Polis Rawang (Sekarang Cawangan Trafik) | Rawang | Rawang |
| 8. | Balai Polis Sungai Air Tawar | Sabak Bernam | Sabak Bernam |

| BIL | INVENTORI TAPAK WARISAN | DAERAH | TEMPAT |
|-----|---|----------------|-------------------|
| E. | RUMAH IBADAT | | |
| | Masjid | | |
| 1. | Masjid Lama Ampang Pecah, Kampung Ampang Pecah, Kuala Kubu Baharu | Hulu Selangor | Kuala Kubu Baharu |
| 2. | Masjid Dato' Dagang, Jalan Kota Raja, Klang | Klang | Bandar Klang |
| 3. | Masjid Sultan Suleiman jamiur Rahmah, Jalan Kota Raja, Klang | Klang | Bandar Klang |
| 4. | Masjid Diraja Sultan Alauddin | Kuala Langat | Bandar |
| 5. | Masjid Panchang Bedena, Sabak Bernam | Sabak Bernam | Sabak Bernam |
| | Gereja | | |
| 1.. | Gereja Khatolik Our Lady of Lourdes, Jalan Tengku Kelana, Klang | Klang | Bandar Klang |
| | Tokong | | |
| 1. | Kwan Imm Teng Temple, Klang | Klang | Bandar Klang |
| F. | KOTA | | |
| 1. | Kota Malawati | Kuala Selangor | Kuala Selangor |
| 2. | Kota Tanjung Keramat, Kuala Selangor | Kuala Selangor | Kuala Selangor |
| 3. | Kota Raja Mahadi, Klang | Klang | Bandar Klang |
| 4. | Kota Darul Ehsan | Petaling Jaya | |

| B. | INVENTIRI TPAK WARISAN | DAERAH |
|----|--|--------------|
| C. | ISTANA | |
| · | Istana Janeiya/Istan Banung, Jln Kta Raji, Klang | Klang |
| · | Istana Jgra, Kala Lagat | Kuala Langat |
| · | Istana Si Kenagan, alam Fusa, Kmpung Jawi, Klang | Klang |
| · | Istana MhkotaJalanRusa,Campng Jaa, Klang | Klang |
| I. | MAJAM | |
| · | Mkan Draja Jgra, Kala Lngat | Kuala Langat |

NOTA : umlaiksesua Taak WarisanSelangor lala 42.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : ANAK-ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Sila senaraikan laporan kewangan tahunan semua anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor dari tahun 2006 hingga 2008.
 - Adakah penstrukturkan semula akan dilakukan di anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor? Jika ya, bilakah penstrukturkan semula itu akan diadakan?
 - Bagaimanakah Ahli-ahli Lembaga Pengarah baru dilantik?

JAWAPAN :

- a) Sehingga kini, Kerajaan Negeri mempunyai 9 buah Anak-anak syarikat di bawah Menteri Besar Selangor(MBI) seperti jadual berikut:-

| Bil | Nama syarikat | Tarikh saham dipegang | Jumlah unit saham | Peratusan pegangan saham (%) |
|-----|---|-----------------------|-------------------|------------------------------|
| 1. | Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) | 11/1/1995 | 262,408,163 | 100 |
| 2. | Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) | 15/10/1990 | 24,000,000 | 99.99 |
| 3. | Selangor State Investment Centre (SSIC) | 8/10/2007 | 1,999,999 | 99.99 |
| 4. | Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYS) | 26/1/2007 | 643,694 | 100 |
| 5. | Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad (BBGC) | 26/09/2008 | 5,000,000 | 100 |
| 6. | Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB) | 5/6/2008 | 1,999,998 | 99.99 |
| 7. | Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) | 26/06/2008 | 2,499,998 | 99.99 |
| 8. | Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB) | 2/9/2008 | 300,000 | 100 |
| 9. | Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB) | 18/2/2009 | 1,000,000 | 100 |

Maklumat laporan kewangan tahunan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor dari tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti yang diringkaskan dalam persembahan Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan. Sila rujuk Lampiran.

- b) Kerajaan Negeri Selangor tidak berhasrat untuk menstrukturkan semula anak-anak syarikat Kerajaan Negeri sebaliknya pada ketika ini, Kerajaan Negeri lebih memberi perhatian kepada pegangan yang sedia ada dengan memantapkan lagi struktur pentadbiran dan aktiviti syarikat bagi menjana ekonomi serta menambahkan keuntungannya pada masa akan datang. Untuk tujuan ini, Kerajaan Negeri telah pun melantik pengurusan baru bagi mentadbir Pemerbadanan Menteri Besar Selangor(MBI). Objektifnya adalah bagi memantau operasi dan pengurusan anak-anak syarikat yang dimiliki oleh MBI dengan lebih agresif dan berkesan.
- c) Kriteria yang diguna pakai untuk melantik Ahli Lembaga, lazimnya dicadangkan melalui Y.A.B. Dato' Menteri Besar sebagai Pengurus MBI.

LAMPIRAN

MUKA SURAT

| | |
|--|----|
| 1. KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD | |
| a. Penyata Pendapatan / Akaun Untung Rugi | 1 |
| b. Lembaran Imbangan / Kunci Kira-kira | 2 |
| 2. TOURISM SELANGOR SDN BHD | |
| a. Penyata Pendapatan / Akaun Untung Rugi | 3 |
| b. Lembaran Imbangan / Kunci Kira-kira | 4 |
| 3. RANTAIAN MESRA SDN BHD | |
| a. Penyata Pendapatan / Akaun Untung Rugi | 5 |
| b. Lembaran Imbangan / Kunci Kira-kira | 6 |
| 4. PENDIDIKAN INDUSTRI YS SDN BHD | |
| a. Penyata Pendapatan / Akaun Untung Rugi | 7 |
| b. Lembaran Imbangan / Kunci Kira-kira | 8 |
| 5. BUKIT BERUNTUNG GOLF & COUNTRY RESORT BERHAD | |
| a. Penyata Pendapatan / Akaun Untung Rugi | 9 |
| b. Lembaran Imbangan / Kunci Kira-kira | 10 |
| 6. KUMPULAN SEMESTA SENDIRIAN BERHAD | |
| a. Penyata Pendapatan / Akaun Untung Rugi | 11 |
| b. Lembaran Imbangan / Kunci Kira-kira | 12 |
| 7. SSIC BERHAD | 13 |
| a. Penyata Pendapatan / Akaun Untung Rugi | |
| b. Lembaran Imbangan / Kunci Kira-kira | |
| 8. PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD | |
| a. Penyata Pendapatan / Akaun Untung Rugi | 14 |
| b. Lembaran Imbangan / Kunci Kira-kira | 15 |
| 9. COMMUNICATION CORPORATION SDN BHD (Tidak mempunyai Penyata Kewangan kerana baru ditubuhkan pada tahun 2009) | |

KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD

INCOME STATEMENTS FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER

| | COMPANY LEVEL | | |
|---|----------------|----------------|----------------|
| | 2006 RM'000 | 2007 RM'000 | 2008 RM'000 |
| | | | |
| Continuing Operations | | | |
| Revenue | 8,455.00 | 12,218.00 | 13,428.00 |
| Cost of sales | (471.00) | - | - |
| Gross profit | 7,984.00 | 12,218.00 | 13,428.00 |
| Other income | 30,320.00 | 17,997.00 | 200,497.00 |
| Administrative expenses | (8,692.00) | (10,360.00) | (13,858.00) |
| Selling and marketing expenses | - | - | - |
| Other operating expenses | (17,092.00) | (540.00) | (156,273.00) |
| Operating profit/(loss) | 12,520.00 | 19,315.00 | 43,794.00 |
| Finance costs | (2,802.00) | (5,878.00) | (9,966.00) |
| Share of profit of associates | - | - | - |
| Share of profit of joint venture | - | - | - |
| Profit/(loss) before tax | 9,718.00 | 13,437.00 | 33,828.00 |
| Income tax | (1,790.00) | (1,153.00) | - |
| Profit/(loss) for the year from continuing operations | 7,928.00 | 12,284.00 | 33,828.00 |
| Discontinued Operations | | | |
| Loss from discontinued operations | - | - | - |
| Profit/(loss) for the year | 7,928.00 | 12,284.00 | 33,828.00 |
| Attributable to : | | | |
| Equity holder of the Company | 7,928.00 | 12,284.00 | 33,828.00 |
| Minority interests | - | - | - |
| | 7,928.00 | 12,284.00 | 33,828.00 |
| | | | |

* For presentation purposes, figures are reported at Company Level as Group Accounts for year ended 2008 are yet to be prepared and audited

KUMPULAN DARUL IHSAN BERHAD

BALANCE SHEETS AS AT 31 DECEMBER

| | COMPANY LEVEL | | |
|--|----------------|----------------|----------------|
| | 2006 RM'000 | 2007 RM'000 | 2008 RM'000 |
| NON-CURRENT ASSETS | | | |
| Property, plant and equipment | 5,689.00 | 5,073.00 | 4,339.00 |
| Construction assets | - | - | - |
| Leased and lease payments | 23,208.00 | 22,959.00 | 22,712.00 |
| Land held for property development | - | - | - |
| Investment properties | - | 8,339.00 | 7,991.00 |
| Land use rights | - | - | - |
| Investments in subsidiaries | 203,953.00 | 306,501.00 | 440,533.00 |
| Investments in associates | 6,730.00 | 4,711.00 | 4,962.00 |
| Investments in quoted | - | - | 928.00 |
| Other investments | 10,442.00 | 24,963.00 | 3,290.00 |
| Intangible assets | - | - | - |
| Goodwill on consolidation | - | - | - |
| Long term receivables | - | - | - |
| Amounts due from subsidiaries | 4,814.00 | 9,284.00 | 5,397.00 |
| Deferred expenditure | - | - | - |
| | 254,316.00 | 381,830.00 | 480,152.00 |
| CURRENT ASSETS | | | |
| Property development costs | - | - | - |
| Inventories | - | - | 16,500.00 |
| Current investment | - | - | - |
| Trade receivables | 4,975.00 | 15,526.00 | 5,395.00 |
| Other receivables | 4,274.00 | 14,803.00 | 16,016.00 |
| Amount due from holding company | 27,187.00 | 5,239.00 | 6,188.00 |
| Amount due from subsidiaries | - | - | 9,822.00 |
| Amount due from associates | - | - | - |
| Amount due from related co | - | - | - |
| Marketable securities | - | - | 5,856.00 |
| Tax receivable | 1,209.00 | 2,776.00 | 812.00 |
| Cash and bank balances | 539.00 | 691.00 | 60,724.00 |
| Assets of disposal groups/non-current assets classified as held for sale | - | - | - |
| | 451.00 | - | - |
| | 39,615.00 | 39,331.00 | 60,724.00 |
| CURRENT LIABILITIES | | | |
| Provision for liabilities | 1,037.00 | - | - |
| Borrowings | 41,566.00 | 62,072.00 | - |
| Hire purchase | - | - | 121,728.00 |
| Other payables | 9,883.00 | 6,633.00 | 6,677.00 |
| Hire purchase | - | - | 36,000.00 |
| Term loan | - | - | 70,000.00 |
| Short term borrowings | - | - | 10,383.00 |
| Amount due to subsidiaries | 20,567.00 | 48,433.00 | - |
| Amount due to related co | - | - | 59,479.00 |
| Tax payable | - | - | - |
| 73,329.00 | 117,244.00 | 301,582.00 | - |
| Liabilities directly associated with assets classified as held for sale | - | - | - |
| | 23,000.00 | 5,332.00 | 249,294.00 |
| | 23,000.00 | 5,332.00 | 249,294.00 |
| FINANCED BY : | 134,700.00 | (77,393.00) | (240,008.00) |
| FINANCED BY : | 219,608.00 | 103,921.00 | 249,294.00 |
| Accrued expenses | 77,393.00 | 231,608.00 | (240,008.00) |
| Accumulated gains/(losses) | 38,360.00 | 18,360.00 | 18,360.00 |
| Other reserves | - | - | (26,266.00) |
| Accumulated gain/(losses) | (86,266.00) | (73,982.00) | (40,891.00) |
| Shareholder's equity | 194,502.00 | 206,786.00 | 239,877.00 |
| Minority interest | 194,502.00 | 206,786.00 | 239,877.00 |
| NON-CURRENT LIABILITIES | | | |
| Borrowings | 39,606.00 | 97,335.00 | 8,750.00 |
| Hire purchase creditor | - | - | 667.00 |
| Long term payables | - | - | - |
| Government grant | - | - | - |
| Retirement benefit obligations | - | - | - |
| Amount due to subsidiary | 5,500.00 | - | - |
| Deferred membership income | - | - | - |
| Deferred taxation | 25,106.00 | 97,335.00 | 9,417.00 |
| | 219,608.00 | 303,921.00 | 249,294.00 |

TOURISM SELANGOR SDN BHD**MANAGEMENT PROFIT AND LOSS ACCOUNT FOR YEAR ENDED 31 DECEMBER**

| | | 2006 RM | 2007 RM | 2008 RM |
|---------------------------------|--|------------|------------|--------------|
| Revenue | | | | |
| Travel & Tour | | - | - | 2,974,279.00 |
| Chongkak Park & Resort | | - | - | 360,147.50 |
| Hutan Lipur Kanching | | - | - | 134,374.00 |
| Taman Rimba Ampang | | - | - | 78,411.00 |
| Sri Berkat | | - | - | 11,590.00 |
| | | - | - | 3,558,801.50 |
| Less : Discounts | | | | |
| Chongkak Park & Resort | | - | - | 5,519.00 |
| | | - | - | 5,519.00 |
| | | - | - | 3,553,282.50 |
| Total Revenue | | | | |
| Less : Cost of sales | | | | |
| Chongkak Park & Resort | | - | - | 2,711,875.30 |
| Hutan Lipur Kanching | | - | - | 185,340.09 |
| Taman Rimba Ampang | | - | - | 160,513.36 |
| Sri Berkat | | - | - | 77,408.23 |
| | | - | - | 3,142,609.28 |
| Gross profit/(loss) | | | | 410,673.22 |
| Other income | | | | |
| Rental Anglers' Resort | | - | - | 36,000.00 |
| Rental Ampang Look-out point | | - | - | 60,000.00 |
| Rental Commonwealth Park | | - | - | 36,000.00 |
| Fixed Deposit Interest | | - | - | 74,697.37 |
| Gain on sale of motor vehicle | | - | - | 8,938.30 |
| | | - | - | 215,635.67 |
| | | - | - | 626,308.89 |
| 512,769.20 | | | | |
| Administration expenses | | | | 512,769.20 |
| Staff cost | | - | - | 163,157.89 |
| Other operating expenses | | | | 512,769.20 |
| | | - | - | 84,742.71 |
| Profit/(loss) before tax | | | | ,000.00 |
| Taxation | | - | - | - |
| Profit/(loss) after tax | | | | (134,360.91) |

Tiada pelaporan kewangan pada tahun 2006 dan 2007 memandangkan Tourism Selangor Sdn Bhd menjadi anak syarikat Kerajaan Negeri hanya pada 2/09/2008

TOURISM SELANGOR SDN BHD

BALANCE SHEETS AS AT 31 DECEMBER

| | 2006 RM | 2007 RM | 2008 RM |
|---------------------------------------|------------|------------|---------------------|
| Paid-up share capital | - | - | 300,000.00 |
| Retained Earnings/(loss) | - | - | 2,832,200.79 |
| Current Earnings/(loss) | - | - | (134,360.91) |
| | - | - | 2,997,839.88 |
| Long Term Loans | - | - | - |
| Hire-purchase creditors-long term | - | - | - |
| | - | - | - |
| <u>PRESENTED BY :</u> | | | |
| Fixed Asset | - | - | 214,038.61 |
| <u>CURRENT ASSETS</u> | | | |
| Inventory | - | - | 21,200.00 |
| Trade Debtors | - | - | 614,151.86 |
| Other Debtors, Prepayments & Deposits | - | - | 75,677.33 |
| Fixed Deposit | - | - | 2,790,440.88 |
| Cash and Bank Balances | - | - | 77,533.22 |
| | - | - | 3,579,003.29 |
| TOTAL CURRENT ASSETS | - | - | 3,793,041.90 |
| <u>CURRENT LIABILITIES</u> | | | |
| Other Creditors & Accruals | - | - | 481,872.83 |
| Trade Creditors | - | - | 154,103.89 |
| Amount due to PNSB | - | - | 159,225.30 |
| Tax Payable | - | - | - |
| Hire Purchase Creditors | - | - | - |
| TOTAL CURRENT LIABILITIES | - | - | 795,202.02 |
| NET CURRENT ASSETS/(LIABILITIES) | - | - | 2,997,839.88 |

Tiada pelaporan kewangan pada tahun 2006 dan 2007 memandangkan Tourism Selangor Sdn Bhd menjadi anak syarikat Kerajaan Negeri hanya pada 2/09/2008

RANTAIAN MESRA SDN BHD**AKAUN UNTUNG DAN RUGI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER**

| | 2006 RM | 2007 RM | 2008 RM |
|-------------------------|------------|------------|--------------|
| <u>Pendapatan</u> | | | |
| Hibah diterima | - | - | 4,042.84 |
| | - | - | 4,042.84 |
| <u>Perbelanjaan</u> | | | |
| Gaji pekerja | - | - | 77,075.00 |
| KWSP | - | - | 9,249.00 |
| SOCSC | - | - | 564.55 |
| Duti Setem | - | - | 7,000.00 |
| Pembelian Syarikat | - | - | 1,700.00 |
| Caj setiausaha Syarikat | - | - | 4,069.60 |
| Percetakan dan Alatulis | - | - | 53,640.00 |
| Caj Bank | - | - | 37.50 |
| Susut nilai | - | - | 1,945.31 |
| Lain-lain | - | - | 2.00 |
| Jumlah Perbelanjaan | - | - | 155,282.96 |
| Untung/(Rugi) | - | - | (151,240.12) |
| | | | |

Tiada pelaporan kewangan pada tahun 2006 dan 2007 memandangkan Rantaian Mesra Sdn Bhd menjadi anak syarikat Kerajaan Negeri hanya pada 5/06/2008

RANTAIAN MESRA SDN BHD**KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER**

| | 2006 RM | 2007 RM | 2008 RM |
|--------------------------|------------|------------|---------------------|
| Aset Tetap | - | - | 160,731.79 |
| Aset Semasa | | | |
| Tunai di tangan | - | - | - |
| CIMB | - | - | 1,759,085.99 |
| Maybank | - | - | 1,985.00 |
| | - | - | 1,761,070.99 |
| Liabiliti Semasa | | | |
| Pelbagai pembiutang | - | - | 73,042.90 |
| Nilai Aset Semasa Bersih | - | - | 1,688,028.09 |
| NILAI BERSIH | - | - | 1,848,759.88 |
| Dibiayai Oleh : | | | |
| Modal berbayar | - | - | 2,000,000.00 |
| Untung/(Rugi) | - | - | (151,240.12) |
| | - | - | 1,848,759.88 |
| | | | |

Tiada pelaporan kewangan pada tahun 2006 dan 2007 memandangkan Rantaian Mesra Sdn Bhd menjadi anak syarikat Kerajaan Negeri hanya pada 5/06/2008

PENDIDIKAN INDUSTRI YS SDN BHD

AKAUN UNTUNG DAN RUGI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

| | 2006 RM'000 | 2007 RM'000 | 2008 RM'000 |
|-----------------------------|----------------|----------------|----------------|
| <u>Pendapatan</u> | | | |
| Pendapatan yuran | - | 74,968.00 | 92,045.00 |
| Pendapatan lain | - | 1,721.00 | 2,102.00 |
| Jumlah pendapatan | - | 76,689.00 | 94,147.00 |
| <u>Perbelanjaan</u> | | | |
| Kos operasi | - | 45,142.00 | 37,903.00 |
| Kos penggajian | - | 25,479.00 | 40,962.00 |
| Kos kewangan | - | 48.00 | 4,297.00 |
| Jumlah Perbelanjaan | - | 70,669.00 | 83,162.00 |
| Keuntungan sebelum B.O.T | - | 6,019.00 | 10,985.00 |
| Kekurangan dari B.O.T | - | (5,529.00) | (4,885.00) |
| Keuntungan sebelum cukai | - | 490.00 | 6,100.00 |
| Aliran tunai masuk | - | 85,042.00 | 146,699.00 |
| Aliran tunai keluar | - | (77,217.00) | (97,663.00) |
| Tambahan bersih dalam tunai | - | 7,825.00 | 49,036.00 |
| Baki tunai pada 1 Januari | - | 3,534.00 | 11,359.00 |
| Baki tunai pada 31 Disember | - | 11,359.00 | 60,395.00 |

Tiada pelaporan kewangan pada tahun 2006 memandangkan Pendidikan Industri YS Sdn Bhd menjadi anak syarikat Kerajaan Negeri hanya pada 26/01/2007

PENDIDIKAN INDUSTRI YS SDN BHD

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER

| | 2006 RM'000 | 2007 RM'000 | 2008 RM'000 |
|--|----------------|-------------------|-------------------|
| Aset Bukan Semasa | | | |
| Harta dan peralatan | | | |
| Bangunan | - | 97,695.00 | 126,719.00 |
| Pengubahsuaian | - | 3,322.00 | 3,928.00 |
| Lain-lain | - | 13,554.00 | 11,105.00 |
| Tanah | - | 1,077.00 | 5,793.00 |
| Ter hutang kepada Kerajaan Negeri | - | 45,150.00 | 40,950.00 |
| | - | 160,798.00 | 188,495.00 |
| Aset Semasa | | | |
| Penghutang | - | 28,263.00 | 48,914.00 |
| Ter hutang daripada anak syarikat | - | 2,099.00 | 2,530.00 |
| Akaun "Financial Service and Redemption" | - | - | 4,305.00 |
| Wang di bank dan di tangan | - | 11,359.00 | 60,395.00 |
| | - | 41,721.00 | 116,144.00 |
| | - | 202,519.00 | 304,639.00 |
| Ekuiti dan liabiliti | | | |
| Modal Saham | - | 644.00 | 644.00 |
| Keuntungan Terkumpul | - | 2,331.00 | 13,876.00 |
| | - | 2,975.00 | 14,520.00 |
| Liabiliti Bukan Semasa | | | |
| Pinjaman "Bridging Loan" - Affin Investment Bank | - | 59,869.00 | - |
| Pinjaman 'BaIDS' | - | - | 150,000.00 |
| Pembiutang Sewa Beli | - | 645.00 | 440.00 |
| Pembiutang B.O.T | - | 107,596.00 | 112,021.00 |
| Geran Kerajaan | - | 984.00 | - |
| | - | 169,094.00 | 262,461.00 |
| Liabiliti Semasa | | | |
| Ter hutang kepada KDEB | - | 7,733.00 | 283.00 |
| Ter hutang kepada Anak Syarikat | - | 2,830.00 | 2,830.00 |
| Pembiutang pelbagai dan akruan | - | 14,561.00 | 19,569.00 |
| Peruntukan untuk cukai | - | 5,326.00 | 4,976.00 |
| | - | 30,450.00 | 27,658.00 |
| | - | 202,519.00 | 304,639.00 |
| | | | |

Tiada pelaporan kewangan pada tahun 2006 memandangkan Pendidikan Industri YS Sdn Bhd menjadi anak syarikat Kerajaan Negeri hanya pada 26/01/2007

BUKIT BERUNTUNG GOLF & COUNTRY RESORT BERHAD**PROFIT AND LOSS ACCOUNT FOR THE YEAR ENDED 31 MARCH**

| | 2007 RM | 2008 RM | 2009 RM |
|---------------------------|------------|------------|--------------|
| Revenue | | | |
| Membership Income | - | - | 1,182,410.19 |
| Outlet Sales | - | - | 1,978,987.26 |
| Rental income | - | - | 148,585.00 |
| Other income | - | - | 202,924.53 |
| Total revenue | - | - | 3,512,906.98 |
| Expenditure | | | |
| Administration fee | - | - | 2,267,439.70 |
| Golf course maintenance | - | - | 1,529,315.91 |
| Club house maintenance | - | - | 671,106.93 |
| Swimming pool maintenance | - | - | 22,741.50 |
| Bowling alley maintenance | - | - | |
| Total expenditure | - | - | 4,490,604.04 |
| Gain/(loss) | - | - | (977,697.06) |

* Financial report cut-off date is every 31st march

Tiada pelaporan kewangan pada tahun 2006 dan 2007 memandangkan Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad menjadi anak syarikat Kerajaan Negeri hanya pada 26/09/2008

BUKIT BERUNTUNG GOLF & COUNTRY RESORT BERHAD

BALANCE SHEET AS AT 31 MARCH

| | 2007 RM | 2008 RM | 2009 RM |
|--|------------|------------|----------------------|
| Fixed Assets | - | - | 71,101,733.81 |
| Current Assets | | | |
| Stocks | - | - | - |
| Trade debtors | - | - | 1,456,197.76 |
| Other debtors & prepayment | - | - | 1,408,164.08 |
| Contra account | - | - | 3,233.31 |
| Cash & bank balance | - | - | 355,315.60 |
| Short term deposit | - | - | - |
| | - | - | 3,222,910.75 |
| Current Liabilities | | | |
| Trade creditors | - | - | 190,965.60 |
| Other creditors | - | - | 2,383,735.16 |
| Retention sum | - | - | - |
| Hire purchase creditor | - | - | - |
| Provision & accrual account | - | - | 1,024,032.32 |
| Members' deposit | - | - | 1,421,764.25 |
| Amount due to holdings co. | - | - | - |
| Membership fee | - | - | 11,950,766.78 |
| | - | - | 16,971,264.11 |
| Net current Assets/(Net current Liabilities) | - | - | (13,748,353.36) |
| Capitol employed | - | - | 57,353,380.45 |
| Finance by | | | |
| Ordinary shares | - | - | 5,000,000.00 |
| Cumulative Profit/(loss) b/f | - | - | 53,331,077.51 |
| Profit/(loss) for the year | - | - | (977,697.06) |
| Year to date profit/(loss) | - | - | 52,353,380.45 |
| Capitol employed | - | - | 57,353,380.45 |
| | | | |

* Financial report cut-off date is every 31st march

Tiada pelaporan kewangan pada tahun 2006 dan 2007 memandangkan Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad menjadi anak syarikat Kerajaan Negeri hanya pada 26/09/2008

KUMPULAN SEMESTA SENDIRIAN BERHAD

PROFIT AND LOSS ACCOUNT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER

| | 2006 RM | 2007 RM | 2008 RM |
|--------------------------|------------|------------|--------------|
| Sales | - | - | 1,753,903.63 |
| Less : Cost of sales | - | - | 873,811.21 |
| Gross profit/(loss) | - | - | 880,092.42 |
| <u>Less- Expenses</u> | | | |
| Bank & stamping charge | - | - | 136.55 |
| Rental | - | - | 9,207.65 |
| Manpower cost | - | - | 87,181.87 |
| Bonus | - | - | 125,063.00 |
| Office expenses | - | - | 3,675.65 |
| Staff accommodation | - | - | 250.00 |
| Fuel & travelling | - | - | 18,543.06 |
| Marketing & advertising | - | - | 4,413.35 |
| EPF/SOCSO/LHDN | - | - | 19,458.30 |
| Staff refreshments | - | - | 500.72 |
| Staff insurance | - | - | 3,641.42 |
| Dues & subscription | - | - | 327.58 |
| Medical | - | - | 1,556.16 |
| Security services | - | - | 14,736.96 |
| Gifts & donations | - | - | 1,000.00 |
| Interest on HP | - | - | 530.00 |
| Utilities | - | - | 7,323.39 |
| Total expenditure | - | - | 297,545.66 |
| Net ordinary profit/loss | - | - | 582,546.76 |
| Other Income | - | - | 6,234.54 |
| Gain/(loss) | - | - | 588,781.30 |
| | | | |

Tiada pelaporan kewangan pada tahun 2006 dan 2007 memandangkan Kumpulan Semesta Sendirian Berhad menjadi anak syarikat Kerajaan Negeri hanya pada 26/06/2008

KUMPULAN SEMESTA SENDIRIAN BERHAD

BALANCE SHEET AS AT 31 DECEMBER

| | 2006 RM | 2007 RM | 2008 RM |
|---------------------------------------|------------|------------|---------------------|
| Fixed Assets | | | |
| Air Conditioner | - | - | 1,350.00 |
| Computer & Peripherals | - | - | 62,060.10 |
| Office Equipments | - | - | 60,426.15 |
| Furnitures & Fittings | - | - | 29,504.30 |
| Motor Vehicles | - | - | 285,407.12 |
| Building & Renovations | - | - | 252,194.20 |
| Plant & Machinery | - | - | 67,800.00 |
| Telecommunication Equipments | - | - | 18,366.80 |
| | - | - | 777,108.67 |
| Non-Current Assets | | | |
| Mining Development Expenditure | - | - | 297,447.00 |
| Current Assets | | | |
| Cash at bank | - | - | 915,957.53 |
| Deposits & prepayment | - | - | 1,217,669.24 |
| Short-term investment | - | - | 2,050,000.00 |
| Petty cash | - | - | 4,000.00 |
| | - | - | 4,187,626.77 |
| TOTAL ASSETS | - | - | 5,262,182.44 |
| Liabilities | | | |
| Trade creditors | - | - | 636,862.20 |
| Other creditors | - | - | 54,476.76 |
| Advance from customers | - | - | 313,625.35 |
| Hire purchase | - | - | 161,498.00 |
| | - | - | 1,166,462.31 |
| Equity | | | |
| Share Capital | - | - | 2,500,000.00 |
| Net income/(loss) | - | - | 1,595,720.13 |
| | - | - | 4,095,720.13 |
| TOTAL LIABILITIES & EQUITY | - | - | 5,262,182.44 |

Tiada pelaporan kewangan pada tahun 2006 dan 2007 memandangkan Kumpulan Semesta Sendirian Berhad menjadi anak syarikat Kerajaan Negeri hanya pada 26/06/2008

SSIC BERHAD**PROFIT AND LOSS ACCOUNT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER**

| | 2006 RM | 2007 RM | 2008 RM |
|--|------------|----------------|----------------|
| Revenue | - | 4,762,691.00 | 4,916,903.00 |
| Other Income | - | 240,625.00 | 508,741.00 |
| Selling and distribution expenses | - | (1,715,012.00) | (1,809,332.00) |
| Administration expenses | - | (2,615,246.00) | (2,569,828.00) |
| Profit/(loss) before taxation | - | 673,058.00 | 1,046,484.00 |
| Taxation | - | - | - |
| Net profit/(loss) for the financial year | - | 673,058.00 | 1,046,484.00 |
| | | | |

SSIC BERHAD**BALANCE SHEET AS AT 31 DECEMBER**

| | 2006 RM | 2007 RM | 2008 RM |
|---|------------|---------------------|---------------------|
| SHARE CAPITAL | | 600,000.00 | 600,000.00 |
| ACCUMULATED LOSS | | (787,736.00) | 258,748.00 |
| Total shareholders' funds | | (187,736.00) | 858,748.00 |
| Represented by :- | | | |
| PROPERTY, PLANT AND EQUIPMENT | | 376,693.00 | 306,717.00 |
| CURRENT ASSETS | | | |
| Other receivables, deposits and prepayments | | 539,289.00 | 412,623.00 |
| Cash and bank balances | | 208,874.00 | 683,949.00 |
| | | 748,163.00 | 1,096,572.00 |
| LESS : CURRENT LIABILITIES | | | |
| Other payables and accruals | | 1,312,592.00 | 544,541.00 |
| | | 1,312,592.00 | 544,541.00 |
| Total current liabilities | | (564,429.00) | 552,031.00 |
| NET CURRENT LIABILITIES | | (187,736.00) | 858,748.00 |
| | | | |

Tiada pelaporan kewangan pada tahun 2006 memandangkan SSIC Berhad menjadi anak syarikat Kerajaan Negeri hanya pada 8/10/2007

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD

INCOME STATEMENT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER

| | 2006 RM | 2007 RM | 2008 RM |
|---|-----------------|-----------------|-----------------|
| Revenue | 21,513,283.00 | 25,308,364.00 | 41,046,659.00 |
| Less : cost of sales | (1,853,200.00) | 5,890,359.00 | - |
| Gross profit | 19,660,083.00 | 31,198,723.00 | 41,046,659.00 |
| Add other operating income | 3,124,414.00 | 4,041,929.00 | 1,280,547.00 |
| Total revenue | 22,784,497.00 | 35,240,652.00 | 42,327,206.00 |
| Less : | | | |
| Administration expenses | (11,108,868.00) | (14,365,460.00) | (11,529,973.00) |
| Other operating expenses | (4,643,377.00) | (7,295,889.00) | (10,952,399.00) |
| Total expenses for the year | (15,752,245.00) | (21,661,349.00) | (22,482,372.00) |
| Profit/(loss) before taxation and exceptional items | 7,032,252.00 | 13,579,303.00 | 19,844,834.00 |
| Add : exceptional items | - | - | 2,967,170.00 |
| Profit before taxation | 7,032,252.00 | 13,579,303.00 | 22,812,004.00 |
| Less : taxation | (2,800,700.00) | (3,429,000.00) | (4,000,000.00) |
| Net profit for the year | 4,231,552.00 | 10,150,303.00 | 18,812,004.00 |
| | | | |

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD

BALANCE SHEET AS AT 31 DECEMBER

| | 2006 RM | 2007 RM | 2008 RM |
|--|-----------------------|-----------------------|-----------------------|
| SHARE CAPITAL | 24,000,002.00 | 24,000,002.00 | 24,000,002.00 |
| UNAPPROPRIATED PROFIT | 251,072,383.00 | 261,222,686.00 | 280,034,686.00 |
| Total shareholders' equity | 275,072,385.00 | 285,222,688.00 | 304,034,688.00 |
| MINORITY INTEREST | - | - | - |
| | 275,072,385.00 | 285,222,688.00 | 304,034,688.00 |
| REPRESENTED BY : | | | |
| PROPERTY, PLANT & EQUIPMENT | 865,319.00 | 8,761,204.00 | 8,255,103.00 |
| PREPAID LAND LEASE PAYMENTS | 43,583,860.00 | 46,643,652.00 | 77,102,009.00 |
| INVESTMENT IN SUBSIDIARIES CO | 21,345,616.00 | 20,795,614.00 | 20,795,614.00 |
| INVESTMENT IN ASSOCIATES CO | 1,820,001.00 | 1,820,001.00 | 20,001.00 |
| INVESTMENT | 44,984,370.00 | 40,785,839.00 | 40,785,837.00 |
| PROPERTY DEVELOPMENT COSTS | 32,473,260.00 | 42,345,737.00 | 44,215,321.00 |
| CURRENT ASSETS | | | |
| Property development costs | 43,175,644.00 | 49,538,812.00 | 49,538,812.00 |
| Developed property for sale | 1,430,333.00 | 2,751,883.00 | 2,751,883.00 |
| Trade receivables | 11,907,384.00 | 4,142,951.00 | 4,142,950.00 |
| Other receivables, prepayment and deposits | 21,348,349.00 | 20,661,415.00 | 17,821,896.00 |
| Amount due from subsidiary companies | 501,205.00 | 1,444,650.00 | 822,062.00 |
| Amount due from state body | 477,248.00 | - | - |
| Tax recoverable | 4,668,297.00 | 1,959,340.00 | 3,484,636.00 |
| Fixed deposits | 54,974,981.00 | 49,008,117.00 | 40,274,640.00 |
| Cash and bank balances | 15,194,836.00 | 21,745,364.00 | 23,528,936.00 |
| Total current assets | 153,678,277.00 | 151,252,532.00 | 142,365,815.00 |
| LESS : CURRENT LIABILITIES | | | |
| Trade payables | 4,861,447.00 | 4,861,447.00 | 4,861,447.00 |
| Amount due to subsidiary co | 5,921,317.00 | 5,919,540.00 | 5,919,541.00 |
| Amount due to state body | - | 3,747,364.00 | 11,341,360.00 |
| Other payables and accruals | 8,084,188.00 | 7,842,174.00 | 7,382,664.00 |
| Dividend payable | 4,811,366.00 | 4,811,366.00 | - |
| Total current liabilities | 23,678,318.00 | 27,181,891.00 | 29,505,012.00 |
| NET CURRENT ASSETS | 129,999,959.00 | 124,070,641.00 | 112,860,803.00 |
| | 275,072,385.00 | 285,222,688.00 | 304,034,688.00 |
| | | | |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : PELABURAN

195. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status pelaksanaan levi ke atas para majikan berjumlah RM10 sebulan untuk setiap pekerja asing yang dicadangkan di Negeri Selangor?
- b) Mohon dinyatakan secara terperinci perbelanjaan lengkap Paket Rangsangan Ekonomi Negeri yang telah dinyatakan dalam dewan yang mulia ini berjumlah RM50 Bilion.

JAWAPAN :

- a) Levi kepada majikan untuk pekerja asing cumalah cadangan bagi menyelesaikan masalah bekerja asing. Kerajaan tidak laksanakan lagi.
- b) Perbelanjaan lengkap Paket Rangsangan Ekonomi Negeri yang dinyatakan bernilai RM50 bilion.

Pada awal pengumuman Paket Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor terdapat lima perkara yang akan diberi keutamaan iaitu:

- Pemulihan dan pembersihan Sungai Klang yang melibatkan pembangunan kawasan perumahan di sepanjang sungai dan tanah rizab.
- Perluasan sistem pengangkutan bagi seluruh negeri Selangor termasuk perluasan sistem transit aliran ringan (LRT).
- Usaha menaik taraf dan menggantikan aset air berikutan pengambilalihan aset air Selangor oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)
- Pembaharuan aktiviti di bandar, iaitu menumpukan usaha terhadap pembangunan semula kawasan terbiar termasuk di Petaling Jaya dan Klang.
- Pembangunan semula projek-projek perumahan yang terbengkalai.

Namun demikian itu, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan supaya Program Peningkatan Hasil Padi diserapkan ke dalam pakej rangsangan ini.

Perbelanjaan ini terdiri daripada dua komponen, iaitu dari Kerajaan Negeri Selangor dan syarikat-syarikat yang akan dijemput untuk membuat Joint-Venture (atau usaha-sama) dengan Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri hanya akan mengeluarkan perbelanjaan untuk *start-up* sahaja, iaitu untuk memastikan bahawa kerja-kerja awal (initial groundwork) oleh jabatan-jabatan tertentu dilakukan terlebih dahulu. Contoh kerja-kerja awal termasuk menjalankan kajian selidik dan proses pemetaan.

Selepas semua maklumat awal diperoleh, syarikat akan dilantik dan perjanjian dibuat dengan mereka supaya suatu PPP dapat dicapai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PERKEMBANGAN PERDAGANGAN DI NEGERI SELANGOR

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.
- Mohon nyatakan jumlah perdagangan negeri Selangor di luar negara bagi tahun 2008. Sila nyatakan butiran.
 - Mohon nyatakan 10 negara terbesar yang menjadi rakan dagang Negeri Selangor.
 - Mohon nyatakan strategi kerajaan untuk meningkatkan jumlah perdagangan di Negeri Selangor bagi tahun 2009.
 - Apakah jumlah kos perbelanjaan yang terpaksa digunakan untuk meningkatkan dan mempromosikan perdagangan di negeri Selangor bagi tahun 2009.

JAWAPAN :

- Negeri Selangor merupakan antara penyumbang terbesar perdagangan di Malaysia di mana urus niaga perdagangan ini melalui Pelabuhan Klang dan Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA. Walau bagaimana pun, maklumat yang diperoleh daripada Malaysia *External Trade Development Corporation* (Matrade) hanya mempunyai butiran jumlah perdagangan bagi Malaysia dan tiada pecahan butiran mengikut negeri-negeri. Sehubungan dengan itu, jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2008 berjumlah RM 1.185 trilion dengan jumlah eksport sebanyak RM 663.51 bilion melebihi dari jumlah import sebanyak RM 521.5 bilion yang menghasilkan lebihan dagangan sebanyak RM 142.01 bilion.
- Antara 10 negara terbesar yang menjadi rakan dagangan Malaysia bagi tahun 2008 adalah seperti berikut:
 - Eksport Tahun 2008

| Negara | Nilai eksport (RM bilion) |
|------------------|---------------------------|
| Singapura | 97.77 |
| Amerika Syarikat | 82.74 |
| Jepun | 71.79 |
| China | 63.21 |
| Thailand | 31.75 |
| Hong Kong | 28.33 |
| Korea | 25.88 |
| India | 24.73 |
| Australia | 24.41 |
| Netherlands | 23.44 |

Sumber : Matrade

ii. Import Tahun 2008

| Negara | Nilai import (RM billion) |
|------------------|------------------------------|
| China | 66.85 |
| Jepun | 65.10 |
| Singapura | 57.32 |
| Amerika Syarikat | 56.45 |
| Thailand | 29.27 |
| Taiwan | 25.09 |
| Korea | 24.22 |
| Indonesia | 24.19 |
| Jerman | 22.47 |
| Hong Kong | 13.60 |

Sumber : Matrade

- c) Kerajaan Negeri Selangor sedar bahawa jumlah perdagangan meningkat dari tahun demi tahun. Sehubungan itu, kerajaan negeri telah dan akan terus melaksanakan beberapa strategi pada tahun 2009 agar prestasi ini dapat dipertahankan. Beberapa strategi yang dirancang ialah:
- 1) Mempromosikan kawasan-kawasan tertentu seperti Pulau Indah sebagai kawasan aktiviti perdagangan atau *trading hub*;
 - 2) Program yang berorientasikan *Business networking* atau program temu suai perniagaan akan terus dilaksanakan dari masa ke semasa;
 - 3) Menganjurkan misi lawatan penggalakan pelaburan dan perdagangan ke luar negara yang berpotensi; dan
 - 4) Penyertaan syarikat-syarikat dari Selangor dalam pameran-pameran yang dianjurkan di dalam dan luar negara.
- d) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Jun 2009 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PENILAIAN PRESTASI EXCO

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah mekanisme yang digunakan untuk menilai prestasi ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) sejak Mac 2008?
- b) Sudahkah penilaian dibuat? Jika ya, apakah kesimpulan dan langkah memperbaiki yang akan diambil? Jika belum, apakah sebabnya?

JAWAPAN :

- a&b) Setakat ini tidak ada mekanisme khusus bagi menilai prestasi EXCO-EXCO. Walau bagaimanapun saya sering mendapat pandangan daripada agensi kerajaan, ADUN dan juga rakyat tentang prestasi EXCO. Saya sering mengingatkan EXCO untuk memberi perkhidmatan terbaik mereka di dalam berkhidmat kepada rakyat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PENGAMBILALIHAN INDUSTRI AIR

198. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perkembangan terbaru rundingan pengambilalihan industri air di Selangor dan sama ada kerajaan berhasrat untuk mengekalkan tawaran harga sebelum ini untuk meneruskan rundingan?
- b) Adakah benar bahawa Kerajaan Negeri diminta untuk menanggung hutang yang ditanggung oleh syarikat-syarikat air ini?

JAWAPAN :

- a) Beberapa siri rundingan dengan keempat-empat Pemegang Konsesi Air telah diadakan. Surat Tawaran telah dikeluarkan kepada semua Pemegang Konsesi Air. Secara dasarnya sehingga 25 Jun 2009, SPLASH dan ABASS bersetuju untuk menerima nilai yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri. Nilai tawaran baru yang telah ditawarkan kepada Pemegang Konsesi adalah tidak lebih dari RM9.3bilion yang mana ia adalah termasuk nilai aset, nilai ekuiti dan liabiliti Pemegang Konsesi yang berkaitan khusus dengan perkhidmatan air sahaja berdasarkan kepada *Audited Account* pada Disember 2008 dan anggaran yang dibuat setakat 30 Jun 2009.
- b) Hutang dan liabiliti yang diambil alih oleh Kerajaan Negeri adalah berkaitan khusus dengan perkhidmatan air sahaja. Hutang dan liabiliti Pemegang Konsesi yang tidak berkaitan dengan perkhidmatan air akan kekal ditanggung oleh Pemegang Konsesi selepas penstrukturian semula dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN INFRA (JALAN, LAMPU, PROJEK-PROJEK LUAR BANDAR DSB) KERAJAAN PUSAT

199. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam penyelenggaraan infra yang di bawah seliaan dan perbelanjaan Kerajaan Pusat.

JAWAPAN :

a) Peruntukan penyelenggaraan dari Kerajaan Pusat hanyalah ke atas jalan-jalan yang BUKAN diwartakan sebagai jalan negeri. Jalan-jalan yang terlibat adalah :

- Jalan & Jambatan Persekutuan
- Jalan Kampung
- Jalan Luar Bandar

Peranan Kerajaan Negeri di bawah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor dalam penyelenggaraan infra yang di bawah seliaan dan perbelanjaan Kerajaan Pusat adalah:

- Merancang peruntukan yang diperlukan untuk penyelenggaraan Infra.
- Mengawasi dan memantau kerja-kerja penyelenggaraan Infra dari pihak konsesi.
- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan Infra.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : KEGANASAN TERHADAP WANITA

200. Sejak dilancarkan semula Pusat Sehenti Krisis oleh jawatankuasa.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa DUN yang telah mengadakan kempen tersebut
- b) Berapa dan siapakah NGO yang dilantik menjayakan kempen
- c) Apakah pertambahan kes-kes yang dirujuk kepada OSCC berbanding masa yang sama tahun lepas

JAWAPAN :

a) Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita mensasarkan ‘Kempen Katakan Tidak Kepada Keganasan’ diadakan di seluruh 56 DUN Selangor. Berikut adalah kawasan DUN yang telah diadakan kempen tersebut pada bulan Mei:

- i. Bangi
- ii. Sri Muda
- iii. Batu Caves
- iv. Kuala Kubu Baharu
- v. Damansara Utama
- vi. Hulu Kelang
- vii. Taman Medan

Berikut adalah kawasan DUN yang akan diadakan di sepanjang bulan Jun:

- i. Rawang
- ii. Sg Panjang
- iii. Sg Air Tawar
- iv. Gombak Setia
- v. Kota Alam Shah
- vi. Sekinchan
- vii. Tanjung Sepat
- viii. Sri Kembangan
- ix. Bukit Lanjan
- x. Dusun Tua
- xi. Sungai Pelek
- xii. Kampung Tunku
- xiii. Hulu Bernam
- xiv. Seri Setia
- xv. Cempaka
- xvi. Bukit Gasing
- xvii. Jeram

- xviii. Sg Pinang
- xix. Sabak
- xx. Teluk Datuk
- xxi. Batu Tiga
- xxii. Sementa

- b) Kempen Kesedaran OSCC ini dijalankan dengan kerjasama sama NGO-NGO setempat dan pihak NGO terbabit akan mengadakan kempen tersebut dengan menggunakan peruntukan dari Kerajaan Negeri. Pemilihan NGO ini dibuat oleh Sekretariat OSCC yang diketuai oleh Y.B Pengurus Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita. Berikut adalah NGO-NGO yang telah dipilih untuk melaksanakan kempen ini di seluruh negeri Selangor:
- i. Women Institute For Research, Development and Advancement (WIRDA)
 - ii. Badan Amal Kami Prihatin
 - iii. Pertubuhan Mawaddah Malaysia
 - iv. HELWA ABIM
 - v. All Women's Act Society (AWAS)
 - vi. International Muslim Women's Union Malaysia
 - vii. Persatuan Wanita Kurang Upaya Malaysia (Perwakum)
 - viii. Aksi Cepat Tanggap Malaysia (ACT)
 - ix. Wanita JIM Selangor.

- c) Berikut adalah kes-kes yang dilaporkan di hospital-hospital Selangor bagi tahun 2008:
- i. Hospital Ampang

| BIL | JENIS KEGANASAN | BILANGAN YANG DILAPORKAN |
|-----|---|--------------------------|
| 1. | Rogol (Wanita > 18 tahun) | 35 |
| 2. | Penderaan Isteri / keganasan rumah tangga | 199 |
| 3. | Liwat (wanita > 18 tahun) | 4 |
| 4. | Cabul (wanita > 18 tahun) | 28 |
| 5. | Rogol (wanita < 18 tahun) | 28 |
| 6. | Liwat (wanita < 18 tahun) | 1 |
| 7. | Penderaan kanak-kanak | 28 |
| 8. | Cabul (wanita < 18 tahun) | 23 |

| | | |
|-----|--------------------------------|----|
| 9. | Penderaan kanak-kanak (lelaki) | 13 |
| 10. | Liwat (Lelaki) | 3 |

ii. Hospital Sungai Buloh

| BIL | JENIS KEGANASAN | BILANGAN YANG DILAPORKAN |
|-----|---|--------------------------|
| 1. | Rogol | 9 |
| 2. | Penderaan Isteri / keganasan rumah tangga | 20 |
| 3. | Penderaan Kanak-kanak | 12 |
| 4. | Penderaan (Lelaki) | 1 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : AGAMA

201. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Kita sering mengkritik tentang pelbagai dasar dan program yang kurang memuaskan dari segi prestasi, tetapi apakah program yang dilaksanakan di Masjid mencapai prestasi. Apakah KPI yang dilaksanakan untuk mengukur program – program di Masjid?
- b) Menurut Almarhum Prof. Ismail al-Faruqi, apabila masjid di bina, ia tidak lagi menjadi hak kepada orang atau golongan yang membinanya. Pemiliknya secara literal ialah Allah s.w.t. ini bererti secara literal juga tiada sesiapapun, sama ada individu atau kumpulan tertentu yang berhak untuk menguasai masjid sebagai Medan untuk menguasai masyarakat. Persoalannya, kenapa wujud penyalahgunaan kuasa, tiada ketelusan dalam pelantikan AJK masjid di sekitar Selangor sehingga ada laporan polis dibuat?
- c) Terdapat khatib yang membaca khutbah tidak berdasarkan teks yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Kenapa perkara sebegini boleh wujud? Mohon penjelasan.
- d) Senaraikan penceramah – penceramah agama yang telah diberi tauliah oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi tahun 2008 dan 2009?

JAWAPAN :

- a) Pelantikan Pegawai dan Jawatankuasa Masjid bagi sesi 2009 – 2012 telah menjalani satu perubahan dari segi struktur organisasi dan pendekatan pengurusan yang berkesan. Pelantikan pegawai dan jawatankuasa masjid dilaksanakan secara telus dengan mengambil kira kelayakan, keilmuan dan kemampuan untuk mentadbir masjid. Justeru, KPI telah dihasilkan dengan mengambil kira 14 objektif utama masjid seperti pembentukan sahsiah anak kariah, sistem pengajian, keceriaan, keprihatinan pegawai dan pengurusan pentadbiran. Seluruh masjid telah diberi penjelasan melalui taklimat oleh JAIS untuk melaksanakan KPI ini di masjid-masjid.
- b) Tidak berlaku penyalahgunaan kuasa di dalam pelantikan pegawai dan jawatankuasa masjid kerana semua proses dilaksanakan mengikut Tatacara Pencalonan. Dalam hal ini pencalonan yang dilaksanakan di peringkat masjid hendaklah berdasarkan kriteria kelayakan seperti dalam Kaedah-kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2001. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melantik pegawai dan jawatankuasa masjid berdasarkan kepada kriteria termasuk faktor umur yang tidak melebihi 60 tahun.
- c) JAIS telah menyediakan teks khutbah untuk dibaca setiap hari Jumaat. Pada keseluruhannya teks tersebut telah dibaca oleh masjid-masjid kerana kandungannya bersifat semasa. Khutbah juga disediakan oleh JAIS dalam 3 versi iaitu jawi, rumi dan

bahasa Inggeris di dalam laman web. Tindakan boleh diambil sekiranya terdapat khatib yang tidak membaca teks khutbah yang disediakan.

- d) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Jun 2009 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : BANTUAN KEPADA PELAJAR UNISEL

202. Tahun ini beberapa pelajar akan berjaya memasuki UNISEL.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Dari bilangan ini berapa peratus adalah anak negeri Selangor dan di antara mereka berapa banyak yang menerima bantuan kewangan untuk menanggung pembelajaran mereka?
- b) Nyatakan sumber bantuan mereka.

JAWAPAN :

- a) Mengikut rekod tahun 2009 pelajar yang telah berjaya memasuki UNISEL pada semester Mei 2009 adalah seramai 1200 orang pelajar meliputi Kampus Bestari Jaya dan Kampus Shah Alam di mana 37.6% adalah anak Negeri Selangor. Manakala jumlah untuk kemasukan sesi Ogos 2009 iaitu sebagai semester utama kemasukan pelajar, jumlah yang dijangkakan akan meningkat ke 2500 orang.

Secara keseluruhannya, jumlah pelajar UNISEL yang telah mendapat bantuan kewangan sehingga sekarang adalah seramai 10,253 iaitu 75.9%.

- b) Berikut adalah senarai bantuan yang boleh dipohon oleh pelajar UNISEL:-
 - i. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
 - ii. Yayasan Selangor
 - iii. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK)
 - iv. MARA
 - v. Yayasan Negeri

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : PENUBUHAN PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PeBT)

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa belia yang sudah menyertai Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dan apakah peranan mereka?
- b) Berapakah peruntukan yang diberi kepada PeBT?

JAWAPAN :

a&b) Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dalam proses pelantikan Pengerusi PeBT peringkat Zon dan Majlis Pelantikan Pengerusi ini akan diadakan pada 26 Julai 2009. Majlis perasmian ini akan disempurnakan oleh YAB Dato' Menteri Besar.

Sehingga 30 Jun 2009, seramai 210 @ 73% pencalonan Pengerusi PeBT peringkat Zon telah diterima oleh pihak Seksyen Sektoral, UPEN pencalonan ini akan selesai pada awal Julai 2009.

Peranan utama Pengerusi PeBT ini adalah merancang dan menganjurkan aktiviti-aktiviti yang boleh mengaktifkan belia-belia dan pertubuhan di kawasan tersebut. Selain itu, Pengerusi PeBT ini juga berperanan sebagai medium menyampaikan maklumat, dasar dan aktiviti-aktiviti kerajaan kepada belia setempat.

Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 17 Jun 2009 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2,822,400 setahun bagi tujuan perlaksaan program dan elaun PeBT peringkat Zon

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PUSAT RAWAT DAN REHAT (R&R)

204. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan bilakah pihak Kerajaan Negeri akan membina sebuah kawasan Rawat dan Rehat (R&R) di Jalan Persekutuan 5 peringkat daerah Sabak Bernam dan nyatakan apakah matlamatnya.
- b) Sila nyatakan berapakah keluasan tanah dan anggaran kos untuk pembinaan R&R tersebut.
- c) Sila nyatakan pihak manakah yang dipertanggungjawabkan untuk membina R&R tersebut.

JAWAPAN :

- a) Pihak **Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)** telah membuat permohonan di dalam **Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (MTES) Bil. 14/2009 pada 22hb. Mei 2009** yang lalu. Perkara tersebut juga telah di kemukakan dalam **Cabutan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 17/2009 bertarikh 27hb. Mei 2009** dan di sahkan oleh **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 18/2009 pada 3hb. Jun 2009** yang lepas.

Kerajaan Negeri secara dasarnya telah mempersetujui untuk membina sebuah pusat pembangunan **Rehat dan Rawat (R&R)** di **Jalan Persekutuan Kuala Selangor – Teluk Intan** dibangunkan di **Ladang Air Manis, Mukim Panchang Bedena, Daerah Sabak Bernam**. Pembangunan projek ini akan dilaksanakan oleh PNSB.

Sehubungan itu pembinaan akan dilaksanakan setelah kajian terperinci dilakukan oleh pihak Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB). Walau bagaimanapun, Pihak Majlis Daerah Sabak Bernam telah menyediakan kertas cadangan pembangunan R&R ini untuk maklumat dan panduan lanjut pihak PNSB.

Matlamat pembinaan projek ini adalah :

- i) Menyediakan kawasan Rehat dan Rawat (R&R) untuk kemudahan dan keselesaan kepada pengguna jalan raya terutama melibatkan perjalanan yang jauh.
- ii) Menyediakan ruang-ruang lantai perniagaan dalam usaha memberi peluang kepada penduduk tempatan terlibat dalam sektor perniagaan misalnya restoran, kedai serbaneka dan lain-lain.
- iii) Mengurangkan risiko kemalangan dan keselamatan pengguna jalan raya.
- iv) Menyediakan kemudahan asas dan interaksi sosial.

- v) Mensasarkan sifar peletakan kenderaan berat di tepi laluan persekutuan di sepanjang laluan.
- b) Bagi tujuan pembangunan pusat R&R tersebut, lokasi yang dipersetujui dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah di Ladang Air Manis, Sabak Bernam yang melibatkan **Lot 20029 seluas 4.98 ekar**. Walau bagaimanapun, mesyuarat telah bersetuju untuk menyerahkan segala urusan pembangunan kepada pihak PNSB. Sehubungan dengan itu, tiada peruntukan atau anggaran kos dibuat bagi tujuan tersebut. Kos pembangunan hanya akan ditentukan oleh PNSB kelak setelah mengambil kira cadangan pembangunan.
- c) Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk menyerahkan pembangunan tersebut oleh **Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : KELAS TUISYEN PERCUMA

205. Syabas kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah dapat mengadakan kelas-kelas tuisyen percuma kepada pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan SPM.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peruntukan disediakan bagi kelas-kelas tuisyen tersebut
- b) Setakat ini berapakah jumlah kelas dan pelajar yang mengikuti kelas tersebut
- c) Hingga soalan ini dibuat sudah 3 bulan kelas berjalan, mengapakah hingga kini elauan pengajar dan penyelaras belum lagi dibayar?

JAWAPAN :

- a) Jumlah peruntukan yang disediakan bagi kelas-kelas tuisyen adalah sebanyak RM 3.45 juta. Kos ini adalah meliputi kos penggunaan premis sebanyak RM 500.00 bagi setiap DUN.
- b) Jumlah pelajar yang mengikuti kelas tersebut adalah sebanyak 3649 orang pelajar yang melibatkan sebanyak 109 pusat tuisyen
- c) Elauan pelajar dan penyelaras masih belum dibayar adalah disebabkan oleh proses penetapan prosedur pembayaran dan pelantikan perunding yang belum selesai. Namun begitu, pihak pengurusan di SUK sedang menguruskan tuntutan pembayaran untuk ketiga-tiga bulan tersebut pada dalam masa yang terdekat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK : SIASATAN SALAH LAKU KES-KES TANAH

206. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah prosedur yang ada di dalam Kerajaan Negeri bagi menyiasat pelbagai dakwaan salah laku yang melibatkan kes-kes tanah di negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Maksud terma salah laku yang dinyatakan oleh Y.B Seri Setia agak umum dan kabur. Sekiranya terma salah laku tersebut merujuk kepada kes-kes *fraud* melibatkan urusan tanah, maka kes-kes tersebut diselesaikan mengikut merit setiap kes sama ada berdasarkan hasil siasatan Polis Diraja Malaysia atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia mahupun pematuhan kepada apa-apa perintah yang dikemukakan oleh Mahkamah Tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : KERAJAAN TEMPATAN

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- Apakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk melantik Yang Di Pertua Majlis Perbandaran dan Yang Berbahagia Tuan Pegawai Daerah daripada kalangan bukan Melayu?
- Berapakah jumlah-jumlah pengarah-pengarah di setiap Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah di seluruh Negeri Selangor dari segi komposisi kaum?

JAWAPAN :

- Kerajaan Negeri akan melantik YDP mengikut prosedur dan dasar kerajaan, terbuka untuk semua rakyat Selangor yang berkelayakan.
- Berikut jumlah pecahan Pengarah Jabatan dan Ketua Bahagian mengikut komposisi kaum di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor :

| BIL. | PBT | KOMPOSISI KAUM | | |
|------|---------------|----------------|----------|----------|
| | | MELAYU | CINA | INDIA |
| 1. | MBSA | 22 | - | - |
| 2. | MBPJ | 12 | - | 1 |
| 3. | MPK | 18 | - | - |
| 4. | MPSJ | 20 | - | - |
| 5. | MPAJ | 14 | - | - |
| 6. | MPS | 15 | - | - |
| 7. | MPKJ | 11 | - | - |
| 8. | MPSp | 12 | - | 1 |
| 9. | MDKS | 12 | - | - |
| 10. | MDKL | 17 | 1 | - |
| 11. | MDHS | 17 | - | - |
| 12. | MDSB | 13 | - | - |
| | JUMLAH | 184 | 1 | 2 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM SHAH ALAM

208. Bandaraya Shah Alam menjadi ibu negeri Kerajaan Negeri Selangor. Tetapi malangnya kemudahan pengangkutan awam adalah amat mendukacitakan . Sebagai contohnya penduduk di kawasan perumahan utara Shah Alam, U6,U10,U9 Shah Alam tidak mempunyai perkhidmatan bas yang menyeluruh . Syarikat bas yang sedia ada gagal melalui semua laluan dengan kepadatan penduduk yang bertambah .

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah rancangan kerajaan untuk mengatasi masalah ini ?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengkoordinasi perkhidmatan bas dengan syarikat-syarikat bas swasta?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan semakan majlis, terdapat pengangkutan awam (Rapid KL) disediakan bagi kawasan U6 dan U10. bagi kawasan U9, perkhidmatan bas hanya terdapat di jalan utama (Jalan Batu Arang) memandangkan kawasan tersebut masih belum dibangunkan sepenuhnya. Pihak Majlis akan merujuk kepada pihak LPKP (Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan) supaya mencadangkan syarikat bas melalui kawasan-kawasan yang dipohon mengikut kesesuaian tempat dan penduduk.
- b) Pihak Majlis dalam usaha untuk menyelaraskan semula semua perkhidmatan pengangkutan awam dengan syarikat bas swasta bagi memberi kemudahan kepada penduduk secara menyeluruh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : DATO' BANDAR DAN YDP PBT

209. Malaysia adalah antara segelintir negara demokrasi yang melantik kakitangan awam untuk menerajui kerajaan tempatan sebagai Dato' Bandar dan YDP PBT. Amalan ini bercanggah dengan prinsip demokrasi kerana kakitangan awam adalah pelaksana dasar dan bukan peneraju penggubalan dasar kerajaan. Selaras dengan usul yang telah diluluskan oleh Sidang DUN agar Kerajaan berusaha memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang sedang dilakukan oleh kerajaan untuk mengatasi kepincangan ini?
- b) Apakah halangan atau sekatan di segi undang-undang dan peraturan Kerajaan Pusat yang menghalang Kerajaan Negeri melantik Dato' Bandar dan YDP PBT bukan di kalangan kakitangan awam?
- b) Jika tiada sebarang halangan undang-undang, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk melantik Dato' Bandar dan YDP PBT bukan di kalangan kakitangan awam?

JAWAPAN :

- a) Sebagaimana YB-YB sedia maklum, Dewan Undangan Negeri Selangor telah pun meluluskan usul memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan. Kerajaan Negeri menerima usul ini secara prinsip tetapi kajian dan perbincangan meluas perlu dijalankan bagi memikirkan bagaimana memperkenalkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan selaras dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan merujuk kepada Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan.
- b) Tiada halangan atau sekatan bagi melantik Dato' Bandar dan YDP PBT daripada kalangan bukan kakitangan awam. Perkara ini pernah dilakukan Kerajaan Negeri Selangor sebelum ini.
- c) Namun Kerajaan Negeri yang ada pada hari ini akan mengkaji segala isu berkaitan sebelum membuat sebarang keputusan berkaitan pelantikan Dato' Bandar dan YDP PBT bukan di kalangan kakitangan awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : HUTAN LIPUR DAERAH HULU LANGAT

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan dan peruntukan kerajaan Selangor dalam membangunkan kawasan Hutan Lipur di Daerah Hulu Langat sebagai pusat eko-pelancongan?
- b) Apakah syarat-syarat yang dikeluarkan kepada syarikat pengurusan hutan lipur Sg. Congkak, Hulu Langat?

JAWAPAN :

- a) Perancangan dalam membangunkan Kawasan Hutan Lipur di Daerah Hulu Langat adalah dengan merangka aktiviti seperti perkelahan, perkhemahan, merentas denai hutan, mendaki gunung, pendidikan alam sekitar/perhutanan, mountain biking, forest and river exploring. Kemudahan dan perkhidmatan/aktiviti akan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Jabatan juga akan bekerjasama dengan Tourism Selangor (TSSB) serta Badan-badan Bukan Kerajaan seperti Kembara Malaysia dan TrEES untuk tujuan membangun dan mempromosi produk tersebut sebagai eko-pelancongan. Peruntukan bagi RMK-9 untuk Daerah Hulu Langat adalah RM1,560,000.00 bagi tahun 2009 telah diluluskan sebanyak RM220,000.00 dan bagi tahun 2010 telah pohon sebanyak RM310,000.00
- b) Hutan Lipur Sungai Chongkak (HLSC) diurus Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB). Tidak ada syarat-syarat khusus yang dikenakan kepada TSSB semasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) meluluskan cadangan pengurusan HLSC oleh TSSB. Walau bagaimanapun MMKN bersetuju supaya caj hanya dikenakan bagi pintu masuk, tempat letak kereta, kawasan perkhemahan dan penggunaan chalet.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : PEKEBUN-PEKEBUN DI OLAK LEMPIT

211. Terdapat 13 orang pekebun telah mula bercucuk tanam di kawasan tersebut sejak 20 tahun dahulu. Kebelakangan ini terdapat pihak-pihak yang tertentu berniat untuk merampas tanah tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan Negeri Selangor merancang untuk membangunkan tanah tersebut? Jika ya, apakah rancangan tersebut?
- b) Bilakah rancangan tersebut akan dilaksanakan?

JAWAPAN :

Satu kawasan tanah kerajaan di Kg. Olak Lempit seluas lebih kurang 190 ekar telah diteroka oleh seramai 102 peneroka. Peneroka-peneroka tersebut telah mengusahakan tanah tersebut dengan tanaman kontan dan sayur-sayuran. Senarai peneroka dan jenis tanaman adalah seperti senarai di Lampiran A.

- a) Pada ketika ini Kerajaan Negeri Selangor belum mempunyai rancangan khusus membangunkan kawasan tersebut. Adalah lebih baik kawasan tersebut dikekalkan sebagai kawasan pertanian berkelompok yang akan dikawal selia oleh Jabatan Pertanian. Dengan cara ini kawasan tersebut akan mudah dikawal dan di selenggara.
- b) Rancangan kawasan pertanian berkelompok hanya dilaksanakan setelah mendapat ulasan daripada jabatan-jabatan teknikal dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

**BANCIAN PENEROKAAN DI ATAS TANAH KERAJAAN (SEBAHAGIAN LOT 5348) DI KAWASAN OLAK LEMPIT,
MUKIM TANJUNG DUABELAS , DAERAH KUALA LANGAT.**

TARIKH : 05.06.2009

PENEROKA MELAYU

HARI : JUMAAT

| BIL | NAMA PENEROKA | NO. KAD PENGENALAN | KELUASAN | JENIS TANAMAN | TEMPOH PENGUSAHAAN |
|-----|--|-----------------------|------------------|------------------------------------|-----------------------|
| 1 | ZULKARNAIN BIN ABD HAMID | 610309-10-5993 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 10 TAHUN |
| 2 | MOHAMAD BIN ALI | 660110-10-5033 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 10 TAHUN |
| 3 | YUSOP BIN JUKARI | 561103-10-5957 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN DAN KELAPA SAWIT | LBK 10 TAHUN |
| 4 | MAHAMAD KHARIOL NIZAR BIN ABD HAMID | 670923-10-5349 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN DAN KELAPA SAWIT | LBK 10 TAHUN |
| 5 | IMRAN BIN HAROMAN | 650601-10-6471 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN DAN KELAPA SAWIT | LBK 10 TAHUN |
| 6 | JOHAN MOHALANA BIN ABD HAMID | 660101-10-5033 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 10 TAHUN |
| 7 | NORDDIN BIN SAMURI | 630906-10-7303 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN DAN KELAPA SAWIT | LBK 10 TAHUN |
| 8 | KAMARIAH BIN HUSEIN | | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 10 TAHUN |
| 9 | JOHAR BIN BASAR | 690917-10-5367 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 10 TAHUN |
| 10 | MOHD ZAIRI BIN SALLEHUDDIN | | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 10 TAHUN |
| 11 | MASERUN BIN SAEJA | 601122-10-5833 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 10 TAHUN |
| 12 | SOTRESNO BIN SADIKON | 690925-10-5239 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 10 TAHUN |
| 13 | RAHMAT BIN KASDAN | 650223-01-5029 | LBK 1.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 10 TAHUN |
| 14 | HAMIDAH BINTI NEKMAT | 650704-08-5810 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 10 TAHUN |
| 15 | SHAMSUDDIN BIN SUHADI | 540604-10-6277 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 10 TAHUN |


 AZLI BIN SHAMSUDDIN
 Penolong Pegawai Tanah
 Mukim Tanjung Duabelas (†)

**BANCIAN PENEROKAAN DI ATAS TANAH KERAJAAN (SEBAHAGIAN LOT 5348) DI KAWASAN OLAK LEMPIT,
MUKIM TANJUNG DUABELAS , DAERAH KUALA LANGAT.**

TARIKH : 05.06.2009

PENEROKA MELAYU

HARI : JUMAAT

| BIL | NAMA PENEROKA | NO. KAD PENGENALAN | KELUASAN | JENIS TANAMAN | TEMPOH PENGUSAHAAN |
|------------|-------------------------------------|-------------------------------|------------------|--|-------------------------------|
| 16 | ROHANI BINTI SUPIAN | 560729-10-5874 | LBK 1.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 10 TAHUN |
| 17 | IBRAHIM BIN MD ZIN | 510601-10-5685 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 10 TAHUN |
| 18 | MOHD HADIKIN BIN SARING @ SARING | 490513-10-5831 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KEKAL INDUSTRI (KELAPA SAWIT) | LBK 5 TAHUN |
| 19 | YAZIB BIN WAGIMAN | 690326-10-6325 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KEKAL INDUSTRI (KELAPA SAWIT) | LBK 5 TAHUN |
| 20 | MOHAMAD SAMUDIN BIN SARING @ SARING | 591228-10-5595 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KEKAL INDUSTRI (KELAPA SAWIT) | LBK 5 TAHUN |
| 21 | PARIMAN BIN SHARIN | 531008-10-5521 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KEKAL INDUSTRI (KELAPA SAWIT) | LBK 5 TAHUN |
| 22 | SHAMSUDDIN BIN WAGIMAN | 630414-10-8297 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KEKAL INDUSTRI (KELAPA SAWIT) | LBK 5 TAHUN |
| 23 | MOHD ABD JALIL BIN SARIP | 580501-10-6633 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KEKAL INDUSTRI (KELAPA SAWIT) | LBK 5 TAHUN |
| 24 | NORDIN BIN WAGIMAN | 610215-10-5407 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KEKAL INDUSTRI (KELAPA SAWIT) | LBK 5 TAHUN |
| 25 | NORMAN BIN WAGIMAN | 650328-10-6701 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KEKAL INDUSTRI (KELAPA SAWIT) | LBK 5 TAHUN |
| 26 | ZARINAH BT. ABDUL MAJID | 740102-10-6388 | LBK 1.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 5 TAHUN |
| 27 | MOHD SAÁD BIN BANJAIL | 600819-10-6145 | LBK 1 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 28 | MD NORHAIZAD BIN SAHIR | 740110-10-5035 | LBK 0.50 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 29 | RUSDI BIN WAHIDUN | 751204-10-5435 | LBK 0.5 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 30 | ALI BIN MALLAN | 540314-10-5145 | LBK 1.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |


 AZLI BIN SHAMSUDDIN
 Penolong Pegawai Tanah
 Mukim Tanjung Duabelas ()

**BANCIAN PENEROKAAN DI ATAS TANAH KERAJAAN (SEBAHAGIAN LOT 5348) DI KAWASAN OLAK LEMPIT,
MUKIM TANJUNG DUABELAS , DAERAH KUALA LANGAT.**

TARIKH : 05.06.2009

PENEROKA MELAYU

HARI : JUMAAT

| BIL | NAMA PENEROKA | NO. KAD PENGENALAN | KELUASAN | JENIS TANAMAN | TEMPOH PENGUSAHAAN |
|-----|-------------------------|-----------------------|------------------|----------------|-----------------------|
| 31 | AHMAD NUBLI BIN MOHAMED | 810129-01-5313 | LBK 0.25 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 32 | NORLIAH BINTI TAMSER | 521215-10-5816 | LBK 0.25 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 33 | MOHD AMIL BIN TAMSIR | 540628-10-5957 | LBK 1.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 34 | JAMARUDDIN BIN TAMSER | 690320-10-5153 | LBK 0.50 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 35 | JAHANI BINTI TAMSER | 590823-10-5544 | LBK 0.50 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 36 | BEYENEE BIN AMIR | 631225-10-6609 | LBK 0.5 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 TAHUN |
| 37 | BASIRON BIN MARSING | 600704-10-5003 | LBK 0.5 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 6 BULAN |
| 38 | MOHD AZHAR BIN MOHD NOR | 790926-10-5009 | LBK 0.5 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 39 | NORIZAM BIN ISA | 860415-43-6237 | LBK 0.25 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 3 BULAN |
| 40 | SAHRIL BIN JAILANI | 670428-10-5413 | LBK 0.5 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 26 BULAN |
| 41 | OTHMAN BIN MOHD SHARIF | 681101-10-5095 | LBK 1 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 6 BULAN |
| 42 | MOHD RIZANI BIN SAMURI | 741118-10-5309 | LBK 1 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 6 BULAN |
| 43 | MOHD YUSNI BIN MARSINYU | 700820-10-5949 | LBK 1.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 6 BULAN |
| 44 | SAMSUDIN BIN SUBAI | 580101-10-6909 | LBK 0.50 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 45 | HADMI BIN MANAN | 750927-10-5709 | LBK 0.5 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 6 BULAN |


 AZLI BIN SHAMSUDDIN
 Penolong Pegawai Tanah
 Mukim Tanjung Duabelas (1)

**BANCIAN PENEROKAAN DI ATAS TANAH KERAJAAN (SEBAHAGIAN LOT 5348) DI KAWASAN OLAK LEMPIT,
MUKIM TANJUNG DUABELAS , DAERAH KUALA LANGAT.**

TARIKH : 05.06.2009

PENEROKA MELAYU

HARI : JUMAAT

| BIL | NAMA PENEROKA | NO. KAD PENGENALAN | KELUASAN | JENIS TANAMAN | TEMPOH PENGUSAHAAN |
|------------|-------------------------------|-------------------------------|------------------|----------------------|-------------------------------|
| 46 | SAMIN BIN KASAN RAPINGI | 590310-10-5071 | LBK 1.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 47 | MISHAM PUTRA BIN MISWAN | 710723-10-5233 | LBK 0.50 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 48 | HAMIDI BIN OTHMAN | 750412-10-5515 | LBK 0.25 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 49 | MOHD KHAIRIL BIN MT JOHARI | 841115-10-5889 | LBK 1 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 3 TAHUN |
| 50 | MOHD KAMSILAN BINKAMIN | 650225-10-5001 | LBK 1 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 1 TAHUN |
| 51 | SELAMAT BIN AMIN | 620605-10-5671 | LBK 0.25 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 52 | PAAING BIN SIPOL | 590606-10-6209 | LBK 1 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 6 BULAN |
| 53 | ISHAK BIN MISTAT | 701126-10-5003 | LBK 1.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 54 | MISNON BIN PARMAN | 710712-10-6599 | LBK 0.25 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 55 | HAMDANI BIN IJAM | 680908-10-6609 | LBK 1 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 TAHUN |
| 56 | ZAKARIA BIN SAMAT | 611021-10-6019 | LBK 1.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 57 | KAMARUDIN BIN IJAM | 611021-10-6019 | LBK 1.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 58 | HARJAN BIN KASMAD | 710201-10-5121 | LBK 0.5 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 59 | WAJI BIN HJ. JAMIL | 500120-10-5427 | LBK 1.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 6 BULAN |
| 60 | ISWANDA BIN WAGI | 790827-10-5417 | LBK 1.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 6 BULAN |

AZLI BIN SHAMSUDDIN
Penolong Pegawai Tanah
Mukim Tanjung Duabelas (V)

**BANCIAN PENEROKAAN DI ATAS TANAH KERAJAAN (SEBAHAGIAN LOT 5348) DI KAWASAN OLAK LEMPIT,
MUKIM TANJUNG DUABELAS , DAERAH KUALA LANGAT.**

TARIKH : 05.06.2009

PENEROKA MELAYU

HARI : JUMAAT

| BIL | NAMA PENEROKA | NO. KAD PENGENALAN | KELUASAN | JENIS TANAMAN | TEMPOH PENGUSAHAAN |
|------------|-------------------------|-------------------------------|------------------|----------------------|-------------------------------|
| 61. | RAHMAN BIN SABAR | 700828-10-5441 | LBK 0.25 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 62. | NAIMIN BIN PARMAN | 500526-10-5693 | LBK 1 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 63. | CHEMIRAN BIN TULUS | 680108-10-5819 | LBK 2 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 5 TAHUN |
| 64. | HUSAINI BIN AMIR | 680515-10-5293 | LBK 0.5 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 65. | JAMILI BIN MISTAT | 640924-10-6637 | LBK 0.25 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 66. | MOHD FUAD BIN AHMAD | 750506-10-5073 | LBK 1.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 6 BULAN |
| 67. | MISNON BIN PARMAN | 650809-10-5325 | LBK 0.50 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 68. | MOHD RASUL BIN SAMSUDIN | 880217-10-5255 | LBK 1.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 69. | NOAZNIN BIN HUSSEIN | 700429-10-6551 | LBK 0.25 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 2 MINGGU |
| 71. | | | | | |
| 72. | | | | | |
| 73. | | | | | |
| 74. | | | | | |
| 75. | | | | | |
| 76. | | | | | |


AZLI BIN SHAMSUDDIN
 Penolong Pegawai Tanah
 Mukim Tanjung Duabelas (I)

**BANCIAN PENEROKAAN DI ATAS TANAH KERAJAAN (SEBAHAGIAN LOT 5348) DI KAWASAN OLAK LEMPIT,
MUKIM TANJUNG DUABELAS , DAERAH KUALA LANGAT.**

TARIKH : 04.06.2009

PENEROKA BUKAN MELAYU

HARI : KHAMIS

| BIL | NAMA PENEROKA | NO. KAD PENGENALAN | KELUASAN | JENIS TANAMAN | TEMPOH PENGUSAHAAN |
|------------|-------------------------|-------------------------------|-------------------|--|-------------------------------|
| 1 | CHIU BOON HAN | 740527-10-5401 | LBK 6.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 2 | GAN THIM SENG | 410629-10-5437 | LBK 5.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 3 | CHONG LEONG FOY | 531020-10-5305 | LBK 4.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 4 | NG ENG ANN | 691214-10-5015 | LBK 4.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 5 | EOH THANK LAM | 670907-10-5007 | LBK 5.00 EKAR | TANAMAN KEKAL INDUSTRI (KELAPA SAWIT) | LBK 20 TAHUN |
| 6 | EOH LAN HENG | 330215-71-5401 | LBK 5.00 EKAR | TANAMAN KEKAL INDUSTRI (KELAPA SAWIT) | LBK 20 TAHUN |
| 7 | NA CHAN HUAT | 550528-10-5473 | LBK 3.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 8 | EE KIM CEOK | 400411-10-5003 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 9 | GAN HOCK SENG | 651007-10-5083 | LBK 4.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 10 | GAN AH TIONG | 691110-10-5029 | LBK 4.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 11 | CHAN AH POO @ CHIAM BAH | 450113-10-5023 | LBK 5.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 12 | CHU PAI PAN | 471203-10-5154 | LBK 4.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 13 | HOR HOK SENG | 470306-10-5005 | LBK 5.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 14 | ANG KIM HUAT | 520306-10-5649 | LBK 15.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 15 | GAN HENG | 470825-10-5337 | LBK 4.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |

AZLI BIN SHAMSUDDIN
Penolong Pegawai Tanah
Mukim Tanjung Duabelas (I)

**BANCIAN PENEROKAAN DI ATAS TANAH KERAJAAN (SEBAHAGIAN LOT 5348) DI KAWASAN OLAK LEMPIT,
MUKIM TANJUNG DUABELAS , DAERAH KUALA LANGAT.**

TARIKH : 04.06.2009

PENEROKA BUKAN MELAYU

HARI : KHAMIS

| BIL | NAMA PENEROKA | NO. KAD PENGENALAN | KELUASAN | JENIS TANAMAN | TEMPOH PENGUSAHAAN |
|------------|----------------------|-------------------------------|------------------|----------------------|-------------------------------|
| 16 | TAN CHENG KOK | 541022-10-5375 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 17 | EE KIAN HUAT | 740106-10-5649 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 18 | ANG CHING TIAN | 711124-10-6271 | LBK 4.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 19 | YEW LAI HENG | 490105-10-5509 | LBK 4.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 20 | YAP CHOON HOCK | 371018-10-5407 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 21 | YAP LENG CHUAN | 611022-10-5683 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 22 | NA AH BEH @ NA BAH | 460801-10-5011 | LBK 3.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 23 | YEOH SWEE SENG | 440508-10-5209 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 24 | YEOH HOCK HWA | 690808-10-5093 | LBK 2.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 25 | ANG CHAI TIAM | 470514-10-5413 | LBK 4.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 26 | ANG SOON LONG | 800415-10-5281 | LBK 4.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 27 | ANG SOON AIK | 720523-10-5617 | LBK 4.00 EKAR | TANAMAN KONTAN | LBK 20 TAHUN |
| 28 | | | | | |
| 29 | | | | | |
| 30 | | | | | |


AZLI BIN SHAMSUDDIN
 Penolong Pegawai Tahas
 Mukim Tanjung Duabelas (I)

**BANCIAN PENEROKAAN DI ATAS TANAH KERAJAAN (SEBAHAGIAN LOT 5348) DI KAWASAN OLAK LEMPIT,
MUKIM TANJUNG DUABELAS , DAERAH KUALA LANGAT.**

TARIKH : 04.06.2009

PENEROKA BUKAN MELAYU

HARI : KHAMIS

AZLI BIN SHAMSUDDIN
Penolong Pegawai Tanah
Mukim Tanjung Duabelas (I)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PENGGUNAAN INTENET JALUR LEBAR

212. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah rancangan yang ada pada kerajaan untuk membangunkan penggunaan Internet jalur lebar di Selangor?
- b) Bagaimakah kerajaan Selangor dapat melibatkan diri dalam pembangunan penggunaan Internet jalur lebar di Selangor khususnya WiMAX?

JAWAPAN :

- a) Inisiatif Kerajaan Negeri terhadap pembangunan internat jalur lebar boleh dibahagikan kepada dua (2) iaitu :
 - i. Wayar (*wired*) : Kerajaan Negeri menyokong pelaksanaan **High Speed Broadband (HSBB)** yang peletakan kabel *fiber optic* oleh syarikat Telekom Malaysia Berhad terutamanya di kawasan lembah Klang.
 - ii. Tanpa Wayar (*wireless*) : Pelaksanaan projek **Hybrid Wireless Infrastructure Network (HyWIN)** akan meletakkan infrastruktur secukupnya bagi membolehkan seluruh Negeri Selangor mempunyai capaian kepada internat sebelum 2015.
- b) Kerajaan Negeri mengalu-alukan penyertaan atau sebarang cadangan kerjasama pintar dengan semua pemegang-pemegang lesen WiMAX di Malaysia seperti Packet 1 Sdn Bhd, Redtone Berhad, Asia Space Sdn Bhd dan YTL Corporation Sdn Bhd atau mana-mana penyedia teknologi lain untuk sama-sama membangunkan teknologi ini untuk kebaikan semua rakyat di Negeri Selangor. Selain daripada itu projek HyWIN juga telah bersedia dari sudut keupayaan teknologi WiMAX (IEEE 802.16) untuk ditawarkan kepada pengguna pada masa yang bersesuaian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : KONTRAKTOR ALAM FLORA

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah tuduhan yang mengatakan hanya penyokong parti Pakatan Rakyat sahaja yang layak mendapat kontrak Alam Flora di PBT boleh berlaku? Sila berikan butir-butir.
- b) Apakah proses pelantikan kontraktor Alam Flora?

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

214. Perusahaan kecil dan sederhana (KS) merupakan sektor ekonomi yang sangat mengalami desakan hangat dalam kegawatan ekonomi di Malaysia. Betapa teruknya keadaan di Malaysia.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah bantuan yang dibekalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk meringankan beban mereka ?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan dana sebanyak RM1 juta setahun untuk membantu usahawan Industri Kecil di dalam usaha membantu mereka meningkatkan pengeluaran produk.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : MENGAMBIL ALIH SYARIKAT BEKALAN AIR

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah yang ditawarkan kepada syarikat-syarikat bekalan air di Negeri Selangor.
- b) Apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh kerajaan dalam proses mengambil alih syarikat bekalan air dan cara-cara penyelesaian.

JAWAPAN :

- a) Nilai asal yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Pemegang Konsesi pada 12 Februari 2009 adalah sejumlah RM5.7bilion. Tawaran asal tersebut telah ditolak oleh kesemua Pemegang Konsesi atas alasan nilai yang ditawarkan adalah terlalu rendah dan tidak cukup untuk menampung semua obligasi hutang Pemegang Konsesi.

Lanjutan dari beberapa siri rundingan dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri telah menyemak semula nilai tawaran asal tersebut dan telah bersetuju supaya nilai tawaran kepada Pemegang Konsesi dianggarkan pada jumlah RM9.218 bilion. Nilai RM9.218 bilion yang ditawarkan kepada Pemegang Konsesi adalah tidak lebih dari nilai yang akan dibayar oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) kepada Kerajaan Negeri Selangor sebagai balasan ke atas aset-aset bekalan air yang akan diambil alih oleh PAAB. Nilai RM9.218 yang ditawarkan kepada Pemegang Konsesi adalah mengandungi nilai ke atas aset, nilai ekuiti dan liabiliti termasuk bon yang ditanggung oleh Pemegang Konsesi yang berkaitan khusus dengan perkhidmatan air sahaja (*water related activities only*).

Penilaian yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri adalah dibuat berdasarkan *Audited Account* Pemegang Konsesi dan anggaran setakat 30 Jun 2009. Dalam membuat penilaian ini, Kerajaan Negeri Selangor telah menggunakan kaedah $1 \times \text{Nett Book Value}$ sebagai mana kaedah penilaian yang dipersetujui oleh PAAB. Dalam menentukan nilai yang ditawarkan kepada Pemegang Konsesi, Kerajaan Negeri telah mengambil kira elemen-elemen mengenai jumlah pelaburan yang telah dibuat oleh pemegang saham di dalam Syarikat Konsesi Air, tempoh pelaburan yang telah dibuat, jumlah hutang yang ditanggung, dan pulangan keuntungan sebanyak 12% atas pelaburan yang telah dibuat oleh Pemegang Saham. Kerajaan Negeri Selangor amat menitikberatkan harga berpatutan yang tidak membebankan pengguna di samping tidak merugikan mana-mana pihak.

Namun demikian, nilai RM9.218 bilion tersebut adalah anggaran sahaja. Nilai sebenar yang akan dibayar kepada Pemegang Konsesi akan ditentukan selepas proses *due diligence* disempurnakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan juru perunding yang dilantik. Sekiranya wujud perbezaan dan/atau ketidaksetepatan ke atas nilai yang dianggarkan selepas proses *due diligence* disempurnakan, maka nilai sebenar yang akan dibayar kepada Pemegang Konsesi akan diselaraskan sebagaimana patut.

- b) Rundingan mengenai penstrukturkan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor telah dibuat semenjak tahun 2008 lagi. Pada 12 Februari 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran awal sejumlah RM5.7 bilion kepada Pemegang Konsesi. Namun demikian, kesemua Pemegang Konsesi Air telah menolak tawaran tersebut atas alasan bahawa:
- i) Asas penilaian secara *Capitalised Value* yang dibuat oleh Kerajaan Negeri tidak seiring dengan prinsip penilaian kewangan yang biasa digunakan dan diterima umum;
 - ii) Nilai tawaran hanya mengambil kira sebahagian daripada jumlah pelaburan yang telah dibuat oleh Pemegang Konsesi dan tidak mengambil kira usaha/ganjaran yang sepatutnya diterima oleh Pemegang Saham dalam mempelopori perniagaan; dan
 - iii) Nilai yang ditawarkan tidak mencukupi untuk menampung obligasi jumlah hutang dan pinjaman Pemegang Konsesi.

Lanjutan dari penolakan oleh Pemegang Konsesi terhadap tawaran asal tersebut, penstrukturkan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor telah mencapai jalan buntu. Bagi mengatasi kebuntuan tersebut, Kerajaan Persekutuan telah mengadakan beberapa siri rundingan semula dengan Kerajaan Negeri Selangor. Rundingan semula ini telah bermula semenjak 25 Mei 2009 di mana satu jawatan kuasa penstrukturkan semula industri air negeri Selangor telah diwujudkan di peringkat Kementerian Tenaga, teknologi Hijau dan Air (KTTHA). Kerajaan Negeri Selangor telah menjadi ahli dalam jawatan kuasa ini selain daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Setelah beberapa siri rundingan diadakan, Model penstrukturkan semula yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor telah dipersetujui diterima oleh Jawatankuasa tersebut untuk dijadikan asas rundingan dengan Pemegang Konsesi. Dalam menentukan nilai yang akan ditawarkan kepada Pemegang Konsesi, Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada kaedah penilaian yang digunakan oleh PAAB iaitu $1 \times \text{Nett Book Value}$.

Berdasarkan kepada kaedah penilaian yang ditetapkan oleh PAAB, Kerajaan Negeri Selangor telah membuat penilaian mengambil alih kesemua Pemegang Konsesi Air di Negeri Selangor untuk disusun semula di bawah satu struktur baru yang akan terdiri dari sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Nilai yang dipersetujui untuk ditawarkan dan dirundingkan dengan Pemegang Konsesi adalah tidak lebih dari RM9.218 bilion.

Bermula dari 10 Jun 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan rundingan semula mengenai nilai tawaran baru sejumlah RM9.218 bilion dengan Pemegang Konsesi Air. Hasil dari rundingan tang telah dibuat setakat ini, dua Pemegang Konsesi iaitu Konsortium ABASS Sdn Bhd dan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) tiada halangan untuk menerima nilai yang ditawarkan itu. Namun bagi Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd dan SYABAS, kedua Pemegang Konsesi ini telah

mengemukakan tawaran balas yang tinggi melebihi apa yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri.

Penilaian ke atas jumlah RM9.218 bilion yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri kepada Pemegang Konsesi Air adalah berdasarkan kepada analisa yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri ke atas *Audited Account* setiap Syarikat Konsesi Air. Nilai yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri pada kali ini adalah nilai maksima sebagaimana yang telah dipersejui oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Kerajaan Negeri adalah tidak berupaya untuk menawarkan nilai yang lebih tinggi dari nilai yang telah dipersejui oleh PAAB. Ini adalah kerana bayaran yang akan dibayar kepada Pemegang Konsesi adalah tertakluk kepada jumlah yang akan dibayar oleh PAAB kepada Kerajaan Negeri.

Selain dari itu, sekiranya nilai yang tinggi ditawarkan kepada Pemegang Konsesi, ia akan mendatangkan kesan yang buruk kepada operasi operator baru yang akan dilantik oleh Kerajaan Negeri selepas penstrukturkan disempurnakan. Nilai pengambilalihan yang tinggi akan menyebabkan kadar sewa pajakan yang tinggi perlu dibayar oleh operator baru kepada PAAB. Kadar sewa pajakan yang tinggi yang akan ditanggung oleh operator yang baru kelak akan menyebabkan kos operasi meningkat dan akhirnya perlu diserapkan dalam bentuk tarif tinggi yang akan ditanggung oleh pengguna rakyat Negeri Selangor. Keadaan ini adalah bertentangan dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor.

Halangan utama dalam melaksanakan penstrukturkan semula ini adalah nilai ekuiti yang tinggi diminta oleh Pemegang Konsesi sebagai pampasan yang perlu dibayar akibat penamatan kepada Perjanjian Konsesi Air sedia ada. Kerajaan Negeri berpandangan bahawa nilai ekuiti yang ditawarkan kepada Pemegang Konsesi adalah merupakan harga yang berpatutan kerana selain Kerajaan Negeri mengambil alih pinjaman Pemegang Konsesi, Kerajaan Negeri turut membayar pulangan keuntungan sebanyak 12% kepada Pemegang Konsesi. Kerajaan Negeri Selangor mematuhi peruntukan Perlembagaan Malaysia yang memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang dan tiada undang-undang yang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai. Nilai pampasan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri kepada Pemegang Konsesi adalah merupakan pampasan yang memadai.

Hasrat untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan air mengikut cadangan Kerajaan Negeri Selangor perlu dilaksanakan kerana cadangan penstrukturkan ini adalah memenuhi semua ciri yang ditekankan oleh Kerajaan Persekutuan. Sekiranya halangan kepada pelaksanaan penstrukturkan hanya disebabkan oleh perbezaan nilai yang ditawarkan dan nilai yang ingin diterima oleh Pemegang Konsesi, Kerajaan Negeri bersedia untuk membawa perkara pertikaian mengenai nilai tersebut untuk disemak dan ditentukan oleh satu badan penilai bebas yang akan dilantik berdasarkan kepada persetujuan bersama oleh Kerajaan Negeri dan Pemegang Konsesi. Sebarang keputusan yang dibuat oleh badan penilai bebas tersebut adalah muktamad dan akan dipatuhi oleh Kerajaan Negeri dan Pemegang Konsesi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : SKANDAL PORT KLANG FREE-ZONE (PKFZ)

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah peranan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dalam Lembaga Pelabuhan Kelang?
- b) Siapakah yang menjadi Ahli Lembaga mewakili Kerajaan Negeri Selangor sebelum ini
- c) Bagaimana Kerajaan Negeri Selangor dapat menjaga kepentingan negeri dalam isu PKFZ

JAWAPAN :

- a) Peranan Wakil Kerajaan Negeri Sebagai Ahli Jemaah Lembaga Pelabuhan Kelang adalah berpandukan kepada Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 iaitu Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif Dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan. Peranan Ahli Jemaah Lembaga Pelabuhan Kelang antara lain adalah:-
 - i) Memastikan bahawa pelantikan dibuat dengan betul mengikut undang-undang
 - ii) Memahami Dasar Kerajaan Berkaitan dengan Lembaga Pelabuhan Kelang
 - iii) Memahami Hubungan Fidusiari dengan Lembaga Pelabuhan Kelang dengan bersikap jujur apabila membuat keputusan, menyokong atau menentang sesuatu perakuan.
 - iv) Memahami dan memastikan bahawa dasar yang digubal dan diluluskan adalah selaras dengan penubuhan Lembaga Pelabuhan Kelang dan tidak bercanggah dengan undang-undang serta dasar dan arahan Kerajaan.
 - v) Sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi keputusan Jemaah Menteri yang berkaitan dengan Lembaga Pelabuhan Kelang. Memastikan pihak pengurusan tidak menjalankan kegiatan yang bertentangan dengan keputusan Lembaga Pengarah, dasar serta arahan Kerajaan.
 - vi) Menghadiri dan mengambil bahagian dalam semua mesyuarat Lembaga .
 - vii) Menentukan Lembaga Pelabuhan Kelang mempunyai sistem dan peraturan yang berkesan.
 - viii) Memastikan Lembaga Pelabuhan Kelang mempunyai sistem perancangan dan peranan yang baik bagi melaksanakan program dan projek

- ix) Memastikan Lembaga Pelabuhan Kelang mempunyai dasar dan peraturan kewangan dan perakaunan yang sempurna.
- x) Memastikan bahawa wang yang dipinjam untuk Lembaga Pelabuhan Kelang diuruskan dengan baik.
- xi) Bertindak dengan berhati-hati semasa mempertimbangkan mana-mana pelaburan.
- xii) Memastikan sebarang keputusan yang dibuat oleh anak syarikat mendapat kelulusan Ahli Jemaah Lembaga.
- xiii) Memastikan Lembaga Pelabuhan Kelang ditadbir dengan cara yang ekonomik, cekap dan berkesan.
- xiv) Memastikan Lembaga Pelabuhan Kelang mempunyai sistem kawalan dalaman yang berkesan untuk penyelenggaraan rekod dan akaun.
- xv) Bertanggungjawab memastikan akaun Lembaga Pelabuhan Kelang di sedia dan di bentang untuk pertimbangan Ahli Jemaah Lembaga.
- xvi) Bertanggungjawab meneliti laporan, teguran serta pemerhatian yang dibuat oleh Juruaudit Luar ke atas akaun Lembaga Pelabuhan Kelang.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Tugas Fidusiari seorang Jemaah Lembaga Pengarah adalah:

- a) Tidak menggunakan kedudukannya sebagai seorang Ahli Lembaga Pengarah untuk memperoleh keuntungan bagi dirinya, khususnya menyalahgunakan sebarang wang, harta atau maklumat Badan Berkanun.
 - b) Tidak melakukan sesuatu yang bercanggah dengan kepentingan Badan Berkanun.
 - c) Tidak menyerahkan tugas fidusiarinya kepada pihak ketiga.
 - d) Menjalankan tugasnya dengan bersungguh-sungguh serta dengan kemahiran dan ketekunan yang sewajarnya dan jika perlu, mendapatkan nasihat ikhtisas mengenai perkara tertentu.
 - e) Menghormati kepercayaan dan keyakinan yang telah diamanahkan oleh pihak yang melantik beliau sebagai seorang Ahli Lembaga Pengarah.
-
- b) Pada masa ini tidak ada wakil Kerajaan Negeri kerana wakil yang sedia ada telah meletakkan jawatan pada 23 Jun 2009.

MAKLUMAT TAMBAHAN

SENARAI WAKIL KERAJAAN NEGERI DALAM JEMAAH LEMBAGA PELABUHAN KELANG MULAI TAHUN 2000

2000

Nama : Y. Bhg. Dato' Mohd. Sinon Bin Mudzakir
Jawatan : Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Tarikh Dilantik : 1 Januari 2000
Tarikh Tamat : 31 Disember 2000

2001

Nama : Y. Bhg. Dato' Mohd. Sinon Bin Mudzakir
Jawatan : Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Tarikh Dilantik : 1 Januari 2001
Tarikh Tamat : 31 Disember 2001

2002/2003

Nama : Y. Bhg. Dato' Abdul Munit bin Kasmin
Jawatan : Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Tarikh Dilantik : 1 September 2002
Tarikh Tamat : 31 Ogos 2003

2003/2004

Nama : Y. Bhg. Dato' Abdul Munit bin Kasmin
Jawatan : Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Tarikh Dilantik : 1 September 2003
Tarikh Tamat : 31 Ogos 2004

2004/2005

Nama : Y. Bhg. Dato' Abdul Munit bin Kasmin
Jawatan : Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Tarikh Dilantik : 1 September 2004
Tarikh Tamat : 31 Ogos 2005

2005/2006

Nama : Y. Bhg. Dato' Abdul Munit bin Kasmin –
(diganti oleh En. Shamsul Azri Bin Abu Bakar)
Jawatan : Ketua Penolong Pengarah (Makro dan Penswastaan)
Tarikh Dilantik : 1 September 2005
Tarikh Tamat : 31 Ogos 2006

2006/2007

Nama : En. Shamsul Azri Bin Abu Bakar – (diganti oleh
Y. Bhg. Dato' Noordin bin Sulaiman – mulai 15 Februari 2007)
Jawatan : Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Tarikh Dilantik : 1 Jun 2006
Tarikh Tamat : 31 Mei 2007

2007/2008

Nama : Y. Bhg. Dato' Noordin bin Sulaiman
Jawatan : Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Tarikh Dilantik : 15 Februari 2007
Tarikh Tamat : 14 Februari 2008

2008/2009

Nama : Y. Bhg. Dato' Noordin bin Sulaiman
Jawatan : Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Tarikh Dilantik : 15 Februari 2008
Tarikh Tamat : 14 Februari 2009

2009/2010

Nama : Y. Bhg. Dato' Noordin bin Sulaiman
Jawatan : Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Tarikh Dilantik : 1 Jun 2009
Tarikh Tamat : 31 Mei 2010

*** Nota : Meletakkan jawatan pada 23 Jun 2009**

- c) Kerajaan Negeri dapat menjaga kepentingan negeri dalam isu PKFZ dengan mempunyai wakil di dalamnya bagi menyuarakan pandangan Kerajaan Negeri dari segi peranan Sosio ekonomi PKFZ dan membantu menarik pelabur ke sana.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan jumlah kos pengurusan sisa pepejal dan kontraktor untuk negeri Selangor mengikut PBT daripada tahun 2004-2009.
- b) Apakah peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri dalam pengurusan sisa pepejal serta pelantikan kontraktor pengurusan sisa pepejal dengan pelaksanaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan ketelusan dalam pelantikan kontraktor serta meningkatkan keefisienan kontraktor dalam pembersihan sisa pepejal dan seterusnya menawarkan kualiti perkhidmatan yang baik kepada rakyat Selangor?

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha dan perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk menangani masalah pengurusan sisa pepejal ekoran peningkatan kepadatan penduduk dan kepesatan pembangunan di Negeri Selangor.
- b) Apakah terdapat pendekatan teknologi terkini yang canggih dan selamat serta "viable" yang berpotensi untuk diguna pakai di Selangor.
- c) Apakah hasil lawatan dan tinjauan yang dibuat di luar negara dalam menangani isu pengurusan sisa pepejal.

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : MOTO KERAJAAN : TRADISI MEMBELA RAKYAT

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah nilai dan semangat perpaduan yang cuba disemaikan oleh pemerintah kerajaan atasan menerusi moto kerajaan Negeri Selangor : Tradisi Membela Rakyat kepada rakyat Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Secara rasmi, Moto (atau Slogan) Kerajaan Selangor ialah "Kejujuran dan Ketekunan" atau "*Sincerity and Dedication*" (dengan izin) dalam Bahasa Inggeris. Ketetapan ini dibuat berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Bil. 24/2003 bertarikh 22 Oktober 2003, dan pemakaianya telah dipanjangkan ke seluruh Jabatan/Agensi Negeri Selangor melalui Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan (SUK) Bilangan 3 Tahun 2003 yang berkuat kuasa pada 5 Disember 2003 (dan masih diguna pakai sehingga ke hari ini).

Justeru, moto (atau slogan) "Tradisi Membela Rakyat" tidak pernah digunakan secara rasmi dalam pentadbiran Kerajaan Selangor, berdasarkan penjelasan yang telah dikemukakan. Walau bagaimanapun, pemakaian Moto "Kejujuran dan Ketekunan" ini membawa maksud usaha Kerajaan Selangor dalam memberi kepuasan dan kegembiraan yang sesungguhnya kepada orang ramai dan memberikan sumbangan yang bermakna kepada masyarakat. Moto ini turut membawa ciri-ciri berikut yang wajar dihayati dan diamalkan oleh seluruh warga kerja kerajaan Selangor, iaitu: -

- 1) **Kejujuran** adalah dasar utama etika manusia iaitu sentiasa bekerja dengan sikap jujur;
- 2) **Keharmonian** adalah tenaga, iaitu saling mempercayai untuk mewujudkan kerjasama;
- 3) **Kesopanan** adalah kebaikan, iaitu bersyukur dan saling hormat-menghormati di antara satu sama lain;
- 4) **Kegigihan** adalah punca kehidupan yang berguna, mengendalikan kesukaran dengan sikap positif; dan
- 5) **Ketekunan** adalah kemajuan, sentiasa berfikir untuk meningkatkan kemahiran dan kemajuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN SHUHAIMI HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PELABURAN DI SELANGOR

220. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah pelaburan di seluruh Negeri Selangor dan pecahannya bagi daerah Klang dan Petaling?
- Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi memastikan pelabur terus kekal di Selangor dan menggalakkan mereka menambahkan modal pelaburan dalam keadaan ekonomi tidak menentu ini?
- Berapa banyakkah misi perdagangan keluar negara akan dibuat sehingga 2010 dan berapakah anggaran kos yang diperlukan?

JAWAPAN :

- Bagi tempoh Januari hingga Mac 2009 sebanyak **73 projek perkilangan** telah diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 1,209,661,810**. Daripada jumlah ini sebanyak **RM 599,518,179** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 310,143,631** daripada pelaburan asing. Sebanyak **4,310 potensi peluang pekerjaan** telah diwujudkan.

Pecahan pelaburan bagi daerah Klang dan Petaling adalah seperti berikut;-

| Daerah | Projek | Peluang Pekerjaan | Pelaburan Tempatan (RM) | Pelaburan Asing (RM) | Jumlah Modal Pelaburan (RM) |
|---------------|-----------|-------------------|-------------------------|----------------------|-----------------------------|
| Petaling | 32 | 1,944 | 438,888,383 | 112,117,509 | 551,005,892 |
| Klang | 22 | 1,100 | 360,238,861 | 96,086,862 | 456,325,723 |
| Jumlah | 54 | 3,044 | 799,127,244 | 208,204,371 | 1,007,331,615 |

Sumber : MIDA

- Inisiatif Kerajaan Negeri bagi memastikan pelabur terus kekal di Selangor dan menggalakkan mereka menambah modal pelaburan dalam keadaan ekonomi tidak menentu ini adalah seperti berikut;-

- Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
- Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
- Menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.

- iv. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
 - v. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One Stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
 - vi. Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau perlaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
 - vii. Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian yang kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
 - viii. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
 - ix. Penambahbaikan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan.
 - x. Pemantauan yang lebih kerap untuk projek-projek yang sedang dilaksanakan.
 - xi. "Hand hold" program.
 - xii. Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara.
 - xiii. Bekerjasama dengan pihak swasta bagi menarik pelaburan dari luar negara.
 - xiv. Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi
 - xv. Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor
- c) Misi perdagangan ke luar negara yang dicadangkan akan dilaksanakan sehingga 2010 berserta anggaran kos yang diperlukan adalah seperti berikut :

| Bil. | Misi Penggalakkan Pelaburan | Anggaran Kos (RM) |
|-------------|---|--------------------------|
| | Tahun 2009 | |
| 1. | Misi Lawatan Pelaburan Ke China | RM 100,000 |
| | Tahun 2010 | |
| 2. | Misi Lawatan Pelaburan Ke Europe (Germany, France & UK) | RM 200,000 |
| 3. | Misi Lawatan Pelaburan Ke China | RM 150,000 |
| 4. | Misi Lawatan Pelaburan Ke Korea | RM 200,000 |
| 5. | Misi Lawatan Pelaburan Ke Japan | RM 200,000 |
| 6. | Lawatan Kerja Teknikal Pelaburan ke Germany | RM 100,000 |
| 7. | Lawatan Kerja Teknikal Pelaburan ke Middle East (UAE & Bahrain) | RM 50,000 |
| 8. | Lawatan Kerja Teknikal Pelaburan ke Amerika Syarikat | RM 100,000 |
| | Jumlah | RM 1,100,000 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. MUTHIAH MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : GAZET SUNGAI / ANAK SUNGAI DI NEGERI SELANGOR

221. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Saya dimaklumkan semua sungai dan anak sungai dan rizabnya tidak di gazetkan di negeri Selangor, oleh kerana ini kuasa di beri kepada EXCO untuk membuat keputusan memberi hak milik atas sungai.
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan ambil tindakan untuk tukar syarat dalam kod tanah supaya semua sungai di gazetkan ?

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : RUNDINGAN PENSTRUKTURAN SEMULA AIR NEGERI SELANGOR

222. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Sila nyatakan apakah perkembangan terkini proses rundingan penstrukturran air Negeri Selangor dengan syarikat konsesi dan Kerajaan Persekutuan.
 - Sila nyatakan apakah langkah dan pendekatan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor sekiranya rundingan tersebut gagal dan bagaimanakah kedudukan tarif air selepas ini ?
 - Adakah pihak Kerajaan Negeri berhasrat mengadakan suatu sesi Pendengaran Awam melalui Jawatankuasa SELCAT untuk menyiasat kandungan perjanjian konsesi air yang terbukti merugikan rakyat ?

JAWAPAN :

- a) Rundingan mengenai penstrukturran semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor telah dibuat semenjak tahun 2008 lagi. Pada 12 Februari 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran awal sejumlah RM5.7 bilion kepada Pemegang Konsesi. Namun demikian, kesemua Pemegang Konsesi Air telah menolak tawaran tersebut atas alasan bahawa nilai yang ditawarkan itu adalah rendah dan tidak cukup untuk menampung obligasi hutang Pemegang Konsesi.

Lanjutan dari penolakan oleh Pemegang Konsesi terhadap tawaran asal tersebut, penstrukturran semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor telah mencapai jalan buntu. Bagi mengatasi kebuntuan tersebut, Kerajaan Persekutuan telah memulakan semula rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Rundingan semula ini telah bermula pada 25 Mei 2009 di mana satu Jawatankuasa Penstrukturran semula industri air negeri Selangor telah diwujudkan di peringkat Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA). Mesyuarat Jawatankuasa Penstrukturran tersebut dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KTTHA dan dianggotai oleh agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Pasukan dari Kerajaan Negeri Selangor yang diketuai oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri dan anggotanya terdiri dari Y.B. Penasihat Undang-undang, Y.B. Pegawai Kewangan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Penasihat Kewangan kepada YAB Dato Menteri Besar, Pegawai Penyelidik kepada YAB Dato Menteri Besar, wakil Pejabat kepada YAB Dato Menteri Besar dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) adalah turut menjadi ahli di dalam Jawatankuasa Penstrukturran peringkat Kerajaan Persekutuan.

Peranan dan Tanggungjawab jawatan kuasa penstrukturran semula industri air negeri Selangor adalah seperti berikut:-

- Mengkaji dan menilai cadangan konsep da model penstrukturran dan opsyen yang sesuai dan praktikal untuk dilaksanakan selari dengan Akta Industri Perkhidmatan Air

(Akta 655).

- ii) Melaksanakan opsyen yang telah dipersetujui termasuk mengadakan rundingan dengan semua pihak yang terlibat dalam penstruktur semula ini mengikut opsyen yang telah dipersetujui.
- iii) Memperakukan hasil rundingan kepada pihak yang membuat keputusan iaitu:
 - a) KTTHA memperakukan kepada Kabinet; dan
 - b) Kerajaan Negeri Selangor memperakukan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- iv) Menyediakan perjanjian yang berkaitan dengan penstruktur semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor.

Antara 25 hingga 29 Mei 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah membentangkan model penstruktur semula negeri Selangor ke dalam Jawatan kuasa tersebut. Model yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah pengambilalihan kesemua Syarikat Konsesi Air di Selangor dan seterusnya satu operator yang terdiri dari syarikat milik penuh Kerajaan Selangor akan dilantik *Single Operator* dalam mengendalikan perkhidmatan air secara holistik bermula dari rawatan hingga pengagihan air kepada pengguna di Negeri Selangor.

PAAB turut membentangkan opsyen penstruktur di mana SYABAS dan Puncak Niaga disatukan sebagai operator yang dilesenkan oleh SPAN untuk agihan dan rawatan manakala ABASS dan SPLASH dikenalkan sebagai operator rawatan dan diberikan *authorisation* oleh SPAN.

Namun Jawatan Kuasa akhirnya bersetuju supaya Model Selangor digunakan di dalam rundingan bersama Pemegang Konsesi. Lanjutan dari persetujuan ke atas Model Selangor, pasukan rundingan dengan Pemegang Konsesi telah mengujudkan Jawatan Kuasa Induk Rundingan dan Jawatan Kuasa Kerja di peringkat Negeri Selangor. Jawatan Kuasa Induk Rundingan diketuai oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor turut dianggotai oleh wakil dari KTTHA adalah berperanan untuk mengemukakan dan merundingkan harga tawaran kepada Pemegang Konsesi. Manakala Jawatan Kuasa Kerja diketuai oleh Penasihat Kewangan kepada YAB Dato Menteri Besar Selangor dan dihadiri oleh wakil dari Syarikat Konsesi Air. Jawatan Kuasa Kerja adalah berperanan untuk membincangkan dengan wakil Syarikat Konsesi secara terperinci dari segi kewangan yang berkaitan dengan harga yang telah ditawarkan tersebut dan seterusnya melaporkan kepada Jawatan Kuasa Induk Rundingan. Rundingan dengan Pemegang Konsesi telah dimulakan oleh Jawatan Kuasa Induk Rundingan dan Jawatan Kuasa Kerja bermula semenjak 10 Jun 2009.

Segala hasil dari rundingan dengan Pemegang Konsesi akan dilaporkan kepada Jawatan Kuasa Penstruktur Semula di KTTHA. KTTHA telah memberikan tempoh sehingga 30 Jun 2009 untuk memuktamadkan rundingan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor.

- b) Penilaian ke atas harga yang ditawarkan kepada Pemegang Konsesi Air adalah berdasarkan kepada analisa yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri ke atas *Audited Account* setiap Syarikat Konsesi Air. Nilai yang ditawarkan itu adalah nilai maksima sebagaimana yang telah dipersetujui oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Kerajaan Negeri adalah tidak berupaya untuk memberikan nilai yang melebihi apa yang telah ditawarkan. Tambahan pula sebarang nilai yang melebihi nilai yang telah ditawarkan akan memberikan kesan yang banyak kepada Industri Perkhidmatan Air Negeri Selangor seperti kadar sewa pajakan dengan PAAB yang tinggi yang akhirnya akan memberi kesan kepada kos operasi yang akhirnya akan ditanggung oleh pengguna dalam bentuk tarif yang tinggi. Keadaan ini adalah bertentangan dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam mencapai Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor.
- c) Jawatankuasa SELCAT adalah diujudkan untuk memastikan ketelusan di dalam sistem pentadbiran diamalkan setiap masa. Kerajaan Negeri tiada halangan sekiranya sesi Pendengaran Awam melalui Jawatan kuasa SELCAT diadakan bagi menyiasat kandungan perjanjian konsesi air yang terbukti merugikan rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : MEMPERTINGKATKAN PRESTASI UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

223. Bagi mempertingkatkan mutu sesebuah universiti berbagai kaedah dijalankan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah kaedah audit dalaman yang dilakukan bagi menjamin prestasi UNISEL?
- b) Hingga kini sudah berapa kaliakah penilai luar berwibawa dijemput membuat penilaian terhadap UNISEL dan apakah hasilnya?
- c) Berapakah ratio pelajar bagi setiap tenaga pengajar di UNISEL?

JAWAPAN :

- a)
 - i. Semua program baru, sebelum ditawarkan kepada pelajar akan dinilai oleh Malaysia Quality Assurance (MQA) terlebih dahulu untuk mendapatkan akreditasi provisional. MQA akan dipanggil menilai program yang sama apabila kumpulan pelajar pertama program tersebut berada di semester akhir sebelum tamat bergraduat bagi mendapatkan akreditasi penuh.
 - ii. UNISEL mempunyai sebuah pusat yang ditubuhkan khusus untuk mengawal dan menjamin kualiti program-program yang ditawarkan. Pusat ini dinamakan Pusat Akreditasi dan Jaminan Kualiti Akademik. Pusat ini kini diketuai oleh seorang Pengarah bertaraf Profesor yang mempunyai pengalaman dalam menjamin kualiti pendidikan lebih daripada 30 tahun di 2 buah institusi pendidikan tinggi.
 - iii. Pada masa ini Pusat ini telah banyak membantu memastikan program-program yang ditawarkan memenuhi kehendak MQA. Di samping itu pusat ini juga telah mengeluarkan 2 dokumen untuk panduan staf akademik dalam menjalankan tugas mereka. Dokumen tersebut adalah Petunjuk Penilaian Prestasi Staf Akademik dan *Lecturers' Guide*. Pusat ini juga diminta bersama menggariskan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan staf akademik serta syarat-syarat kenaikan pangkat staf akademik agar kualiti program yang ditawarkan dapat dijalankan secara konsisten dan berterusan.
 - iv. Seperti universiti lain, UNISEL mempunyai Senat yang merupakan pihak berkuasa tertinggi dalam hal-hal akademik yang bersidang setiap bulan yang sentiasa memberi arahan dan membuat keputusan serta meluluskan apa jua dasar/polisi untuk dilaksanakan oleh Fakulti dan staf akademik.
 - v. Dari segi prestasi kewangan dan pengurusan, UNISEL sentiasa dipantau oleh Lembaga Pengarah. Kini UNISEL sedang dalam proses melantik Juruaudit Dalam yang bertanggungjawab terus kepada Lembaga Pengarah untuk mengaudit urusan kewangan dan pengurusan Universiti secara keseluruhan.

- b) i. Hingga kini Fakulti Kejuruteraan UNISEL telah menjemput penilai luar pada tahun 2004, 2005, 2006, 2007 dan baru-baru ini pada bulan Mac 2009 bagi program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal. Penilaian yang dibuat pada tahun 2006 agak intensif bagi program-ijazah kejuruteraan yang ditawar khusus untuk memenuhi keperluan Engineers Academic Council (EAC).
- ii. Antara perkara yang dibangkitkan oleh Penilai Luar adalah dari segi bilangan staf, kelayakan staf dan perlaksanaan *Outcome Based Education (OBE)*. Sehingga kini bilangan dan kualiti staf telah dipertingkatkan dan sedang berusaha untuk terus memperbaikinya. Begitu juga dari segi kaedah pengajaran program-program kejuruteraan. Ianya sentiasa ditambah baik.
- iii. Antara Penilai Luar yang dijemput oleh Fakulti Kejuruteraan adalah Prof. Ir. Dr Abdul Aziz Dato' Abdul Samad untuk Kejuruteraan Awam, Prof. Ir. Dr. Shah Rizam Shah Baki untuk Kejuruteraan Elektronik dan Elektrik dan Prof.. Dr. Azhar Dato' Abd. Aziz untuk Kejuruteraan Mekatronik dan Mekanikal.
- iv. Bagi beberapa program lain, sekurang-kurangnya Penilai Luar telah dijemput sekali setelah 3 tahun sesuatu program ditawarkan. Penilai Luar telah diminta menilai kurikulum, kertas soalan, kaedah pengajaran dan hal-hal lain yang berkaitan.
- c) i. Ratio pelajar bagi setiap tenaga pengajar adalah berbeza bagi sesuatu program dengan satu program yang lain. Selain daripada itu ratio tenaga pengajar yang mengajar kursus umum dan wajib adalah tinggi berbanding dengan kursus teras bagi sesuatu program. Bersama-sama ini disampaikan ratio pelajar bagi setiap tenaga pengajar mengikut program. Dinyatakan juga ratio yang ditetapkan oleh MQA.
- ii. Secara umumnya, Unisel menepati keperluan asas nisbah tenaga pengajar dan pelajar.
- iii. Bersama-sama ini disampaikan ratio pelajar bagi setiap tenaga pengajar mengikut program. Dinyatakan juga ratio yang ditetapkan oleh MQA.

STATISTIC OF ACADEMIC STAFF AS AT JUNE 2009

| No. | Faculty/Department | Academic Staff | | Number of Academic Staff | Number of Student | Current Ratio at (UNISEL) | Ratio MQA |
|--------------|--------------------|-----------------------|------------|-----------------------------------|-------------------------|---------------------------------|--------------|
| | | Assistant Lecturer | Lecturer | | | | |
| 1 | FPI | 25 | 40 | 65 | 2733 | 1:42 | 1:38 |
| 2 | FSSPI | 5 | 22 | 27 | 1033 | 1:38 | 1:25 |
| 3 | FPB | 21 | 11 | 32 | 1117 | 1:35 | 1:30 |
| 4 | FSGM | 15 | 21 | 36 | 216 | 1:06 | 1:25 |
| 5 | FBSH | 6 | 26 | 32 | 440 | 1:14 | 1:18 |
| 6 | FBSK | 13 | 17 | 30 | 253 | 1:08 | 1:08 |
| 7 | FITM | 17 | 43 | 60 | 1293 | 1:22 | 1:25 |
| 8 | FK | 14 | 56 | 70 | 626 | 1:09 | 1:15 |
| 9 | FTSSI | 10 | 11 | 21 | 569 | 1:27 | 1:20 |
| 10 | FP | 2 | 11 | 13 | 1033 | 1:79 | 1:38 |
| 11 | UGSM | - | 4 | 4 | 3 | 1:01 | 1:38 |
| TOTAL | | 128 | 262 | 390 | 9316 | 1:24 | 1:25 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK : MASALAH SOSIAL / KELAKUAN ANTI-SOSIAL

224. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah kuasa-kuasa yang ada kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk menangani masalah sosial dan kelakuan anti-sosial?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN :

- a) Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai kuasa yang terhad dalam menangani masalah sosial dan kelakuan anti-sosial yang berlaku dalam institusi masyarakat di mana agensi atau badan yang lebih berperanan penting ialah pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui penguatkuasaan undang-undang dan perlembagaan. Kuasa-kuasa yang ada PBT adalah secara am sahaja iaitu melalui enakmen dan undang-undang kecil sedia ada yang berkaitan bagi setiap PBT iaitu seperti berikut :
 - i) Undang-undang Kecil Taman – untuk menangani isu berkelakuan sumbang
 - ii) Undang-undang Kecil Vandalisme – untuk menangani isu vandalismus
- b) Kerajaan Negeri menerusi usaha sama dengan Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jawatankuasa Penduduk, Badan Berkanun dan sebagainya ada menjalankan beberapa program dan aktiviti bagi membendung gejala sosial ini daripada berleluasa iaitu seperti berikut :
 - i) Menggerakkan kesedaran masyarakat melalui Agenda Tempatan 21 J/K Kecil Sosial dan Ekonomi
 - ii) Mengadakan rondaan kawasan-kawasan rekreasi secara berkala oleh Jawatankuasa Penduduk, Penguatkuasa dan pihak Polis.
 - iii) Melaporkan aduan/masalah berkaitan kepada Jawatankuasa Agama/Polis.
 - iv) Mengadakan kempen kesedaran

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : TANAH-TANAH PERKUBURAN

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah komposisi dari segi kaum tanah-tanah perkuburan yang terdapat di seluruh Negeri Selangor dan apakah nama-nama tanah-tanah perkuburan tersebut?
- b) Apakah komposisi dari segi kaum jumlah tanah-tanah perkuburan di seluruh Negeri Selangor yang mempunyai kemudahan sistem pembakaran mayat atau "crematorium"?
- c) Setakat ini apakah jenis-jenis bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi tanah-tanah perkuburan setiap kaum tersebut?

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PEMUTIHAN KILANG HARAM

226. Pemutihan kilang haram tidak bergerak lancar, kerana kadar premium yang perlu dibayar oleh tuan punya kilang semasa penukaran taraf tanah dari pertanian ke industri adalah amat tinggi . Walaupun bayaran diskaun ada ditawarkan, tetapi tuan punya kilang tidak sempat untuk mendapatkan pinjaman bank dalam tempoh tawaran yang berikan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan baru Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan pencapaian semasa dari segi pemutihan kilang-kilang tanpa kebenaran di mana kejayaan mencapai 30%, Kerajaan Negeri telah mengumpul maklum balas daripada pelaksana yakni Pentadbir Tanah Daerah dan Pihak Berkuastra Tempatan (PBT) serta kumpulan sasaran (pengusaha dan pemilik tanah terlibat). Kerajaan Negeri sedang mengkaji untuk menambah baik kepada dasar yang sedang digunakan bagi mengawal selia pelaksanaan program ini.

Antaranya termasuk mengkaji semula aspek-aspek insentif yang ditawarkan kepada kumpulan sasaran terlibat dari segi aspek pengurusan tanah dan juga PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PROGRAM DAN BANTUAN UNTUK MENGUKUHKAN USUL MANSUHKAN ISA

227. Sejak usul mansuhkan ISA diluluskan di Sidang DUN Selangor, terbukti komitmen Kerajaan Negeri Selangor untuk menjalankan program-program selaras dengan usul tersebut. Lanjutan daripada usaha-usaha tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah bentuk-bentuk program dan berapa banyakkah bantuan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan sehingga kini?
- b) Apakah badan atau agensi yang telah diwujudkan oleh kerajaan bagi menjayakan secara lestari dan mapan program-program serta bantuan-bantuan ini?
- c) Adakah kerajaan merancang untuk menerbitkan bahan-bahan kempen serta buku-buku kecil penerangan bagi pengetahuan rakyat perihal kezaliman ISA?

JAWAPAN :

- a) Beberapa program bantuan telah disalurkan dari Kerajaan Negeri iaitu di antaranya memberikan bantuan pengangkutan ke Kem Kamunting, Perak kepada keluarga mangsa tahanan ISA. Program bantuan pengangkutan ini telah dilaksanakan semenjak Julai 2008 sehingga kini dan akan diadakan dua (2) kali sebulan bergantung kepada keperluan keluarga mangsa tahanan ISA.

Sebanyak empat (4) kali lawatan telah diadakan pada tahun 2009 bermula pada April hingga Jun 2009 yang membawa keluarga mangsa tahanan ISA ke Kem Kamunting. Jadual lawatan ke Kem Kamunting bagi tahun 2009 adalah seperti berikut :-

JADUAL LAWATAN KEPADA KELUARGA MANGSA TAHANAN ISA KE KEM KAMUNTING, PERAK TAHUN 2009 (BANTUAN PENGANGKUTAN)

| BIL | TARIKH | KENDERAAN BAS/VAN PBT YANG TERLIBAT |
|------------|---------------|--|
| 1. | 18.04.2009 | Majlis Perbandaran Klang |
| 2. | 02.05.2009 | Majlis Perbandaran Sepang |
| 3. | 16.05.2009 | Majlis Perbandaran Selayang |
| 4. | 30.05.2009 | Majlis Perbandaran Ampang Jaya |
| 5. | 06.06.2009 | Majlis Bandaraya Petaling Jaya |
| 6. | 20.06.2009 | Majlis Perbandaran Kajang |
| 7. | 04.07.2009 | Majlis Bandaraya Shah Alam |
| 8. | 18.07.2009 | Majlis Perbandaran Subang Jaya |
| 9. | 01.08.2009 | Pejabat Daerah Gombak |
| 10. | 15.08.2009 | Pejabat Daerah Petaling |
| 11. | 29.08.2009 | Pejabat Daerah Klang |
| 12. | 05.09.2009 | Pejabat Daerah Kuala Langat |
| 13. | 19.09.2009 | Pejabat Daerah Hulu Langat |
| 14. | 03.10.2009 | Pejabat Daerah Sepang |
| 15. | 17.10.2009 | Pejabat Daerah Hulu Selangor |
| 16. | 31.10.2009 | Majlis Perbandaran Klang |
| 17. | 07.11.2009 | Majlis Bandar Raya Shah Alam |
| 18. | 21.11.2009 | Majlis Bandar Raya Petaling Jaya |
| 19. | 05.12.2009 | Majlis Perbandaran Subang Jaya |
| 20. | 19.12.2009 | Majlis Perbandaran Selayang |

Manakala di lain peringkat, ahli DUN dipertanggungjawabkan dan telah mengambil maklum mengenai nama-nama keluarga mangsa tahanan ISA di kawasan masing-masing. Bantuan secara langsung diberikan melalui DUN bagi meringankan beban tanggungan keluarga mangsa tahanan berkenaan seperti sumbangan hari raya, sumbangan perbelanjaan sekolah anak dan lain-lain.

- b) Tiada badan atau agensi khas diwujudkan dalam melestarikan program dan bantuan yang diberikan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Kebajikan akan bekerjasama dengan Gerakan Mansuhkan ISA mengadakan program-program selaras dengan usul tersebut.
- c) Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk menerbitkan bahan-bahan kempen atau buku penerangan perihal kezaliman ISA. Namun begitu maklumat dan artikel mengenai hal tersebut sentiasa dimuatkan di dalam Selangor Kini bagi tujuan sebagai makluman masyarakat Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : HUTAN SIMPAN BAKAU

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah keluasan hutan Bakau yang terdapat di Selangor dan apakah keluasannya yang telah diwartakan.
- b) Apakah rancangan kerajaan Selangor dalam pemeliharaan dan pemuliharaan hutan bakau di Negeri Selangor?
- c) Apakah tindakan yang diambil untuk memulihara kawasan hutan bakau di persisiran Kuala Selangor?

JAWAPAN :

- a) Keluasan Hutan Paya Bakau yang terdapat di Negeri Selangor di bawah pentadbiran Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) yang telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) ialah seluas 18,088.80 hektar (82%) dan di luar hutan simpan adalah ± 4,000 (18%). Keseluruhan keluasan Hutan Paya Bakau adalah kira-kira 22,088 hektar.
- b) (i) Hutan Paya Bakau di Negeri Selangor sentiasa dipelihara antaranya untuk menangani kawasan pesisiran pantai yang berlaku ancaman hakisan pantai. Setiap tahun kerja-kerja penanaman kawasan pesisiran pantai dengan spesies bakau telah ditentukan oleh pihak Jabatan. Sejak 1990 sehingga sekarang terdapat lebih 500 ha kawasan persisiran pantai telah ditanam dengan bakau. Dalam tahun 2009 sahaja, seluas 33 ha kawasan pantai telah ditanam dengan bakau yang terdiri daripada kawasan HSK dan Tanah Kerajaan. Kawasan yang telah ditanam dengan bakau di dalam dan luar HSK pada tahun 2009 ialah seperti berikut:-

| Bil. | Nama HSK / TK | Luas |
|------|---|--------------|
| 1. | Hutan Simpan Banjar Utara, Kuala Selangor | 9 ha |
| 2. | Hutan Simpan Telok Gedong | 8 ha |
| 3. | Hutan Simpan Kuala Bernam | 6 ha |
| 4. | Tanjong Gabong, Banting | 10 ha |
| | | 33 ha |

(ii) JPNS juga telah mengadakan Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut Negeri Selangor bagi tempoh 2006 – 2015 untuk tujuan menguruskan hutan paya laut ini secara lebih teratur dan menepati objektif yang dikehendaki. Bagi memastikan langkah pemeliharaan secara lestari, kawasan hutan paya laut telah dikelaskan kepada dua kategori iaitu hutan perlindungan dan hutan pengeluaran di mana kawasan hutan perlindungan meliputi 95% daripada keluasan kawasan yang telah diwartakan sebagai HSK.

- c) Selain dari menjadikan kawasan Hutan Simpanan Kekal Hutan Paya Bakau sebagai hutan perlindungan, JPNS melaksanakan kerja-kerja menanam di persisiran pantai khususnya dengan spesies bakau. Pada tahun 2009 sahaja seluas 33 hektar telah ditanam dengan pokok Bakau.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : MASALAH PEMBERSIHAN LONGKANG DAN PENJAGAAN LANDSKAP

229. Terdapat sesetengah Kontraktor F yang telah menerima bayaran tetapi gagal melaksanakan tugas dan kewajipan mereka dengan sempurna seperti pembersihan longkang dan penjagaan landskap.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan Negeri Selangor terhadap kontraktor-kontraktor tersebut?
- b) Mengapakah kerajaan tidak menyerahkan kerja-kerja seperti ini kepada Majlis Perbandaran ataupun Majlis Daerah?

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PELABURAN KE SELANGOR

230. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Berapa banyak pelaburan yang masuk ke Selangor sehingga sekarang pada tahun ini?
 - Apakah masalah-masalah yang masih dihadapi oleh Kerajaan Selangor dalam menarik lebih banyak pelaburan asing dan domestik ke negeri Selangor?

JAWAPAN :

- Bagi tempoh Januari hingga Mac 2009 sebanyak **73 projek perkilangan** telah diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 1,209,661,810**. Daripada jumlah ini sebanyak **RM 599,518,179** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 310,143,631** daripada pelaburan asing. Sebanyak **4,310 potensi peluang pekerjaan** telah diwujudkan.
- Masalah-masalah yang masih dihadapi dalam menarik pelaburan asing dan domestik ke Negeri Selangor adalah seperti berikut;-
 - Kekurangan lokasi yang bersesuaian bagi jenis-jenis industri yang tertentu seperti industri perkapalan (membina dan membaiki kapal, industri penapisan minyak dan industri akuakultur).
 - Masalah kekurangan bekalan gas (LNG) untuk kegunaan industri.
 - Harga tanah yang lebih tinggi berbanding negeri-negeri lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PERBELANJAAN NEGERI TAHUN 2008

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menerbitkan perbelanjaan negeri dan kertas akaun MBI, agensi kerajaan, anak syarikat negeri untuk tahun 2008 di dalam laman web negeri?
- b) Jika ya, sila nyatakan tarikh perlaksanaan dan jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN :

- a&b) Cadangan untuk menerbitkan perbelanjaan negeri untuk tahun 2008 di dalam laman web Perbendaharaan Negeri boleh dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, ianya hanya boleh dipaparkan di laman web setelah ia dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Selangor.

Untuk makluman, buku Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor akan diedarkan kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Selangor, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perangkaan Malaysia. Ianya juga boleh didapati di Perbendaharaan Negeri Selangor dan akan diedarkan sekiranya terdapat permohonan daripada pihak yang berkenaan.

Kerajaan Negeri belum berhasrat menerbitkan kertas akaun MBI dan Anak Syarikat Negeri untuk tahun 2008 di dalam laman web negeri pada masa ini memandangkan MBI masih dalam proses penyelarasaran maklumat-maklumat berhubung pengurusan dan kewangan anak-anak syarikatnya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN
(DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : GRADUAN MENGANGGUR

232. Memandangkan kelayakan atas kerja tidak lagi menjamin perolehan pekerjaan.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah yang sedang diambil di Institut pengajian tinggi khususnya di UNISEL untuk melengkapi mahasiswa-mahasiswi.
- b) Di kalangan graduan institut pengajian yang menganggur, berapakah graduan UNISEL ?

JAWAPAN :

- a) Dalam melengkapi mahasiswa – mahasiswi di UNISEL khususnya agar dapat memberi saingan yang seiring di alam pekerjaan kelak, berbagai langkah telah pun diambil. Antaranya:-
 - i. Menyediakan Latihan Industri di antara 4 hingga 6 bulan di samping mempelajari teori di kelas dan amali di makmal-makmal, pelajar-pelajar juga diberi tugas yang memerlukan lawatan keluar atau terus menemui masyarakat untuk melihat masalah sebenar masyarakat.
 - ii. Penglibatan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum melalui persatuan dan kelab bagi meningkatkan kemahiran komunikasi, sosial dan memantapkan ciri- ciri kepimpinan dan keusahawanan.
 - iii. Menganjurkan Expo Kerjaya ; yang mana dapat memberi pendedahan kepada pelajar tentang dunia pekerjaan dengan secara meluas. Di dalam expo ini pelajar akan mendapat pendedahan terhadap berbagai-bagai jenis syarikat dari peringkat tempatan sehingga ke peringkat antarabangsa. Sesi temu duga yang diselitkan juga akan memberi fokus awal pelajar bagaimana untuk menghadapinya dengan baik.
 - iv. Menganjurkan seminar dan ceramah bagi mendedahkan aspek-aspek keusahawanan dan dunia pekerjaan dengan lebih meluas.
 - v. Mewujudkan rangkaian universiti industri yang kukuh dengan BCI (Business Development Consultancy and Industrial Linkages). Kini UNISEL telah mengadakan hubungan kerjasama dengan lebih 1000 syarikat luar.
- b) Survey yang dijalankan terhadap pelajar UNISEL yang bergraduat dalam 6 bulan pertama pada tahun 2008 menunjukkan 22% graduan yang belum mendapat pekerjaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : USAHA DALAM MERANGSANGKAN EKONOMI DI NEGERI SELANGOR.

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila jelaskan program-program atau projek-projek yang telah dilaksanakan dalam program merangsang ekonomi bersama dengan kos-kos yang terlibat.
- b) Apakah kesannya setelah program perangsangan ekonomi dilancarkan?
- c) Berapa kontraktor dan penduduk-penduduk bermanfaat dalam program tersebut?

JAWAPAN :

- a) Untuk 2009, sebanyak RM353,540 telah diagihkan dan lebih kurang RM600,000 akan diagihkan. Jumlah yang telah diagihkan sebanyak RM353,540 yang telah diagihkan melibatkan proses "mapping" di kawasan sekeliling Sungai Klang menggunakan GIS (Geographical Information System) untuk inventori guna tanah di kawasan tersebut.

Jumlah yang akan diagihkan sebanyak RM600,000 pula melibatkan peruntukan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk proses *mapping* terperinci Sungai Klang dan juga program-program kempen bersama-sama NGO untuk memberi kefahaman kepada orang awam tentang pentingnya penjagaan sungai.

- b) Selain dari projek penstrukturran semula aset-aset air, projek yang adalah masih di dalam peringkat awal di mana kajian sedang dibuat sebelum pelan induk (*masterplan*) dilancarkan. Kesan program ini belum lagi diperoleh kerana projek rangsangan ekonomi ini adalah untuk tujuan masa depan. Pada masa hadapan, kesan ini akan bertambah lagi, iaitu:

- Projek Sungai Klang

Projek pembersihan dan pemuliharaan Sungai Klang dijangka mengambil masa 20 tahun dan dijangka akan membawa masuk pelaburan sebanyak RM30 bilion, menambahkan lebih 50,000 peluang pekerjaan dan juga menambahkan nilai tanah di kawasan Sungai Klang. In merupakan sumber pendapatan baru kepada Kerajaan Negeri

- Pembangunan Semula Bandar (Urban Renewal)

Pembangunan semula bandar dijangka mengambil masa 10 tahun dengan fokus diberikan pada bandar-bandar seperti Klang dan sesetengah kawasan di Petaling Jaya (Seksyen 1, 2, 3, 4, 51, 51A, 52) yang mempunyai potensi besar untuk dibangunkan semula. Projek ini dijangka akan menambah baik kehidupan warga-warga bandar dan meningkatkan nilai tanah di kawasan-kawasan tersebut.

- Meningkatkan Hasil Padi (Padi Yield Enhancement)

Projek ini telah dilancarkan dan dilaksanakan sejak awal tahun 2009. Setakat ini, hasil-hasil padi telah berjaya ditingkatkan sehingga 50% di kawasan-kawasan terlibat seperti Sawah Sempadan dan Pasir Panjang. Pendapatan petani-petani telah berjaya ditingkatkan daripada purata RM600 sebulan sehingga mencapai RM1,500 sebulan. Projek ini masih di peringkat awal dan dijangkakan keputusan-keputusan yang lebih memberangsangkan akan diperoleh

- Rumah-rumah Terbengkalai (Abandoned Housing)

Projek ini masih di peringkat awal. Kerajaan Negeri dan penglibatan Lembaga Perumahan dijangka akan mengeluarkan pelan induk (*masterplan*) tidak lama lagi. Projek ini diharapkan akan dapat menyelesaikan isu-isu projek terbengkalai dengan kerjasama rapat kerajaan negeri, pemaju dan pembeli. Setakat ini, 5 perunding profesional telah dipanggil dan diarahkan supaya setiap daripada mereka mengemukakan cadangan mengenai 2 atau 3 projek daripada keseluruhan 144 projek terbengkalai yang mempunyai nilai untuk dihidupkan semula.

- Penstrukturran Semula Aset-aset Air (Water Assets Restructuring)

Penstrukturran semula aset-aset air adalah penting untuk mengembalikan pemilikan aset-aset air kepada kerajaan negeri. Tujuannya adalah untuk memastikan pengguna mendapat khidmat yang paling cekap dan memastikan harga yang dibayar untuk air yang merupakan keperluan asas manusia adalah berpatutan. Kerajaan negeri komited untuk memastikan air percuma pada 20m³ pertama akan terus dilaksanakan untuk kepentingan rakyat

- Pengangkutan Awam

Projek ini masih di peringkat awal. Kerajaan negeri dengan kerjasama agensi-agensi yang terlibat sedang membuat kajian tentang cara-cara untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas dan bagaimana pengangkutan awam dapat digunakan sebaiknya terutamanya di kawasan-kawasan seperti Petaling Jaya, Subang Jaya, Klang, Kajang, dan lain-lain.

- c) Kontraktor yang dijangka terlibat masih tidak boleh dipastikan sehinggalah pelan induk (*masterplan*) telah disediakan. Seluruh rakyat Selangor akan bermanfaat dalam program-program di atas sama ada secara langsung atau tidak langsung.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PERBELANJAAN PAKEJ RANSANGAN EKONOMI YANG DIRANCANG OLEH NEGERI

234. Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor yang menetapkan sejumlah RM 50 bilion telah diluluskan dalam bulan Mac lalu.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- Apakah Pelan Tindakan terhadap 5 bidang yang dikenal pasti?
- Sehingga kini, apakah jumlah yang telah diagihkan bagi tahun 2009 dan nyatakan bidang yang diagihkan

JAWAPAN :

- Pada awal pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor terapat lima perkara yang akan diberi keutamaan iaitu:
 - Pemulihan dan pembersihan Sungai Klang yang melibatkan pembangunan kawasan perumahan di sepanjang sungai dan tanah rizab.
 - Perluasan sistem pengangkutan bagi seluruh negeri Selangor termasuk perluasan sistem transit aliran ringan (LRT).
 - Usaha menaik taraf dan menggantikan aset air berikutan pengambilalihan aset air Selangor oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)
 - Pembaharuan aktiviti di bandar, iaitu menumpukan usaha terhadap pembangunan semula kawasan terbiar termasuk di Petaling Jaya dan Klang.
 - Pembangunan semula projek-projek perumahan yang terbengkalai.
 - Untuk 2009, sebanyak RM353,540 telah diagihkan dan lebih kurang RM600,000 akan diagihkan. Jumlah yang telah diagihkan sebanyak RM353,540 yang telah diagihkan melibatkan proses "mapping" di kawasan sekeliling Sungai Klang menggunakan GIS (Geographical Information System) untuk inventori guna tanah di kawasan tersebut.
- Jumlah yang akan diagihkan sebanyak RM600,000 pula melibatkan peruntukan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk proses *mapping* terperinci Sungai Klang dan juga program-program kempen bersama-sama NGO untuk memberi kefahaman kepada orang awam tentang pentingnya penjagaan sungai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PEMBASMIAN KEMISKINAN

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- Apakah kadar kemiskinan untuk Negeri Selangor dari tahun 2004 hingga 2009?
- Apakah jumlah warga miskin mengikut pecahan daerah dan kaum di Selangor dari tahun 2004 hingga 2009?
- Apakah perancangan kerajaan bagi membantu golongan miskin di Selangor khasnya dalam merapatkan jurang kemiskinan antara bandar dan desa?

JAWAPAN :

- Dari tahun 2004 hingga Mac 2008, kadar kemiskinan di negeri Selangor adalah 0.9% iaitu di bawah 1% berdasarkan kepada Garis Kemiskinan RM731 seisi rumah. Walau bagaimanapun, kadar kemiskinan bagi Negeri Selangor pada tahun 2009 telah meningkat kepada 30% setelah Kerajaan Negeri menetapkan Pendapatan Garis Kemiskinan Negeri kepada RM1500 seisi rumah bagi lima (5) orang ahli isi rumah.
- Taburan Ketua Isi rumah Miskin mengikut daerah dan kaum adalah seperti berikut:-

| Daerah | Melayu | Cina | India | Lain-lain | Jumlah |
|----------------|---------------|------------|-------------|------------|---------------|
| Hulu Selangor | 2138 | 204 | 568 | 0 | 2905 |
| Kuala Selangor | 274 | 11 | 53 | 0 | 338 |
| Sabak Bernam | 1302 | 58 | 0 | 0 | 1360 |
| Klang | 840 | 53 | 883 | 8 | 1784 |
| Kuala Langat | 1575 | 127 | 168 | 0 | 1870 |
| Gombak | 1103 | 53 | 385 | 25 | 1566 |
| Hulu Langat | 1549 | 27 | 81 | 0 | 1657 |
| Sepang | 418 | 54 | 104 | 120 | 696 |
| Petaling | 1014 | 178 | 622 | 0 | 1817 |
| JUMLAH | 10,216 | 765 | 2859 | 153 | 13,990 |

Data kemiskinan adalah sangat dinamik. Umum mengetahui bahawa banyak faktor yang boleh menjadi penyebab kepada kemiskinan. Penghijrahan, kematian ketua isirumah, keadaan ekonomi, sikap dan mentaliti individu dan pelbagai faktor lain boleh menjadi penyumbang kepada insiden kemiskinan. Data juga akan berubah apabila garis kemiskinan diubah. Justeru, Kerajaan Negeri sedang memperkemaskan maklumat dan data kemiskinan secara menyeluruh agar dapat memudahkan akses dan bantuan kepada penerima.

- c) Pembangunan ekonomi yang pesat di Selangor merangsang penghijrahan penduduk dari negeri-negeri secara aktif dan berterusan. Pelaksanaan Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan beban ekonomi rakyat Negeri Selangor. Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) turut dilaksanakan dengan pendekatan menjaga hal-hal kebijakan rakyat Negeri Selangor tanpa mengambil kira status kaum, agama, usia dan fahaman politik. Program-program yang dilaksanakan menerusi konsep 'Merakyatkan Ekonomi Selangor' bertindak sebagai serampang dua mata di mana memulangkan semula hasil negeri kepada rakyat Negeri Selangor dan seterusnya dapat membantu meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat Negeri Selangor khususnya bagi mereka yang tergolong dalam kumpulan berpendapatan yang rendah. Pada masa kini, Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah sebanyak RM1500 dikategorikan sebagai golongan miskin. Dengan perlaksanaan MES ini, perbezaan antara golongan kaya dan miskin dapat dikurangkan dan seterusnya rakyat dapat menikmati hidup yang lebih selesa dan harmoni dalam Negeri Selangor.

Justeru, Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha membasmi kemiskinan melalui Program-program Pembasmian Kemiskinan yang telah dan sedang dilaksanakan. Program-program yang dilaksanakan sama ada berbentuk jangka pendek atau jangka panjang, dirangka secara khusus untuk membantu golongan miskin sama ada yang berada di bandar maupun di luar bandar untuk keluar dari belenggu kemiskinan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL ALAM FLORA

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status kontrak Alam Flora Sdn Bhd dengan Kerajaan Persekutuan ekoran banyak aduan negatif terhadap tahap pengurusan sisa pepejal yang dikendalikan oleh syarikat tersebut.
- b) Sejauh manakah peranan dan penglibatan Kerajaan Negeri dalam memantau pengagihan kontrak pengurusan sisa pepejal bagi memastikan operatornya benar-benar layak untuk melaksanakannya.

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : RANCANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI MEMASTIKAN HAK BANGSA BUMIPUTERA DIPERTAHAN DAN DIKEKALKAN

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah rancangan pihak kerajaan bagi memastikan hak bangsa bumiputera terus dipertahankan dan dikekalkan tanpa bangsa lain mengungkit hak keistimewaan bangsa bumiputera seperti tanah rizab orang Melayu, agama rasmi dan faktor pendidikan?
- b) Adakah perlu diwujudkan Akta / Perlembagaan serta Jawatankuasa tetap di setiap negeri yang akan membantu mengekalkan hak dan keistimewaan taraf bangsa bumiputera dan orang Melayu tanpa dipersoalkan oleh mana-mana bangsa lain.

JAWAPAN :

- a) Pakatan Rakyat yang menerajui Kerajaan Negeri Selangor sememangnya menerima peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan termasuk kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dan Menjamin kebebasan agama-agama lain, kedaulatan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan mempertahankan bahasa ibunda, kedudukan dan kedaulatan Institusi Raja-Raja Melayu serta kedudukan hak-hak istimewa orang Melayu dan bumiputera serta hak-hak semua kaum. Pada 8 September 2008 Majlis Pimpinan PR telah menandatangani kenyataan tersebut yang ditandatangani YB. Dato' Seri Anwar Ibrahim, YB. Dato' Husam Musa dan YB. Tuan Lim Kit Siang. Pada Mac 2009 Kerajaan Negeri telah menubuhkan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan bagi mengkoordinasi, menyelaras dan memantau Kebudayaan Melayu Dan Warisan Sejarah di Selangor. Ini merupakan peristiwa bersejarah kerajaan belum pernah dalam sejarah negeri akta seperti ini diperkenalkan.
- b) Kerajaan Negeri memikirkan adanya peruntukan undang-undang yang sedia ada cukup untuk memastikan peruntukan perlombagaan sedia ada dipelihara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN SHUHAIMI HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PERMOHONAN TANAH DAN TUKAR STATUS TANAH

238. Banyak pemohon tanah mengeluh dan mendakwa kerajaan sekarang lebih lambat meluluskan sesuatu permohonan berkaitan tanah

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah ada prosedur permohonan tanah dan garis panduan baru dikeluarkan hingga mengganggu kelancaran proses ini dan jika ada sila jelaskan perubahan yang dilakukan?
- b) Ada dakwaan mengatakan adanya unsur memperlambat atau sabotaj oleh pihak tertentu supaya rakyat diberi gambaran seolah-olah kerajaan sekarang lembap dan apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menangani isu ini?
- c) Jelaskan hasil cukai tanah mengikut daerah yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2007, 2008 dan 6 bulan pertama tahun 2009

JAWAPAN :

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 20 Mei 2009 dan 17 Jun 2009 telah memutuskan supaya setiap permohonan pemberimilikan tanah diangkat semula dan diproses mengikut kawasan atau kampung secara berkelompok bagi memastikan masalah tanah ini selesai secara muktamad. Perubahan pendekatan ini menimbulkan sedikit kelewatan memandangkan Pejabat-pejabat Tanah Daerah perlu membuat siasatan semula terhadap tanah-tanah yang dipohon untuk mencapai hasrat Kerajaan Negeri dan selaras dengan dasar Negeri Berkebajikan. Kerajaan Negeri yakin pendekatan diambil boleh selesaikan masalah pemberimilikan tanah secara komprehensif dan sistematik.
- b) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Jun 2009 telah menolak soalan ini.**
- c) Jumlah keseluruhan kutipan hasil cukai tanah bagi Negeri Selangor adalah seperti berikut:
 - i. 2007 : RM387,376,285.61;
 - ii. 2008 : RM435,224,001.77; dan
 - iii. 2009 : RM 358,735,488.54 (sehingga 31 Mei 2009)

Pecahan jumlah keseluruhan pencapaian kutipan cukai tanah adalah seperti di jadual seperti di bawah :

**JADUAL : JUMLAH KESELURUHAN PENCAPAIAN KUTIPAN CUKAI TANAH PEJABAT-
PEJABAT TANAH TAHUN BERAKHIR 2007, 2008 DAN SEHINGGA MEI 2009**

| BIL | DAERAH | KUTIPAN CUKAI TANAH | | |
|---------------------------|----------------|---|---|--|
| | | BERAKHIR 31 DIS. 2007 (RM) | BERAKHIR 31 DIS. 2008 (RM) | BERAKHIR 30 MEI 2009 (RM) |
| 1 | KLANG | 88,217,253.92 | 156,908,219.45 | 129,316,178.06 |
| 2 | PETALING | 154,251,725.23 | 123,178,099.74 | 91,859,826.55 |
| 3 | KUALA LANGAT | 13,356,531.41 | 52,979,480.71 | 45,473,909.64 |
| 4 | KUALA SELANGOR | 7,295,240.66 | 34,316,869.67 | 35,026,997.45 |
| 5 | SABAK BERNAM | 3,455,086.24 | 12,100,397.03 | 10,585,018.32 |
| 6 | HULU LANGAT | 33,137,212.42 | 6,991,078.82 | 6,041,642.97 |
| 7 | GOMBAK | 47,053,708.88 | 3,306,952.06 | 2,853,914.25 |
| 8 | SEPANG | 14,760,489.07 | 23,825,698.07 | 19,373,016.39 |
| 9 | HULU SELANGOR | 25,849,037.78 | 21,617,206.22 | 18,204,984.91 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 387,376,285.61 | 435,224,001.77 | 358,735,488.54 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. MUTHIAH MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : BUFFER ZONE DI TEPI LAUT

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah jarak rizab dan *buffer zone* di tepi laut ?
- c) Adakah tindakan di ambil untuk mengekalkan *buffer zone* di Assam Jawa, Bukit Melawati ?
- d) Adakah tindakan diambil untuk tanam balik bakau yang di musnahkan di kawasan Assam Jawa?

JAWAPAN :

- a) Sebarang pembangunan di tepi laut hendaklah mengikut garis panduan Jabatan Pengairan dan Saliran iaitu jarak *buffer zone* 400 meter bagi pantai berlumpur dan berbakau manakala 60 meter bagi pantai berpasir dan berbatu.
- b) Tindakan yang boleh diambil ialah dengan cara:
 - i) Pengambilan balik tanah PKPS yang telah dijadikan kolam ternakan udang harimau.
 - ii) Mengembalikan semula aliran pasang surut air laut di kawasan terlibat dengan menimbus kolam-kolam udang dan kawasan kilang memproses udang serta kawasan sekitarnya.
 - iii) Menanam semula pokok paya bakau mengikut zon dan spesies yang betul. Penggunaan anak tabung pokok bakau adalah disyorkan dalam tindakan pemuliharaan kawasan tersebut sebagai kawasan hutan bakau sebagaimana asalnya.
- c) Pada masa ini, kawasan hutan Taman Alam Kuala Selangor yang telah di ceroboh sahaja telah ditanam semula dengan pokok bakau oleh pihak pengusaha kolam udang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PROGRAM SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

240. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Sila nyatakan bagaimakah sambutan rakyat Negeri Selangor terhadap program SMUE?
 - Sila huraikan dengan terperinci berapakah jumlah pendaftaran warga emas yang diterima setakat bulan Jun 2009 mengikut DUN masing-masing.
 - Sila nyatakan apakah kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti oleh pihak kerajaan dalam melaksanakan program tersebut dan apakah kaedah penambahbaikan yang akan dilakukan?

JAWAPAN :

- Sambutan yang diterima terhadap Skim Mesra Usia Emas di bawah Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) adalah hebat dan amat menggalakkan. Pihak Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB) sebagai pengendali program ini sentiasa memperoleh reaksi yang positif daripada orang awam, ketika menyertai setiap program "turun padang" yang diterima.
- Sehingga 26 Jun 2009, sejumlah 79,119 orang warga emas telah mendaftar ke Skim Mesra Usia Emas, dengan perincian statistik pendaftaran seperti di Lampiran A.
- Di antara kelemahan yang dikenal pasti oleh pengendali Skim Mesra Usia Emas ini adalah:-
 - Aspek promosi – yang perlu dipergiatkan dari semasa ke semasa, termasuk menambah kekerapan penyertaan program "turun padang"; dan
 - Kesukaran untuk menarik orang awam yang terdiri daripada bukan penyokong Kerajaan Selangor pada hari ini. Justeru, pemanjangan pengurusan Skim ini di semua Pejabat Tanah dan Daerah (Bahagian Pembangunan) di Selangor diharap (antara lain) dapat menangani senario ini.

Statistik Pendaftaran Terkini

Pada 26/06/2009

| BIL | DUN | Nama DUN | JUMLAH PENDAFTARAN | | | | |
|-----|-----|--------------------|--------------------|------|-------|-----------|--------|
| | | | Melayu | Cina | India | Lain-lain | Jumlah |
| 1 | N01 | SUNGAI AIR TAWAR | 1824 | 214 | 27 | 0 | 2065 |
| 2 | N02 | SABAK | 1692 | 288 | 53 | 6 | 2039 |
| 3 | N03 | SUNGAI PANJANG | 1631 | 262 | 9 | 0 | 1902 |
| 4 | N04 | SEKINCHAN | 604 | 706 | 15 | 0 | 1325 |
| 5 | N05 | HULU BERNAM | 101 | 32 | 13 | 0 | 146 |
| 6 | N06 | KUALA KUBU BAHRU | 108 | 792 | 102 | 23 | 1025 |
| 7 | N07 | BATANG KALI | 254 | 627 | 60 | 13 | 954 |
| 8 | N08 | SUNGAI BURONG | 1136 | 170 | 14 | 3 | 1323 |
| 9 | N09 | PERMATANG | 926 | 318 | 79 | 0 | 1323 |
| 10 | N10 | BUKIT MELAWATI | 271 | 34 | 186 | 0 | 491 |
| 11 | N11 | IJOK | 598 | 241 | 404 | 4 | 1247 |
| 12 | N12 | JERAM | 906 | 257 | 44 | 0 | 1207 |
| 13 | N13 | KUANG | 564 | 684 | 128 | 2 | 1378 |
| 14 | N14 | RAWANG | 216 | 1467 | 215 | 21 | 1919 |
| 15 | N15 | TAMAN TEMPLER | 749 | 1459 | 163 | 8 | 2379 |
| 16 | N16 | BATU CAVES | 925 | 126 | 306 | 15 | 1372 |
| 17 | N17 | GOMBAK SETIA | 1098 | 418 | 101 | 10 | 1627 |
| 18 | N18 | HULU KELANG | 1214 | 289 | 38 | 5 | 1546 |
| 19 | N19 | BUKIT ANTARABANGSA | 329 | 106 | 7 | 2 | 444 |
| 20 | N20 | LEMBAH JAYA | 1054 | 1333 | 187 | 8 | 2582 |
| 21 | N21 | CHEMPAKA | 566 | 508 | 25 | 2 | 1101 |
| 22 | N22 | TERATAI | 328 | 1803 | 59 | 8 | 2198 |
| 23 | N23 | DUSUN TUA | 897 | 751 | 167 | 14 | 1829 |
| 24 | N24 | SEMENYIH | 945 | 829 | 201 | 16 | 1991 |
| 25 | N25 | KAJANG | 523 | 1445 | 396 | 8 | 2372 |
| 26 | N26 | BANGI | 410 | 184 | 125 | 1 | 720 |
| 27 | N27 | BALAKONG | 156 | 1227 | 147 | 4 | 1534 |
| 28 | N28 | SERI KEMBANGAN | 21 | 2254 | 59 | 3 | 2337 |
| 29 | N29 | SERI SERDANG | 348 | 680 | 244 | 1 | 1273 |
| 30 | N30 | KINRARA | 107 | 961 | 173 | 5 | 1246 |
| 31 | N31 | SUBANG JAYA | 13 | 313 | 59 | 14 | 399 |
| 32 | N32 | SERI SETIA | 330 | 283 | 263 | 5 | 881 |
| 33 | N33 | TAMAN MEDAN | 903 | 372 | 304 | 25 | 1604 |
| 34 | N34 | BUKIT GASING | 11 | 387 | 70 | 13 | 481 |

| | | | | | | | | |
|----|------|-------------------------|------|-------|-------|------|------|-------|
| 35 | N35 | KAMPUNG TUNKU | 47 | 1478 | 223 | 40 | 1788 | |
| 36 | N36 | DAMANSARA UTAMA | 131 | 2160 | 58 | 7 | 2356 | |
| 37 | N37 | BUKIT LANJAN | 114 | 856 | 77 | 3 | 1050 | |
| 38 | N38 | PAYA JARAS | 717 | 362 | 82 | 1 | 1162 | |
| 39 | N39 | KOTA DAMANSARA | 119 | 301 | 135 | 1 | 556 | |
| 40 | N40 | KOTA ANGGERIK | 234 | 227 | 80 | 9 | 550 | |
| 41 | N41 | BATU TIGA | 628 | 150 | 231 | 12 | 1021 | |
| 42 | N42 | MERU | 1172 | 198 | 211 | 2 | 1583 | |
| 43 | N43 | SEMENTA | 632 | 449 | 506 | 0 | 1587 | |
| 44 | N44 | SUNGAI PINANG | 524 | 2242 | 39 | 13 | 2818 | |
| 45 | N45 | SELAT KLANG | 1107 | 533 | 103 | 14 | 1757 | |
| 46 | N46 | PELAHUAN KLANG | 400 | 100 | 25 | 5 | 530 | |
| 47 | N47 | PANDAMARAN | 236 | 1402 | 266 | 4 | 1908 | |
| 48 | N48 | KOTA ALAM SHAH | 60 | 472 | 276 | 27 | 835 | |
| 49 | N49 | SERI ANDALAS | 536 | 442 | 751 | 14 | 1743 | |
| 50 | N50 | SRI MUDA | 462 | 209 | 219 | 8 | 898 | |
| 51 | N51 | SIJANGKANG | 1173 | 116 | 73 | 15 | 1377 | |
| 52 | N52 | TELUK DATUK | 252 | 1239 | 427 | 4 | 1922 | |
| 53 | N53 | MORIB | 917 | 250 | 248 | 8 | 1423 | |
| 54 | N54 | TANJUNG SEPAT | 953 | 756 | 93 | 1 | 1803 | |
| 55 | N55 | DENGKIL | 602 | 224 | 104 | 8 | 938 | |
| 56 | N56 | SUNGAI PELEK | 271 | 754 | 227 | 2 | 1254 | |
| 57 | P114 | WPKL - KEPONG | 1 | 786 | 7 | 0 | 794 | |
| 58 | P115 | WPKL - BATU | 16 | 121 | 25 | 1 | 163 | |
| 59 | P116 | WPKL - WANGSA MAJU | 2 | 9 | 2 | 0 | 13 | |
| 60 | P117 | WPKL - SEGAMBUT | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | |
| 61 | P118 | WPKL - SETIAWANGSA | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | |
| 62 | P119 | WPKL - TITIWANGSA | 146 | 8 | 34 | 0 | 188 | |
| 63 | P120 | WPKL - BUKIT BINTANG | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | |
| 64 | P121 | WPKL - LEMBAH PANTAI | 74 | 67 | 35 | 4 | 180 | |
| 65 | P122 | WPKL - SEPUTEH | 1 | 2079 | 24 | 6 | 2110 | |
| 66 | P123 | WPKL - CHERAS | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | |
| 67 | P124 | WPKL - BANDAR TUN RAZAK | 54 | 429 | 52 | 4 | 539 | |
| | | | | 33339 | 40240 | 9076 | 452 | 83107 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PRINSIP BUDAYA

241. Budaya adalah elemen yang penting di dalam memupuk nilai kemasyarakatan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah dasar budaya Negeri Selangor?
- b) Bagaimanakah nilai budaya Selangor dapat digabungjalinkan?
- c) Adakah sebarang usaha mempopularkan budaya negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Budaya adalah perlakuan harian dan cara hidup sesuatu kaum. Bagi Kerajaan Negeri, dasar budaya Negeri Selangor adalah mempamerkan cara hidup semua kaum dan etnik di Selangor dengan setulus mungkin. Jenis-jenis makanan, pakaian, permainan, tarian dan muzik adalah sebahagian daripada unsur dan elemen yang harus diketengahkan dalam mengenali budaya sesuatu kaum. Selain itu turut mengambil kira dasar kebudayaan kebangsaan, iaitu:-
 - i. Berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini
 - ii. Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar
 - iii. Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.
- b) Nilai budaya di Negeri Selangor dapat digabungjalinkan melalui saling hormat menghormati kehidupan masyarakat di Selangor yang menjadi dasar kerajaan yang mana ianya tidak memberi maksud bahawa masyarakat Melayu perlu mengikut cara berpakaian masyarakat lain dan begitu juga dengan sebaliknya.
- c) Secara dasarnya mempopularkan budaya tidak bererti mempopularkan seni tarian sahaja. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri kini dalam usaha untuk mengubah pandangan masyarakat mengenai persesembahan seni teater yang mana salah satu cara dalam usaha mendekati masyarakat untuk mengenali seni budaya yang terdapat di Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri juga mengambil pendekatan menggabungjalinkan seni budaya pelbagai kaum melalui program-program yang telah dirancang sebagaimana yang dinyatakan dalam jawapan daripada ADUN Kajang mengenai rancangan struktur pembangunan seni budaya di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK : MENJAMIN KEBAJIKAN SAR, SRJK(C) DAN SRJK(T)

242. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah wujud sebarang dasar bagaimana Kerajaan Negeri dapat membantu Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil menerusi penyelesaian isu-isu tanah institusi-institusi tersebut?

JAWAPAN :

- a) Buat masa ini Kerajaan Negeri Selangor tidak menetapkan apa-apa dasar berkenaan isu-isu tanah institusi-institusi tersebut. Namun begitu Kerajaan Negeri bersedia untuk meneliti dan mengambil tindakan yang sepatutnya terhadap isu-isu ini

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : KERJA-KERJA TENDER

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- Berapakah jumlah kerja-kerja yang telah ditawarkan melalui sistem tender oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut kategori kerja dan/atau jumlah wang?
- Apakah nama-nama syarikat yang ditawarkan tender bagi kerja-kerja tersebut?
- Berapakah komposisi kaum yang telah menerima tawaran bagi kerja-kerja tender tersebut?

JAWAPAN :

- Sebanyak 24 projek telah ditawarkan melalui sistem tender terhad mulai Jun 2008 sehingga kini.

Jadual 1

| BIL. | PROJEK | KATEGORI PROJEK* | ANGGARAN KOS (RM) |
|-------------|--|-------------------------|--------------------------|
| 1. | Membina dan Menyiapkan Sekolah Rendah Agama Bukit Jelutong, Daerah Petaling | Kerja | 8,200,000.00 |
| 2. | Membina dan Menyiapkan Sekolah Rendah Agama Kampung Medan, Daerah Petaling | Kerja | 6,960,000.00 |
| 3. | Membina dan Menyiapkan Balai Cerap Selangor Sungai Lang Parit Baru, Sabak Bernam | Kerja | 1,500,000.00 |
| 4. | Perkhidmatan Penyelenggaraan Secara Komprehensif Kompleks Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Selangor | Perkhidmatan | 8,000,000.00 |
| 5. | Membekal Makanan Bermasak Di Pusat Latihan Penguatkuasa Jugra Banting | Perbekalan | 822,000.00 |
| 6. | Membina dan Menyiapkan Kantin Bangunan Sultan Idris Shah, Jabatan Agama Islam Selangor | Kerja | 1,000,000.00 |
| 7. | Membekal Bahan Bermasak Untuk Pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Klang Tahun 2009 | Perbekalan | 594,000.00 |
| 8. | Membekal Bahan Bermasak Untuk Pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Istana Bandar Jugra Tahun 2009 | Perbekalan | 891,000.00 |

| BIL. | PROJEK | KATEGORI PROJEK* | ANGGARAN KOS (RM) |
|------|---|------------------|-------------------|
| 9. | Kerja-kerja Menaik taraf Jalan Rancangan Tanah Api-Api Kampung Assam Jawa Daerah Kuala Selangor | Kerja | 1,800,000.00 |
| 10. | Membina Jalan Masuk Tapak "Sanitary Landfill" Di Mukim Tajung Dua Belas Kuala Langat | Kerja | 18,000,000.00 |
| 11. | Membina dan Menyiapkan Baki Kerja Masjid Baru Kampung Raja Uda Pelabuhan Klang | Kerja | 10,100,000.00 |
| 12. | Pembaikan Kediaman Menteri Besar | Kerja | 500,000.00 |
| 13. | Cadangan Membeli dan Membekalkan Komputer dan Peralatannya ke Pusat ICT Selangor | Perbekalan | 5,024,625.00 |
| 14. | Membina dan Menyiapkan Sekolah Rendah Agama Pulau Indah, Daerah Klang | Kerja | 5,700,000.00 |
| 15. | Cadangan Membeli dan Membekalkan Komputer dan Peralatannya ke Pejabat Tanah & Galian Selangor | Perbekalan | 1,871,298.51 |
| 16. | Cadangan Pengubahsuaian Sebahagian Kompleks Lama Pejabat Daerah Klang untuk Pejabat Agama Islam Daerah Klang | Kerja | 1,000,000.00 |
| 17. | Cadangan Menyewa dan Membekalkan Komputer dan Peralatannya ke Jabatan Agama Islam Selangor | Perbekalan | 1,980,000.00 |
| 18. | Rancangan Tebatan Banjir Sungai Bangi Mukim Kajang | Kerja | 5,000,000.00 |
| 19. | Perkhidmatan Mencuci Dan Membersih Serta Penyelenggaraan Taman Di kediaman Rasmi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Negeri Selangor | Perkhidmatan | 254,240.00 |

| BIL. | PROJEK | KATEGORI PROJEK* | ANGGARAN KOS (RM) |
|------|--|------------------|-------------------|
| 20. | Membina Dan Menyiapkan Bangunan Pejabat 1 Tingkat Mengandungi Pencawang Elektrik, Pondok Pengawal, Kebuk Sampah, Setor Baja, Tempat Letak Kereta, Di Jalan Stadium Daerah Kuala Selangor | Kerja | 6,200,000.00 |
| 21 | Cadangan Menaik taraf Kemudahan Infrastruktur Di Kawasan Perindustrian Ringan Bukit Kemuning Sec 32 | Kerja | 950,000.00 |
| 22. | Cadangan Menaik taraf Kemudahan Infrastruktur Di Kawasan Hicom Glenmarie Di Sek U1 | Kerja | 1,120,000.00 |
| 23. | Cadangan Menaik taraf Kemudahan Infrastruktur Di Sek U5 | Kerja | 1,800,000.00 |
| 24. | Cadangan Pembangunan Tanah Perkuburan Islam Di Kampung Delek, Klang Selangor | Kerja | 800,000.00 |

*Takrifan : Kerja - projek yang melibatkan bentuk pembinaan, pembaikpulihan dan sebagainya.
 Perbekalan - membekalkan barang-barang siap dan separa siap
 Perkhidmatan - memberi khidmat yang melibatkan kepakaran fizikal (penyelenggaraan bangunan dan berkaitan dengan kerja-kerja kejuruteraan)

- b) Sebanyak 18 projek daripada 24 projek yang tersenarai di atas telah dilaksanakan perolehan secara tender . 6 (enam) projek lagi masih di dalam proses penilaian tender. Berikut adalah nama-nama syarikat yang telah memenangi bidaan bagi projek-projek Kerajaan Negeri:

Jadual 2

| BI L | PROJEK | SYARIKAT | JABATAN | KOS PROJEK (RM) |
|-----------------|--|---|---|----------------------------|
| 1. | Membina dan Menyiapkan Sekolah Rendah Agama Bukit Jelutong, Daerah Petaling | Jurumula Corporation Sdn. Bhd. | Jabatan Agama Islam Selangor | 6,662,200.00 |
| 2. | Membina dan Menyiapkan Sekolah Rendah Agama Kampung Medan, Daerah Petaling | FNA Builders & Services Sdn. Bhd. | Jabatan Agama Islam Selangor | 5,619,220.00 |
| 3. | Membina dan Menyiapkan Balai Cerap Selangor Sungai Lang Parit Baru, Sabak Bernam | Bumi Infra Khidmat Enterprise Sdn. Bhd. | Jabatan Mufti Selangor | 1,500,000.00 |
| 4. | Perkhidmatan Penyelenggaraan Secara Komprehensif Kompleks Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Selangor | Jutabina Sempurna Sdn. Bhd. | Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor | 7,160,600.00 |
| 5. | Membekal Makanan Bermasak Di Pusat Latihan Penguatkuasa Jugra Banting | Asmaruddin Enterprise | Jabatan Agama Islam Selangor | 822,000.00 |
| 6. | Membina dan Menyiapkan Kantin Bangunan Sultan Idris Shah, Jabatan Agama Islam Selangor | Halid Aziz Holdings Sdn. Bhd. | Jabatan Agama Islam Selangor | 717,950.00 |
| 7. | Membekal Bahan Bermasak Untuk Pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Klang Tahun 2009 | Abja Wawasan Enterprise | Jabatan Agama Islam Selangor | 594,000.00 |
| 8. | Membekal Bahan Bermasak Untuk Pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Istana Bandar Jugra Tahun 2009 | Wanchik Catering Services) | Jabatan Agama Islam Selangor | 694,467.00 |

| BI L | PROJEK | SYARIKAT | JABATAN | KOS PROJEK (RM) |
|-----------------|--|-----------------------------|---|----------------------------|
| 9. | Kerja-kerja Menaik taraf Jalan Rancangan Tanah Api-Api Kampung Assam Jawa Daerah Kuala Selangor | SHH Majujaya Sdn. Bhd. | Jabatan Kerja Raya Selangor | 1,148,030.00 |
| 10. | Membina Jalan Masuk Tapak "Sanitary Landfill" Di Mukim Tajung Dua Belas Kuala Langat | Mindar Enterprise Sdn. Bhd. | Jabatan Kerja Raya Selangor | 15,989,850.00 |
| 11. | Membina dan Menyiapkan Baki Kerja Masjid Baru Kampung Raja Uda Pelabuhan Klang | Kompas Bina Sdn. Bhd. | Jabatan Agama Islam Selangor | 7,631,754.70 |
| 12. | Pembaikan Kediaman Menteri Besar | Elekkom Azfa | Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor | 402,724.00 |
| 13. | Perkhidmatan Mencuci Dan Membersih Serta Penyelenggaraan Taman Di kediaman Rasmi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Negeri Selangor | Nas Enterprise | JPS | 207,720.00 |
| 14. | Membina Dan Menyiapkan Bangunan Pejabat 1 Tingkat Mengandungi Pencawang Elektrik, Pondok Pengawal, Kebuk Sampah, Setor Baja, Tempat Letak Kereta, Di Jalan Stadium Daerah Kuala Selangor | D.S.J. Builders Sdn. Bhd. | JPS | 5,508,718.30 |
| 15 | Cadangan Menaik taraf Kemudahan Infrastruktur Di Kawasan Perindustrian Ringan Bukit Kemuning Sec 32 | Bely Kova Corporation | MBSA | 794,668.00 |
| 16 | Cadangan Menaik taraf Kemudahan Infrastruktur Di Kawasan Hicom Glenmarie Di Sek U1 | Iktiar Aneka | MBSA | 765,150.00 |

| BI L | PROJEK | SYARIKAT | JABATAN | KOS PROJEK (RM) |
|-----------------|--|------------------------|----------------|----------------------------|
| 17 | Cadangan Menaik taraf Kemudahan Infrastruktur Di Sek U5 | Syarikat Cerdas Murni | MBSA | 1,577,715.00 |
| 18 | Cadangan Pembangunan Tanah Perkuburan Islam Di Kampung Delek, Klang Selangor | Selat Gedung Sdn. Bhd. | MPK | 740,174.00 |

- c) Kesemua tawaran tender bagi projek Kerajaan Negeri Selangor telah dimenangi oleh syarikat yang bertaraf status Bumiputra. Ini adalah kerana tender terhad yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri telah diputuskan hanya boleh disertai oleh syarikat yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Kementerian Kewangan serta mempunyai sijil lesen yang berkaitan dan berstatus Bumiputra.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PERUMAHAN PPR

244. Dilaporkan bahawa Kerajaan Pusat ada memperuntukkan sebanyak RM 200 juta bagi memperbaiki semua PPR (Projek Perumahan Rakyat) di seluruh negara .

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Daripada jumlah ini berapa banyak diperuntukkan untuk memperbaiki PPR di Selangor dan khususnya berapa peruntukan yang akan digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk membaik pulih PPR Kota Damansara Seksyen 8 dan PPR Lembah Subang.
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memperkenalkan sistem sewa beli rumah PPR oleh penduduk yang sedang mendudukinya agar dapat memiliki rumah tersebut.

JAWAPAN :

- a) Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Fasa 1, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta bagi kerja-kerja membaiki kerosakan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara. Sebanyak RM23,494,020.59 daripada peruntukan tersebut akan digunakan untuk membaiki kerosakan unit rumah kosong, lif dan sistem elektrik di PPR Lembah Subang 1. Lantikan kontraktor dilakukan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan kerja-kerja pembaikan juga sedang dijalankan oleh kontraktor. Butiran peruntukan kos kerja-kerja pembaikan dan senarai kontraktor adalah seperti berikut :-

| Bil. | Nama Pakej Peruntukan/ Blok | Nama Kontraktor | Jumlah Peruntukan (RM) |
|--------------------------------------|--------------------------------|---------------------------------|---------------------------|
| 1. | Pakej A (Blok A,B dan C) | Wiraman Network Sdn. Bhd. | 7,228,615.24 |
| 2. | Pakej B (Blok D,E dan F) | Bina Hasim Sdn. Bhd. | 9,310,309.39 |
| 3. | Pakej C (Blok C, G dan H) | Limpahan Usahasama Sdn. Bhd. | 6,955,095.96 |
| Jumlah Keseluruhan Peruntukan | | | 23,494,020.59 |

Pengagihan peruntukan mengikut blok dan kontraktor dibuat berdasarkan kerosakan yang ditentukan oleh Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). PPR Kota Damansara, Seksyen 8 tidak disenaraikan dalam peruntukan pakej rangsangan ini kerana bangunan tersebut tidak dikawal selia oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) dan projek dibina melalui peruntukan Yayasan Perumahan Untuk Termiskin (YPUT) di bawah Bank Negara, Malaysia.

- b) Pembinaan bangunan PPR di Negeri Selangor adalah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan dan hanya diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk diurus tadbir seperti mengutip sewa untuk tujuan penyenggaraan. Bangunan PPR tersebut juga adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan yang dipantau sepenuhnya oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Cadangan memperkenalkan konsep sewa beli ke atas unit rumah PPR tidak boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri memandangkan bangunan tersebut adalah milik KPKT. KPKT juga tidak berhasrat melaksanakan skim tersebut memandangkan KPKT sedang di peringkat akhir untuk melaksanakan penjualan unit-unit rumah PPR kepada penyewa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : KLORR DAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR

245. Kerajaan Pusat telah meluluskan pembinaan Kuala Lumpur Outer Ring Road (KLORR) yang akan merentasi dan melalui kawasan-kawasan sensitif alam sekitar di Hulu Langat dan Gombak.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status kelulusan atau perundingan yang sedang berjalan antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk menjayakan projek ini?
- b) Apakah syarat-syarat dan langkah-langkah bagi melindungi kawasan-kawasan sensitif alam sekitar terutama Empangan Klang Gate dan Permatang Kuarza sekiranya projek ini diluluskan?
- c) Berapakah jumlah bayaran yang akan diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi penggunaan tanah sekiranya projek ini dijalankan?

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : HOMESTAY

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah lokasi *homestay* yang terdapat di Selangor sehingga akhir tahun 2008?
 - Berapakah jumlah pelancong yang mengunjungi *homestay* dalam tahun 2005-2008?
 - Apakah rancangan Kerajaan Selangor dalam membangunkan industri *homestay* dan berapakah peruntukan?

JAWAPAN :

- a) Terdapat 16 lokasi homestay di Selangor sehingga akhir tahun 2008. Berikut adalah lokasi – lokasi homestay di Selangor :

| LOKASI | BIL | HOMESTAY |
|----------------|-----|----------------------------------|
| Sepang | 1 | Homestay Banghuris |
| Gombak | 2 | Homestay Bougainvillaea |
| Kuala Langat | 3 | Homestay Kampung Endah |
| | 4 | Homestay Kampung Batu Laut |
| | 5 | Homestay Kanchong Darat |
| | 6 | Homestay Kampung Kundang |
| | 7 | Homestay Kampung Sg. Lang Tengah |
| Hulu Selangor | 8 | Homestay Sungai Tengi |
| Kuala Selangor | 9 | Homestay Sungai Sireh |
| | 10 | Homestay Setangkas |
| Sabak Bernam | 11 | Homestay Batu 23 Sungai Nibong |
| | 12 | Homestay Sungai Haji Dorani |
| | 13 | Homestay Sepintas |
| | 14 | Homestay Air Manis |
| | 15 | Homestay Papitusulem |
| | 16 | Homestay Seri Kayangan |

- b) Jumlah pelancong yang mengunjungi homestay dalam tahun 2005 – 2008 ialah :

| TAHUN | JUMLAH PELANCONG |
|---------------|------------------|
| 2005 | 3,730 |
| 2006 | 9,755 |
| 2007 | 20,922 |
| 2008 | 17,543 |
| JUMLAH | 51,950 |

Nota : Statistik disusun dan disediakan oleh Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor dan Haji Basir bin Wagiman (Pengurus Homestay Selangor). Terdapat penurunan statistik pada tahun 2008 adalah kerana keadaan ekonomi dan politik yang tidak stabil

- c) Program agro pelancongan merupakan bidang yang berpotensi untuk meningkatkan taraf hidup keluarga tani. Keindahan alam sekitar dan luar bandar serta projek pertanian dan asas tani dapat memberi pendidikan dan penghayatan hidup sebagai petani kepada pelancong terutama pelancong asing. Program ini juga dijangka dapat meningkatkan pendapatan serta kualiti hidup keluarga tani dan usahawan, mengukuhkan industri asas tani negeri, pelancongan negeri.

Pelaksanaan Kerajaan Selangor

Program agro pelancongan akan dilaksanakan di projek-projek yang berkaitan seperti homestay, pengusaha individu dan lain-lain mengikut garis panduan pelaksanaan bagi tiap-tiap komponen projek seperti berikut :-

1. Projek Pembangunan Produk

- a) Pelaksanaan projek ini ialah dengan cara menyediakan infrastruktur (binaan) bagi maksud pusat pengumpulan, penggredan dan pembungkusan produk-produk pertanian mengikut keperluan setempat.

2. Projek Pembangunan Ameniti

- a) Pelaksanaan projek bercirikan ameniti seperti pusat maklumat / jualan produk pertanian, pengindahan kawasan,tempat wakaf dan lain-lain mengikut keperluan setempat.

3. Projek Meningkatkan Pengetahuan

- a) Pelaksanaan projek ini adalah bersifat formal iaitu dengan cara menghantar pegawai dan petani / pengusaha pertanian kepersidangan / seminar / bengkel / kursus yang berkaitan tentang pembelajaran serta pendedahan mengenai agro pelancongan.

4. Peruntukan bagi tahun 2009 adalah RM700,000.00 di bawah Jabatan Pertanian

5. TSSB dalam setiap siri promosi akan mempromosikan kesemua kampung-kampung serta kesemua program homestay yang terdapat di Selangor. Selain itu di dalam setiap keluaran khas TSSB di dalam majalah seperti Majalah Pelancongan Libur, Majalah Gaya Travel yang edaranya ke Indonesia, Brunei, Thailand, Singapura dan Australia.

Selain daripada itu untuk memantapkan lagi promosi homestay TSSB turut sedang menerbitkan risalah yang memaparkan kesemua homestay yang terdapat di Selangor.

Selain daripada satu program kerjasama pertukaran maklumat dengan negara yang telah berjaya turut diadakan iaitu dengan negara Taiwan pada 16 Jun 2009. Selain daripada delegasi dari Taiwan itu juga turut di bawa untuk melihat sendiri dan menjalani program homestay iaitu di Homestay Sungai Sireh di Tanjung Karang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : MASALAH LINTAH DARAT

247. Masalah lintah darat semakin hari semakin serius. PBT di Negeri Selangor telah mengambil tindakan dengan merampas sepanduk-sepanduk lintah darat, tetapi nampaknya tidak berkesan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan yang akan diambilkan oleh PBT Negeri Selangor seterusnya, untuk menangani masalah sepanduk lintah darat?
- b) Bagaimanakah kerajaan bekerjasama dengan pihak polis untuk menangani masalah lintah darat?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman, lesen pemberi pinjaman wang terletak di bawah Akta Pemberi Pinjaman Wang 1951 dan dikawal selia oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Oleh sebab itu PBT mempunyai kuasa yang terhad untuk bertindak menghalang masalah ini dari sumber asalnya iaitu syarikat pemberi pinjaman wang. Jika syarikat – syarikat ini dapat ditutup dan lesenanya dirampas, maka kuranglah masalah sepanduk-sepanduk haram. Perkara ini telah pun dimaklumkan kepada pihak KPKT dan sehingga mereka menggariskan peraturan atau keputusan yang terbaru, PBT akan terus menjalankan operasi menurunkan sepanduk-sepanduk ini. Lanjutan daripada itu pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memaklumkan bahawa satu keputusan di peringkat pusat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam (JKTPA) Bil 2/2009 pada 7 Mei 2009 yang dipengerusikan oleh Y.Bhg Ketua Setiausaha Negara telah memutuskan bahawa PBT hendaklah mengemukakan maklumat mengenai nombor telefon yang dipaparkan pada iklan-iklan haram di tempat/kemudahan awam kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk tindakan pembatalan talian telefon.
- b) Pihak Polis sentiasa memantau dan mengambil tindakan ke atas kegiatan Ah Long yang didapati melakukan kesalahan jenayah dalam menjalankan perniagaan mereka. Orang ramai yang terlibat dan diganggu oleh Ah Long di saran supaya melaporkan perkara tersebut untuk diambil tindakan oleh pihak Polis. Kerjasama yang bakal dijalankan adalah menerusi dialog bersama penduduk di mana pihak polis akan menerangkan kepada penduduk berhubung tindakan yang boleh dilakukan oleh mereka yang terlibat dengan Ah Long.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PENDAFTARAN KONTRAKTOR

248. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status terkini usaha pendaftaran kontraktor-kontraktor dan pembekal-pembekal oleh kerajaan Selangor dan berapa ramai kontraktor dan pembekal kredibiliti yang telah didaftarkan oleh kerajaan sehingga sekarang?
- b) Bilakah kerajaan akan bermula menggunakan kontraktor-kontraktor ini?

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PEJABAT TANAH DAERAH PETALING

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Mengapakah Pejabat Tanah Daerah Petaling di SS16 Subang Jaya perlu berpindah?
 - Siapakah yang telah meluluskan transaksi pindah milik ini?
 - Sila berikan butir-butir seperti harga penjualan, nama pembeli dan pengarah yang terlibat, syarat-syarat duluan.

JAWAPAN :

JAWAPAN DARIPADA UPEN MAKRO

- a) Kompleks Pejabat Tanah Daerah Petaling di SS16 Subang Jaya perlu berpindah mengambil kira:-

- Keperluan Jabatan-jabatan Negeri Dan Persekutuan Untuk Berada Di Bawah Satu Bumbung

Pejabat sedia ada telah menyediakan banyak ruang bagi setiap jabatan akan tetapi dengan kepesatan pembangunan negara maka permintaan ruang baru untuk jabatan-jabatan tertentu pada peringkat Negeri dan Persekutuan telah bertambah dan memaksa perkongsian ruang yang terhad di dalam bangunan yang agak kecil jika dibandingkan dengan jabatan-jabatan yang terdapat di sini. Oleh itu, keperluan bagi berpindah ke kawasan yang lebih luas serta keperluan bangunan yang lebih besar adalah amat kritikal dan memerlukan tindakan yang drastik. Jabatan-jabatan yang ketika ini terletak di luar Kompleks sedia ada seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Petaling, Jabatan Penerangan Daerah Petaling, Pejabat Pemadam Daerah Petaling, Pejabat Rela Daerah Petaling, Jabatan Kerja Raya Daerah Petaling dan Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Petaling dicadangkan akan diletakkan di bawah satu bumbung untuk memudahkan orang ramai membuat urusan.

- Keperluan Ruang Kerja Yang Bertambah

Pejabat Daerah Petaling yang sedia ada di Subang Jaya dengan keluasan 11,398 meter persegi tidak lagi mampu untuk menampung bilangan kakitangan dan perkakasan baru yang bertambah mengikut peredaran masa. Ini menyebabkan persekitaran pejabat menjadi kurang selesa dan secara tidak langsung mewujudkan satu suasana yang tidak kondusif untuk bekerja. Ruang-

- ruang yang sepatutnya dijadikan tempat yang *confidencial* telah diambil alih oleh ruang-ruang untuk menampung kepadatan kakitangan.
- 3) Keperluan Bekerja Di Bangunan Baru Yang Mempunyai Ciri-Ciri ‘Smart Building’

Usia bangunan dan perkakasan pejabat boleh dikatakan agak lama dan sesetengahnya tidak boleh digunakan lagi. Kekurangan ini boleh menyebabkan mutu perkhidmatan yang diberikan kurang memuaskan dan membebankan kakitangan dan orang ramai yang berurusan dengan Pejabat Daerah. Masalah kelewatan juga sering kali dikaitkan dengan kelemahan dari segi aspek perkakasan dan suasana kerja yang tidak memberangsangkan. Maka sebuah bangunan yang dilengkapi dengan ciri-ciri ‘smart building’ amatlah diperlukan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul demi mencapai visi ‘Selangor Maju 2005’.

- b) Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) Ke 14/2004 bertarikh 12 Mei 2004 telah meluluskan secara penswastaan pembinaan Kompleks Pejabat Daerah/Tanah Petaling yang dilaksanakan oleh Syarikat Gapurna Builders Sdn. Bhd. Perjanjian penswastaan telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri dengan Syarikat Gapurna Builders Sdn. Bhd. pada 22 September 2006 sebagai tanda persetujuan mengenai syarat dan terma yang perlu dipatuhi oleh syarikat dan Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan syarat pulangan *in-kind* tersebut.
- c) Maklumat mengenai Syarikat Gapurna Builders Sdn. Bhd. yang melaksanakan pembinaan Kompleks Pejabat Daerah/Tanah Petaling adalah:-
- a) Ahli Lembaga Pengarah
 - i) Y.Bhg. Dato' Mohamad Salim bin Fateh Din
 - ii) Y.Bhg. Datin Yasmin binti Mohamed Ashraff
 - b) Modal Berbayar adalah RM1,000,000.00.
 - c) Modal Dibenarkan adalah RM5,000,000.00

Kaedah pelaksanaan projek ini adalah melibatkan *land swapping* yang meliputi tanah di Kompleks Pejabat Daerah/Tanah Petaling sedia ada seluas 3.04 ekar dan tanah perumahan kuarters kerajaan seluas 1.1 ekar. Jumlah keluasannya adalah 4.14 ekar. Dalam pelaksanaan projek ini, Kerajaan Negeri bersetuju seperti berikut:-

1) Luas Tanah Yang Diserah Kepada Syarikat Gapurna Builders Sdn. Bhd.:-

| BIL. | LOT | KELUASAN |
|------|---|------------------|
| 1. | Lot 50700, Jalan Kemajuan SS16/1, Subang Jaya, Petaling yang merupakan tapak Pejabat Daerah/Tanah Petaling sedia ada. | 3.04 ekar |
| 2. | Lot 12458, Lot 12666, Lot 12671, Lot 12672, Lot 12673, Lot 12674, Lot 12675, Lot 12677, Lot 12678 dan Lot 12679 di Jalan SS19/2, Subang Jaya, Petaling yang merupakan tapak kuarters Pejabat Daerah/Tanah Petaling. | 1.1 ekar |
| | Jumlah | 4.14 ekar |

2) Luas Tanah Kerajaan Bagi Pembangunan Pejabat Daerah/Tanah Baru Adalah:-

| BIL. | LOT | KELUASAN |
|------|--|-------------------|
| 1. | Lot 37026 di Seksyen U5, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling, Selangor | 11.19 ekar |
| | Jumlah | 11.19 ekar |

Dalam pelaksanaan projek ini, Kerajaan Negeri bersetuju menyerahkan tanah-tanah ini kepada pihak Syarikat Gapurna Builders Sdn. Bhd. dengan syarat syarikat dikehendaki membina dahulu Kompleks Pejabat Daerah/Tanah Petaling.

Pembinaan kompleks ini adalah mengikut konsep *Design And Build* di mana kos pembinaan kompleks tersebut pada ketika itu berjumlah RM24.6 juta. Nilaian ini adalah berdasarkan kepada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) yang telah membuat penilaian tanah-tanah yang akan diserahkan kepada pihak syarikat. Nilaian RM24.6 juta yang diberikan oleh pihak JPPH merupakan nilai yang bersamaan dengan keluasan tanah seluas 4.14 ekar.

JAWAPAN DARIPADA PTD PETALING

- a) Ini adalah keputusan Kerajaan Negeri yang dibuat pada tahun 2004 melalui MMKN Bil 31/2004 yang bersidang pada 15 Disember 2004.
- b) Ini tidak melibatkan proses pindah milik kerana tanah yang terlibat masih merupakan tanah kerajaan ketika ianya berlaku. Oleh yang demikian pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara adalah terpakai. Pemberimilikan ini telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui MMKN 17/2006 bertarikh 2 Ogos 2006.
- c) Ini tidak melibatkan transaksi jual beli tetapi pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara. Oleh yang demikian Tetuan Gapurna Builders Sdn Bhd dikehendaki membayar premium dengan kadar nominal iaitu RM 1,000.00 bagi Kompleks Pejabat sedia ada dan RM 100.00 bagi setiap unit kuarters kediaman.
 - 1) Dato' Mohamad Salim Bin Fateh Din
 - 2) Datin Yasmin Binti Mohamed Ashraff

MAKLUMAT TAMBAHAN :

Kertas Cadangan Pembangunan Secara Penswastaan Pejabat Tanah dan Daerah Petaling dibawa oleh Unit Perancang Ekonomi (UPEN) untuk taklimat di dalam Mesyuarat EXCO MTES Bil 21/2004 yang telah diluluskan secara dasar oleh MMKN Bil 31/2004 yang bersidang pada 15 Disember 2004.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK ke 17/2006) YANG bersidang pada 2 Ogos 2006 dan disahkan oleh MMKN (MMK ke 18/2006) pada 9 Ogos 2006 telah meluluskan pemberimilikan tanah secara penswastaan (Land Swapping) berserta syarat-syarat terperinci bagi Lot 50700, (Kompleks Pejabat Tanah sedia ada) dan 10 buah kuarters kediaman iaitu Lot 12458, 12666, 12671, 12672, 12673, 12674, 12675, 12677, 12678 dan 12679 di Bandar Subang Jaya kepada Gapurna Builders Sdn Bhd.

Pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara untuk Kompleks Pejabat Kerajaan sedia ada dan 10 buah lot kediaman kuarters ini adalah secara **Land Swapping** di bawah konsep penswastaan yang diselaraskan oleh UPEN di mana sebagai balasan balik Tetuan Gapurna Builders Sdn Bhd akan membangunkan Kompleks Pejabat Tanah Daerah Petaling yang baru di Seksyen U5, Mukim Sg. Buloh, Daerah Petaling. Hampir 90% pejabat baru telah siap dibina. Tetuan Gapurna Builders Sdn Bhd akan membangunkan Kompleks Pejabat yang baru dengan spesifikasi dan kos yang dipersetujui bersama pihak Kerajaan Negeri.

Di dalam Perjanjian Penswastaan yang ditandatangani di antara Kerajaan Negeri Selangor dan Tetuan Gapurna Builders Sdn Bhd telah bersetuju bahawa Tetuan Gapurna Builders Sdn Bhd akan membina Kompleks Pejabat Tanah dan Daerah Petaling yang baru di Seksyen U5, Mukim Sg. Buloh dengan kos pembinaan tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Juta dan Enam Ratus Ringgit Sahaja (RM 24,600.000.00).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : PERLAKSANAAN SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah yang sudah diberikan kepada pewaris-pewaris sejak skim ini dilaksanakan. Sila terangkan mengikut DUN.
- b) Berapa kes penipuan wang SMUE telah dilaporkan dan berapa kes '*multiple claim*' telah berlaku? Sila nyatakan jika ada.
- c) Mengapakah kawan dibenarkan untuk menjadi penerima SMUE?

JAWAPAN :

- a) Sehingga 26 Jun 2009, jumlah bayaran yang telah diberikan (sekurang-kurangnya bayaran pertama) kepada pewaris-pewaris warga emas yang telah mendaftar ke Skim Mesra Usia Emas ialah RM 8,547,000.00. Ia meliputi sejumlah 5.98% atau 4,734 daripada 79,119 pendaftaran ke Skim Mesra Usia Emas. Dengan demikian, statistik pecahan penerima (tidak termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) adalah seperti di Lampiran B.
- b) Setakat 26 Jun 2009, terdapat hampir 20 kes cubaan tuntutan berganda telah dapat dikesan oleh pihak Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Selaku pengendali Skim ini. Walau bagaimanapun, semua kes tersebut telah dapat dielakkan dan diselesaikan dengan baik.
- c) Ketika urusan pendaftaran ke Skim Mesra Usia Emas dibuat, maklumat dan rekod penama atau pewaris adalah sangat penting bagi urusan menyalurkan manfaat ke atas Skim ini. Penama atau pewaris yang dimaksudkan boleh terdiri daripada saudara-mara terdekat, kawan atau mana-mana pertubuhan yang dipersetujui oleh warga emas itu sendiri secara bertulis ketika memohon. Di dalam kes terpencil seperti ini, kawan boleh dijadikan sebagai penama jika warga emas tersebut tidak mempunyai waris atau saudara-mara terdekat.

Walau bagaimanapun, beberapa prosedur yang telah ditetapkan oleh Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB) hendaklah dipatuhi dan Surat Kebenaran daripada pemohon (warga emas) mesti disertakan semasa permohonan dibuat.

SENARAI BAYARAN MANFAAT SMUE FASA1 & 2 MENGIKUT DUN SEHINGGA 26/06/2009

| | | Melayu | Cina | India | Lain-lain | Jumlah | Jumlah RM |
|------|-------------------------|--------|------|-------|-----------|--------|-----------|
| N01 | SUNGAI AIR TAWAR | 114 | 9 | 2 | 0 | 125 | 198,500 |
| N02 | SABAK | 108 | 17 | 3 | 0 | 128 | 201,500 |
| N03 | SUNGAI PANJANG | 113 | 17 | 2 | 0 | 132 | 198,000 |
| N04 | SEKINCHAN | 41 | 37 | 1 | 0 | 79 | 130,000 |
| N05 | HULU BERNAM | 102 | 33 | 12 | 0 | 147 | 304,500 |
| N06 | KUALA KUBU BAHRU | 9 | 23 | 9 | 2 | 43 | 106,000 |
| N07 | BATANG KALI | 55 | 22 | 16 | 6 | 99 | 173,000 |
| N08 | SUNGAI BURONG | 101 | 11 | 2 | 0 | 114 | 207,000 |
| N09 | PERMATANG | 61 | 28 | 8 | 0 | 97 | 223,000 |
| N10 | BUKIT MELAWATI | 44 | 7 | 9 | 0 | 60 | 132,000 |
| N11 | IJOK | 26 | 10 | 23 | 1 | 60 | 85,500 |
| N12 | JERAM | 77 | 23 | 8 | 0 | 108 | 222,000 |
| N13 | KUANG | 40 | 17 | 12 | 1 | 70 | 116,500 |
| N14 | RAWANG | 17 | 71 | 33 | 2 | 123 | 195,500 |
| N15 | TAMAN TEMPLER | 32 | 59 | 10 | 0 | 101 | 177,500 |
| N16 | BATU CAVES | 34 | 5 | 14 | 1 | 54 | 94,500 |
| N17 | GOMBAK SETIA | 60 | 22 | 13 | 1 | 96 | 162,500 |
| N18 | HULU KELANG | 75 | 18 | 1 | 1 | 95 | 176,000 |
| N19 | BUKIT ANTARABANGSA | 28 | 14 | 2 | 0 | 44 | 89,000 |
| N20 | LEMBAH JAYA | 45 | 39 | 8 | 0 | 92 | 193,000 |
| N21 | CHEMPAKA | 24 | 20 | 3 | 0 | 47 | 108,500 |
| N22 | TERATAI | 8 | 69 | 3 | 0 | 80 | 180,500 |
| N23 | DUSUN TUA | 45 | 29 | 7 | 0 | 81 | 141,000 |
| N24 | SEMENYIH | 64 | 59 | 21 | 3 | 147 | 251,000 |
| N25 | KAJANG | 25 | 79 | 19 | 1 | 124 | 224,000 |
| N26 | BANGI | 30 | 8 | 11 | 0 | 49 | 107,500 |
| N27 | BALAKONG | 13 | 48 | 5 | 0 | 66 | 121,500 |
| N28 | SERI KEMBANGAN | 0 | 62 | 2 | 0 | 64 | 97,500 |
| N29 | SERI SERDANG | 39 | 12 | 22 | 0 | 73 | 133,000 |
| N30 | KINRARA | 7 | 66 | 25 | 0 | 98 | 168,500 |
| N31 | SUBANG JAYA | 1 | 8 | 3 | 3 | 15 | 27,000 |
| N32 | SERI SETIA | 20 | 12 | 19 | 2 | 53 | 65,500 |
| N33 | TAMAN MEDAN | 39 | 12 | 23 | 1 | 75 | 135,500 |
| N34 | BUKIT GASING | 1 | 38 | 6 | 1 | 46 | 73,500 |
| N35 | KAMPUNG TUNKU | 2 | 37 | 5 | 8 | 52 | 79,500 |
| N36 | DAMANSARA UTAMA | 4 | 83 | 2 | 0 | 89 | 148,000 |
| N37 | BUKIT LANJAN | 8 | 54 | 8 | 0 | 70 | 109,500 |
| N38 | PAYA JARAS | 35 | 18 | 22 | 0 | 75 | 134,000 |
| N39 | KOTA DAMANSARA | 4 | 25 | 13 | 0 | 42 | 64,500 |
| N40 | KOTA ANGGERIK | 29 | 16 | 6 | 1 | 52 | 82,000 |
| N41 | BATU TIGA | 64 | 12 | 18 | 1 | 95 | 152,500 |
| N42 | MERU | 65 | 15 | 9 | 0 | 89 | 173,000 |
| N43 | SEMENTA | 46 | 25 | 20 | 0 | 91 | 195,000 |
| N44 | SUNGAI PINANG | 24 | 84 | 5 | 2 | 115 | 240,000 |
| N45 | SELAT KLANG | 68 | 20 | 8 | 1 | 97 | 226,000 |
| N46 | PELABUHAN KLANG | 18 | 6 | 1 | 0 | 25 | 62,500 |
| N47 | PANDAMARAN | 24 | 97 | 27 | 0 | 148 | 290,500 |
| N48 | KOTA ALAM SHAH | 3 | 35 | 14 | 0 | 52 | 75,500 |
| N49 | SERI ANDALAS | 32 | 35 | 58 | 0 | 125 | 257,000 |
| N50 | SRI MUDA | 37 | 18 | 31 | 2 | 88 | 188,500 |
| N51 | SIJANGKANG | 64 | 12 | 14 | 1 | 91 | 120,000 |
| N52 | TELUK DATUK | 19 | 38 | 24 | 3 | 84 | 105,000 |
| N53 | MORIB | 89 | 9 | 22 | 1 | 121 | 170,000 |
| N54 | TANJUNG SEPAT | 51 | 21 | 9 | 0 | 81 | 126,500 |
| N55 | DENGKIL | 74 | 9 | 16 | 3 | 102 | 199,500 |
| N56 | SUNGAI PELEK | 21 | 34 | 10 | 0 | 65 | 128,000 |
| P114 | WPKL - KEPONG | 0 | 19 | 3 | 0 | 22 | 22,000 |
| P115 | WPKL - BATU | 5 | 8 | 7 | 0 | 20 | 20,000 |
| P116 | WPKL - WANGSA MAJU | 2 | 9 | 2 | 0 | 13 | 12,000 |
| P117 | WPKL - SEGAMBUT | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | - |
| P118 | WPKL - SETIAWANGSA | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | - |
| P119 | WPKL - TITIWANGSA | 5 | 0 | 1 | 0 | 6 | 6,000 |
| P120 | WPKL - BUKIT BINTANG | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | - |
| P121 | WPKL - LEMBAH PANTAI | 6 | 2 | 2 | 0 | 10 | 10,000 |
| P122 | WPKL - SEPUTEH | 0 | 55 | 1 | 0 | 56 | 55,000 |
| P123 | WPKL - CHERAS | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | - |
| P124 | WPKL - BANDAR TUN RAZAK | 2 | 13 | 1 | 0 | 16 | 16,000 |
| | | 2299 | 1813 | 716 | 49 | 4877 | 8,688,000 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : DASAR PENSWASTAAN DALAM PBT

251. Banyak tapak-tapak perniagaan yang dibina oleh Pihak Berkuasa Tempatan sebelum ini telah diswastakan pengurusannya kepada pihak ketiga untuk tempoh yang lama. Syarikat-syarikat pengurusan tersebut mengaut keuntungan berlipat ganda melalui sewaan yang tinggi kepada peniaga, dan hanya membayar PBT kadar sewa yang rendah.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah terdapat dasar penswastaan Kerajaan Negeri untuk Pihak Berkuasa Tempatan. Sila nyatakan.
- b) Senaraikan tapak-tapak perniagaan yang di bawah PBT yang telah diswastakan pengurusannya serta nama syarikat-syarikat tersebut dan tempoh yang diserahkan pengurusannya

JAWAPAN :

- a) Pada ketika ini, semua permohonan penswastaan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menggunakan Garis Panduan Memproses Permohonan dan Pelaksanaan Projek Penswastaan Di Negeri Selangor Darul Ehsan melalui Pekeliling Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor Darul Ehsan Bil. 3 Tahun 1998. Pekeliling ini menjelaskan garis panduan memproses permohonan dan pelaksanaan projek yang melibatkan tanah Kerajaan atau lain-lain projek penswastaan (perkhidmatan) di Negeri Selangor di mana semua keputusan akan diperoleh melalui pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa semua permohonan projek penswastaan harta tanah yang melibatkan tanah kerajaan perlu dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor sebelum dibentangkan ke Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES). Sebaliknya, jika tanah-tanah adalah milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), maka PBT berkenaan perlu membentangkannya terus ke MTES untuk mendapatkan keputusan Pihak Berkuasa Negeri.

Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya tidak lagi menerima apa-apa pulangan dalam bentuk *in-kind* sebagai balasan kepada projek-projek penswastaan yang akan datang.

- b) Berikut adalah senarai tapak-tapak perniagaan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah diswastakan pengurusannya dan nama syarikat serta tempoh konsesi:

| Bil. | Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) | Projek Penswastaan |
|-------------|---------------------------------------|---------------------------|
| 1. | Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) | Lampiran A |
| 2. | Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) | Lampiran B |
| 3. | Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) | Lampiran C |
| 4. | Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) | Lampiran D |
| 5. | Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) | Lampiran E |
| 6. | Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) | Lampiran F |
| 7. | Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) | Lampiran G |
| 8. | Majlis Perbandaran Klang (MPK) | TIADA |
| 9. | Majlis Perbandaran Selayang (MPS) | TIADA |
| 10. | Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) | TIADA |
| 11. | Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) | TIADA |
| 12. | Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) | TIADA |

LAMPIRAN A**PROJEK PENSWASTAAN****MAJLIS BANDAR RAYA SHAH ALAM (MBSA)**

| Bil. | Projek Penswastaan | Syarikat Pemaju | Tempoh Konsesi (BOT) |
|------|--|---|----------------------|
| 1. | Cadangan pembangunan Bazaar dan gerai di atas lot No.1 (PT575) Jalan G9/G, Seksyen 9, Shah Alam. | Tetuan Johanjana Corporation Sdn.Bhd. | 30 tahun. |
| 2. | Cadangan projek pembangunan tapak gerai di No. 2, Jln Bunga Melor 2/18, Seksyen 2 Shah Alam. | Tetuan Konsortium Permodalan Shah Alam (KPSA) Sdn. Bhd. | 30 tahun. |
| 3. | Cadangan pembangunan gerai makanan konsep gazebo di tapak gerai No.2, Jalan19/18A Seksyen 19 Shah Alam. | Tetuan Cindai Gemilang Sdn. Bhd. | 30 tahun. |
| 4. | Cadangan Pembangunan Kompleks medan selera di atas tanah milik Majlis di No.1, Jln Lompat Tinggi 13/33, Shah Alam. | Tetuan Lazim Berkat Sdn. Bhd. | 30 tahun. |
| 5. | Cadangan pembangunan Fast Food' dalam komponen 'Extreme Sport Park' di perkarangan Stadium Seks. 13 Shah Alam. | Tetuan Ain & Azam Sdn. Bhd. | 30 tahun |

| Bil. | Projek Penswastaan | Syarikat Pemaju | Tempoh Konsesi (BOT) |
|-------------|--|-----------------------------------|-----------------------------|
| 6. | Cadangan menaik taraf serta membangun pusat rumah rehat & rekreasi di kawasan Taman Tasik Barat Shah Alam. | Tetuan Sri Antan Sdn Bhd. | 30 tahun |
| 7. | Cadangan membina kompleks sukan futsal 1 tingkat di atas tapak (Shah Alam Extreme park) Perkarangan Stadium Shah Alam Jalan lompat Pagar 13/37, Seksyen 13, Shah Alam | Tetuan Prinsip Duta Sdn. Bhd. | 30 tahun. |
| 8. | Projek pembangunan 3 tingkat secara penswastaan yang mengandungi: - 8 unit ruang kedai 2 tingkat; - 38 unit bazaar; -11 unit gerai; -1 unit pusat bowling dan ruang pameran di Jalan 18/1 Seksyen 18 Shah Alam. | Tetuan Maximum Progress Sdn. Bhd. | 30 tahun. |
| 9. | Pembinaan ruang perniagaan dan gerai2 tingkat di Jalan B 7/B, Seksyen 7, Shah Alam. | Tetuan Hikmat Sehati Sdn Bhd. | 30 tahun |

LAMPIRAN B**PROJEK PENSWASTAAN****MAJLIS BANDAR RAYA PETALING JAYA (MBPJ)**

| Bil. | Projek Penswastaan | Syarikat Pemaju | Tempoh Konsesi (BOT) |
|------|---|--------------------------------|-----------------------------|
| 1. | Kompleks Medan Selera Sri Manja 4, PJS1, Petaling Jaya. | Tetuan Rangkaian Nusa Sdn Bhd. | 3 tahun + 3 tahun + 3 tahun |
| 2. | Kompleks Medan Selera Subang Indah, Jalan PJS 10/2, Petaling Jaya | Tetuan Complete Master Sdn Bhd | 3 tahun + 3 tahun + 3 tahun |

LAMPIRAN C**PROJEK PENSWASTAAN****MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)**

| Bil. | Projek Penswastaan | Syarikat Pemaju | Tempoh Konsesi (BOT) |
|------|---|------------------------------|----------------------|
| 1. | Medan Selera 2 Tingkat, Ampang Waterfront, Mukim Ampang Daerah Hulu Langat. | Tetuan D'Zana Lodge Sdn.Bhd. | 5 tahun (3+2) |

LAMPIRAN D**PROJEK PENSWASTAAN****MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ)**

| Bil. | Projek Penswastaan | Syarikat Pemaju | Tempoh Konsesi |
|------|---|--|----------------------------|
| 1. | Cadangan Penswastaan Pengurusan Medan Selera Taman Perindustrian Bukit Serdang, Seri Kembangan Bagi Majlis Perbandaran Subang Jaya. | Tetuan WDS Management Services Sdn. Bhd. | 5 + 5 Tahun |
| 2. | Cadangan Penswastaan 6 Gerai (No1, 2, 3, 4, 5 dan 6) di Medan Selera Bandar Puchong Jaya, Mukim Dan Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan. | Tetuan WDS Management Services Sdn. Bhd. | 5 Tahun |
| 3. | Cadangan Penswastaan 3 Unit Gerai (No 6, 7 dan 8) Di Medan Selera Bandar Puchong Jaya Mukim Dan Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan. | Tetuan AGN Agency Sdn. Bhd. | 5 Tahun |
| 4. | Cadangan Konsep Kerja-kerja Landskap Dan Mempercantikkan Lorong Belakang di antara Jalan SS15/4 Ke Jalan SS14/4E Subang Jaya Secara Usaha sama Dengan Majlis Perbandaran Subang Jaya. | Tetuan Subang Jaya Konsortium Sdn. Bhd. | 20+5 Tahun (25 Tahun) |

LAMPIRAN E**PROJEK PENSWASTAAN****MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKj)**

| Bil. | Projek Penswastaan | Syarikat Pemaju | Tempoh Konsesi (BOT) |
|------|---|---------------------------------------|----------------------|
| 1. | Medan Selera Ramal Junction, Kajang. | Tetuan Juwara Resources (M) Sdn. Bhd. | 15 tahun |
| 2. | Hentian Bas Semenyih Sentral, Semenyih. | Tetuan Bas Bakti Sdn. Bhd | 6 tahun |
| 3. | Terminal Bas Hentian Reko, Kajang. | Tetuan Pusaka Padu Sdn. Bhd. | 10 tahun |

LAMPIRAN F**PROJEK PENSWASTAAN****MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)**

| Bil. | Projek Penswastaan | Syarikat Pemaju | Tempoh Konsesi |
|------|--|--------------------------|-----------------|
| 1. | Rumah Rehat Kerajaan Kuala Kubu Baharu. | Tetuan S Fik Services. | 3 tahun |
| 2. | Dewan Badminton, Dewan Dato' Abdul Hamid, Batang Kali. | Tetuan KB Utama Sports | 3 tahun |
| 3. | Dewan Serba guna MIEL, Batang Kali. | Tetuan MIEL Futsal | 3 tahun |
| 4. | Gerai Dewan Dato' Abdul Hamid, Batang Kali. | Tetuan Ismail Bin Salleh | 3 tahun |
| 5. | Dataran Sentosa, Bukit Sentosa. | Tetuan DRB Resources | Baru ditawarkan |
| 6. | Bazar Serendah, Serendah. | Akan diswastakan | Julai 2009 |

LAMPIRAN G**PROJEK PENSWASTAAN****MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)**

| Bil. | Projek Penswastaan | Syarikat Pemaju | Tempoh Konsesi (BOT) |
|------|--|--|----------------------|
| 1. | D'Muara Dorani Marine Park, Sungai Hj. Dorani. | Tetuan Dorani Bayu N Services Sdn Bhd. | 4 tahun |
| 2. | Sabak Waterfront, Sabak Bernam. | Tetuan Line Allright.Com Sdn. Bhd. | 5 tahun |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SELANGOR

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan perpustakaan awam yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut PBT.
- b) Apakah nisbah jumlah buku Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di perpustakaan awam dalam Negeri Selangor?
- c) Apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan untuk menggalakkan dan seterusnya menarik orang ramai untuk berkunjung ke perpustakaan?

JAWAPAN :

a)

Majlis Bandaraya Shah Alam

1. Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam

Majlis Bandaraya Petaling Jaya

1. Perpustakaan Desa Kg. Kubu Gajah, Sungai Buloh
2. Perpustakaan Desa Kg. Sungai Pelong, Sungai Buloh

Majlis Perbandaran Klang

1. Perpustakaan Daerah Klang, Klang
2. Perpustakaan Cawangan Pelabuhan Klang, Pelabuhan Klang
3. Perpustakaan Desa Meru, Klang
4. Perpustakaan Desa Pulau Indah, Klang
5. Perpustakaan Desa Bukit Kapar, Klang
6. Perpustakaan Desa Sijangkang, Klang
7. Perpustakaan Bergerak M10 - Klang

Majlis Perbandaran Selayang

1. Perpustakaan Daerah Gombak, Bandar Baru Selayang
2. Perpustakaan Desa Al-Syakirin, Gombak
3. Perpustakaan Desa Kuang, Rawang

Majlis Perbandaran Ampang Jaya

1. Perpustakaan Desa Kg. Melayu Ampang, Ampang
2. Perpustakaan Desa Lembah Jaya, Ampang
3. Perpustakaan Desa Kg. Pandan, Ampang
4. Perpustakaan Desa Kg. Cheras Baru, Cheras

Majlis Perbandaran Kajang

1. Perpustakaan Daerah Hulu Langat, Bandar Baru Bangi

2. Perpustakaan Cawangan Kajang, Hulu Langat
3. Perpustakaan Pekan Semenyih, Semenyih
4. Perpustakaan Desa Batu 14, Hulu Langat
5. Perpustakaan Desa Beranang, Beranang

Majlis Perbandaran Sepang

1. Perpustakaan Pekan Sungai Pelek, Sepang
2. Perpustakaan Desa Sg. Merab, Sepang
3. Perpustakaan Desa Jenderam Hilir, Sepang
4. Perpustakaan Desa Bukit Bangkong, Sg. Pelek, Sepang
5. Perpustakaan Desa Bagan Lalang, Sg. Pelek, Sepang

Majlis Daerah Hulu Selangor

1. Perpustakaan Syed Mashor, Kuala Kubu Bharu
2. Perpustakaan Cawangan Rawang, Rawang
3. Perpustakaan Pekan Hulu Bernam, Hulu Selangor
4. Perpustakaan Desa kg. Sungai Masin, Batang Kali
5. Perpustakaan Desa Sungai Selisek, Kuala Kubu Bharu
6. Perpustakaan Desa Kerling, Hulu Selangor
7. Perpustakaan Desa Kalumpang, Hulu Selangor
8. Perpustakaan Desa Sungai Choh, Rawang

Majlis Daerah Kuala Langat

1. Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Banting
2. Perpustakaan Desa Olak Lempit, Banting
3. Perpustakaan Desa Sri Jugra, Banting
4. Perpustakaan Desa Kampung Endah, Kuala Langat
5. Perpustakaan Desa Jenjarom, Kuala Langat
6. Perpustakaan Desa Kg. Dato' Ahmad Razali, Dengkil
7. Perpustakaan Bergerak M3 – Banting

Majlis Daerah Kuala Selangor

1. Perpustakaan Daerah Kuala Selangor, Kuala Selangor
2. Perpustakaan Cawangan Tanjung Karang, Tg Karang
3. Perpustakaan Pekan Sekinchan, Sekinchan
4. Perpustakaan Pekan Batang Berjuntai, Kuala Selangor
5. Perpustakaan Desa Ijok, Batang Berjuntai
6. Perpustakaan Desa Sri Tiram Jaya, Tanjung Karang
7. Perpustakaan Desa Parit Mahang, Jeram
8. Perpustakaan Desa Bukit Badong, Batang Berjuntai
9. Perpustakaan Desa Jeram, Jeram
10. Perpustakaan Desa Sg. Gulang-Gulang, Tg. Karang

Majlis Daerah Sabak Bernam

1. Perpustakaan Daerah Sabak Bernam, Sungai Besar
2. Perpustakaan Dataran Sabak Bernam, Sabak Bernam
3. Perpustakaan Desa Bagan Terap, Sungai Besar
4. Perpustakaan Desa Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam
5. Perpustakaan Desa Binjai Jaya, Sabak Bernam
6. Perpustakaan Desa Pasir Panjang, Sabak Bernam
7. Perpustakaan Desa Batu 2, Sepintas, Sabak Bernam

- 8.** Perpustakaan Desa Sungai Air Tawar, Sabak Bernam
- 9.** Perpustakaan Desa Kampong Banting, Sabak Bernam
- 10.** Perpustakaan Desa Tebuk Berihun, Sabak Bernam
- 11.** Perpustakaan Desa Sungai Apong, Sabak Bernam
- 12.** Perpustakaan Desa Taman Muhibbah, Sabak Bernam
- 13.** Perpustakaan Desa Batu 4, Sepintas, Sabak Bernam
- 14.** Perpustakaan Desa Batu 38, Sabak Bernam
- 15.** Perpustakaan Desa Simpang Lima, Sungai Besar
- 16.** Perpustakaan Desa Tebuk Mufrad, Sabak Bernam
- 17.** Perpustakaan Desa Parit Baru, Sabak Bernam
- 18.** Perpustakaan Desa Tebuk Pulai, Sabak Bernam
- 19.** Perpustakaan Desa Parit 14, Sungai Panjang
- 20.** Perpustakaan Desa Parit 6, Sungai Besar
- 21.** Perpustakaan Desa Parit 8, Sg. Panjang, Sabak Bernam
- 22.** Perpustakaan Bergerak M9 - Sungai Besar

- b) Nisbah jumlah buku Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di Perpustakaan Awam dalam Negeri Selangor. (Pembelian)

| BII | JENIS BUKU | PERATUS |
|-----|------------------------|-----------------------------|
| 1 | Bahasa Melayu | 60% |
| 2 | Bahasa Inggeris | 40% |
| 3 | Bahasa Cina | 474 naskhah bahan sumbangan |
| 4 | Bahasa Tamil | 134 naskhah bahan sumbangan |

- c) Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan dan seterusnya menarik orang ramai untuk berkunjung ke perpustakaan. Langkah pertama yang dilakukan oleh kerajaan ialah proses penjenamaan semula dengan mengadakan Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (*Rebranding PPAS*). Sesuai dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor yang ingin turut menjadikan perpustakaan sebagai Hub Ilmuwan, dengan pelancaran ini bakal menarik lebih ramai pengunjung dan pencinta buku ke perpustakaan.

Objektif penjenamaan semula Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (*Rebranding of PPAS*) iaitu hub ilmuan Selangor yang akan membantu mengurangkan kadar kes jenayah dan gejala sosial. Peranan perpustakaan harus berkembang seiring dengan peredaran masa. Kita perlu suburkan jiwa mereka dengan bersesuaian dengan konsep "*library my second home*" yang juga seiring dengan pemberian imej yang dilakukan, maka akan ramai yang datang ke perpustakaan.

Kerajaan mementingkan budaya membaca. Kerajaan menggerakkan semua perpustakaan awam di Selangor dengan memberi kemudahan secara percuma termasuk keahlian, pinjaman buku, penggunaan komputer dan Internet kepada semua masyarakat. Selangor merupakan negeri yang memberi kemudahan perpustakaan secara percuma sejak ianya ditubuhkan.

Perkhidmatan dan infrastruktur perpustakaan akan terus dipertingkatkan dengan tujuan untuk menyemai dan menggalakkan sikap suka membaca di kalangan orang awam.

Dalam hal ini, rangkaian perkhidmatan perpustakaan akan diperluaskan ke semua daerah, mukim dan kampung supaya lebih ramai penduduk mendapat akses kepada bahan-bahan bacaan. Agensi berkaitan akan bekerjasama untuk mempercepatkan pewujudan perpustakaan tersebut di pusat komuniti.

Usaha menggalakkan sikap suka membaca melalui Kempen Gerakan Membaca akan terus dilaksanakan. Dalam tempoh rancangan, lebih banyak perpustakaan baru termasuk perpustakaan di negeri, daerah dan luar bandar akan dibina manakala perpustakaan bergerak akan ditambah. Bagi meningkatkan tahap celik IT dan akses kepada maklumat, lebih banyak Pusat Siber Ilmu akan diwujudkan di seluruh negeri. Program latihan untuk kakitangan perpustakaan terutamanya berkaitan dengan penggunaan dan penyelenggaraan IT akan dipergiat bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan perpustakaan.

Selaras dengan objektif menjadikan Perpustakaan Negeri sebagai pusat sumber dan rujukan, usaha akan diperingkatkan untuk menambah koleksi dan perolehan buku-buku, jurnal dan bahan-bahan lain dalam pelbagai mata pelajaran terutamanya mata pelajaran sains, teknologi dan perniagaan.

Langkah-langkah ini juga diambil bagi memperkuatkuasaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 bagi memastikan semua penerbitan dalam negara diserah dan didokumenkan secara sistematik serta sedia untuk rujukan dan penyelidikan. Bagi meningkatkan akses kepada maklumat yang diterbitkan dalam negara, usaha akan dipergiatkan untuk mendigitalkan penerbitan yang terpilih dalam tempoh rancangan. Dalam hal ini, langkah ini juga akan diambil untuk menggalakkan semua perpustakaan menjalankan program pendigitalan untuk memperbanyak pangkalan data maklumat.

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah mengadakan pelbagai aktiviti yang menarik bagi pengunjung yang datang ke setiap perpustakaan yang telah diuruskan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Aktiviti yang dijalankan oleh perpustakaan dibahagikan kepada lima bahagian yang mengendalikan program dan aktiviti tertentu.

Bagi Perpustakaan Raja Tun Uda (RATU) Shah Alam, kebanyakan aktiviti yang telah dijalankan oleh Bahagian Perkhidmatan Pelanggan dan juga Bahagian Maklumat Dan Penyelidikan. Ini adalah kerana kedua-dua bahagian ini merupakan nadi utama bahagian perkhidmatan di Perpustakaan RATU, Shah Alam. Aktiviti yang dijalankan meliputi aspek peringkat umur daripada pengguna kanak-kanak sehingga dewasa. Segala aktiviti yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk mendidik pengunjung perpustakaan dan masyarakat tentang kepentingan ilmu, sebaran maklumat terkini, di samping menggalakkan pendaftaran penduduk Negeri Selangor untuk menjadi ahli perpustakaan seterusnya mencapai sasaran 2.5% peningkatan keahlian baru setiap tahun.

Bagi perkhidmatan Maklumat Daerah Zon 1 dan Zon 2, aktiviti dan program yang dijalankan terutamanya musim cuti sekolah telah menarik minat para pelajar khususnya dan peningkatan keahlian baru di semua perpustakaan daerah, cawangan, pekan dan desa.

Unit Gerakan Membaca telah merangka dan menjalankan program yang lebih tertumpu kepada masyarakat setempat juga membantu masyarakat lebih mengunjungi semua perpustakaan yang diuruskan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Pertandingan kuiz sejarah, deklamasi puisi dan aktiviti sempena bulan kemerdekaan adalah antara program yang menarik telah dilaksanakan dengan jayanya.

Bahagian *Knowledge Management* telah menjalankan aktiviti *roadshow* ke sekolah-sekolah di daerah-daerah Selangor untuk mempromosikan portal jejak IT, dan latihan asas IT pada musim cuti sekolah untuk lebih mendekatkan para pengguna perpustakaan dengan produk-produk digital yang dapat diakses oleh mereka.

Kunjungan dan lawatan-lawatan diterima daripada sekolah sekitar lembah Klang dan juga Institusi Pengajian Tinggi ke Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor amat menggalakkan bagi sepanjang tahun. Lawatan ini adalah untuk lebih mendekatkan masyarakat luar dengan perpustakaan yang tidak hanya mempunyai koleksi buku sahaja, malah pelbagai koleksi yang menarik dan juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak perpustakaan.

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor juga menyertai Hari Bertemu Pelanggan Bersepadu yang telah dianjurkan oleh Pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan telah mengadakan kempen keahlian kepada para pengunjung dan sambutan yang diterima amat menggalakkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN SHUHAIMI HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : SISTEM PENGANGKUTAN DI SELANGOR

253. Sistem pengangkutan yang menghubungkan seluruh daerah di Selangor.

Kerajaan Negeri telah mengumumkan seluruh Selangor akan dihubungkan dalam tempoh satu jam semasa sidang DUN lepas.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Jelaskan perkembangan cadangan ini dan bilakah ia akan dilaksanakan
- b) Berapakah kos keseluruhan projek ini dan terangkan sumber kewangannya serta nyatakan bagaimanakah ia akan dilaksanakan memandangkan keadaan ekonomi semasa tidak begitu menggalakkan
- c) Apakah projek ini akan dilaksanakan dengan penyertaan pihak swasta lain di peringkat nasional memandangkan banyak pihak ini telah mempunyai perancangan serupa terutamanya sistem LRT yang telah menjangkau pinggir lembah Klang seperti di Putra Height, Seksyen 27 dan sebagainya

JAWAPAN :

- a&b) Sistem pengangkutan awam yang lebih menyeluruh di Negeri Selangor dengan menghubungkan kawasan yang dikenal pasti dalam tempoh satu (1) jam merupakan hasrat dan fokus penting Kerajaan Negeri.

Di bawah **Pakej Rangsangan Ekonomi 2009 Kerajaan Negeri Selangor** yang telah diumumkan, sistem pengangkutan awam merupakan salah satu perkara penting yang diberi tumpuan khusus. Antara program penting yang menjadi teras adalah seperti berikut :

- i) Memastikan pengukuhan sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat.
- ii) Modal Split dari 90:10 ke 50:50.
- iii) **'One Hour Public Transport Model'**
- iv) Menyambung Laluan LRT dari Kelana Jaya ke Klang
- v) Pengangkutan Awam Bersepadu (Bas, Teksi, LRT diintegrasikan dalam terminal pengangkutan awam).
- vi) Menambah penyediaan sistem pengangkutan ke seluruh kawasan dalam Negeri Selangor.
- vii) Menambah perkhidmatan 'bas henti-henti' antara bandar dalam Negeri Selangor.

Dalam usaha merangka sistem pengangkutan yang lebih bersepadu dan menyeluruh di Negeri Selangor khususnya, Kerajaan Negeri juga telah menjalankan tindakan awal seperti berikut :

- i) Satu **Mesyuarat Pengangkutan Awam** telah diadakan pada **21 Mei 2009**. Kerajaan Negeri telah menjemput Syarikat Kejuruteraan dan Pengangkutan Siemens – Malaysia untuk memberi penerangan mengenai cadangan dan pandangan terhadap pengangkutan awam. Kerajaan Negeri juga turut menjemput pakar-pakar profesional yang berkaitan dari Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk memberi pendapat dan komen serta berkongsi idea untuk mendapatkan model terbaik sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor.
 - ii) Di bawah program **Urban Redevelopment**, Kerajaan Negeri telah menjemput beberapa pakar runding untuk membentangkan cadangan program pembangunan semula di kawasan yang dikenal pasti. Sistem pengangkutan awam merupakan teras utama dalam melaksanakan pembangunan semula.
 - iii) Dalam Rancangan Struktur (RS) dan Rancangan Tempatan (RT), penyediaan terminal pengangkutan bersepadu dan laluan pengangkutan awam terutama bas diberi penekanan khusus.
 - iv) Kerajaan Negeri juga telah memberi pandangan dan cadangan sistem pengangkutan awam dalam Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020, supaya jajaran pengangkutan awam berasaskan rel melewati ke sempadan DBKL dan pusat-pusat pertumbuhan dalam kawasan lima (5) Pihak Berkuasa Tempatan terlibat iaitu MBPJ, MPSJ, MPKj, MP Selayang dan MPAJ.
- c) Kerajaan Negeri sentiasa menyokong dan menggalakkan penyertaan cadangan pihak swasta di peringkat nasional. Namun demikian, cadangan tersebut perlulah dinilai dan dapat memberi kelebihan kepada penduduk di Negeri Selangor.

Sebagai contoh, terdapat **dua (2) cadangan sambungan LRT** yang dibangunkan oleh **Syarikat PRASARANA** iaitu (**Rujuk Pelan 1.0**);


- i) Sambungan LRT Laluan Ampang sepanjang **17.7 km** yang bermula dari **Stesen Sri Petaling** sedia ada dan berakhir di **Puchong/USJ – Bandar Putra Heights**. Sejumlah **13 buah stesen cadangan** dan **4 daripada stesen tersebut dilengkapi kemudahan ‘park n ride’**, dan
- ii) Sambungan LRT Laluan Kelana Jaya sepanjang **17 km** yang bermula dari **Stesen Kelana Jaya** dan berakhir di **Puchong/USJ – Bandar Putra Heights**. Sejumlah **13 buah stesen cadangan** dan **5 daripada stesen tersebut dilengkapi kemudahan ‘park n ride’**.

Kerajaan Negeri dalam **Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 17/2009 yang diadakan pada 27 Mei 2009** telah mengambil maklum mengenai Cadangan sambungan LRT Laluan Ampang dan LRT Laluan Kelana Jaya.

Cadangan sambungan LRT ini juga telah dibentangkan di dalam Mesyuarat **Jawatankuasa Perancang Negeri Bil 3/2009** yang bersidang pada **16 Jun 2009**. Jawatankuasa tersebut telah bersetuju untuk **disediakan satu kertas kerja MMKN secara bersama UPEN, JPBD Negeri Selangor, Pejabat Projek Zon Tengah (JPBD Semenanjung Malaysia), MBSA, MBPJ dan MPSJ**.

Cadangan sambungan LRT ini dapat menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam dan mengurangkan masalah kesesakan.

PELAN 1.0 : JAJARAN SAMBUNGAN LRT LALUAN AMPANG DAN LALUAN KELANA JAYA



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. MUTHIAH MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : HAKMILIK TANAH UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa Sekolah Kebangsaan, Sekolah Agama, Sekolah Cina dan Sekolah Tamil di negeri Selangor yang duduk atas tanah bukan kerajaan?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk beri atau pun beli tanah untuk sekolah-sekolah yang duduk di atas tanah bukan kerajaan supaya sekolah-sekolah ini boleh dapat taraf bantuan penuh?

JAWAPAN :

- a) Terdapat 3 buah sekolah yang duduk atas tanah bukan kerajaan iaitu 1 sekolah SK iaitu SK Taman Setia, 1 sekolah SJKC iaitu SJKC Desa Jaya dan 1 sekolah SJKT iaitu SJKT Melawati yang mana ketiga-tiga sekolah ini berada di daerah Gombak.
- b) Buat masa ini Kerajaan Negeri masih belum bersedia untuk membeli atau memberi tanah bukan kerajaan kepada sekolah-sekolah. Namun begitu Kerajaan Negeri melalui Exco Pendidikan dan Pendidikan Tinggi bersedia untuk membantu dan mengambil perhatian berkenaan permasalahan ini. Oleh yang demikian, pihak yang berkenaan adalah dipelawa untuk memberi maklumat dan informasi berkenaan perkara yang berkaitan dari mana-mana pihak. Exco Pendidikan akan mempertimbangkan perkara tersebut dengan membincangkannya dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk mendapatkan penyelesaian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

255. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan tahap sambutan masyarakat setempat terhadap Program Tuisyen Rakyat yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan huraikan apakah objektif utamanya.
- b) Sehingga kini berapakah jumlah Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) yang masih belum menjalankan Program tersebut ? Sila berikan butir-butir.
- c) Sila nyatakan jumlah peruntukan tahunan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi menjayakan Program PTRS tersebut.

JAWAPAN :

a) **TAHAP SAMBUTAN**

Tahap sambutan masyarakat setempat terhadap Program Tuisyen Rakyat adalah amat baik. Ini kerana terdapat beberapa DUN yang mendapat permintaan yang lebih dari orang ramai, melebihi kuota 100 orang bagi setiap DUN. Setelah 4 bulan PTRS ini dilaksanakan, kita telah dapat melaksanakannya ke semua 55 Dun dan melibatkan seramai **3649** orang pelajar seramai 248 orang guru yang terlibat.

OBJEKTIF

- Menyempurna dan merealisasikan Dasar Kerajaan Negeri dalam memenuhi agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).
 - Membantu rakyat yang berpendapatan rendah (RM 1500 ke bawah) untuk memberi pendidikan yang terbaik kepada anak-anak mereka
 - Membantu memantapkan jati diri pelajar / mengurangkan gejala sosial melalui program - program sokongan.
 - Memberikan satu bentuk perkhidmatan penjanaan modal insan dalam bentuk sumbangan pendidikan dan kemasyarakatan yang positif.
- b) Jumlah Pusat Khidmat Masyarakat yang masih belum menjalankan Program Tuisyen Rakyat ialah **Dun Pelabuhan Klang, Dun Paya Jaras dan Kampung Tunku**. Bulan Julai adalah merupakan tempoh yang terakhir untuk mereka laksanakan PTRS di Dun tersebut.
- c) Jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan untuk program PTRS ini, adalah sebanyak RM 3.45 juta, untuk dilaksanakan ke 56 Dun di seluruh Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK : BELIA DAN PEMBANGUNAN INSAN

256. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan dan mendekati belia?
- b) Apakah aktiviti yang telah di laksana dan bakal dilaksanakan melalui program pembangunan belia negeri Selangor?

JAWAPAN :

a&b) Pembangunan belia menjadi agenda utama dalam membangunkan negeri Selangor. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif dengan menubuhkan Sekretariat Belia Negeri Selangor dan Penggerak Belia Tempatan.

Sekretariat Belia ditubuhkan sebagai satu unit yang akan mewujudkan jaringan dengan kumpulan-kumpulan dan pemimpin-pemimpin belia dalam usaha untuk menyampaikan mesej atau maklumat Kerajaan Negeri. Sekretariat ini juga berperanan untuk melaksana dan menarik penglibatan golongan belia di dalam program-program pembangunan belia di Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) yang berperanan menyampaikan dasar kerajaan serta menarik penglibatan belia di dalam program yang dirancang oleh Kerajaan Negeri. PeBT ini mempunyai tiga struktur iaitu peringkat Negeri, PBT dan Zon. PeBT peringkat Zon merupakan jentera utama Kerajaan Negeri dalam usaha untuk menyokong dan menyampaikan dasar-dasar Kerajaan Negeri sekarang ini.

Melalui Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Jawatankuasa Tetap belia dan Sukan terdapat program yang dirancang telah dilaksanakan dan belum dilaksanakan. Antara program-program yang telah dilaksanakan sehingga 30 Jun 2009 adalah seperti berikut :-

- i) Karnival Sukan Belia dan Beliananis Kapar
- ii) Program Pembangunan Belia (anjuran bersama Yayasan Selangor)
- iii) Konvensyen Agenda Pembangunan Belia
- iv) Karnival Street Soccer
- v) Program Belia Tani (Penternakan Ikan Air Tawar) dengan kerjasama Persatuan Belia Sg Gulang-Gulan
- vi) Program Klinik Frisbee
- vii) Program Menjana Ekonomi Kelab Belia
- viii) Program Jalinan Semarak Budi
- ix) Kursus Ampang Video Shooting "Ampang Speaks Through Video"
- x) Persidangan Meja Bulat Siri I dan II
- xi) *Youth In Community*

- xii) Sesi Percambahan Idea Pembangunan Belia
- xiii) Program Tautan Bakti

Antara program-program yang bakal dilaksanakan ialah:

- 1) Retreat Garis Panduan Penggerak Belia Tempatan
- 2) Karnival Sukan Jalanan & Bazar Belia SUKSES
- 3) Program Kepimpinan dan Pelantikan Pengerusi Penggerak Belia Tempatan
- 4) International Youth Day
- 5) Program Penghayatan Ramadhan Peringkat Negeri
- 6) Majlis Berbuka Puasa Bersama Mahasiswa
- 7) Karnival Futsal dan Bola Jaring Negeri Selangor (Selangor Ria)
- 8) Youth In Community – diadakan sebanyak 12 kali setahun di setiap PBT
- 9) Program Usahawan Belia – diadakan secara berkala
- 10) Program Pembangunan Belia dalam Keusahawanan – diadakan secara berkala

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : PERPUSTAKAAN DI NEGERI SELANGOR

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah bilangan buah perpustakaan awam yang terdapat di seluruh Negeri Selangor?
 - Berapakah bilangan buah perpustakaan awam di Negeri Selangor yang mempunyai bahagian bahasa Cina?
 - Berapakah kerajaan Negeri Selangor akan memperuntukkan untuk perpustakaan awam bagi menambah bilangan buku bahasa Cina terutamanya di kawasan yang mempunyai populariti orang Cina yang tinggi?

JAWAPAN :

- Pada masa ini terdapat **91** buah perpustakaan di seluruh negeri Selangor yang ditubuhkan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Perpustakaan-perpustakaan ini ialah : **sebuah perpustakaan negeri, 7 buah perpustakaan daerah, 4 buah perpustakaan cawangan, 6 buah perpustakaan pekan, 70 buah perpustakaan desa dan 3 buah perpustakaan bergerak.**
- Perbadanan perpustakaan awam di Negeri Selangor hanya ada 5 buah perpustakaan sahaja yang mempunyai bahagian bahasa cina iaitu:
 - 1) Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam (Buku sumbangan daripada YB Ean Yong Hian Wah)
 - 2) Perpustakaan Syed Mashor, Kuala Kubu Bharu
 - 3) Perpustakaan Pekan Sekinchan
 - 4) Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya
 - 5) Perpustakaan Hipermedia Majlis Perbandaran Subang Jaya
- Buat masa ini, belum ada lagi peruntukan untuk perpustakaan awam bagi menambah bilangan buku bahasa cina. Semua koleksi buku bahasa cina yang ada di perpustakaan hanyalah sumbangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PKFZ

259. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan yang ada pada kerajaan negeri jikalau PKFZ diserahkan kepada Kerajaan Negeri?
- b) Apakah syarat-syarat Kerajaan Negeri untuk mengambil alih PKFZ memandangkan projek ini menanggung kerugian yang besar setakat sekarang?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri boleh menjadikan PKFZ pemangkin pembangunan industri di kawasan tersebut. Kita boleh menggabungkan peranan pelabur tempatan dan luar bagi menyumbang terhadap peranan PKFZ.

Saya bersedia menyumbang pengalaman saya sebagai bekas Pengurus Kontena Nasional yang mengambil alih penswastaan Pelabuhan Klang dan mentadbir Pelabuhan Utara selama beberapa tahun.

- b) Kerajaan Negeri meminta Kerajaan Pusat 'write-off' kerugian besar PKFZ dan menyerahkannya kepada Kerajaan Negeri pada harga nominal dan memberi kuasa penuh kepada Kerajaan Negeri untuk memajukannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PEMBELIAN KERETA CAMRY

260. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Jika sebab penukaran kereta perdana kepada Camry bagi ahli Exco adalah kos penyelenggaraan yang tinggi, mengapakah kereta perdana untuk PBT dan agensi kerajaan yang lain tidak ditukar?
- b) Apakah yang sudah terjadi kepada kereta perdana lama pihak Exco? Sila nyatakan butir-butir.

JAWAPAN :

- a) Keputusan kereta Perdana untuk PBT dan agensi lain akan dilaksanakan mengikut keperluan selepas perbincangan dengan PBT dan agensi tersebut. Sebarang perubahan juga, jika ada, akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengambil kira kedudukan kewangan Kerajaan Negeri, PBT dan agensi tersebut.
- b) Kereta Perdana V.6 Executive lama sebanyak sepuluh (10) buah di mana tujuh (7) buah tidak lagi ekonomik untuk digunakan kerana tempoh hayatnya telah melebihi 5 tahun. Sehubungan itu semua kereta tersebut telah dijual secara Tender Terbuka yang di Iklankan melalui Laman Web SUK dan surat edaran. Dari Tender tersebut 6 buah kereta telah berjaya dijual seperti di butiran berikut di bawah manakala sebuah lagi akan di tender semula kerana tiada petender yang berjaya. Bagi 3 buah lagi kereta yang tidak di tender ini masih disimpan dan diselenggarakan oleh Pejabat Dewan Undangan Negeri untuk kegunaan semasa kecemasan.

| Bil | No. Pendaftaran Kenderaan | Harga (RM) | Nama Penender/Pembeli |
|------------|----------------------------------|-------------------|-----------------------------------|
| 1. | BKF 5108 | 30,100.00 | En. Tan Chan @ Yam Peng Song |
| 2. | BHL 100 | 35,300.00 | Syarikat Kereta Mahandar Sdn Bhd. |
| 3. | BKF 5107 | 39,700.00 | Lembaga Zakat Selangor |
| 4. | BKF 37 | 37,000.00 | En. Tai Poo Hua |
| 5. | BHD 1221 | 35,000.00 | En. Kok Voon Kay |
| 6. | BHG 318 | 33,000.00 | En. Kok Voon Pay |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : INDUSTRI KECIL SEDERHANA

261. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan jumlah industri kecil sederhana mengikut jenis dalam Selangor daripada 2004-2009.
- b) Apakah usaha yang dijalankan oleh kerajaan bagi menggalakkan dan membantu industri kecil sederhana dalam Selangor?
- c) Apakah bidang yang menjadi fokus utama Kerajaan Negeri dalam pembangunan industri kecil sederhana?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan senarai yang berdaftar dengan SMIDEC dan SSIC Berhad sebanyak 1,793 syarikat IKS beroperasi di Negeri Selangor. Senarai mengikut jenis industri adalah seperti berikut:-

| BIL | INDUSTRI | BIL SYARIKAT |
|-----|---|--------------|
| 1. | Machinery & Equipments | 239 |
| 2. | Food & Beverages Manufacturing | 227 |
| 3. | Electrical & Electronic Products | 186 |
| 4. | Chemical & Petrochemical Products | 124 |
| 5. | Metal & Fabricated Metal Products | 110 |
| 6. | Transport Equipments | 96 |
| 7. | It Related Sevices | 81 |
| 8. | Wood & wood Products | 71 |
| 9. | Services Provider | 63 |
| 10. | Rubber Products | 59 |
| 11. | Textiles & Fabrics Product | 40 |
| 12. | Furniture & Fixtures | 26 |
| 13. | Retail & Wholesale (Distributive Trade) | 25 |
| 14. | Miscellaneous | 21 |
| 15. | Trading | 19 |
| 16. | Leather Products | 18 |
| 17. | Cosmetic & Skin Care Products | 17 |
| 18. | Education Services | 12 |
| 19. | Contruction And Health | 9 |
| 20. | Warehouse & Logistic | 7 |
| 21. | Supporting Product & Activities | 6 |
| 22. | Contractors | 6 |
| 23. | Agricultural Products | 5 |
| 24. | Healthcare & Industrial Biotechnology | 5 |
| 25. | Scientific & Measuring Equipments | 5 |

| | | |
|-----|--|--------------|
| 26. | Manufacturing Related Services | 4 |
| 27. | Hospitality Services | 4 |
| 28. | Agriculture & Industrial Biotechnology | 1 |
| 29. | Training Centre | 1 |
| | Jumlah | 1,793 |

- b) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan dana sebanyak RM1 juta setahun untuk membantu usahawan Industri Kecil di dalam usaha membantu mereka meningkatkan pengeluaran produk. Selain dari itu juga usaha – usaha dari segi Kursus, Promosi dan Peningkatan Kualiti
- c) Sektor pertanian keutamaan sektor industri asa tani seperti produk makanan dan pembuatan makanan merupakan fokus utama Kerajaan Negeri dalam pembangunan industri kecil dan sederhana di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN SHUHAIMI HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : MEMPERKAYAKAN SEMULA TULISAN JAWI

262. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan yang ada di pihak Kerajaan Negeri bagi menjamin keberlangsungan dan kepopularan tulisan jawi di kalangan rakyat berbilang kaum di negeri ini?
- b) Adakah pihak-pihak PBT di negeri ini mempunyai rancangan untuk memartabatkan tulisan jawi di papan-papan tanda yang diwujudkan di bawah bidang kuasa PBT-PBT tersebut?
- c) Apakah pula perancangan strategik di pihak Adat-adat Melayu dalam usaha memartabatkan tulisan-tulisan jawi itu?

JAWAPAN :

- a) Menjalankan kerjasama bersama Perbadanan Adat Melayu dengan merancang dan merencanakan agenda serta inisiatif untuk mempopularkan tulisan jawi di Selangor secara berkekalan dan berterusan.
 - i) Merancang bagi mewajibkan satu artikel tulisan jawi dalam mana-mana penerbitan di setiap jabatan negeri Selangor.
 - ii) Menggunakan tulisan jawi pada nama-nama jalan di Bandaraya Shah Alam sebagai projek perintisan bersama tulisan rumi dengan kerjasama pihak MBSA sebelum ianya diperluaskan ke lain-lain pihak PBT.
 - iii) Melaksanakan program tahunan seperti mengadakan pameran khas serta aktiviti-aktiviti sampingan meliputi kuiz, pertandingan menulis tulisan jawi, bengkel belajar tulisan jawi, kelas tulisan jawi secara percuma dan lain-lain berkaitan tulisan jawi dengan kerjasama JAIS, MAIS dan Perbadanan Adat Melayu.
- b) Sesetengah PBT telah pun menggunakan pakai tulisan jawi pada papan tanda nama jalan seperti Majlis Bandar raya Shah Alam. Setakat ini Kerajaan Negeri lebih menumpukan kepada pendidikan di peringkat sekolah dan perkara ini akan diteliti semula oleh Kerajaan Negeri.

- c) Antara perancangan strategik Perbadanan Adat Melayu dalam usaha memartabatkan tulisan-tulisan jawi adalah seperti berikut:
- i) Seni Khat dan Seni Lukis adalah sebahagian daripada aspek Seni Rupa dan Seni Hias yang melengkapkan kewujudan Warisan Kesenian. Seni Khat ini dilukis, diukir (dalam seni ukiran) disulam (dalam seni tekat benang emas) malah telah mencipta ciri khas Melayu melalui perkembangan abjad jawi Melayu. Oleh yang demikian, Perbadanan Adat Melayu telah merancang dan mengesyorkan untuk memartabatkan Seni Khat sebagai alat penyampai maklumat dengan menggunakan papan tanda, papan nama jalan dan perniagaan khususnya di jabatan milik kerajaan, bangunan pendidikan, budaya dan Institusi Melayu-Islam.
 - ii) Selain itu, Seni Khat dan Tulisan Jawi akan dijadikan sebagai wadah utama untuk diliaskan dalam bidang pendidikan sama ada di kelas-kelas Agama mahupun sekolah kerajaan.
 - iii) Mempelbagaikan persempahan seni khat gabungan unsur seni lukis dan abjad jawi untuk menampilkan ciri-ciri hias Selangor. Ini dilakukan bersama kelas pendidikan Seni Khat dan Seni Lukis yang berterusan.
 - iv) Mewujudkan pusat-pusat kegiatan dan seterusnya menaik taraf menjadi galeri sebagai wadah kegiatan tulisan jawi dan Seni Khat dengan membuat pertemuan, menghimpun para seniman dan mengadakan pameran dari masa ke masa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. MUTHIAH MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : HOSPITAL DI IJOK / BATANG BERJUNTAI

263. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Ada keperluan untuk sebuah hospital besar di kawasan Parlimen Kuala Selangor di pusatkan di kawasan Ijok / Batang Berjuntai. Hospital yang terdekat adalah di Tanjung Karang, Klang atau Sungai Buloh.
- b) Bolehkah Kerajaan Negeri bertindak dengan berkesan untuk membangunkan sebuah hospital berkenaan ?

JAWAPAN :

- a) Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah merancang untuk mendirikan sebuah hospital di Kuala Selangor di atas tapak seluas 40 ekar di Lot 2, CT 12922, Mukim Ujong Permatang, Daerah Kuala Selangor. Walau bagaimanapun, berikutan masalah kekurangan peruntukan projek ini telah di tangguhkan. Namun begitu projek ini telah di senarai semula untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.
- b) Kerajaan Negeri Selangor boleh memohon kepada pihak Kerajaan Persekutuan sekiranya berhasrat untuk menjadikan pembinaan projek hospital ini sebagai projek keutamaan untuk di laksanakan di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN 5

264. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan bilakah masalah kekurangan lampu jalan dan pemisah jalan khususnya dari kilang BERNAS hingga Ke Balai Bomba Sekinchan dapat diselesaikan.
- b) Apakah punca sebenar permohonan tersebut tidak diendahkan?
- c) Sila kemukakan kaedah yang berkesan bagi mengurangkan berlakunya kemalangan di sepanjang jalan tersebut.

JAWAPAN :

- a) Jalan Persekutuan FT005 adalah merupakan jalan utama yang menghubungkan pekan dari Kilang Bernas ke Balai Bomba Sekinchan. Pemantauan JKR Selangor mendapati jalan tersebut mengalami kekurangan lampu dan pembahagi jalan. Lampu jalan yang dipasang hanyalah di kawasan persimpangan sahaja. JKR Selangor telah mengadakan lawatan bersama Ibu Pejabat JKR Malaysia serta JKR Daerah Sabak Bernam pada 19 Mei 2009. JKR Selangor telah mengemukakan peruntukan ke Ibu Pejabat JKR Malaysia berjumlah RM 2,340,000.00 bagi pemasangan lampu dan pembahagi jalan serta menaik taraf persimpangan.
- b) Pihak Kementerian Kerja Raya Malaysia sentiasa mengambil perhatian berhubung masalah dan aduan yang dikemukakan oleh masyarakat setempat. Setiap permohonan peruntukan yang dikemukakan oleh JKR Selangor ke pihak Kementerian Kerja Raya Malaysia akan disemak dan dinilai dan kelulusan peruntukan akan diputuskan mengikut keutamaaan.
- c) Cara berkesan bagi mengurangkan berlakunya kemalangan di sepanjang laluan tersebut seperti berikut :
 - membina '*Hard Median*' di sepanjang jalan yang dimaksudkan untuk mengawal pengguna lalu lintas daripada membuat '*Right Turn*' sesuka hati.
 - menyediakan kawasan pusingan U yang sesuai bagi mengelakkan berlakunya pengguna lalu lintas membuat pusingan U tanpa kawalan.
 - menaiktaraf persimpangan-persimpangan utama di samping menyediakan '*Storage Lane*' supaya pergerakan lalu lintas keluar masuk dapat dikawal sepenuhnya.
 - menaik taraf lampu-lampu jalan sedia ada di samping menambah bilangan lampu-lampu jalan tersebut terutamanya pada persimpangan-persimpangan yang telah dinaiktaraf.
 - menambah papan tanda-papan tanda amaran di kawasan yang bersesuaian di sepanjang laluan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PROJEK PEMBESARAN SUNGAI RAJAH, RAWANG

265. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah sebab projek ini dihentikan dan adakah projek ini akan diteruskan?
- b) Siapakah kontraktor baru yang dilantik untuk meneruskan projek tersebut dan bilakah kerja pembesaran akan diteruskan?
- c) Berapakah jumlah kos yang diperuntukkan untuk projek ini secara keseluruhan dan tambahan kos untuk pelantikan kontraktor baru?

JAWAPAN :

- a) Projek pembesaran Sungai Rajah ini pada dasarnya merupakan sebahagian daripada kaedah penyelesaian mengurangkan masalah banjir di kawasan tersebut. Projek ini sebenarnya tidak diberhentikan tetapi ditamatkan perjanjian kontrak dengan pihak kontraktor kerana beberapa faktor. Faktor utama melibatkan penambahan kos pengalihan utiliti dan terdapat perubahan terhadap reka bentuk asal bagi mengikut spesifikasi di tapak. Adalah wajar projek ini diteruskan bagi mengatasi masalah banjir secara kolektif di samping memberi keselesaan kepada penduduk sekitar.
- b) Untuk meneruskan projek ini, kontraktor baru belum lagi dilantik memandangkan perjanjian kontrak ini tamat pada 30 Jun 2009. Proses pemilihan kontraktor baru akan dibuat sebaik sahaja prosedur penamatan perjanjian kontrak bersama kontraktor asal diselesaikan.
- c) Pada asalnya kos projek ini berjumlah RM2,667,925.00 dan kos khidmat perundingnya pula berjumlah RM204,635.63. Manakala kos tambahan keseluruhan bagi meneruskan projek ini dianggarkan berjumlah RM6,651,510.00 yang terdiri daripada kos tambahan projek sebanyak RM 3,201,510.00 dan kos tambahan pengalihan utiliti sebanyak RM 3,450,000.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN SHUHAIMI HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : KANAK-KANAK YANG TERCICIR DALAM PENDIDIKAN

266. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan semua kanak-kanak yang tercicir dari memasuki alam persekolahan kerana ketiadaan dokumen diri dapat ditempatkan di sekolah-sekolah?
- b) Nyatakan pecahan mengikut daerah jumlah sebenar mereka yang terlibat dan apakah Kerajaan Negeri akan mengadakan kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara dan Kementerian Pendidikan bagi mengatasi masalah ini?
- c) Apakah bentuk kerjasama yang dapat diadakan setakat ini dengan Kementerian Pendidikan dalam memastikan pendidikan untuk rakyat tidak di politikkan?

JAWAPAN :

- a) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Jun 2009 telah menolak soalan ini.
- b) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Jun 2009 telah menolak soalan ini.
- c) Bentuk kerjasama yang dijalankan adalah melalui Jabatan Pelajaran Selangor, di mana Kerajaan Negeri telah melibatkan Jabatan Pelajaran Selangor sebagai ahli Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor dan ahli di dalam Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan, Yayasan Selangor. Selain itu Kerajaan Negeri juga telah bekerjasama dengan Jabatan Pelajaran Selangor di dalam melaksanakan program-program di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan seperti Kem Tunas Ilmuwan, Program Jelajah Ilmuwan, Program Tuisyen Rakyat dan sebagainya, terutama sekali bagi program –program yang melibatkan penyertaan dari pihak sekolah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN SHUHAIMI HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : SYARIKAT PENYELENGGARAAN BANGUNAN SWASTA

267. Banyak pihak MC atau '*Maintenance Company*' yang gagal melaksanakan tanggungjawab dan menyalahkan pemilik rumah kerana tidak menjelaskan bayaran bulanan hingga menganggu kelancaran pembersihan oleh mereka

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah ini memandangkan aduan sedemikian semakin meningkat?
- b) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menguatkuasakan undang-undang menyenaraihitamkan syarikat ini termasuk Ahli Lembaga Pengarah Syarikat terlibat dan bilakah cadangan ini akan dimulakan?
- c) Apakah tindakan yang boleh diambil kepada pemilik kediaman di bawah seliaan MC yang menyewakan premis mereka kepada pendatang asing memandangkan sebahagian masalah ini disumbangkan oleh penyewa asing yang langsung tidak menitikberatkan soal kebersihan premis diduduki mereka

JAWAPAN :

- a) Memang tidak dapat dinafikan banyak pihak *Maintenance Company* atau ejen pengurusan gagal dalam melaksanakan tanggungjawab menyenggarakan harta bersama sehingga mengakibatkan bangunan perumahan kelihatan kotor dan tidak dicat serta berlaku pemotongan bekalan air dan elektrik oleh SYABAS dan TNB. Faktor utama yang menyebabkan ejen pengurusan gagal melaksanakan tanggungjawab menyenggarakan harta bersama adalah kerana mempunyai peruntukan kewangan yang terlalu terhad implikasi daripada peratusan bilangan pembeli membayar caj termasuk bil air dan elektrik yang rendah. Justeru itu, bagi memastikan penyenggaraan harta bersama dapat dilaksanakan dengan baik, pembeli-pembeli perlu bekerjasama dengan ejen pengurusan untuk membuat pembayaran caj termasuk bil air dan elektrik mengikut tempoh yang ditetapkan dalam surat perjanjian jual beli. Ini bagi membolehkan ejen pengurusan mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi untuk menyenggara dan mengurus harta bersama dengan sempurna.

Oleh demikian, bagi menangani isu peranan ejen pengurusan yang gagal dan penggunaan kos penyenggaraan dan pengurusan harta bersama yang optimum, Kerajaan Negeri menggalakkan supaya tanggungjawab berkaitan dilaksanakan sendiri oleh Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMC) atau ahli majlis Perbadanan Pengurusan (MC). Melalui penglibatan JMC atau ahli majlis MC secara langsung, segala perbelanjaan dan urusan berkaitan penyenggaraan dan pengurusan harta bersama dapat dikawal dan ditentukan oleh JMC atau ahli majlis MC berdasarkan keperluan utama pembeli dengan mengambil kira kedudukan kewangan sedia ada.

Sekiranya, Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMC) atau ahli majlis MC tidak dapat dilantik untuk melaksanakan tugas dan kuasa JMB atau MC kerana keengganan pembeli untuk menjadi JMC atau ahli majlis MC, Kerajaan Negeri melalui Pesuruhjaya Bangunan akan melantik ejen pengurusan baru untuk mengambil alih tanggungjawab tersebut seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] dan Akta Hak milik Strata 1985 [Akta 318].

Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan Akta Kontrak 1950 [Akta 136], pihak pembeli boleh memfailkan kes ke mahkamah berkenaan kegagalan pemaju atau ejen yang dilantik pemaju menguruskan harta bersama dengan baik sebagai mengingkari kontrak perjanjian jual beli yang telah ditandatangani semasa pembelian rumah pangapuri.

- b) Buat masa ini tindakan penguatkuasaan seperti menyaraihitamkan syarikat perkhidmatan penyelenggaraan termasuk Ahli Lembaga Syarikat yang gagal untuk melaksanakan tanggungjawab menyelenggara sesbuah kawasan kediaman masih belum lagi dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

Pelantikan ejen pengurusan seperti yang diperincikan di bawah **Seksyen 25 (1)** **(b) Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan & Pengurusan) 2007** **[Akta 663]** perlu terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Pesuruhjaya Bangunan. Peruntukan ini adalah selaras dengan peruntukan **Seksyen 50 Akta Hak milik Strata 1985 (Pindaan 2007) (Akta 318)**.

Pesuruhjaya Bangunan dalam membuat penilaian akan melakukan siasatan yang sewajarnya terhadap syarikat penyelenggaraan yang bakal dilantik dan **wajib** mengambil kira keperluan **Seksyen 27 Akta 663** yang menetapkan bahawa syarikat penyenggaraan yang dilantik perlu menyerah simpan dengan Pesuruhjaya suatu bon seperti yang diluluskan oleh Pesuruhjaya dalam satu amaun yang dirasakan mencukupi untuk menampung sebarang jenis kos penyenggaraan dan pemberian sekiranya berlaku kegagalan di pihaknya untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab tersebut.

Ini menunjukkan bahawa pelantikan syarikat penyenggaraan **dibuat secara berhati-hati** berdasarkan penelitian Pesuruhjaya terhadap latar belakang dan profil syarikat penyenggaraan tersebut.

Di sebalik pemakaian undang-undang yang sedia ada, Kerajaan Negeri kini sedang dalam pertimbangan untuk mengambil inisiatif tambahan dengan merangka satu garis panduan bagi memperketat pelantikan syarikat penyenggaraan supaya syarikat yang dilantik dapat menjalankan tanggungjawab dengan lebih sempurna dan efisien.

Antaranya dengan menetapkan kriteria dan syarat bahawa satu-satu syarikat penyelenggara yang akan dilantik perlu memiliki sekurang-kurangnya lesen D dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan juga Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

Sekiranya tindakan penguatkuasaan yang diambil di atas masih tidak dapat mengekang pelantikan syarikat penyenggaraan yang gagal melaksanakan tanggungjawab, Kerajaan Negeri bersedia untuk mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih drastik iaitu

dengan menyenaraihitamkan syarikat penyenggaraan terbabit termasuk Ahli Lembaga Pengarah syarikat bagi memastikan bahawa syarikat yang sama tidak akan dilantik yang secara tidak langsung mengawal permasalahan ini daripada terus berlaku.

- c) Kepadatan dan kesesakan isi rumah sesuatu kediaman khususnya yang didiami oleh pendatang asing ini mengundang pelbagai permasalahan seperti kemerosotan tahap kualiti kebersihan kepada komuniti yang tinggal di kawasan tersebut.

Bagi menangani permasalahan ini, ianya adalah dalam bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan bagi menjalankan tindakan penguatkuasaan berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Seksyen 74 Akta Kerajaan Tempatan 1971 [Akta 171] menyatakan adalah menjadi satu kesalahan sekiranya mana-mana rumah, bangunan atau tanah berada dalam keadaan kotor dan jika disabitkan, pemunya, penyewa atau penduduk rumah atau bangunan tersebut boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya jika sabit kesalahan tersebut.

Peruntukan seksyen ini juga adalah selaras dengan peruntukan di bawah **Seksyen 85 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]** menggariskan keperluan bahawa bangunan yang boleh dimasuki oleh orang ramai hendaklah bersih.

Jika, pada pendapat pihak berkuasa tempatan, pemunya atau penduduk mana-mana bangunan itu atau bahagiannya tidak mematuhi tanggungjawab tersebut, Pihak Berkuasa Tempatan boleh, dengan notis secara bertulis, menghendaki pemunya atau penduduk itu dalam tempoh yang dinyatakan dalamnya mengambil apa-apa langkah yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Dan sekiranya mana-mana orang yang tidak mematuhi dalam tempoh yang dinyatakan dalam mana-mana notis yang dikeluarkan pihak berkuasa tempatan. boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit dan juga boleh didenda tambahan tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

Pihak Berkuasa Tempatan juga boleh menurut budi bicaranya, menjalankan kesemua atau mana-mana kehendak yang dinyatakan dalam notis itu dan menuntut daripada orang itu kos dan belanja baginya.

Perakuan kos dan belanja yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan itu adalah bukti muktamad mengenai jumlah wang yang kena dibayar itu dan tidak tertakluk kepada apa-apa rayuan atau semakan dalam mana-mana mahkamah.

Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab pemilik kediaman, perbadanan pengurusan dan secara tidak langsung syarikat penyelenggaraan satu syarikat yang dilantik untuk mengawal selia pengurusan dan persekitaran kawasan kediaman supaya berada dalam keadaan bersih dan tidak mendatangkan sebarang ancaman bahaya kepada komuniti persekitarannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. MUTHIAH MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : TANAH PERTANIAN

268. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bolehkah Kerajaan Negeri bercadang memberi tanah pertanian satu hektar seorang kaum miskin untuk 200 keluarga miskin di kawasan Bukit Melawati ?

JAWAPAN :

- a) Cadangan ini perlu dinilai mengikut keperluan bukan hanya keluarga miskin di Bukit Melawati tetapi kepada dasar tanah seluruh Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN SHUHAIMI HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

**TAJUK : KEDAI MILIK PENIAGA TEMPATAN YANG DISEWAKAN PADA
PENDATANG ASING**

269. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan sedar hampir seluruh kawasan di Selangor mengalami keadaan serupa dan perincikan pecahan kes yang dikesan mengikut pentadbiran PBT bagi seluruh negeri
- b) Apakah langkah drastik yang telah, sedang dan akan diambil bagi mengurangi gejala ini memandangkan semakin ramai peniaga tempatan berminat 'berniaga' cara mudah begini
- c) Apakah tindakan undang-undang yang boleh diambil pada pemilik premis yang jelas menyewakan lesen perniagaan mereka pada orang asing dan berapakah kes yang telah diambil tindakan undang-undang sepanjang 2009?

JAWAPAN :

Tiada jawapan diterima sehingga 7 Oktober 2009 daripada UPBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : TEKNOLOGI MAKLUMAT

270. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan kerajaan untuk memperluaskan lagi capaian teknologi maklumat kepada semua kawasan di negeri Selangor terutama di kawasan desa.
- b) Senaraikan Pusat Info Desa (ICT) yang terdapat dalam Negeri Selangor mengikut daerah.
- c) Apakah polisi Kerajaan Negeri ke atas bangunan - bangunan Pusat Info Desa (ICT) yang banyak didirikan oleh Kerajaan Persekutuan di atas tanah - tanah Kerajaan Negeri Selangor dan siapakah yang bertanggungjawab ke atas bangunan-bangunan tersebut?

JAWAPAN :

- a) Perancangan Kerajaan untuk memperluaskan capaian ICT di seluruh negeri Selangor selain daripada melalui inisiatif HyWIN adalah penubuhan Pusat Siber Rakyat (PSR). Sebelum ini Kerajaan Negeri Selangor pernah menu buhkan Pusat Komuniti IT (PKIT) yang pada ketika ini perlu diberikan suntikan baru dari sudut peralatan, pengoperasian dan pengurusan. *Rebranding* dan *Repositioning* PKIT kepada PSR ini akan diadakan secara berperingkat di mana fasa pertama akan diberikan penumpuan penubuhannya di perpustakaan-perpustakaan desa di Negeri Selangor.
- b) Untuk makluman Pusat Info Desa (ICT) adalah satu projek dahulunya di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Alam Sekitar (KTAK). Walau bagaimanapun berikut disenaraikan lokasi-lokasi Pusat Info Desa yang ada di Negeri Selangor :
 - i) PID Sungai Air Tawar, Sabak Bernam
 - ii) PID Sungai Rasa, Klang
 - iii) PID Beranang, Hulu Langat
 - iv) PID Hulu Langat
 - v) PID Tanjung Sepat, Kuala Langat
 - vi) PID Sungai Pelek, Sepang
- c) Polisi Kerajaan Negeri ke atas inisiatif-inisiatif sebegini adalah Kerajaan Negeri mengalu-alukannya asalkan pengurusan, pengoperasian dan manfaatnya perlu terus kepada masyarakat tanpa perlu mengambil kira perbezaan pandangan atau fahaman politik.